

BIOGRAFI  
DATO' ONN



Dato' Onn Ja'afar



## Siri Memoir Universiti Kebangsaan Malaysia

---

- Arena Wati. 1991. *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku*. ISBN 967-942-216-X
- A. Samad Ismail. 1993. *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. ISBN 967-942-266-6(kkt), ISBN 967-942-263-1
- Mohd. Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. ISBN 967-942-267-4
- Khatijah Sidek. 1995. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-308-5(kkt), ISBN 967-942-309-3
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. ISBN 967-942-332-8(kkt), ISBN 967-942-331-X
- Ishak Hj. Muhammad. 1996. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. ISBN 967-942-334-4(kkt), ISBN 967-942-333-6
- Takao Fusayama. 1997. *Memoir of Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatera*. ISBN 967-942-342-5
- Hamzah Hussin. 1997. *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Filem ke Studio Merdeka*. ISBN 967-942-360-3(kkt), ISBN 967-942-358-1
- Ghazali Shafie. 1998. *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*. ISBN 967-942-364-6(kkt), ISBN 967-942-363-8
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1998. *Biografi Jins Shamsudin: Suria Kencana*. ISBN 967-942-398-0(kkt), ISBN 967-942-395-6
- Abdul Halim Nasir. 1998. *Memoir Abdul Halim Nasir: Dari Kampung Sekolah ke Menara Gading*. ISBN 967-942-394(kkt), ISBN 967-942-393-X
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1999. *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. ISBN 967-942-432-4
- Hickling R. H. 2000. *Memoir of a Wayward Lawyer*. ISBN 967-942-468-5
- Khatijah Sidek. 2001. *Memoir of Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-464-2(kkt), ISBN 967-942-544-4

Kalam Hamidi. 2001. *Memoir Kalam Hamidi: Dari Panggung Victoria ke Istana Budaya*. ISBN 967-942-556-8(kkt)

Harun Johari. 2002. *Memoir Penghulu Dato' Zainal Abidin Lati*. ISBN 967-942-564-9

Zurinah Hassan. 2003. *Memoir Zurinah Hassan: Menjejak Puisi*. ISBN 967-942-602-5

Kalam Hamidi. 2003. *Fatamorgana: Kembara dari Nusantara ke Eropah*. ISBN 967-942-624-6

Anwar Abdullah. 2004. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. ISBN 967-942-645-9(kkt), ISBN 967-942-648-3

---

BIOGRAFI  
DATO' ONN  
Hidup Melayu

**ANWAR ABDULLAH**

**Kata Pengantar *oleh* Tan Sri A. Samad Ismail**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2004

<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing, 2004  
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004

Buku ini pertama kali diterbitkan oleh Anwar Abdullah (Pustaka Nusantara 1971).  
Usaha telah dilakukan bagi mengesan waris dan ahli keluarga beliau

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM*

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
436000 UKM Bangi, Selangor D. E. Malaysia  
<http://www.penerbit.ukm.my>  
e-mail: penerbit@pkrisc.cc.ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / Membership No. 198302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by  
AMPANG PRESS SDN. BHD.  
6 & 8, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa  
Batu 3½ Jalan Cheras  
56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
e-mail: ampangpress@po.jaring.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /  
Cataloguing-in-Publication Data

Anwar Abdullah

Biografi Dato' Onn : hidup Melayu / Anwar Abdullah ; kata pengantar oleh  
Tan Sri A. Samad Ismail.

Mengandungi indeks

1. Onn Jaafar; Dato'. 1895-1962. 2. Politicians--Malaysia--Biography.  
I. A. Samad Ismail (Abdul) Samad Ismail, Tan Sri, 1924-. II. Judul.  
923.2595

ISBN 967-942-645-9 (kkt)

ISBN 967-942-649-3

M

923.2595

ONN.A 8 SEP 2004

1141676

Perpustakaan Negara  
Malaysia

“*Sekiranya UMNO ini sebenarnya bertujuan dan berkehendak mendirikan negara merdeka di dalam Malaya ini, maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangannya itu kepada pandangan yang sempit semata-mata, iaitu hidup hanyalah di bawah tempurungnya sendiri dengan tidak menghiraukan iaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelahnya*”

Ucapan terakhir Dato' Onn dalam persidangan  
Perhimpunan Agung UMNO pada 1951





# K a n d u n g a n

*Senarai Gambar . . . 11*

*Kata Pengantar . . . 13*

*Prakata . . . 29*

## BAB 1 - BUDI DAN PERIBADI

Malayan Union . . . 31 • Keluarga Menteri . . . 34 • Balik dari Buangan . . . 38 • Jadi Menteri . . . 415 • Orang dan Watak . . . 45  
• Kesedaran dan Harapan . . . 48 • Seorang Nasionalis . . . 50  
• Hidup Sehari-hari . . . 53 • Disiplin dan Akhlak . . . 56 • Hidup Berumahtangga . . . 60 • Kawan dan Teman . . . 58

## BAB 2 - ONN DAN RAJA

Menentang Kezaliman . . . 74 • Kepentingan Raja . . . 81  
• Kasihkan Tanahair . . . 84 • Tak Sedap Hati . . . 88 • Sengketa Bukan Peribadi . . . 92

## BAB 3 - BERLINDUNG DI HUTAN KEMPAS

Padah Perang . . . 98 • Tangkal Monyet . . . 102 • Menjaga Kesihatan . . . 104 • Keluar dari Hutan . . . 107 • Susah Biar Bersama . . . 111

## BAB 4 - MEMULIHKAN KEAMANAN

Kancah Pendudukan Jepun . . . 115 • Menemui Ketua Penganas . . . 120 • Peristiwa Bagan . . . 125 • Kiai Salleh . . . 129

## BAB 5 - MALAPETAKA POLITIK

Sesal dan Sebal . . . 134 • Sejarah Mengulang Jejak . . . 138  
• Kongres Kebangsaan . . . 143 • Belum Berjumpa Sudah Kenal . . . 149 • Amanah Anak-anak . . . 152 • Dasar Ciptaan

Lama . . . 154 • Menuntut Janji . . . 159 • Kepentingan  
Penjajah . . . 162 • Tindakan Tegas . . . 165

BAB 6 - POLITIK PERTARUNGAN

Keturunan Politik . . . 173 • Melayu atau Malayan . . . 178  
• Ikhtiar Merdeka . . . 188 • Parti-parti Politik . . . 189 • Malayan  
Syarat Merdeka . . . 205 • Curiga Pemark Semangat . . . 208  
• Balik ke Pangkal . . . 212 • Siapa Rakyat Siapa Bukan . . . 215  
• Tentang Hubungan Darah . . . 219 • Bibit-bibit  
Prasangka . . . 223 • Perkauman Bukan Perkauman . . . 225

BAB 7 - DASAR PENJAJAH

Koloni bukan Koloni . . . 228 • Kena Main . . . 232 • Tidak  
Anti-British . . . 236 • Merdeka Jangan Terburu-buru . . . 239  
• Melayu Bukan Bangsa Kebangsaan . . . 227 • Sokong Supaya  
Rebah . . . 243

BAB 8 - MELAYU RAYA . . . 251

BAB 9 - PENGHORMATAN NEGARA . . . 257

Lampiran 1

Ucapan Dato' Onn di Kongres Kebangsaan Melayu se-Tanah  
Melayu yang pertama pada bulan MAC 1946 . . . 263

Lampiran 2

Ucapan terakhir Dato' Onn di Perhimpunan Agung UMNO pada  
tahun 1951 . . . 267

*Indeks . . . 277*

## Senarai Gambar

Antara halaman 114 dan 115

- GAMBAR 1 Dato' dan Datin Onn Ja'afar semasa bergiat dalam Pergerakan Melayu Semenanjung Johor dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
- GAMBAR 2 Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad (ayahanda Dato' Onn) Menteri Besar Johor pertama yang berkhidmat hingga tahun 1919
- GAMBAR 3 Dato' Abdullah bin Ja'afar, Menteri Besar Johor Ke-3
- GAMBAR 4 Dato' Mustafa bin Ja'afar, Menteri Besar Johor Ke-4
- GAMBAR 5 Dato' Onn Ja'afar, Menteri Besar Johor Ke-7 (1947-1951)
- GAMBAR 6 Dato' Onn Ja'afar dalam pakaian seragam pegawai Askar Johor Timbalan Setia Negeri (JMF)
- GAMBAR 7 Dato' Onn Ja'afar dan Encik (Dato', Tun) Hussein Onn (Ketua Pemuda PEKEMBAR atau UMNO sedang membalas tabik kehormatan dari Barisan PEKEMBAR
- GAMBAR 8 Dato' Onn Ja'afar bersama putera-putera YMM Sultan Ibrahim semasa menuntut di England. Dari kanan Dato' Onn Ja'afar, YTM Tengku Temenggung Ahmad, YTM Tengku Abu Bakar (Tengah Haris Bendahara) dan YTM Tengku Ismail Mahkota (Sultan Ismail)
- GAMBAR 9 Dato' Onn sedang berucap di dalam majlis perhimpunan agung parti-parti politik dari seluruh Tanah Melayu untuk menubuhkan UMNO pada tahun 1946 di Istana Besar, Johor Bahru. Di kanan Dato' Onn ialah Dato' (Tan Sri) Zainal Abidin Hj. Abas dan di kanan sekali ialah Kapten Hussein Onn
- GAMBAR 10 Perwakilan parti-parti politik seluruh Tanah Melayu berhimpun di Istana Besar, Johor Bahru pada hari Sabtu, 11 Mei 1946
- GAMBAR 11 Dato' Onn dan Datin Halimah bergambar bersama pemimpin-pemimpin PEKEMBAR (UMNO) Port Dickson di hadapan pejabat PEKEMBAR Port Dickson iaitu semasa lawatan mereka berdua ke situ pada 3 Mac 1947
- GAMBAR 12 Dato' Onn bersama pemimpin-pemimpin UMNO selepas perasmian Persidangan Agung Yang Keempat di Balai Besar, Alor Setar

GAMBAR 13 Tuntutan-tuntutan Kemerdekaan di Kuala Lumpur pada Julai 1954

GAMBAR 14 Dato' Onn Ja'afar (kanan) sedang bersalam dengan Presiden Soekarno Indonesia dalam satu perjumpaan di Singapura. Di tengah-tengah ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy (Yang Dipertua Agung Parti Kebangsaan Melaya Malaysia). Di kiri, duta kerajaan Republik Indonesia di Singapura

## Kata Pengantar

*oleh Tan Sri A. Samad Ismail*

Dalam ceramah saya di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 30 Ogos, 1997 tajaan sebuah pertubuhan penulis mengenai Allahyarham Dato' Onn Ja'afar, saya menyarankan agar perjuangan Dato' Onn dinilai semula. Dalam ceramah itu yang juga disertai antaranya oleh Prof. Dr. Ramlah Adam, daripada Jabatan Sejarah Universiti Malaya, saya menegaskan bahawa banyak lagi aspek dari latar hidup Dato' Onn yang masih belum menerima perhatian para akademik, penggiat-penggiat politik malah ahli-ahli UMNO sendiri. Kita umumnya cenderung mengait dan menghubungkan Dato' Onn dengan perjuangan bangsa Melayu meruntuhkan gagasan Malayan Union, keputusannya keluar daripada UMNO untuk menubuhkan IMP dan setelah itu menaja pula sebuah parti baharu iaitu Parti Negara, kejayaannya menjadi wakil rakyat untuk beberapa waktu hinggalah dia meninggal dunia.

Pada tanggapan kebanyakan kita, Dato' Onn telah gagal dalam perjuangan politik. Tanggapan ini berdasarkan pada kegagalannya memimpin UMNO secara berterusan hingga menjadi Perdana Menteri Malaya yang pertama sebagaimana Almarhum Tunku Abdul Rahman. Dengan kata lain, tanggapan umum ialah Dato' Onn telah gagal dalam perjuangannya.

Tetapi, adakah Dato' Onn sebenarnya telah gagal sebagai pejuang politik? Sekiranya penilaian kita terhadap perjuangannya ialah kegagalannya menyandang jawatan Perdana Menteri Malaya yang pertama, sudah tentu tanggapan demikian mempunyai asas. Tetapi dapatkah kita katakan perjuangan Ishak Haji Muhammad, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ahmad Boestamam dan Ibrahim Yaakob dan Ustaz Bakar Al-Bakir telah gagal semata-mata kerana mereka tidak menjadi Perdana Menteri dan tidak memegang tampuk kekuasaan negara?

Tiap pemimpin seperti Dato' Onn dan Dr. Burhanuddin yang berperanan sebagai pelopor perjuangan kemerdekaan meninggalkan pengaruh masing-masing sebagai warisan kepada bangsa.

Pengaruh mereka barangkali tidak jelas dan kurang konkrit kerana mereka tidak meninggalkan pusaka yang berupa kebenaran yang dapat kita lihat dengan mata kasar. Warisan mereka ialah pengaruh kepemimpinan mereka yang masih menjadi ikutan dan pertunjuk kepada generasi yang lahir terkemudian daripada mereka. Pengaruh Dato' Onn sama ada kita sedari atau tidak masih mewarnakan arah dan hala perjuangan bangsa Melayu sekalipun dia telah keluar daripada UMNO dan setelah dia meninggal dunia. Perjuangan kita setelah merdeka dalam bidang bahasa, kebudayaan, pendidikan dan ekonomi, terutama sekali perjuangan mempertahankan hak-hak istimewa bangsa Melayu sebagai bumiputera negara kita, pada hakikatnya dipelopori oleh Dato' Onn.

Barangkali kepincangan dalam tanggapan kita terhadap perjuangan Dato' Onn pada masa hayatnya lahir dari keghairahan kita memperjuangkan prinsip perjuangan masing-masing hingga kita cenderung menolak sesuatu pertimbangan yang adil dan saksama terhadap lawan-lawan kita. Kita melakar lawan-lawan kita dalam warna hitam atau putih. Hanya kita berada di pihak yang benar sedangkan lawan-lawan kita berwarna hitam dan gelap belaka.

Dato' Onn menyuarakan kesangsian, keraguan, kebimbangan dan keresahan bangsa yang tiba-tiba dipaksa oleh keadaan membuat pilihan yang amat berat sekali iaitu adakah kita layak dan mampu merdeka, berdiri atas kaki kita sendiri, menentukan masa hadapan kita sendiri di tengah-tengah pergolakan dan gelora konflik dan kontradiksi antara kita dan kaum-kaum lain? Atau adakah nasib bangsa Melayu akan lebih buruk sekiranya kita terus melepaskan naungan British dan merdeka di atas kita sendiri dalam keadaan bangsa masih serba mundur, dhaif dan terkebelakang?

Tidakkah kesangsian dan kebimbangan ini juga masih kedengaran oleh kita dalam zaman Tunku, Razak dan Hussein Onn malah pada hari ini?

Buku oleh Allahyarham Anwar Abdullah ini sebenarnya sampai ke tangan saya kira-kira dua tahun lalu ketika saya sedang mengumpulkan bahan untuk suatu projek menulis tentang sejarah perjuangan UMNO. Kebetulan dalam masa mengumpulkan bahan-bahan itu, Sdr Hasrom Haron dan Roosfa Hashim dari Penerbit UKM menemui saya meminta pendapat saya mengenai projek

mereka pula untuk menerbitkan semula buku ini. Saya segera menyatakan persetujuan saya agar buku ini diterbitkan semula kerana terdapat beberapa bahagian dari tulisan Anwar Abdullah dalam buku ini yang seingat saya belum pernah disentuh oleh penulis-penulis lain.

Satu ciri yang menarik dari tulisan Anwar Abdullah ialah pendekatannya mengumpulkan bahan untuk buku ini. Pendekatannya ialah pendekatan seorang wartawan yang mendasarkan tulisannya kepada temu ramah dan interbiu watak-watak atau pelakon-pelakon yang mengenal Dato' Onn dari dekat. Anwar telah menginterbiu sendiri isteri Dato' Onn iaitu Datin Halimah untuk mendapatkan gambaran yang begitu jelas sekali mengenai suaminya. Anwar juga telah menemu ramah mereka yang bersama-sama Dato' Onn berhijrah daripada Johor Bahru ke hutan Kempas ketika tentera Jepun mengarahkan penduduk Johor Bahru keluar dari bandar itu kerana tentera Jepun hendak menggempur Singapura pada tahun 1941. Mustahil Anwar dapat menceritakan kisah sedih 10,000 orang penduduk Johor dengan begitu dramatik sekali sekiranya dia sendiri tidak menyertai penghijrahan itu ataupun menginterbiu mereka yang terbabit dalam penghijrahan itu.

Cerita hutan Kempas seingat saya belum pernah dicatatkan dalam sebarang buku melainkan oleh Anwar. Inilah kisah paling menarik sekali dalam buku ini kerana tidak sahaja ia lengkap iaitu diceritakan dari awal hingga akhir tetapi mengandungi detik-detik yang mengharukan dan mendebarakan hati.

Kempas pada tahun 1941 ialah sebuah hutan terletak tidak jauh dari landasan kereta api Tanah Melayu beberapa batu daripada Johor Bahru. Di hutan inilah 10,000 penduduk Johor Bahru diperintahkan oleh tentera Jepun untuk berlindung. Mereka terdiri daripada orang-orang tua dan muda, kanak-kanak, lelaki dan perempuan berjalan kaki tanpa kenderaan. "Ada beberapa orang tua yang uzur dan tidak mahu pergi mengikut keluarganya telah ditinggalkan dalam rumah masing-masing dengan tiada yang menjaga atau merawat. Mereka dapat makan dan menyambung hidup hanya daripada makanan seperti biskut, roti dan seumpamanya yang telah ditinggalkan sebelum sanak saudara mereka meninggalkan bandar Johor Bahru. Setelah seminggu lamanya, apabila orang-orang yang mencari perlindungan di hutan Kempas itu pulang ke ibu kota atas perintah pihak berkuasa tentera Jepun,

kebanyakan daripada orang-orang tua itu yang enggan turut masuk ke hutan Kempas itu telah didapati mati kebuluran ataupun kerana sakit akibat terbiar", kata Anwar.

Dato' Onn bersama isterinya yang sedang mengandung membawa anak-anak dan cucu-cucunya menyertai pelarian itu. Sebenarnya, Dato' Onn tidak perlu ikut bersama mereka itu kerana dia telah diperintahkan oleh Sultan supaya pergi ke Batu Pahat demi keselamatannya dan kaum keluarganya. Tetapi Dato' Onn memilih untuk bersama-sama rakyat berlindung di Kempas. Bersama-sama Dato' Onn ialah Dr Awang bin Hassan, pegawai perubatan kerajaan yang banyak berjasa merawat pelarian yang sakit di hutan itu.

Keadaan pelarian itu selama kira-kira seminggu hidup dalam hutan Kempas itu amatlah menyedihkan sekali. Mereka serba kekurangan pakaian, makanan dan alat-alat kemudahan lain. Mereka berjalan kaki sehari suntuk dari Johor Bahru ke hutan itu. Anwar menceritakan keadaan mereka: "Ada yang tiba di Kempas sehelai sepinggang sahaja tanpa membawa sesuatupun. Mereka dapat makan dan tempat berteduh hanya dengan adanya belas kasihan orang lain. Mereka yang tidak ada persediaan untuk menebas semak dan membersihkan lalang, pakai lanyak begitu sahaja seperti binatang buas, merehatkan diri di tengah rimba belantara."

Berbagai-bagai penyakit seperti cirit-birit, demam, sakit perut dan muntah-muntah menimpa pelarian-pelarian. Khemah di mana Dato' Onn dan keluarganya berlindung menjadi pusat perubatan dikelolakan oleh Dr Awang bin Hassan. Sudah tentu dalam keadaan tidak teratur dan darurat seperti itu berlaku berbagai-bagai bentuk ketegangan dan konflik antara pelarian itu. Bekalan air menjadi masalah kerana hanya terdapat satu sahaja sumber air bersih di hutan itu dan ini sudah tentu mencetuskan pertengkaran bahkan perkelahian. "Pada waktu-waktunya telah terjadi pertengkaran hebat sehingga ada yang sudah hendak mengeluarkan parang," kata Anwar dan tiap kali timbul krisis seperti ini, Dato' Onn yang dipanggil untuk menjadi orang tengah menyelesaikannya.

Adalah menjadi sifat manusia yang semula jadi untuk memperlihatkan watak mereka yang sebenarnya manakala mereka berhadapan dengan sesuatu krisis. Dalam keadaan biasa kita dapat



menyorok watak kita yang sebenar. Sebaliknya manakala kita teruji oleh satu-satu kemelut atau krisis, sesetengah kita sukar menyembunyikan watak kita yang sebenar. Kalau pada dasarnya, kita bakhil maka manakala teruji, kita akan memperlihatkan kebakhilan kita. Kalau jiwa kita kerdil, maka manakala kita dalam krisis, umpamanya berhadapan dengan musuh, maka kita akan memperlihatkan kekerdilan jiwa kita.

Demikian 10,000 manusia yang berlindung di hutan Kempas itu menghadapi ujian paling getir. Sesetengahnya kalah dengan ujian yang mereka hadapi. Tetapi tidak kurang pula yang melalui ujian getir itu dengan memperlihatkan kegagahan dan kebesaran jiwa masing-masing, seperti Dato' Onn dan Datin Halimah, Dr Awang dan teman-teman mereka.

Dato' Onn tanpa ragu-ragu dipilih oleh 10,000 pelarian itu sebagai pemimpin mereka dan memperlihatkan tanpa disangsikan lagi watak kepimpinan yang unggul selama mereka berlindung di hutan Kempas itu.

Dia tidak mengiringi Sultan ke Batu Pahat tetapi memilih dengan rela hatinya sendiri untuk bersama-sama rakyat menempuh keperitan dan keazaban hidup dalam hutan Kempas.

Pada suatu petang seorang pegawai tentera Jepun bersama juru pandunya iaitu seorang Melayu, mencari seorang ketua di perkampungan Melayu di Kempas itu untuk dibawa menemui pegawai tinggi Jepun di Kulai. Dato' Onn ditunjuk oleh orang-orang Melayu di situ sebagai pemimpin mereka. Perundingan antara Dato' Onn dan pegawai Jepun itu berlanjutan hingga ke malam hari dan akhirnya Dato' Onn dibawa ke Kulai untuk menemui pegawai tertinggi tentera Jepun di bandar itu. Dato' Onn pulang ke Kempas pada esoknya. Pemergiannya ke Kulai mengejutkan dan membimbangkan pengikut-pengikutnya di Kempas termasuk Datin Halimah, yang sebagai isteri merasa runsing kerana sejak pagi lagi suaminya "belum memasukkan secebis rezekipun ke perutnya." Bila Dato' Onn pulang semula ke Kempas daripada Kulai, Datin Halimah "melihat mukanya sudah seakan-akan lebam kerana kelaparan." Datin Halimah pun segera memasak bubur untuk suaminya. Tetapi manakala bubur telah masak dan Datin Halimah menyuruh Dato' Onn memakannya, dia enggan. Sebaliknya Dato' Onn meminta Datin Halimah memberikan bubur itu kepada seorang tua yang duduk berdekatan

dengannya. Tetapi Datin Halimah bertegas supaya Dato' Onn memakan bubur itu, hingga Dato' Onn memenuhi kehendak isterinya. "Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan," kata Datin Halimah "kerana selepas makan sahaja Dato' Onn terus baring ditikar di atas tanah dan terus tidur dengan senyenyak-nyenyaknya."

Apakah urusan Dato' Onn dibawa oleh pegawai Jepun untuk menemui pegawai tertinggi tentera Jepun di Kulai? Butir-butir perundingan antara panglima tentera Jepun dengan Dato' Onn di Kulai tidak diketahui tetapi Dato' Onn pulang ke Kempas membawa sehelai kain yang bertulis dalam bahasa Jepun. Ini oleh penghuni-penghuni di hutan Kempas kemudiannya digelar 'tangkal monyet'. Ia digelar demikian ialah kerana kain putih yang bertulis perkataan Jepun merupakan azimat kepada perkampungan itu.

Sebelum itu kerap berlaku gangguan dari askar Jepun ke atas mereka terutama sekali kaum wanita. Dengan 'tangkal monyet' itu, penduduk itu terlindung daripada sebarang gangguan tentera Jepun. Apabila terjadi percubaan untuk mengganggu mereka, maka 'tangkal monyet' itulah yang dibawa oleh penduduk untuk ditunjukkan kepada askar Jepun.

Anwar menceritakan:

Surat besar atau pas Dato' Onn itu telah diberikan gelaran 'tangkal monyet' oleh orang ramai di situ. Tidak ada askar Jepun yang berani mengacau apabila ditunjukkan 'tangkal monyet' itu. Tetapi kerana perkampungan itu luas dan yang demikian sukar dikawal, terjadilah juga beberapa kejadian rogol oleh askar-askar Jepun ke atas wanita-wanita yang tidak bernasib baik, kata Anwar menambah.

Setelah beberapa hari mereka menerima perutusan dari Menteri Besar, Ungku Aziz bahawa pihak berkuasa Jepun memerintahkan mereka pulang ke Johor Bahru. Pada masa itu agaknya gerakan tentera Jepun menawan Pulau Singapura telah selesai dan kerana itu adalah selamat untuk mereka pulang ke kampung halaman mereka. Tetapi untuk mengurus 10,000 orang yang berselerak dalam hutan itu tentu bukan perkara mudah. Apatah lagi hari telah petang dan sekiranya mereka pulang juga tentu terpaksa berjalan dalam gelap gelita. Setelah berunding mereka memutuskan untuk berangkat pada malam itu juga.

Dato' Onn berjalan kaki setelah menolak tawaran menaiki lori Town Board. Mereka tiba di jalan raya setelah dua jam berjalan

dari perkampungan mereka dalam hutan dan untuk sampai pula ke Johor Bahru mereka terpaksa berjalan kaki selama kira-kira enam jam lagi. Dato' Onn memakai seluar panjang dan kemeja, bersepatu tetapi tidak memakai sarung kaki atau bersongkok sambil memikul tong yang berisi barang-barang makanan. Setelah dua jam berjalan mereka sampai di pinggir jalan dalam keadaan amat letih.

Datin Halimah meleterkan suaminya kerana membuat keputusan bertolak ke Johor Bahru pada waktu malam.

Dalam merungut dan meleterkan suaminya sambil menunjal-nunjal jari ke arah suaminya, mereka diperhatikan oleh seorang askar Jepun yang berdiri tidak jauh daripada Dato' Onn tanpa disedari oleh Datin Halimah. Seketika kemudian askar Jepun itu mendekati mereka. Tetapi askar Jepun itu lebih mengagumi anak-anak kecil yang dibawa oleh Datin Halimah, "terutama sekali yang saya pimpin dan seorang lagi yang dikelek, semuanya putih-putih belaka, tak ubah macam anak orang putih" kata Datin Halimah.

Begitu sulit Datin Halimah hendak meyakinkan askar Jepun itu bahawa anak-anak yang dibawanya itu bukan anak orang Inggeris. Bagaimanapun akhirnya askar Jepun yang kelihatan ganas dan garang belaka tidak disangka-sangka memberi pertolongan kepada Datin Halimah serta orang-orang Melayu lain yang sedang kepayahan berjalan beramai-ramai keluar daripada hutan itu. Askar Jepun mendirikan khemah untuk perlindungan orang pelarian itu sambil memasak nasi serta menyediakan teh pula untuk Datin Halimah dan pelarian-pelarian yang tidak sahaja keletihan tetapi kelaparan dan kehausan.

Manakala mereka selamat tiba di Johor Bahru, mereka takut pula pulang ke rumah masing-masing kerana keadaan belum tenteram sepenuhnya. Maka merekapun 'melepak' di rumah Dato' Onn hingga penuh sesak rumah Dato' Onn oleh mereka itu. Dato' Onn terpaksa pula menanggung makan minum mereka. "Beberapa banyak nasi ditanak, habis dimakan semuanya," kata Datin Halimah. Sekaliannya merasa bersyukur kepada Allah s.w.t kerana telah terselamat dari bala bencana.

Suatu lagi babak penting dalam kehidupan Dato' Onn yang amat besar kesannya kepada perjuangannya sebagai pemimpin yang cekal dan gagah ialah semasa Dato' Onn menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat. Ketika menyandang jawatan inilah Dato' Onn menempa nama sebagai pemimpin yang membawa perdamaian

antara orang Melayu dan orang Cina dalam saat-saat yang genting sekali berikutan penyerahan diri tentera Jepun kepada tentera British atau tentera Berikat pada tahun 1945.

Anwar menceritakan agak terperinci kisah ini dalam bab 4. Kisah Dato' Onn di Batu Pahat ketika menjadi Pegawai Daerah menemui ketua-ketua Bintang Tiga dalam hutan untuk merundingkan perdamaian antara orang Melayu yang dipimpin oleh Kiai Salleh telah menjadi suatu legenda di kalangan rakyat. Seingat saya kisah ini belum pernah dicatat selengkapnya oleh pengkaji sejarah ataupun pengarang melainkan disebarkan dari mulut ke mulut oleh orang Melayu terutama oleh orang kampung. Pada ingatan saya, kisah sepenuhnya juga belum pernah dilaporkan dalam akhbar pada masa itu. Saya sendiri hanya mendengar cerita-cerita itu melalui orang Melayu terutama penduduk Johor.

Dua nama yang selalu disebut di bibir orang Melayu pada masa itu ialah nama Dato' Onn dan nama Kiai Salleh, penghulu Mukim Simpang Kiri. Cerita Kiai Salleh dan gerakan 'Selempang Merah' yang dipimpinya pada masa itu amat masyhur di kalangan orang Melayu di seluruh negara. Dikatakan pada masa itu, Kiai Salleh memimpin pengikut-pengikutnya yang kebal belaka kerana kekuatan amalan kerohanian mereka menentang keganasan Bintang Tiga yang menzalimi orang Melayu pada masa tentera Jepun menyerah diri. Tentera Bintang Tiga menyeksa dan membunuh orang Melayu yang disyaki bekerjasama dengan tentera Jepun. Antara yang menjadi mangsa tentera Bintang Tiga ialah Pegawai Daerah Batu Pahat sebelum Dato' Onn mengambil alih jawatan itu.

Dato' Onn memperlihatkan kesetiaannya memegang dan menjunjung jawatan yang diamanahkan kepadanya oleh Sultan hingga sanggup menggadai nyawanya mencari sendiri dan menemui ketua komunis di hutan untuk berunding serta sanggup pula menghadapi kemarahan orang kampung yang dipimpin oleh Kiai Salleh untuk meyakinkan mereka bahawa mereka hendaklah berdamai demi melihara keharmonian perhubungan antara orang-orang Cina dan orang Melayu dengan melupakan tekad mereka untuk membalas dendam.

"Nah ini dada saya," Dato' Onn mencabar Kiai Salleh. "Tikamlah saya kalau awak tak mahu dengar cakap saya. Kalau sudah bunuh saya barulah buat apa sahaja yang awak suka. Selagi

ada nyawa di badan, saya tidak benarkan dan saya tidak rela awak berbuat demikian. Saya sebagai D.O. dan wakil raja dan rakyat bertanggungjawab atas apa yang berlaku di daerah ini . . ." Dato' Onn menambah.

Ketegasan Dato' Onn menyebabkan Kiai Salleh dan pengikut-pengikutnya membatalkan rancangan mereka untuk menyerang balas pengikut Bintang Tiga. Maka sempurnalah tugas Dato' Onn membawa keamanan di Batu Pahat dan memulihkan perdamaian antara penduduk Melayu dan Cina di daerah itu. Tidak sahaja masyarakat Melayu bersyukur atas jasa Dato' Onn memulihkan keamanan di Batu Pahat tetapi kaum Cina juga amat berterima kasih atas jasanya. Anwar menceritakan: "Pada hari itu Dato' Onn telah pulang ke rumahnya dalam keadaan letih dan lesu terutama sekali ialah kerana ia telah terpaksa berjabat tangan dengan tiap-tiap orang Cina di jalan raya bandar Penggaram yang menunggu kepulangannya dari Bagan. Sungguhpun Dato' Onn letih lesu tetapi jiwanya kembang dan segar dijiwai oleh kejayaan yang cemerlang dalam riwayat hidupnya."

Adalah menarik sekali bahawa di Batu Pahat inilah juga Dato' Onn memulakan kerjayanya dalam politik menentang Malayan Union sejurus selepas Harold MacMichael membawa gagasan Malayan Union. Dato' Onn menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung di Batu Pahat yang ketika itu merupakan parti politik Melayu yang terbesar di Semenanjung. Menurut kajian, Pergerakan Melayu Semenanjung ketika itu mempunyai anggota berjumlah 120,000 orang di seluruh negeri Johor. Bahkan dikatakan bahawa Perlembagaan UMNO ketika parti itu ditubuhkan di Sultan Sulaiman Kelab, Kuala Lumpur berdasarkan perlembagaan Pergerakan Melayu Semenanjung. Yang demikian bolehlah dikatakan bahawa Dato' Onn merupakan satu-satunya pemimpin yang telah sedia menubuhkan bahkan memimpin sebuah parti politik Melayu ketika beliau menghadiri kongres Melayu di Sultan Sulaiman Kelab. Latarnya sebagai pemimpin telahpun teruji tidak sahaja sebagai Menteri Besar tetapi lebih penting lagi ialah pengalamannya yang mengatasi pengalaman tokoh-tokoh lain yang hadir di kongres itu sebagai pemimpin rakyat.

Namanya telahpun menjadi buah mulut orang Melayu lama sebelum dia memimpin UMNO sebagai Menteri Besar, sebagai pengarang dan wartawan serta sebagai seorang pemimpin yang

sentiasa membela hak dan kepentingan bangsanya, serta lebih terkenal pula sebagai Menteri Besar yang mencemburui dan meragukan kejujuran Kerajaan British melaksanakan dasar-dasarnya di negeri Johor.

Kepada rakyat pada masa itu Dato' Onn adalah pemimpin paling sesuai untuk memimpin mereka menentang gagasan Malayan Union. Pada kaca mata orang Melayu pada masa itu gagasan MacMichael mengandungi dua bahaya untuk bangsa Melayu. Pertama, gagasan Malayan Union akan menghakis kuasa raja-raja Melayu dan yang demikian menghakis hak bangsa Melayu di atas bumi Malaya dan kedua, gagasan Malayan Union membuka pintu kerakyatan kepada orang bukan Melayu terutama orang Cina.

Malayan Union merupakan gagasan British untuk mengubah sama sekali struktur dan sistem pemerintahannya di Malaya terutama sekali untuk memberikan hak kepada masyarakat bukan Melayu bersama-sama menyertai urusan dan pentadbiran kerajaan dan negara.

Gagasan ini yang dibawa pada ketika orang Melayu masih merasa pedih terhadap kekejaman Bintang Tiga tentu menimbulkan syak wasangka dan pertentangan orang Melayu. Luka telah sembuh tetapi parut masih dirasakan oleh orang Melayu ketika itu terhadap orang Cina. Ini ditambah pula dengan sejarah pertentangan orang Melayu dari sejak sebelum perang terhadap dasar pintu terbuka kerajaan Inggeris membawa masuk orang Cina dan orang India untuk bekerja di lombong dan di kebun getah negara ini.

Dato' Onn sebagaimana golongan cerdik pandai Melayu termasuk kaum wartawan Melayu ialah antara pemimpin Melayu yang bertindak sebagai pengkritik keras terhadap dasar British itu.

Latar inilah juga yang membawa Dato' Onn ke puncak kerjayanya sebagai pemimpin bangsa Melayu di dalam perhimpunan di Sultan Sulaiman Kelab pada tahun 1946.

Dato' Onn pernah berkata:

Saya menentang raja saya sendiri oleh kerana perbuatannya kepada anak negeri . . . Saya telah diberhentikan dari jawatan kerajaan . . . dan dibuang daripada negeri Johor. Kemudian daripada itu, saya membantah lagi Raja saya sendiri kerana kezalimannya membuat rakyatnya maka sekali lagi saya telah dihalau daripada kerajaan . . .

Ini bukan satu dakwaan kosong. Dato' Onn pernah bergaduh dengan Sultan Ibrahim dan dihalau ke Singapura. Dato' Onn terpaksa hidup sebagai orang yang daif di Siglap, Singapura bekerja menangkap ikan bersama keluarganya.

Dato' Onn berkhidmat dengan rajanya selama kira-kira 38 tahun dengan taat setia, mulanya sebagai kerani hingga menjadi Menteri Besar. Tetapi dia telah dua kali dibuang kerja malah dibuang negeri oleh rajanya pertama sekali pada tahun 1920 dan sekali lagi pada tahun 1926. Tidak begitu jelas sebab-sebab maka beliau dimurkai oleh Sultan Ibrahim. Tetapi oleh Anwar dikatakan bahawa raja yang memerintah secara 'autokratik' itu mudah dihasut oleh pembesar-pembesar negeri yang sentiasa merebut peluang dan kesempatan mencari kedudukan. Tidak mustahil Dato' Onn menjadi mangsa 'politik dalaman' di kalangan pembesar negeri. Bagaimanapun, watak Dato' Onn sendiri menjadi sebab maka beliau sering terdorong untuk menentang rajanya. Ini mendedahkan beliau kepada *intrigue* pembesar-pembesar yang dengki dan iri hati terhadapnya.

Satu punca yang menyebabkan Dato' Onn menentang Sultan Ibrahim ialah kezaliman baginda ke atas anggota-anggota Timbalan Setia Negeri atau Johore Military Force.

Askar-askar Timbalan Setia dititahkan menanam pokok-pokok getah baru di tanah seluas tiga ribu ekar di Ulu Air Molek. Askar-askar kerahan itu mendapat layanan amat buruk dan sesetengahnya melarikan diri tetapi manakala ditangkap disumbat ke dalam penjara. Penganiayaan dan kezaliman Sultan memang menjadi pengetahuan umum. Hanya tidak siapa yang berani bersuara membantah perbuatan Sultan melainkan Dato' Onn sahaja.

Oleh Dato' Onn, nasib amat malang askar-askar Timbalan Setia yang dijadikan oleh Sultan sebagai hamba abdi dilaporkan dalam sebuah akhbar bahasa Inggeris, *Sunday Mirror* di Singapura. Baginda Sultan tidak terdaya menyekat Dato' Onn menulis dalam akhbar tersebut mendedahkan nasib yang ditanggung oleh askar-askar Timbalan Setia itu walaupun baginda amat murka terhadap Dato' Onn yang tadinya telah dilucutkan jawatannya.

Berapa lama 'perang dingin' antara baginda dan Dato' Onn berlangsung tidak diketahui. Sultan mulanya bercadang hendak menghadapkan Dato' Onn di mahkamah tetapi kerana barangkali takut perkara itu menjadi heboh, niat itu tidak diteruskan.

Khabarnya, tiap kali berita baginda tersiar dalam akhbar itu, baginda menitahkan agar pegawai-pegawainya membeli sebanyak mungkin naskhah akhbar itu untuk dibinasakan.

Babak ini dalam sejarah hidup Dato' Onn menunggu kajian mendalam oleh sarjana kita kerana ia memperlihatkan keberanian Dato' Onn menentang rajanya sendiri berdasarkan rasa peri kemanusiaannya. Memang benar satu lagi punca konfrontasinya dengan Sultan Ibrahim ialah pendirian Dato' Onn yang tegas menolak rancangan Sultan hendak mengahwini adik perempuannya. Tetapi sehubungan ini juga beliau memperlihatkan ketegasannya dan keberaniannya menentang Sultan. "Saya tembak dia," kata Dato' Onn menolak lamaran Sultan. Maka berpindahlah Dato' Onn ke Singapura untuk tinggal selama beberapa tahun di Siglap. "Ia selalu dalam serba kekurangan," kata Anwar. "Semasa hidup dalam buangan inilah Dato' Onn mengalami pahit getir hidup yang belum pernah dirasai olehnya sepanjang hidupnya," Anwar menambah. Akhirnya kedua-duanya iaitu Sultan dan Dato' Onn berdamai pada tahun 1936. Inisiatif berdamai itu ialah dari Sultan sendiri. Perdamaian itu mengejutkan tidak sahaja rakyat tetapi juga pembesar-pembesar yang sesetengahnya menabur fitnah sebelum itu bahawa Dato' Onn telah menderhaka kepada raja dan menyifatkannya sebagai pengkhianat pula.

Tidak sahaja Dato' Onn bertambah terkenal sebagai jaguh yang membela rakyat selama hidup dalam buangan tetapi keputingannya ke negeri Johor untuk rujuk semula dengan Sultan telah merapatkan hubungannya dengan Sultan sebagai satu-satunya pemimpin yang mendapat kepercayaan Sultan.

Dato' Onn juga sempat menjadi pengarang *Warta Malaya*, akhbar harian Melayu yang terkenal pada masa itu di Singapura serta pengarang akhbar mingguan *Lembaga Malaya* serta akhbar harian *Lembaga*. Sayang sekali bangsa kita tidak dapat mewarisi tulisan-tulisan Dato' Onn dalam kedua-dua akhbar Melayu itu untuk mengetahui dan menghayati fikirannya dan pendapatnya pada zaman itu. Demikian juga belum ada usaha mengumpulkan tulisan-tulisan beliau dalam akhbar *Kritik* yang diterbitkan olehnya setelah dia menarik diri daripada UMNO.

Kita hanya mengenal Dato' Onn sebagai seorang pemimpin politik. Tetapi saya percaya tidak ramai di antara kita mengenal beliau sebagai pengarang dan wartawan. Sedangkan antara



pemimpin Melayu, beliau adalah satu-satunya tokoh yang menggunakan ketajaman mata penanya untuk membela hak dan kepentingan bangsanya. Satu-satu kajian mengenai beliau tentu tidak lengkap dan belum sempurna tanpa kita mengkaji perjuangannya sebagai wartawan. Dato' Onn adalah sejajar dengan Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad sebagai seorang wartawan dan sebagai pelopor kewartawanan Melayu.

Saya sendiri tidak mengetahui perihal Dato' Onn sebagai pengarang *Warta Malaya* kerana ketika dia memimpin akhbar itu saya barangkali masih bersekolah. Tetapi tuan punya dan penerbit *Warta Malaya*, Allahyarham Syed Hussein Alsagoff pernah menceritakan kepada saya mengenai Dato' Onn dengan menyifatkannya sebagai seorang pengarang yang tekun dan amat kuat semangatnya terhadap tanggungjawabnya.

Pertama sekali saya menemui Dato' Onn ialah dalam perhimpunan wakil-wakil Keris (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) yang diadakan di Station Hotel, Kuala Lumpur sejurus sebelum Jepun menyerah diri. Kongres itu diadakan untuk membincangkan proklamasi kemerdekaan Malaya tetapi telah dibatalkan apabila Jepun menyerah diri akibat ledakan bom di Hiroshima dan Nagasaki. Dato' Onn dan Sardon Zubir (Tun) ialah antara wakil dari negeri Johor. Saya menjadi wakil Singapura.

Dalam perjalanan pulang Dato' Onn serta rombongannya bersama-sama perwakilan kami dari Singapura yang antaranya termasuk pegawai-pegawai tinggi tentera Giyu-Gun yang ketuanya ialah Ibrahim Yaakob. Saya sebenarnya diarahkan oleh Ibrahim untuk mewakili Singapura di kongres itu.

Kali kedua saya menemuinya ialah ketika Dato' Onn menjadi tetamu kehormat dalam satu majlis jamuan masyarakat India Singapura meraikan pemimpin agung India, Pundit Jawaharlal Nehru. Dato' Onn memberi ucapan dalam majlis itu mengalu-alukan Nehru. Dia berucap dalam bahasa Inggeris tanpa teks. Saya begitu tertarik dengan kefasihannya dan penguasaannya dalam bahasa Inggeris, satu kelebihan yang payah ditandingi oleh kebanyakan pemimpin pada zamannya.

Dalam masa saya terbabit dalam gerakan membantu revolusi Indonesia dahulu, saya berusaha agar satu rombongan pemuda Indonesia menemui Dato' Onn di Batu Pahat dengan maksud merayu kepadanya memberikan sekurang-kurangnya sokongan

moral kepada perjuangan kemerdekaan Indonesia. Rombongan pemuda Indonesia itu kecewa kerana Dato' Onn walaupun secara peribadi bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan Indonesia namun tidak bersedia menyatakan simpatinya itu secara umum. Alasannya ialah beliau bimbang sokongannya akan memesongkan rakyat Melayu daripada menumpukan perhatian mereka kepada perjuangan penting menggulingkan Malayan Union. Pada kami, alasan itu agak lemah kerana kami menganggap perjuangan menentang Malayan Union ialah juga perjuangan menentang penjajahan Barat dan hanya perbezaannya ialah bangsa Melayu (UMNO) ketika itu memilih untuk berjuang secara perlembagaan. Perlu disebut perjuangan bersenjata rakyat Indonesia menentang penjajah Belanda pada masa itu ikut disertai oleh seluruh rakyat Malaya termasuk ahli-ahli UMNO sendiri.

Pada dasarnya memang Dato' Onn tidak menentang perjuangan kemerdekaan Indonesia pada masa itu tetapi menganggap sebarang sokongan dari pihaknya kepada perjuangan bersenjata rakyat Indonesia akan disalah erti oleh bangsa Melayu terutama di kalangan ahli-ahli UMNO. Tidak dinafikan bahawa pada masa itu terdapat sesetengah anasir dalam UMNO sendiri yang gelisah dan resah dengan cara perjuangan yang digunakan untuk menggulingkan Malayan Union. Anasir-anasir ini merasa cara perlembagaan iaitu cara berunding dengan kerajaan British mungkin tidak berjaya dan sebaliknya beranggapan bahawa kerajaan British hanya akan menggugurkan gagasan Malayan Union sekiranya rakyat menggunakan kekerasan. Dato' Onn pada masa itu sentiasa berwaspada terhadap sebarang tanda ketidaksabaran rakyat terhadap sikap British demi memastikan keresahan sesetengah golongan rakyat tidak mencetuskan satu konfrontasi kekerasan dengan penjajah British.

Anggapan beliau pada masa itu ialah British lambat laun akan memberikan kemerdekaan kepada negara ini tetapi soalnya ialah adakah bangsa Melayu sedia mencapai kemerdekaan dalam keadaan mereka masih mundur dalam tiap bidang kehidupan. Dato' Onn bimbang sekiranya bangsa Melayu diberikan kemerdekaan pada masa itu, orang lain kelak yang akan merasakan nikmatnya. Kerana itu beliau memberi keutamaan kepada perjuangan merobohkan Malayan Union sebagai peringkat awal

dalam keseluruhan perjuangan merebut kemerdekaan bangsa dan negara.

Tetapi saya tertarik dengan buku karangan Anwar Abdullah bukan kerana pandangannya terhadap perjuangan politik Dato' Onn. Sebaliknya tarikan buku Anwar pada saya khususnya ialah kisah-kisah yang dipaparkan olehnya mengenai keperibadian dan watak Dato' Onn sebagai seorang 'individu', seorang insan dan seorang manusia. Kesan saya membaca buku ini ialah keserlahan watak dan peribadi Dato' Onn sebagai seorang manusia yang tinggi hemahnya, jujur dan telus, berani dan cukup tegas mempertahankan pendiriannya.

Sebagai Menteri Besar hidupnya amat sederhana sekali. Cerita Anwar bagaimana Dato' Onn sebagai Menteri Dalam Negeri mengingatkan sahabatnya supaya jangan cuba menggunakan persahabatan mereka untuk memberikan layanan istimewa kepada orang lain serta sikap Dato' Onn sebagai Menteri Besar menolak rayuan seorang yang mempunyai hubungan keluarga dengannya untuk mendapatkan layanan istimewa dari kerajaan adalah dua contoh betapa Dato' Onn memegang dan menjunjung tinggi amanah yang diletakkan ke atas bahunya sebagai pemimpin. Adalah jelas sekali tentang peribadi Dato' Onn merupakan seorang pemimpin yang tidak terpengaruh oleh kebesaran pangkat dan kedudukan yang wajar menjadi contoh teladan pemimpin generasi sekarang.

Generasi sekarang hanya mengenal Dato' Onn sebagai pemimpin UMNO yang keluar daripada partinya untuk menubuhkan IMP, kemudian menubuhkan Parti Negara dan menjadi wakil rakyat. Tetapi sedikit sekali yang mengenal aspek lain dari diri beliau yang saya rasa amat penting untuk sebenar-benarnya menilai beliau sebagai seorang tokoh besar bangsa dan tanah air.

Tulisan-tulisannya dalam *Sunday Mirror*, *Warta Malaya*, *Lembaga*, *Lembaga Malaya* dan majalah *Kritik* masih menunggu kajian para sarjana kita.

Satu hal yang menarik saya ialah setelah keluar daripada UMNO dan menubuhkan Parti Negara, beliau cukup akrab dengan pemimpin-pemimpin radikal Melayu seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam sekalipun pada suatu waktu mereka berupa seteru ketat dalam politik. Apakah faktor maka berlaku perubahan dalam perhubungan

mereka? Satu sebabnya ialah barangkali mereka berada dalam barisan pembangkang. Lebih kuat tarikan yang membawa kepada saling pengertian mereka ialah isu-isu kerakyatan, bahasa, kebudayaan dan pendidikan yang masih belum selesai pada masa itu.

Tetapi pada waktu itu Dato' Onn berjuang sendirian sekalipun mempunyai partinya sendiri dan kerana tidak mempunyai jentera politik yang kuat maka beransur-ansur dia terpinggir dari arus perdana perkembangan politik tanah air.

Dato' Onn meninggal dunia ketika berusia 67 tahun dan Kerajaan telah mengarahkan supaya jenazahnya dikebumikan dengan penuh adat istiadat negara.

Mudah-mudahan Allah s.w.t. mencucuri rahmat ke atas rohnya dan dihimpunkan rohnya bersama ahli-ahli syurga.

Tan Sri A. Samad Ismail  
12 Ogos, 1998  
Petaling Jaya

## P r a k a t a

Sejarah hidup Dato' Onn ialah riwayat orang Melayu menentang penjajahan dalam abad ke-20, iaitu satu babak dalam Sejarah Tanah Melayu.

Kejayaan yang dicapainya dalam bidang politik kebangsaan pada saat terancamnya maruah dan kedaulatan Raja-raja Melayu dan rakyat jelata Tanah Melayu ialah kejayaan orang Melayu. Tetapi kekecewaan atau kegagalannya dalam pertarungan politik tanahair ialah kegagalan dan kekecewaan peribadinya sendiri.

Sungguhpun beliau kehilangan sokongan dan sanjungan daripada bangsanya sendiri kerana pegangan politiknya, tetapi konsep hidupnya untuk masyarakat yang berbilang kaum, yang diperjuangkannya sepanjang hayatnya, terus berpengaruh, dan menjadi panduan abadi dan memainkan peranan yang berkesan dalam setiap aspek kehidupan kebangsaan.

Buku ini tidak mendakwa telah mempersembahkan gambaran hidup Dato' Onn selengkapnya, masanya masih terlalu awal untuk berbuat demikian. Terbitan yang seumpama itu mungkin dapat diusahakan dalam jangka masa 20 tahun dari sekarang.

Dalam usaha menyusun buku ini, saya merasa banyak terhutang budi kepada Datin Halimah binti Hussien, balunya, dan kepada dua orang sahabat karibnya, Dato' Abdullah bin Muhammed (bekas Setiausaha Kerajaan Johor), dan Haji Anwar bin Haji Abdul Malik (bekas Setiausaha Peribadi Dato' Onn), kerana bermurah hati menceritakan kepada saya segala apa yang mereka ketahui tentang Dato' Onn.

Anwar Abdullah

## Budi dan Peribadi

### Malayan Union



Pada 30 Mac 1946, Raja-raja Melayu dari sembilan buah negara - Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu - telah berhimpun di Station Hotel, Kuala Lumpur kerana hendak menghadiri upacara melantik seorang pegawai kanan dari Pejabat Tanah Jajahan

British yang bernama Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama pada 1 April 1946. Gent pernah datang melawat ke Tanah Melayu pada 1932 sebagai salah seorang anggota dalam rombongan Sir Samuel Wilson.

Undangan kepada Raja-raja Melayu itu dibuat oleh pihak berkuasa British tidak berapa lama selepas mereka secara bersendirian menurunkan tandatangan di atas naskhah perjanjian yang diserahkan kepada mereka oleh wakil istimewa British, Sir Harold MacMichael. Atas kuatkuasa Perjanjian itu, Raja-raja Melayu terhentilah daripada menjadi Raja yang merdeka dan berdaulat di tanahair sendiri tetapi masih berkuasa dalam perkara yang bersangkutan paut dengan agama Islam dan adat resam orang Melayu sahaja. Dengan kata lain, Raja-raja Melayu sekarang mempunyai taraf dan tanggungjawab hanya sebagai ketua agama atau penghulu orang Melayu.

Segala persediaan dan persiapan telah pun dibuat. Raja-raja akan turut serta dalam upacara yang paling sedih dalam sejarah bangsa Melayu di Malaya. Akan berlangsung upacara merasmikan gabenor Malayan Union dan akan bertukarlah corak Tanah Melayu daripada sebuah wilayah yang duduk di bawah naungan British kepada tanah jajahan takluknya secara langsung. Setiap inci daripada negeri-negeri Melayu akan menjadi hak milik British tanpa takwil atau syak lagi.

Pihak berkuasa British sedar betapa marahnya orang Melayu terhadap apa yang telah dikerjakan oleh Sir Harold MacMichael. Tetapi British tidak mahu mengubah sikap mereka dan sebaliknya, seolah-olah mempersenda azam dan tekad orang Melayu, telah mengisytiharkan siang-siang lagi bahawa Perjanjian Malayan Union itu mestilah dikuatkuasakan atau dilaksanakan pada 1 April juga. Mereka gembira melihat adanya Raja-raja Melayu bersemayam di ibu kota menjelang hari melantik gabenor Malayan Union itu. Penyertaan Raja-raja Melayu dalam upacara itu kelak menjadi bukti kepatuhan mereka kepada Perjanjian Malayan Union, dan kepada Mahkota Inggeris.

Tetapi apabila tiba tarikh 1 April yang dinanti-nantikan itu, tidak seorang pun Raja Melayu dan pembesar Melayu lain turut serta dalam upacara mengisytiharkan Edward Gent sebagai gabenor. Orang Melayu tunggal yang menyaksikan upacara itu ialah seorang pegawai Askar Melayu Diraja yang menjadi juruiring Sir Edward Gent. Pegawai tentera Melayu itu terpaksa berbuat demikian kerana disiplin tentera.

Sikap degil dan bongkak British dengan tindakan mereka itu menjadi cabaran yang hebat kepada setiap orang Melayu di Tanah Melayu. Tetapi Dato' Onn tidak sanggup cabaran itu dibiarkan berlalu tanpa disahut dengan kehebatan yang setimpal. Dato' Onn tidak sanggup melihat kemurnian bangsa dan kemerdekaan tanah air dinodai dengan sewenang-wenangnya. Cabaran itu mesti dijawab. Bangsa Melayu ialah satu bangsa yang mempunyai nilai kebangsaannya sendiri dan umat Melayu sanggup dan sedia mengorbankan segala apa yang ada pada mereka untuk berjuang bagi memelihara kehormatan, kemerdekaan dan kedaulatan bangsa.

Keangkuhan British yang tidak menghiraukan sedikit pun bantahan terhadap Malayan Union yang telah diperlihatkan di sana sini di seluruh Tanah Melayu telah melukakan hati setiap orang Melayu yang setia kepada raja, bangsa dan tanahair, kerana selama ini, mereka memandang British sebagai sahabat yang jujur lagi amanah. Mereka sekali-kali tidak terfikir bahawa sahabat yang jujur tergamak melakukan pecah amanah kerana kepentingan dasar penjajahannya.

Dato' Onn merayu dan menyeru seluruh umat Melayu supaya mengadakan kongres, mencari sebaik-baik jalan yang patut diambil

bagi menggagalkan rancangan Malayan Unionnya yang dianjurkan oleh British. Seruannya itu telah mendapat sambutan yang hangat dan hebat daripada seluruh bangsa Melayu.

Kongres tergepar itu diadakan selama dua hari berturut-turut, iaitu pada 29 dan 30 Mac 1946. Kongres itu meluluskan beberapa ketetapan, antaranya menyeru semua orang Melayu supaya memulau upacara melantik gabenor Malayan Union dan menahan Raja-raja Melayu daripada turut serta dalam upacara itu.

Dato' Onn sendiri telah menghadap Raja-raja Melayu dan menyatakan dengan tegas akan hasrat dan tekad bangsa Melayu yang tidak ingin melihat Raja-raja mereka hadir dalam upacara anjuran penjajah yang akan menguburkan hak dan kedaulatan bangsa Melayu sendiri. Beliau menyampaikan amaran rakyat bahawa kiranya Raja-raja tidak turut serta dan memulaukan upacara perlantikan Sir Edward Gent itu, rakyat Melayu seluruhnya tidak akan mengakui Raja-raja itu sebagai raja mereka lagi. Raja-raja Melayu juga digesa supaya memulaukan semua majlis jamuan yang akan diadakan berhubung dengan Malayan Union.

Bagaimanapun, upacara perlantikan gabenor Malayan Union itu dilangsungkan juga di dewan yang separuh kosong dan lengang dengan hanya dihadiri oleh pegawai dan orang kenamaan daripada masyarakat bukan Melayu.

Dengan kejayaannya menghalang, dan dengan yang demikian menyelamatkan Raja-raja Melayu daripada menjadi alat penjajah dalam proses memusnahkan hak dan kedaulatan bangsa Melayu di tanahairnya sendiri, Dato' Onn, dengan serta-merta, terkenal sebagai jaguh, pahlawan, malah hulubalang politik Tanah Melayu yang berjaya menggembelng tenaga seluruh bangsa menentang dan, akhirnya, menubangkan Malayan Union.

Sehingga kini, sejarah membuktikan bahawa hanya Dato' Onn satu-satunya putera Melayu yang berjaya menyatupadukan berjuta-juta orang Melayu dan mendapat sokongan bulat daripada Raja-raja dan rakyat jelata Melayu dalam perjuangan menebus kedaulatan bangsa dan nusa daripada tergadai selama-lamanya kepada penjajah.

Setelah bintangnya malap dan akhirnya padam terus dalam arena politik tanahair, Dato' Onn menitiskan air mata dan bermasyghul hingga ke akhir hayatnya melihatkan umat Melayu mula berpecah belah, berpihak-pihak, berpuak-puak, bertentangan



dan bercakaran pula sesama sendiri. Entah bila, entah berapa lama lagikah bangsa Melayu akan dianugerahi dengan seorang lagi jaguh kebangsaan yang sebijak, setabah dan sepetah Dato' Onn untuk merumpun kembali dan memperkukuh tunjang dan perdu perpaduan umat Melayu, tidak mudah diramalkan.

## Keluarga Menteri

Dato' Onn dilahirkan di Johor Bahru pada 1895 dan meninggal dunia pada 1962 di kota tempat tumpah darahnya. Beliau dimakamkan di Perkuburan di-Raja Mahmudiah, di antara pusara orang tuanya, Dato Ja'afar, dan pusara abangnya, Dato Mustafa. Kedua-dua mereka pernah menjadi Menteri Besar Johor.

Pada 1895, Tunku Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar ditabalkan menjadi Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Johor dan jajahan takluknya bagi menggantikan ayahandanya Almarhum Sultan Abu Bakar yang mangkat di London. Jenazah Sultan Abu Bakar dibawa balik ke Johor Bahru seperti juga jenazah Sultan Ibrahim yang mangkat di London 64 tahun kemudiannya.

Bapa Dato' Onn, Dato Ja'afar bin Haji Muhammad, ialah Menteri Besar Johor yang pertama pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim. Dato Ja'afar terkenal sebagai seorang Menteri yang bijak, jujur, amanah dan taat setia kepada raja, bangsa dan tanahairnya, serta kuat pula beribadat. Dato Ja'afar ialah seorang Melayu keturunan Bugis dan berasal dari Daik. Ibunya seorang wanita Timur Dekat, keturunan Turki. Johor kehilangan seorang pemimpin yang sukar dicari ganti apabila Dato Ja'afar meninggal dunia, tetapi tiga orang daripada anak lelakinya - Dato Abdullah, Dato Mustafa dan Dato' Onn - telah seorang demi seorang menggantikannya sebagai Menteri Besar.

Dato' Onn mempunyai 15 orang adik beradik, lelaki dan perempuan. Saudara yang sebapa dengannya ialah Mustafa, Rogayah, Aminah, Fatimah, Khadijah, Abdullah dan Dara. Saudara yang seibu dengannya ialah Ungku Abdul Aziz (Menteri Besar Johor hingga Perang Dunia Kedua), Ungku Abdul Hamid (ayah kepada Profesor di-Raja Ungku Aziz) dan Syed Ali (ayah kepada Profesor Dr. Syed Hussein Alatas dan Dr. Syed Naguib Alatas). Saudara seibu dan sebapa dengannya ialah Muhammad, Ahmad, Yahya, Aishah, Kamariah dan Azizah.

Sejak kecil lagi, Dato' Onn telah dipelihara oleh Sultan Ibrahim sebagai anak angkatnya. Beliau telah mendapat asuhan dan layanan di-Raja sepertilah anak kandung raja sendiri. Dato' Onn diasuh dan dididik oleh seorang wanita Inggeris di Johor Bahru sebelum melanjutkan pelajarannya ke seberang laut, iaitu England bersama-sama dengan tiga orang putera Sultan Ibrahim, iaitu Tunku Mahkota Ismail (kemudiannya menjadi Sultan Johor), Tunku Abu Bakar (gelarannya Tunku Aris Bendahara) dan Tunku Ahmad (gelarannya Temenggong). Demikianlah halnya sejak dari kecil lagi Dato' Onn diasuh dan didik secara Barat dan Timur serentak. Daripada gembengan asuhan Barat dan didikan Timur serta ajaran Islam yang diberikan oleh kedua-dua ibu bapanya, maka tertanamlah di dalam sanubari dan jiwanya perasaan berkeluarga, bermasyarakat, berkebangsaan dan bertanahair dengan suburnya.

Perasaan berkeluarga menjadikan Dato' Onn seorang anak yang taat setia kepada ibu bapanya dan mengikuti tunjuk ajar mereka dengan setia. Sebagai anak yang kasihkan dan dikasihi oleh ibu bapanya, Dato' Onn melimpahkan kasih sayang yang setimpal pula kepada sanak saudaranya, baik yang dekat mahupun yang jauh. Perasaan bermasyarakat melahirkan semangat berkhidmat dan berkorban untuk kepentingan dan faedah umum. Manakala perasaan kebangsaan dan bertanahair mempengaruhi jiwanya hingga beliau dewasa sebagai putera Melayu yang penuh dengan semangat kebangsaan dan kewatanan.

Sultan Ibrahim melantik Dato' Onn sebagai Menteri Besar selepas Perang Dunia Kedua menggantikan Ungku Abdul Aziz yang bersara pada akhir pendudukan Jepun. Dato' Onn meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar pada 1951 setelah terjadi perselisihan antaranya dengan Sultan Johor tentang jawatannya sebagai Yang di-Pertua Agung UMNO Malaya. Sultan Johor, melalui sebuah akhbar di London, telah memberi kata dua kepada Dato' Onn untuk memilih sama ada dia ingin terus menjadi Menteri Besar atau Yang di-Pertua Agung UMNO Malaya. Beliau mengorbankan pangkat untuk kepentingan UMNO - kepentingan bangsa dan nusa.

Setelah berjaya menumpaskan Malayan Union dan mengembalikan martabat Raja-raja Melayu kepada tarafnya yang asal setelah diturunkan kepada taraf kadi atau penghulu di bawah perjanjian Malayan Union, pengaruh Dato' Onn bertambah besar dan sokongan daripada orang Melayu bertambah kuat. Perkem-

banagan ini menimbulkan rasa takut dan bimbang di kalangan British dan Raja-raja Melayu. Mereka bimbang kalau Dato' Onn akan terus berjuang menuntut kemerdekaan daripada British dan mengubah corak Tanah Melayu kepada sebuah republik seperti yang berlaku di kebanyakan negara di Asia Tenggara. Pertikaian hebat antara Dato' Onn dengan Sultan Badlishah, Kedah berlaku kerana cadangan daripada Dato' Onn supaya seorang putera Melayu dilantik menjadi Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Bersengketa dengan Sultan Kedah dalam hal ini bererti pertikaian dengan semua Raja Melayu kerana Sultan Badlishah dianggap jurucakap Raja-raja Melayu. Tetapi dalam soal ini, kedudukan Sultan Badlishah telah menjadi lemah apabila adindanya sendiri, Tunku Abdul Rahman Putera, kemudiannya mencadangkan supaya bukan seorang Melayu tetapi orang Asia (Cina, India, Nasrani dan lain-lain) diterima menjadi Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Adalah diketahui bahawa Sultan Ibrahim banyak dipengaruhi oleh Raja-raja Melayu, selain British, supaya membendung atau menyekat terus kegiatan politik Dato' Onn.

Setelah menyedari akan hal yang demikian itu, Dato' Onn dengan tidak bertangguh lagi menjawab cabaran Sultan Ibrahim dan beliau meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar untuk menumpukan sepenuh masa dan tenaga kepada UMNO. Beliau yakin dan semua pihak menyedari pada masa itu bahawa umat Melayu yang telah bersatu padu di bawah pimpinannya itu mempunyai keupayaan untuk melancarkan apa juga tindakan yang bercorak kebangsaan dan mempunyai kesanggupan untuk memperjuangkan apa sahaja yang diarahkan oleh pemimpin besarnya itu.

Dato' Onn dihantar ke England semasa beliau berumur lebih kurang tujuh tahun dan di sana beliau belajar di sebuah sekolah, di Suffolk. Dari mula lagi, rekod persekolahannya menunjukkan beliau ialah pelajar yang mempunyai kebolehan yang lebih tinggi daripada pelajar biasa, walaupun daripada bangsa Inggeris sendiri. Beliau pernah memenangi hadiah kerana mencapai markah yang tertinggi dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan Perancis dengan mengatasi anak orang putih sendiri di Sekolah Aldebury Lodge, Suffolk.

Setelah beberapa tahun belajar di luar negeri, Dato' Onn pulang ke tanahair dan meneruskan lagi pelajarannya di Malay College Kuala Kangsar. Di sekolah itu hanya anak orang atasan sahaja diterima belajar. Setelah tamat belajar di pusat pendidikan di-Raja itu, beliau pulang ke Johor Bahru dan berkhidmat dengan Kerajaan Johor bermula pada 1 September 1911. Pada masa itu, umurnya baru meningkat 16 tahun. Tidak diketahui apa sebabnya beliau tidak belajar terus hingga ke peringkat universiti di England. Apa yang diketahui umum ialah kuasa penjajah, tidak terkecuali British, mempunyai dasar pelajaran khas untuk pelajar bumiputera dari tanah jajahan takluknya. Perancis, Jerman dan Belgium di Afrika, Belanda di Indonesia dan British di India dan Malaya tidak begitu ingin menyediakan kemudahan pelajaran yang lengkap untuk mendidik anak negeri atau bumiputera supaya berkebolehan seperti orang Eropah. Tidaklah dapat dinafikan bahawa di Semenanjung Tanah Melayu, sejak Raffles mentadbir Singapura, setelah diperolehnya dengan cara yang paling pintar daripada Sultan, British menyediakan sekolah hanya untuk mengeluarkan bumiputera yang berkebolehan untuk menjadi kerani sahaja atau pekerja yang tidak lebih daripada itu untuk kepentingan East India Company dan kemudiannya untuk kepentingan pihak berkuasa penjajah British. Kalau setiap kerani yang diperlukan itu terpaksa dibawa dari England, tentulah perbelanjaannya besar dan ini menjejaskan dasar ekonomi penjajah pula, tetapi bumiputera lulusan sekolah Inggeris tempatan boleh dibayar dengan gaji yang paling murah.

Penjajah memang tidak suka dan tidak mahu melihat bumiputera "jadi pandai" yang kemudian akan menyusahkan pihak berkuasa penjajah nanti. Jika ada anak bumiputera yang berkaliber besar, pihak berkuasa penjajah biasanya mengambil salah satu daripada dua jalan bagi kepentingan pentadbirannya. Pertama, bumiputera itu dipujuk dengan berbagai-bagai tawaran untuk membiarkan dirinya digunakan sebagai alat penjajah; dan keduanya, setelah didapati bumiputera tersebut tidak ingin menerima tawarannya, pihak berkuasa penjajah akan menjalankan muslihat halus hingga orang itu tidak dapat sebarang kedudukan dalam masyarakat, malah masyarakatnya dipengaruhi sehingga memandang serong atau mencurigai akan orang itu.

Jawatan yang pertama dipegangnya ialah kerani pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan di Johor Bahru. Dua bulan kemudian,

beliau ditukar ke pejabat General Adviser atau Penasihat Am British sebagai kerani.

Pada Mei 1912, beliau berkhidmat sebagai pemangku kerani besar di pejabat perubatan dan dua bulan kemudian kembali berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan sebagai pemangku kerani besar juga. Dari mula bekerja hingga ke tarikh beliau menjadi kerani besar atau ketua kerani di Pejabat Perubatan, gaji yang diterimanya ialah \$180.00 setahun atau \$15.00 sebulan. Pada 1 Ogos 1913, beliau ditempatkan di Pejabat Penasihat Undang-Undang dengan gaji \$480.00 setahun, dan beliau berkhidmat di pejabat itu hingga beliau bertukar ke Pejabat Imigresen Bahagian India pada Oktober 1914. Sekarang gajinya bertambah menjadi \$50.00 sebulan atau \$600.00 setahun. Gajinya dinaikkan kepada \$70.00 pada 28 Mac 1915 ketika beliau berkhidmat di Pejabat "Wang" atau Perbendaharaan. Pada 5 Julai 1917, beliau berkhidmat sebagai kadet dalam *Johore Military Forces* di Bukit Timbalan, Johor Bahru, atas perintah Sultan Ibrahim dengan gaji \$25.00 sebulan. Gajinya dinaikkan kepada \$900.00 setahun setelah beliau dinaikkan kepada pangkat Leftenan. Dari Bukit Timbalan, beliau dipindahkan berkhidmat sekali lagi di Pejabat Penasihat Am, dan dari sinilah beliau diberhentikan pada 31 Januari 1920, setelah terjadi suatu sengketa peribadi antaranya dengan Sultan Ibrahim. Hampir dua tahun kemudian, iaitu pada 1922, beliau balik bekerja dengan Kerajaan Johor sebagai Ketua Pejabat Kawalan atau Sekatan Getah di Muar. Beliau berkhidmat di situ selama setahun sebelum dilantik menjadi Penolong Pemungut Hasil Tanah Muar. Setelah berkhidmat di Muar selama kira-kira tiga tahun beliau ditukarkan ke Johor Bahru dengan memegang jawatan yang sama sehingga 1926.

## Balik dari Buangan

Dengan tidak disangka-sangka, satu sengketa peribadi tercetus antaranya dengan Sultan Ibrahim. Akibatnya, Dato' Onn dibuang kerja dan beliau berpindah ke Singapura dan selama beberapa tahun, beliau menjalani hidup sebagai orang dalam buangan.

Semasa hidup dalam "buangan" itulah Dato' Onn mengalami pahit maung seperti kebanyakan orang; kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Pernah beliau pergi ke laut memancing atau

mengail untuk menyara hidup harian. Isterinya juga turut berusaha dengan berniaga secara kecil-kecilan, seperti berdagang kain, perkakas perak tembaga yang dipakai di rumah orang Melayu, dan barang makanan seperti keropok, belacan dan seumpamanya. Mereka, suami isteri tidak malu, tidak segan menjalankan usaha apa sahaja untuk menyara hidup keluarganya yang ramai itu.

Memanglah menjadi pengalaman biasa bahawa apabila seseorang itu terdesak hidupnya, dia selalu mengkaji balik akan kebolehan dan kesediaan dirinya untuk menghadapi keadaan yang belum pernah dihadapinya sebelum itu. Selain mendapati dirinya pandai mengail dan isterinya pandai berjual-jualan, Dato' Onn sedar dirinya boleh mengarang dan menulis rencana untuk siaran dalam akhbar. Sebenarnya sebelum 1930-an, beliau pernah menjadi penulis kepada sebuah akhbar Inggeris yang diterbitkan di Singapura, dan rencana yang dimuatkan di dalamnya mengisahkan perbuatan zalim oleh Sultan Ibrahim ke atas anggota Johore Military Forces. Maksud artikel yang dituliskannya itu bukanlah untuk mencemarkan nama baik rajanya sendirinya tetapi untuk membela manusia yang lemah yang sepatutnya hidup tidak menanggung azab sengsara atau menderita kerana perbuatan orang lain.

Pada 1930-an, apabila sekali lagi beliau berhijrah ke Singapura, Dato' Onn mula terkenal sebagai seorang penulis yang tajam penanya dan pengarang yang penuh dengan semangat kebangsaan - kebangsaan Melayu. Syarikat Warta Malaya, milik seorang Melayu keturunan Arab, bernama Syed Hussain Ali Alsagof, telah mengambil Dato' Onn bekerja sebagai pengarangnya pada 1930. Seperti kebanyakan pengarang pada zaman itu, Dato' Onn bukanlah seorang wartawan yang terlatih secara moden seperti lepasan daripada Fleet Street, London, misalnya, tetapi beliau memperlihatkan kebolehan yang tidak kurang daripada wartawan asing yang mendapat latihan di maktab kewartawanan di Eropah atau Amerika. Beliau berkhidmat dengan *Warta Malaya* hingga akhir 1933. Setahun kemudian, beberapa orang Melayu keturunan Arab yang pernah berkhidmat dengan *Warta Malaya* menarik diri daripada syarikat itu dan sekarang mereka sendiri menerbitkan mingguan *Lembaga Malaya* dan harian *Lembaga* dengan Dato' Onn menjadi pengarang bagi kedua-duanya.

Pada 1936, Dato' Onn dilantik oleh Sultan Ibrahim sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Beliau menerima lantikan itu dengan syarat beliau bebas memberi fikirannya terhadap perkara yang dianggapnya penting atau berfaedah kepada rakyat dan negeri Johor. Oleh kerana tugasnya banyak dan berat, tidaklah dapat beliau menumpukan sepenuhnya kepada tugasnya di *Lembaga Malaya*, menyebabkan beliau berhenti daripada menjadi pengarang majalah mingguan tersebut.

Pada 1 Jun 1938, Dato' Onn dilantik sebagai Setiausaha Sulit kepada Tunku Mahkota Johor dengan gaji \$400.00 sebulan. Di samping menjalankan tugas itu, beliau telah membuat kerja yang dititahkan oleh Sultan Ibrahim mengenai hal ehwal Istana dan peribadinya, dan juga urusan kerajaannya. Pada tahun itu juga, beliau dihantar ke Amerika Syarikat untuk mengetuai Pavilion Johor dalam pameran sedunia di San Francisco. Dato' Onn yang dibantu oleh isterinya, Datin Halimah, telah membekalkan Pavilion itu dengan segala barang buatan Melayu, seperti kain tenunan dari Kelantan dan Terengganu serta barang yang dibuat daripada perak dan tembaga untuk dipamerkan di San Francisco. Oleh kerana Johor negeri Melayu tunggal dari Malaya yang turut serta dalam pameran sedunia itu, maka terkenallah nama negeri itu di seluruh Amerika dan negeri yang turut serta dalam Expo San Francisco itu. Pavilion Johor ialah satu-satunya pusat pameran yang paling ramai dikunjungi oleh pelawat dari seluruh dunia.

Perang Dunia Kedua meletus semasa Dato' Onn dan Datin Halimah berada di San Francisco. Dato' Onn mengirim kawat kepada Sultan Johor bertanyakan sama ada beliau perlu lagi tinggal di Amerika ataupun pulang. Oleh kerana Sultan Ibrahim sangat-sangat memerlukan perkhidmatannya, terutamanya semasa kecemasan atau darurat seperti yang berlaku dalam masa perang atau pemberontakan, Dato' Onn segera dipanggil pulang.

Dato' Onn terus berkhidmat kepada rajanya hinggalah pecah perang di Timur Jauh apabila Jepun melancarkan serangan ke atas Manila, Pearl Harbour, Kota Bharu dan Singapura pada 8 Disember 1941. Sultan Ibrahim berkehendakkan Dato' Onn sentiasa berada di sampingnya, seolah-olah tidak ada orang lain lagi yang dapat dipercayainya. Baginda pernah bertitah, "Onn, engkau jangan ke mana-mana. Aku mahu engkau menjaga aku."

Semasa pendudukan Jepun, Dato' Onn dilantik menjadi Ketua Kawalan Negeri Johor pada 1 Januari 1942, dan beliau terus memegang jawatan itu sehingga Jepun menyerah kalah kepada Kuasa Sekutu pada 1945, setelah rakan-rakannya di Eropah – Jerman dan Itali – tewas di tangan British, Amerika dan Rusia; dan setelah Amerika menggugurkan bom atom di Hiroshima. Semasa menjadi Ketua Pejabat Kawalan Makanan, Dato' Onn menerima gaji \$350.00 sebulan.

Dato' Onn dipuji kerana sikap adilnya dalam hal membahagikan beras, gula dan lain-lain kepada orang ramai tanpa memilih kasih atau memandang bulu. Sikap perikemansuaannya mengatasi segala sifat lain yang ada padanya. Beliau tidak dapat menahan dirinya daripada menolong orang susah, walaupun dirinya sendiri dalam kesusahan. Dalam hal ini juga, beliau tidak dapat dipengaruhi oleh sesiapa, walau apa pun bangsa atau pangkatnya. Beliau pernah mengetepikan sanak saudaranya sendiri kerana menolong orang yang betul-betul memerlukan pertolongan. Siapa sahaja yang patut atau ada haknya menerima bantuan daripada pemerintah, Dato' Onn tidak pernah culas daripada memenuhi tanggungjawabnya. Beliau sentiasa memikirkan kepentingan orang lain, orang ramai dan masyarakat, daripada kepentingan diri atau keluarganya sendiri. Datin Halimah mengaku pernah merungut, "Dato sentiasa memikirkan hal orang lain – orang itulah, orang inilah – hingga rumahtangga sendiri kebiaran." Tetapi dia sendiri tidak pernah membiarkan suaminya sahaja bertungkus lumus menolong orang. Datin Halimah turut serta membantu di samping suaminya. Kalau hendak jadi apa pun, biarlah bersama, beliau berseloroh.

## Jadi Menteri

Pada 1 Oktober 1946, Sultan Ibrahim berkenan melantik Dato' Onn sebagai Menteri Besar – sebenarnya pemangku Menteri Besar kerana jawatan itu telah dilenyapkan di bawah Perjanjian Malayan Union – dan setelah berkhidmat selama lebih kurang tiga tahun, beliau dengan suka rela meletakkan jawatan itu untuk menumpukan sepenuh masanya kepada UMNO. Keputusan ini diambillya setelah tersiarnya sebuah rencana dalam akhbar di London yang mengatakan bahawa Sultan Ibrahim yang pada masa itu sedang



bersemayam di London memberikan kata dua kepadanya supaya memilih sama ada beliau hendak terus berkhidmat sebagai Menteri Besar ataupun untuk terus berkecimpung dalam politik – sebagai yang di-Pertua UMNO Malaya.

Dari punca Istana, dipercayai bahawa Sultan Ibrahim mengambil tindakan itu kerana didesak oleh Raja-raja Melayu, terutamanya Sultan Kedah – Sultan Badlishah. Pertikaian antara Dato' Onn dengan Sultan Kedah berpunca daripada cadangan tentang perlantikan seorang Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan ini ditentang hebat oleh Tunku Abdul Rahman Putera yang mencadangkan pula supaya bangsa Asia dilantik menjadi Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Jika kedua-dua cadangan ini dikaji dari segi kebangsaan Melayu pada masa itu, cadangan Dato' Onn adalah lebih baik daripada cadangan Tunku Abdul Rahman Putera. Banyak yang berpendapat bahawa cadangan Dato' Onn itu ditentang hebat kerana pada sangkaan ramai, beliau sendiri mahukan jawatan itu, dan itu bermaksud mengambil tempat atau kedudukan yang mengatasi Raja-raja Melayu sendiri. Bagaimanapun, kedua-dua cadangan itu tidak berhasil pada amalannya.

Pada 1950, Dato' Onn dilantik oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai Pengerusi RIDA dan oleh kerana itu pejabat RIDA terletak di ibu negara, terpaksa beliau berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun itu juga. Beliau tidak lama memegang jawatan tersebut kerana pada 1951, beliau dilantik menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berikutan terlaksananya beberapa pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang bertujuan hendak memberi taraf berpemerintahan sendiri kepada negara ini. Dato' Onn menerima perlantikan itu dengan keyakinan bahawa Tanah Melayu boleh mencapai kemerdekaan menerusi kerjasama dengan British, bukan dengan memberontak atau menggunakan kekerasan.

Dato' Onn sedar bahawa kebanyakan negeri yang mencapai kemerdekaan dengan memberontak atau menggunakan kekerasan tidak dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan, malah kemerdekaan itu sendiri. Beliau ingin melihat tercapainya kemerdekaan Tanah Melayu dengan secara berunding, dan penyerahan kuasa dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna. Beliau yakin bahawa hanya dengan cara yang demikian negara dapat

berusaha terus-menerus untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan memajukan tanah air. Tujuan utamanya adalah mendidik dan menyedia rakyat dengan taraf pelajaran dan ekonomi yang melayakkan mereka menjadi pemilik tanahair yang merdeka dan berdaulat.

Tetapi Dato' Onn tidak sedar bahawa padah politik yang paling besar menimpa hidupnya pada hari kemudian mula berputik dari hari beliau menerima jawatan sebagai Menteri daripada pihak berkuasa British di Malaya. Sebagai Menteri di dalam kabinet yang diketuai oleh wakil Kerajaan Inggeris di Kuala Lumpur, Dato' Onn dicap sebagai boneka atau ejen penjajah oleh lawan politiknya, terutamanya pemimpin pertubuhan politik, seperti UMNO, MCA, Parti Rakyat, Parti Buruh dan lain-lain. Tuduhan yang paling berkesan dilemparkan kepadanya ialah segala kegiatan politiknya itu bertujuan hendak menghalang rakyat secara halus daripada mencapai kemerdekaan. "Dato' Onn anak emas penjajah, Dato' Onn anti merdeka", begitulah bunyi propaganda yang dibisikkan di kota, di pekan, di desa dan di kampung, di seluruh negeri. Mungkin kerana sedar akan berkesannya propaganda seperti "Anak emas penjajah," atau "Budak suruhan British" terhadap Dato' Onn, maka Tunku Abdul Rahman Putera telah menolak tawaran daripada Jeneral Templer supaya beliau menyertai kabinetnya pada 1953. Ini adalah satu langkah yang bijak, kerana jika nama baiknya tersentuh nescaya UMNO sendiri akan menerima padahnya. Tetapi sebagai menandakan keinginannya untuk bekerjasama dengan British ke arah mencapai taraf berkerajaan sendiri seperti yang dijanjikan, Tunku mengizinkan Tun Dr. Ismail dan Tun Lee How Shek menerima perlantikan daripada Jeneral Templer sebagai Menteri dalam Kabinetnya pada tahun itu juga.

Setelah berkhidmat dengan Kerajaan Pusat selama empat tahun, Dato' Onn meletakkan jawatannya menjelang pilihan raya kebangsaan yang pertama diadakan di Persekutuan Tanah Melayu pada 1955. Beliau mengambil keputusan untuk turut bertanding dalam pilihan raya itu. Jumlah kerusi yang ditandingkan ialah 52.

Perikatan UMNO-MCA-MIC yang meletakkan 52 calon berjaya memenangi 51 kerusi, tetapi Dato' Onn dengan Parti Negaranya yang ditubuhkan pada 1954 untuk mengambil tempat IMP yang telah dibubarkan, tidak berjaya mendapat satu kerusi pun. Dato' Onn sendiri ditewaskan oleh calon perikatan - Dato Sulaiman bin

Dato Haji Abdul Rahman – di kawasan Johor Bahru. Rakyat memilih calon Perikatan kerana mereka yakin bahawa perjuangan Perikatan adalah untuk mencapai kemerdekaan secara perlembagaan sedangkan Dato' Onn, dalam kempen pilihan raya, tidak tegas sama ada beliau ingin merdeka sekarang atau setelah selesai usaha mendidik dan menyedia rakyat untuk menerima kemerdekaan. Pengundi juga banyak terpengaruh oleh kempen Perikatan yang mengecap Dato' Onn sebagai "anak emas penjajah" dan sebagainya. Tambahan lagi, Parti Negara telah mendapat sokongan moral dan material daripada peladang, pelombong dan pegawai British, sama ada secara langsung atau dari balik tabir.

Perikatan meletakkan 52 calon, terdiri daripada 38 Melayu, 12 Cina, seorang India dan seorang Selon untuk memenangi kesemua kerusi secara bersungguh. Sebaliknya Parti Negara bertanding hanya di 30 buah kawasan dan calonnya terdiri daripada 29 Melayu dan seorang Cina. Dengan meletakkan hanya 30 calon, Parti Negara berharap akan berjaya memenangi lebih separuh daripada 52 kerusi yang dipertandingkan, dan dengan itu dapatlah beliau memegang tampuk Kerajaan Persekutuan kerana anggota lain dalam Dewan Undangan Persekutuan akan terdiri daripada penyokong Parti Negara yang akan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.

Bagaimanapun, penyokong Dato' Onn merasa kecewa kerana Parti Negara tidak bertanding di semua kawasan pilihan raya, sedangkan mereka menganggap bahawa pilihan raya kebangsaan yang pertama kali diadakan itu amat penting dalam sejarah politik Malaya. Kerana Parti Negara bertanding hanya di dalam 30 kawasan, maka ramai pengundi terpengaruh dengan kata-kata seperti: "Parti Negara tidak bersungguh", "Parti Negara masuk bertanding untuk kacau daun sahaja," dan lain-lain lagi yang memperlihatkan pendirian pertubuhan itu benar-benar sebagai alat penjajah.

Sebenarnya, Parti Negara sangat kekurangan calon. Kebanyakan penyokongnya ialah pegawai tinggi kerajaan yang tidak sanggup meletakkan jawatan mereka untuk berkecimpung terus dalam politik. Mereka belum berani mengadu nasib atau masa hadapan mereka dalam politik. Seperkara lagi, seperti selalu ditegaskan oleh Dato' Onn adalah dalam memilih calon, partinya lebih mementingkan kualiti daripada kuantiti.

## Orang dan Watak

Berbanding dengan kebanyakan orang Melayu, Dato' Onn tinggi orangnya, besar bidang dadanya, dengan leher yang jinjang terletak kemas antara dua bahu yang sasa dan tegap. Wajahnya yang bujur sirih itu bertatah dua alis kening dengan bulunya yang lebat dan berimbun melindungi dua biji mata yang sentiasa memancarkan sinar pemandangan yang tajam. Matanya yang menarik itu berkelip hanya sesekali ketika beliau meneliti sesuatu atau menangkap, memahami, menapis atau mengkaji sesuatu fikiran, pendapat cadangan ataupun maklumat yang disampaikan kepadanya. Kepalanya tidak sebesar yang sewajarnya bagi tubuh badan yang sesasa dan setegap Dato' Onn. Memang jarang ditemui kepala yang begitu kecil sarat dengan otak yang begitu tajam dan bergeliga. Wajahnya yang berbentuk bujur sirih itu terhias dengan hidung yang mancung menurut potongan Arab Turki, manakala daun telinganya lebar dan tirus melambai turun. Suaranya tidak begitu garau, tetapi bernada basah nyaring apabila menekankan sesuatu perkara, sama ada semasa bercakap biasa atau memberi penerangan atau huraian mengenai sesuatu hal atau masalah. Beliau bertutur agak pantas, tetapi dengan nada yang halus dan mudah difahami kerana beliau sentiasa menggunakan perkataan yang senang dimengerti ketika bercakap Melayu atau bertutur Inggeris.

Dalam percakapan atau perbicaraannya, yang menjadi perhitungan utama baginya adalah supaya pendengarnya memahami setiap suatu yang dimaksudkannya. Beliau tidak pernah kelihatan sulit atau sukar mencari perkataan yang hendak digunakannya ketika menerangkan suatu atau ketika berbual-bual dan berbin-bang. Beliau sentiasa bersikap tenang.

Dalam tubuh badan yang tegap itu mengalir darah Turki dari sebelah ibu, bercampur dengan darah Melayu yang dipusakai daripada bapanya yang berasal dari gugusan Kepulauan Melayu. Campuran dari dua jenis darah ini telah melahirkan sifat berani, degil, tabah dan bijak seperti yang terdapat pada Dato' Onn. Dengan muka yang berbentuk bujur sirih, dengan hidung mancung seludang serta kulit yang putih kemerah-merahan, Dato' Onn terkenal, semasa mudanya sebagai belia yang paling kakak di negerinya. Dari susuk badan, potongan wajah dan warna kulitnya, tidak siapa pun menyangka beliau itu orang Melayu. Mereka yang

belum pernah melihatnya tidak teragak-agak mengatakan beliau orang putih.

Biasanya wajah yang kacak seperti itu memang banyak memakan mangsanya di kalangan wanita. Tetapi Dato' Onn tidak pernah diketahui terlibat dalam sesuatu skandal seks seperti yang pernah berlaku di kalangan pemimpin politik dunia, sama ada di Barat atau di Timur. Riwayat hidup Dato' Onn bersih daripada angkara seks, tidak seperti yang tercatat dalam riwayat hidup Napoleon, Mustafa Kamal, Amir Farouk, Profumo, Sarit Thanarat, Sukarno dan lain-lain.

Semasa mudanya, Dato' Onn terkenal sebagai seorang yang amat cergas dalam lapangan sukan, malah pernah menjadi johan selama tiga tahun berturut-turut. Dalam permainan bola sepak, beliau terkenal kerana tendangannya yang kencang dan tangkas lagi licin menggelecek bola. Beliau pernah mewakili Johore Sports Club dan Negeri Johor dalam pertandingan antara negeri-negeri Melayu. Beliau aktif dalam permainan tenis, hoki dan kriket. Dato' Onn pernah turut serta dalam lapangan pencak silat, bukan sahaja semasa mudanya tetapi juga ketika umurnya lewat enam puluh tahun. Beliau menyertai kumpulan silat belia-belua Melayu di tanah air pada tahun terakhir hayatnya untuk menggalakkan putera puteri Melayu mempelajari cara mempertahankan diri yang dipusakai turun temurun oleh bangsanya.

Kesukaannya yang lain adalah bermain terup (biasanya disebut terup keling), mahjong dan poker. Beliau pernah pergi ke rumah kawan-kawannya ataupun menjemput mereka datang ke rumahnya untuk berehat sambil bermain terup atau seumpamanya. Tetapi tidak pernah pula permainan itu diadakan untuk bertaruh atau berjudi.

Sikapnya terhadap sukan adalah untuk sukan, dan tidak pernah pada bila-bila masa atau pun ketika beliau melacurkan sukan untuk kepentingan politik. Dalam apa jua permainan yang dia turut serta, Dato' Onn sentiasa memainkan peranannya dengan bersungguh hati dan jujur. Kegemarannya terhadap sukan tidak pernah luntur kerana beliau menganggap sukan sebagai saluran untuk membuang penat dan melenyapkan kerunsingan, jika ada, selepas bekerja seharian. Semangat kesukanannya sentiasa berko-bar pada bila-bila masa sahaja beliau menyertai sesuatu permainan dan di mana sahaja. Beliau bermain atau bertanding dalam apa

juga bahagian sukan bukanlah semata-mata untuk merebut piala atau mencari kemenangan, tetapi dengan semangat sukan untuk bersukan dan kerana sukan. Kerana itulah menang atau kalah tidak menjadi hal kepadanya. Apa yang penting baginya ialah tujuan asal yang menarik manusia ke lapangan sukan.

Begitu juga dalam lapangan lain, seperti politik, misalnya. Ketika berpolitik, beliau terus menerus berpolitik tanpa mencampuradukkan politik dengan soal-soal peribadi, rumahtangga atau keluarga atau bangsa keturunan. Semangat inilah yang bersemadi dalam jiwanya sambil menular ke seluruh jasadnya sepanjang beliau berkecimpung di gelanggang politik. Sebagaimana degil dan tabahnya Dato' Onn dalam lapangan sukan, maka begitulah juga sifatnya dalam pertarungan politik. Beliau tidak serik atau bosan dengan kekalahan, tetapi kemenangan tidak pula dapat melalaikan beliau daripada insaf dan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan negara.

Oleh kerana sifat inilah maka Dato' Onn disanjung tinggi, disegani dan dihormati oleh kawan dan lawan dalam perjuangan politik tanah air. Jika konsep sukannya ialah sukan untuk sukan, maka demikianlah juga konsep politiknya: politik untuk politik.

Satu lagi kegemarannya adalah membaca. Beliau mempunyai keinginan besar untuk membaca, lebih besar daripada keinginan lain. Beliau banyak sekali menggunakan masa dan tenaganya untuk membaca. Ini telah disahkan oleh anaknya, Kapten Hussein, yang berkata, "Ayah saya sangat suka membaca, khasnya mengenai perkara politik." Dengan membaca, seseorang itu dapat menambah ilmu pengetahuan, mendalamkan pemikiran dan meluaskan pandangan. Membaca dapat melengkapkan seseorang dengan ilmu pengetahuan yang boleh membawanya kepada mencapai kejayaan dalam apa jua lapangan hidup yang diminatinya.

Dato' Onn tidak dapat meneruskan pelajarannya hingga ke peringkat universiti, tetapi daya fikiran dan kebolehannya menulis dan mengarang bukan sahaja sama tetapi kadang-kadang mengatasi kebanyakan pelajar lepasan universiti. "Saya lulus sekolah atap sahaja", Dato' Onn pernah berkata ketika membandingkan dirinya dengan pemimpin atau jaguh politik lain dalam negeri.

Bagi Dato' Onn, membaca adalah suatu cara untuk mencari ilmu dan pengalaman dalam berbagai-bagai lapangan hidup. Baginya, membaca lebih utama daripada dirinya malah anak

isterinya. Membaca menjadi amalan dan penawar hidupnya. Dengan membaca, seseorang itu dapat melegakan diri ketika muram dan ketika nasib kurang baik dalam menghadapi hidup seharian. Beliau membaca, terus membaca segala apa yang berkaitan dengan politik. Dengan penuh tumpuan dan perhatian, beliau mengesan apa yang tidak dapat dikesan oleh orang lain, dan memintas selok belok dan tindak tanduk politik yang diamalkan oleh tokoh politik lain dan penjajah tanah airnya.

Dato' Onn harus merasa kesal semasa hidupnya, kerana tidak mempunyai masa yang banyak untuk membaca. Dalam perkara membaca, beliau tidak lupa meninggalkan pesan kepada anak-anaknya, "Baca, baca, baca".

## Kesedaran dan Harapan

Dato' Onn mahukan rakyat jelata, khususnya orang Melayu, mengetahui apakah yang benar dan apakah yang palsu tentang politik di Tanah Melayu. Beliau telah mengorbankan segala-segalanya untuk menyampaikan kebenaran atau apa yang hak kepada bangsanya sendiri. Tetapi malangnya, pada waktu yang terpenting dan cemas semasa tanah air sedang bergolak, beliau tidak bebas memperkatakan setiap yang diketahui dan dilihatnya, terutamanya pada masa beliau memegang jawatan tertinggi, baik di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan. Beliau tidak bebas, tidak dapat dan mungkin terhindar dari segi pertanggungjawabannya daripada mencurahkan seluruh isi hatinya kepada bangsa Melayu kerana keadaan dalam negeri tidak mengizinkan. Pada waktu itu penduduk Tanah Melayu seperti sekarang juga terdiri daripada berbilang bangsa - Melayu, Cina, India dan lain-lain. Penduduk bukan Melayu berjumlah lebih ramai daripada orang Melayu sendiri.

Dato' Onn pernah berkata, "Malangnya mulut saya tertutup - 'malang' saya berkata - mulut saya ini tertutup tidak dapat menzahirkan kepada umat Melayu di Semenanjung ini apa yang diketahui oleh saya dalam masa menyempurnakan pekerjaan dan tanggungjawab saya itu oleh kerana sekiranya dapat saya menzahirkan, saya percaya setiap seorang akan bersama dengan saya berdiri menuntut kemerdekaan Tanah Melayu". Apa yang

tidak dapat dizahirkan oleh Dato' Onn pada masa itu sudah dapat dipastikan oleh orang Melayu yang insaf pada hari ini.

Dato' Onn cukup mengetahui tentang ekonomi dan kehidupan orang Melayu berbanding taraf ekonomi penduduk bukan Melayu di negeri ini. Beliau juga sedar bahawa dalam beberapa ketika yang singkat, bilangan bangsa lain seperti Cina dan India akan melebihi jumlah orang Melayu dengan banyaknya, jika dikaji dari segi kadar kelahiran dan kematian bayi Melayu berbanding kadar kelahiran dan kematian bayi bukan Melayu. Perbezaan kadar ini berlaku kerana adanya perbezaan dari segi kemudahan kesihatan dan perubahan antara penduduk Melayu dengan bukan Melayu.

Dato' Onn adalah antara tokoh yang pertama menyedari bahawa British tidak akan memberi kemerdekaan sepenuhnya kepada Tanah Melayu jika tidak ada jaminan atas penyertaan penduduk bukan Melayu dalam politik tanah air dan urusan pentadbiran kerajaan. Orang bukan Melayu tidak risau, tidak bimbang dan tidak takut akan nasibnya pada masa hadapan selagi Tanah Melayu berada di bawah naungan, walaupun tidak penjajahan, British. Tetapi ketenteraman perasaan dan fikiran mereka akan berubah serta merta apabila mendengar atau melihat dengan mata kepalanya sendiri akan cita-cita dan kegiatan bangsa Melayu mengorak langkah untuk mencapai kemerdekaan bagi Semenanjung Tanah Melayu.

Bagi Dato' Onn, beliau mempunyai kebimbangannya sendiri mengenai kemerdekaan dan nasib orang Melayu dalam Malaya Merdeka nanti. Jika mahu merdeka, sekarang (1951) pun boleh, tetapi sebelum itu hendaklah ada jaminan bahawa pada hari kemerdekaan itu diisytiharkan, semua penduduk Tanah Melayu, tidak kira apa bangsa pun, adalah rakyat Malaya yang mesti mempunyai satu jenis kerakyatan atau kewarganegaraan tanpa perbezaan barang sedikit pun antara penduduk Melayu dengan penduduk bukan Melayu. Persaingan hidup akan bertambah hebat dan tanpa perlindungan terhadap hak istimewa Melayu, maka orang Melayu akan jauh tertinggal kebelakang pada masa akan datang.

Dato' Onn telah mengkaji dengan teliti dan cermat segala kemungkinan yang akan dihadapi oleh umat Melayu sekiranya mereka terburu-buru mengejar kemerdekaan. Beliau pernah mengingatkan orang Melayu supaya jangan terburu-buru hendak



merdeka jika mereka tidak ingin melihat "yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran."

Pada hakikatnya, Dato' Onn memang mengidami kemerdekaan, tetapi buat sementara waktu, beliau lebih suka melihat British menjalankan usaha untuk meninggalkan taraf ekonomi orang Melayu sehingga dapat menyaingi kaum bukan Melayu. Inilah perkara yang tidak dapat disuarakannya dengan lantang kepada seluruh umat Melayu, lebih-lebih lagi semasa beliau memegang jawatan Menteri dalam Kabinet Persekutuan di ibu kota. Kalaulah perkara itu dilafazkannya kepada orang Melayu beliau akan lebih-lebih lagi dicap sebagai alat penjajah. Orang Melayu pada masa itu sudah mabuk - mabukkan kemerdekaan. Mahu tidak mahu, Dato' Onn terpaksa juga "menyanyikan" nada Merdeka dan "menari" ikut gendang Merdeka. Tetapi ada ketikanya, dalam kempen pilihan raya kebangsaan pada 1955, beliau pernah menerangkan, "Kita semua sudah merdeka. Apa pasal kita mesti tuntutan kemerdekaan daripada British? Kalau hendak menuntut kemerdekaan, tuntutan daripada Raja-raja sahaja . . ." Ini mungkin beliau maksudkan menawarkan hati orang Melayu daripada terburu-buru berjuang bagi mencapai kemerdekaan, pada hal kemerdekaan yang hendak dicapai itu adalah daripada Raja-raja mereka sendiri dan bukan daripada penjajah British. Tun Dr. Ismail pernah melahirkan pendapatnya bahawa Dato' Onn sedia dan sanggup berbuat apa sahaja dalam perjuangan kebangsaan kecuali menuntut kemerdekaan. Dato' Onn pernah berkata bahawa beliau takut kepada kemerdekaan. Sebenarnya Dato' Onn tidak beliau takut kepada kemerdekaan, tetapi sebab beliau belum mahukan kemerdekaan pada masa itu adalah kerana beliau takut kepada perkembangan yang akan berlaku selepas tercapainya kemerdekaan - perkembangan yang akan membawa padah kepada bangsanya pada masa hadapan. Beliau tidak bersetuju sama sekali kemerdekaan itu tercapai atas syarat yang diletakkan oleh British tanpa menjamin kedudukan Bumiputera dan Raja-raja Melayu.

## Seorang Nasionalis

Dato' Onn ialah seorang nasionalis dan tokoh politik yang menurut Malcolm MacDonald, tidak ada tolok bandingnya di Malaya. Beliau mahukan kemerdekaan, tetapi sebelum itu ingin

melihat taraf hidup, pelajaran dan ekonomi orang Melayu dimajukan sehingga setara dengan taraf hidup, pelajaran dan ekonomi kaum lain di Tanah Melayu. Sebaik-baik jalan untuk mencapai matlamat ini adalah dengan menyatupadukan orang Melayu seluruhnya, dan dengan perpaduan itu mereka hendaklah menggesa British memberikan segala pertolongan ke arah memajukan dan meninggikan taraf hidup, pelajaran dan ekonomi orang Melayu. Jika usaha ke arah matlamat tersebut dilaksanakan oleh British yang masih berkuasa di Tanah Melayu, tentulah tidak akan timbul sebarang bangkangan atau bantahan daripada kaum bukan Melayu kerana itu memang menjadi tanggungjawab British menolong Bumiputera mencapai kemajuan dalam setiap lapangan sebelum wilayah mereka dimerdekakan atau dibebaskan.

Perkara inilah yang tidak dapat diperkatakan atau dilaungkan oleh Dato' Onn kepada bangsa Melayu. Kerana beliau tidak dapat berbuat demikian, maka timbullah bermacam-macam tuduhan dan tohmahan bahawa beliau menentang kemerdekaan dan kerana itu beliau dianggap sebagai alat penjajah.

Sekarang Dato' Onn sudah tidak lagi di tengah-tengah orang Melayu dan terpulanglah kepada mereka yang sedar dan insaf mengkaji sematang-matangnya tindak tanduk dan peranan politik yang telah dimainkan oleh Dato' Onn. Dalam kempen pilihan rayanya, Dato' Onn pernah berkata bahawa tugas utamanya adalah untuk menyedarkan orang Melayu terhadap perkembangan politik di tanah airnya sendiri dan menyampaikan apa yang difikirkannya sebagai kebenaran yang amat penting diketahui oleh bangsa Melayu seluruhnya. Dalam perjuangan politik, sama ada politik tanah air atau politik antarabangsa, tidak ada kesudahan. Tokoh politik akan datang dan pergi, tetapi politik terus bergelora dan ahli-ahli politik sambung-menyambung dan silih berganti terus berkecimpung di dalamnya hingga ke akhir zaman.

Dato' Onn adalah satu-satunya tokoh politik Bumiputera yang paling cerdas pada zamannya, dan mungkin untuk beberapa perenggan masa mendatang. Amat sulit dan sukar bagi bangsa Melayu untuk mencari gantinya pada masa yang pendek. Walaupun beliau bukanlah seorang intelek yang terdidik atau mendapat latihan daripada universiti, tetapi mempunyai otak yang tajam bergeliga. Beliau bukan ahli penyelidik tetapi mempunyai daya

pengamatan yang jarang-jarang terdapat pada kebanyakan orang, biarpun daripada lepasan universiti.

Dato' Onn ialah seorang pembahas yang bijak. Beliau pandai memintas lawannya dalam perbincangan seperti dalam persidangan parti atau majlis Mesyuarat Negeri atau Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat. Dalam perbincangan beliau sangat ditakuti oleh pembahas yang tidak mempunyai maklumat atau fakta yang lengkap. Dalam bidang politik, beliau amat dibenci oleh tokoh muda lepasan universiti seperti daripada kalangan Malay Graduates Association (Persatuan Siswazah Melayu), misalnya, kerana mereka dengan mudahnya dapat dimakan atau diratah oleh Dato' Onn. Mereka yang pernah turut menyaksikan persidangan seperti itu dapat merasai sendiri akan kelebihan Dato' Onn.

Dato' Onn sangat dibimbangi oleh lawan politiknya ketika berbahas, kerana selain dengan mudahnya beliau dapat menolak atau menangkis hujah lawannya, beliau pantas sekali mengemukakan cadangan balas yang menarik lagi mengkagumkan. Harry Miller pernah menyifatkan Dato' Onn sebagai seorang tokoh yang mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang jauh lebih besar daripada sebarang pemimpin politik Tanah Melayu. Pandangan dan tinjauannya meluas, mendalam dan jauh mendahului zamannya. Beliau cepat sekali memahami sesuatu dan lebih menyeluruh daripada orang lain.

Jika dikaji secara keseluruhannya, Dato' Onn lebih sesuai menjadi pemimpin dalam sesuatu krisis yang besar, bukan untuk menjalankan kerja-kerja yang biasa, sesuai untuk mereka yang berkebolehan biasa sahaja. Beliau adalah seorang yang sangat dinamis dan praktik. Dalam menghadapi masa krisis, beliau sentiasa bersikap tegas dan tabah. Di mana ada krisis, di situ beliau lebih diperlukan daripada orang lain. Bolehlah beliau dibandingkan dengan Winston Churchill yang sangat-sangat diperlukan untuk memimpin dalam masa darurat atau kecemasan kebangsaan. Kecemerlangannya lahir hanya dalam kejadian yang besar yang melibatkan kaum, bangsa dan nusa yang memerlukan pembelaan apabila berlaku perbuatan mencabul maruah atau menodai kedaulatan negara.

Oleh kerana jauh benar Dato' Onn mendahului zaman dan rakan seperjuangannya dalam pergolakan dan pertarungan politik tanah air, maka sebilangan besar orang Melayu pada zamannya

yang tidak dapat memahami dan mengikuti perjuangannya memandang serung terhadap tindak tanduk politiknya pada saat yang penting dalam sejarah perjuangan kebangsaan tanah air.

## Hidup Sehari-hari

Dato' Onn bukanlah seorang yang sentiasa serius dalam hidup sehari-hari. Beliau suka berseloroh atau berjenaka, terutamanya di kalangan sahabat rapatnya. Tetapi beliau tidak menyetujui sesuatu perkara bergurau atau berjenaka yang membawa ramai orang tertawa atas pengorbanan seorang dua yang lain yang menjadi mangsa jenaka atau kelucuan itu. Hendaknya janganlah ada yang "makan" hati ketika yang lain-lain riang gembira, seronok tertawa.

Dalam kehidupannya sehari-hari, Dato' Onn bukanlah seorang yang cerewet. Menurut Datin Halimah, balunya, Dato' Onn tidak banyak kerenah, tidak banyak mulut, tidak tamak, tidak bakhil atau kedekut. Beliau tidak tahu atau tidak mahu menyimpan dendam, walaupun terhadap orang yang mendendamnya. Beliau suka mendengar pendapat atau buah fikiran orang lain dan sentiasa menimbangkan pendapat atau fikiran itu tanpa mengira daripada siapa terbitnya. Baginya, yang penting ialah perbuatan, fikiran atau perkataan seseorang itu, bukan taraf peribadi orang itu. Beliau tidak sekali-kali suka memaksa kehendak atau fikirannya ke atas orang lain dengan apa jua cara pun. Beliau tidak pernah membuat sesuatu keputusan atau mengambil sesuatu tindakan secara terburu-buru. Tidak pernah melakukan sesuatu melainkan setelah terlebih dahulu dipelajari atau dikaji dari segala segi dengan secermat-cermatnya dan semasak-masaknya.

Menjadi kebiasaan atau amalan Dato' Onn untuk sentiasa meminta fikiran atau nasihat daripada rakan, malah daripada siapa sahaja yang berada di sisinya sebelum beliau mengambil sesuatu keputusan atau tindakan, dengan tidak mengira kebolehan atau kedudukan orang itu. Beliau sentiasa menghormati dan menghargai pendapat atau fikiran orang lain, sekalipun beliau tidak sehaluan dengan pendapat atau fikiran orang itu. Apabila beliau membuat sesuatu keputusan atau mengambil sesuatu tindakan, beliau tidak pernah mengelak daripada menghuraikan kepada pengkritiknya mengapa beliau berbuat demikian atau tidak berbuat begitu. Beliau tidak takut membuat sesuatu keputusan

yang difikirkannya baik atau munasabah. Sebagaimana beliau menghargai fikiran orang lain tanpa mengira siapa orang itu, maka demikianlah juga beliau menghargai seseorang itu dari segi peribadi dan akhlaknya. Pendapatnya terhadap seseorang tidak akan dipengaruhi oleh pangkat atau kebesaran, bangsa atau keturunan, kemiskinan atau kekayaan seseorang itu.

Walau bagaimanapun, Dato' Onn mempunyai pendapat atau pendirian yang tersendiri. Beliau sentiasa berpegang teguh kepada dasar dan prinsip, serta mengutuk sikap sedia bertolak ansur. Tetapi beliau bukanlah seorang yang tasawuf kepada sesuatu atau kepada seseorang. Beliau sedia dan pernah bertolak ansur hanya tentang cara mencapai sesuatu maksud atau tujuan – dan bukan tentang maksud atau tujuan pokok. Misalnya, dalam soal Bahasa Kebangsaan, beliau sedia dan sanggup bertolak ansur tentang bagaimana hendak menjayakan dasar itu, tetapi akan menentang habis-habisan sebarang langkah yang bertujuan menjadikan bahasa lain sebagai bahasa kebangsaan.

Dato' Onn cepat memahami sesuatu masalah atau soalan, dan dengan otak yang tajam serta pengalaman yang luas beliau segera memberikan huraian mengenai sesuatu masalah, khasnya dalam arena politik atau pentadbiran. Dalam hal ini, beliau mempunyai pandangan yang jauh dan selalu pendapatnya itu lebih maju daripada kebanyakan orang. Itulah sebabnya beliau kerap meninggalkan jauh kebelakangan rakan-rakan seperjuangannya atau tokoh politik lain yang semasa dengannya, dari segi cara berfikir atau mengkaji hal atau masalah semasa.

Sungguhpun Dato' Onn sentiasa sedar bahawa fikiran atau huraianya itu lebih baik dan lebih tepat daripada fikiran dan huraian orang lain, tetapi bukanlah menjadi kebiasaan baginya menyogok atau memaksa kemahuan atau fikirannya ke atas orang lain, sama ada dengan cara pujuk atau paksa, seperti yang menjadi kebiasaan pada setengah-setengah pemimpin atau pemerintah demokrasi palsu atau pentadbiran kuku besi. Beliau akan merasa lega dan senang hati apabila orang lain menyetujui pendapat atau fikirannya secara ikhlas.

Bidang pengalaman hidupnya amat luas dan menyeluruh. Beliau pernah menjadi kerani di pejabat kerajaan, dan pernah makan gaji dengan orang. Beliau pernah menganggur tetapi pernah juga menjadi ketua orang, menjadi penganjur, pemimpin kebang-

saan dan menteri kerajaan negeri dan pusat. Tetapi walaupun beliau menjadi apa pun, Dato' Onn tetap dengan "Onn"nya: mujur majal tidak dapat mengubah peribadi, akhlak dan dasar atau prinsip hidupnya. Beliau tahu dan pernah merasai sendiri akan pahit maung dan masam manis hidup kebanyakan manusia di bawah langit atau di atas muka bumi ini, dan pengalaman ini menjadi panduan dan pedoman kepadanya sepanjang hayatnya.

Dato' Onn tidak pernah menghampakan orang susah yang datang mengadu hal atau meminta pertolongan daripadanya. Beliau memberi bantuan sekadar yang terdapat olehnya sama ada dengan wang ringgit ataupun dengan tenaga keringatnya. Seperkara yang beliau tidak pernah tahu melakukannya adalah membuat janji yang tidak dapat ditunaikan atau membuat janji yang bohong semata-mata. Beliau sangat benci dan mengutuk perbuatan atau amalan itu sekeras-kerasnya.

Dato' Onn cukup tahu tentang mulia dan hina, senang dan susah, mewah dan payah. Pengetahuan yang didapatinya mengenai tuntutan hidup manusia seperti itu bukan hanya daripada teori tetapi juga daripada pengalaman peribadinya sendiri. Sama ada ketika susah atau senang, payah atau mewah, hidupnya adalah untuk menolong orang, berkhidmat dan berkorban kerana masyarakat, bangsa dan tanah air. Beliau tidak pernah menghampakan mereka yang betul-betul susah dan meminta pertolongan daripadanya, kerana beliau tahu bagaimana rasa hampa itu menikam hati seseorang yang benar-benar menderita. Beliau tidak keberatan menghulur bantuan setakat yang termampu dengan hati yang ikhlas dan tidak mengharapkan sebarang balasan. Beliau menganggap bahawa setiap usaha dan derma bakti daripada seseorang adalah untuk masyarakat seluruhnya. Beliau merasa cukup terhibur apabila sesuatu sumbangan daripadanya dapat meringankan bebanan atau penderitaan orang yang susah.

Sifat belas kasihan, bertimbang rasa serta murah hati yang bersemadi dalam jiwanya sangat menawan. Memang susah bagi seseorang yang telah bercampur rapat dengannya dapat melupakan sifatnya yang mulia itu. Satu lagi sifat yang ada padanya, dan mengatasi sifat yang lain ialah kesediaannya memaafkan perbuatan silap atau salah orang lain, biar bagaimana buruk dan besar silap atau salah itu, sama ada terhadap diri ataupun keluarganya. Tetapi beliau tidak sanggup memaafkan jika kesalahan itu mempunyai

kesan yang merosakkan perjalanan keadilan atau mengganggu keamanan dan keselamatan masyarakat akibat pengabaian tanggungjawab untuk faedah diri sendiri. Tidak ada tolak ansur darinya dan baginya tentang menghukum mereka yang didapati bersalah melakukan rasuah atau pecah amanah, sekalipun yang tersalah itu sahabat baik atau keluarganya sendiri.

Beliau tidak pernah menggunakan kuasanya sebagai Menteri Besar atau Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengganggu pelaksanaan tugas atau tanggungjawab oleh pegawai kerajaan yang bertindak ke atas sahabat handai atau kaum keluarganya. Beliau tidak berani secara melulu membela atau mempertanggungjawabkan kebersihan rakannya melainkan setelah beliau menyiasat dan berpuas hati bahawa mereka benar-benar tidak terlibat dalam perbuatan curang, pecah amanah atau rasuah. Janganlah diharapkan bahawa seseorang yang berakhlak seperti Dato' Onn, ketika membela orang kesayangannya, misalnya, berani berkata, "Saya jamin sahabat saya itu tidak makan suap. Saya berani tahan tengkuk saya sendiri kalau dia makan suap".

## Disiplin dan Akhlak

Dato' Onn mempunyai disiplin yang tegas dalam kehidupannya. Ketika bekerja, beliau bekerja terus dan kadangkala tidak berhenti-henti selagi tugas itu belum selesai dan selesai dengan sempurna. Tiap-tiap yang diusahakan atau dikerjakannya, dilakukan dengan penuh minat. Beliau menumpukan sepenuh masa dan seluruh tenaganya kepada tugas itu supaya hasil usahanya memuaskan. Menurut rakan-rakannya dan Datin Halimah, Dato' Onn sering bekerja siang malam dan hanya berhenti setelah ditahan orang kerana kepentingan kesihatannya.

Beliau mengerah orang lain supaya bekerja sekuat dirinya bukan dengan mulut tetapi menerusi tingkah-lakunya sendiri. Beliau mendorong orang lain supaya berusaha atau bertenaga sepertinya dengan menjadikan dirinya sebagai contoh pekerja yang rajin dan berminat dalam segala apa yang dikerjakannya. Ada masanya beliau terus bekerja sehari suntuk di meja tanpa menghiraukan makan dan minum. Semasa bertugas dengan *Warta Malaya* dan *Lembaga Malaya* beliau pernah kelihatan di mejanya bekerja dari pagi hingga petang dan membawa ke malam. Beliau

makan sedikit, minum pun sedikit, bahkan tidur pun sedikit juga. Sebaik-baik amalan bagi seseorang adalah makan untuk menghilangkan lapar dan minum untuk menghilangkan dahaga. Yang makan kerana hendak kenyang dan yang makan sehingga kenyang ialah manusia yang masih belum dapat menghentikan dirinya daripada beramal seperti kambing atau lembu di padang, yang tidak berhenti-henti makan selagi belum kenyang.

Memang benar, Dato' Onn tidak banyak makan dan tidak banyak tidur. Bolehlah dikatakan bahawa hampir seluruh masa jaganya dipenuhi dengan tugas rasmi atau sendirian. Beliau tidak memilih dan tidak cerewet tentang makanan, tidak seperti kebanyakan pembesar. Semasa menjadi pengarang *Warta Malaya* dan kemudiannya pengarang *Lembaga Malaya*, Dato' Onn tidak pernah keluar makan tengah hari. Beliau terus bekerja di mejanya dari pagi hingga petang. Apa yang diperlukannya untuk mengalas perutnya ialah rokok, coklat dan minuman; seperti teh atau kopi. Datin Halimah mengesahkan bahawa suaminya tidak cerewet atau memilih tentang makan minumannya. Katanya, apa yang dihidangkan dan apa yang di hadapannya, itulah yang dimakannya. Jarang-jarang benar beliau kelihatan atau kedengaran meminta orang di sebelahnya, ketika makan, tolong "kirikan" itu, tolong "kirikan" ini atau menghulurkan lauk itu atau lauk ini yang terletak jauh darinya. Beliau tidak suka mengganggu keseronokan orang lain untuk kepentingan seleranya. Beliau juga tidak memilih siapa yang patut duduk makan atau bersembang denganya. Baginya, *formality* tidak ada sama sekali.

Dato' Onn tidak makan puji dan tidak laparkan puji. Kerana itu beliau tidak mudah terpesona dengan kepujian. Beliau cukup cerdas meninjau motif yang terselindung di sebalik sesuatu tindakan yang dilakukan oleh seseorang terhadap dirinya. Beliau tidak memerlukan orang memuji-mujinya untuk menunaikan tugas dan tanggungjawabnya. Ramai manusia daripada kalangan atasan mencari-cari orang untuk memujinya kerana dengan pujian, dapatlah mereka menghilangkan dahaga egonya. Tetapi Dato' Onn tidak makek angkat dan tidak suka pula didewa-dewakan.

Salah satu sifat terpuji Dato' Onn ialah kesediaannya memaafkan orang. Maaf bermaaf adalah sehati dengan jiwa dan jasadnya. Beliau suka dan sedia menemui atau ditemui oleh sesiapa sahaja pada bila-bila masa tanpa temu janji, walaupun pada masa



dan ketika beliau menjadi Menteri, baik di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan. Dato' Onn ialah seorang pemimpin atau penganjur atau pembesar yang murah hati, tangannya sentiasa terbuka kepada mereka yang dalam kesempitan atau yang ditimpa kemalangan dan memerlukan bantuan umum. Beliau sentiasa memikirkan atau mengutamakan kepentingan orang lain yang patut diberi pertolongan lebih daripada kepentingannya sendiri.

Dato' Onn adalah seorang pemimpin yang jujur, ikhlas, penuh dengan simpati dan bertimbang rasa terhadap manusia di sekitarnya. Beliau tidak mabuk kuasa, pangkat atau kebesaran, dan tidak pula beliau terpengaruh oleh kekayaan atau perempuan. Beliau kebal daripada dijejasi oleh rasuah. Wang ringgit atau kekayaan, pangkat atau kebesaran tidak berupaya mempengaruhi kekuatan akhlaknya agar menyeleweng daripada dasar atau pegangan hidupnya, baik pada masa beliau menganggur di tengah-tengah masyarakat ataupun ketika berjawatan tinggi dalam kerajaan.

Beliau menerima gelaran Sir daripada Mahkota Inggeris bukan kerana inginkan martabat atau ketinggian dunia tetapi kerana kepentingan hubungan dan persefahaman antara British dengan orang Melayu khususnya, dan penduduk Malaya umumnya. Pihak British memberikan penghormatan tersebut kepadanya kerana menghargai perkhidmatan beliau semasa memegang jawatan tertinggi dan agar anugerah itu mendatangkan faedah kepada kedua-dua buah negara yang bersahabat. Tetapi gelaran Sir itu digunakan oleh seteru politiknya untuk meracuni fikiran dan perasaan rakyat dengan mengatakan bahawa Sir ialah seutas 'rantai emas' yang dikalungkan oleh penjajah ke leher "anak emasnya".

Sebenarnya anugerah itu ditawarkan oleh Raja Inggeris kepada Dato' Onn mula-mulanya pada tahun 1947 lagi, tetapi beliau menolaknya setiap kali tawaran itu dibuat.

Kerenggangan antara British dengan Dato' Onn bermula sebaik sahaja pihak British mengetahui bahawa Dato' Onn tidak sedia atau sanggup menerima beberapa syarat kemerdekaan yang pernah dibayangkan oleh pegawai tertinggi British kepadanya. Perubahan sikap British terhadapnya berlaku pada 1951 setelah Lyttleton berkunjung ke Malaya dan menemuinya, serta meninjau tokoh-tokoh politik yang terkenal, termasuk pemimpin UMNO, MCA

dan pertubuhan politik lain yang ada di Malaya pada masa itu. Sekembalinya ke London, Lyttleton mungkin telah membuat laporan bahawa jika Dato' Onn tidak dapat menerima syarat kemerdekaan yang telah dibayangkan kepadanya, maka ada tokoh politik lain yang berpengaruh dan sanggup memenuhi kehendak British sebelum Tanah Melayu diberikan kemerdekaan.

Keinginan tokoh politik yang anti-Onn memenuhi syarat kemerdekaan seperti yang telah dibayangkan oleh British pada 1951, dan itu mendorong Whitehall menyusun langkah supaya kerja sama dan sokongan penuh diberikan kepada golongan rakyat yang bergerak memperjuangkan kemerdekaan menurut garis yang telah ditentukan oleh Pejabat Tanah Jajahan. Dato' Onn telah tewas dari awal-awal lagi dalam persaingan untuk merebut restu daripada British dalam perjuangan mencapai atau menerima kemerdekaan.

Dato' Onn mengenang dan menghitung nasib bangsa Melayu lebih daripada nasib diri atau keluarganya sendiri. Beliau tidak mahu melihat orang Melayu menderita lebih teruk lagi selepas Malaya merdeka jika merdeka dengan mematuhi sepenuhnya syarat yang ditentukan oleh penjajah. Syarat yang pernah dibayangkan oleh British pada masa itu, antara lain, ialah semua orang yang berada atau bermastautin di Malaya, dan semua orang yang dilahirkan di Malaya (termasuk Singapura, Pulau Pinang dan Melaka) secara automatik jadi warga negara Malaya pada hari Malaya diisytiharkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, dengan taraf yang sama dengan negara-negara anggota Komanwel.

Dalam pertarungan politik tanah air, Dato' Onn tidak pernah main kotor. Beliau lebih suka berkawan dengan si bodoh yang rajin, jujur dan mendengar kata, serta bersungguh apabila bekerja, daripada si cerdek yang malas, bingal dan acuh tak acuh. Sepanjang hayatnya, beliau hidup tanpa berpura-pura. Bukanlah amalannya untuk mengatakan putih itu hitam dan hitam itu putih, atau manis dikatakan pahit dan pahit dikatakan manis, walau kerana muslihat atau kepentingan apa jua pun. Kepadaanya, hitam itu sentiasa hitam, putih sentiasa putih, manis sentiasa manis dan pahit sentiasa pahit. Beliau sentiasa berpegang dan berpegang kejam kepada realisme dan kenyataan. Tidak ada tawar menawar atau tolak ansur dalam soal prinsip dan tidak ada siapa pun dapat memujuk atau mengugutnya supaya menyeleweng daripada segala pegangan hidupnya.

Dato' Onn tidak pernah mempunyai minat untuk mengumpulkan harta, mencari kekayaan bagi diri, keluarga atau anak cucunya, terutamanya semasa mempunyai pengaruh atau kuasa seperti ketika memegang jawatan Menteri Besar dan kemudiannya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Salah seorang sahabat karibnya menceritakan bahawa pada suatu hari ia (sahabat itu) telah didatangi oleh seorang Cina yang ingin membawa masuk ke Malaya anggota keluarganya dari negeri China. Orang itu sanggup mengeluarkan 'sedikit belanja' untuk Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri jika sanak saudaranya dibenarkan menetap di negeri ini. Sahabat baik Dato' Onn itu pun datang menemuinya dan menyampaikan tawaran orang Cina itu berhubung kebenaran untuk keluarganya berpindah ke Malaya.

Dato' Onn dengan tenang dan sabar memasang telinga mendengar apa yang diceritakan oleh sahabatnya itu. Sesudah itu, dengan rasa agak marah sedikit Dato' Onn menjawab, "Haji, saya tak dapat menerima tawaran seperti itu. Tak usahlah awak datang berjumpa saya kalau ada lagi tawaran-tawaran yang seperti itu."

Sungguhpun demikian sikap dan reaksinya terhadap sogokan atau rasuah, lawan politiknya kerap menuduh Dato' Onn membenarkan berpuluh-puluh ribu orang dari luar masuk ke negeri ini dan memberikan keizinan menetap. Tetapi statistik negara membuktikan bahawa semasa Dato' Onn menyandang jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga bertanggungjawab terhadap imigresen, jumlah orang asing masuk ke Malaya amat sedikit berbanding jumlah yang masuk ke Tanah Melayu sebelum itu, iaitu semasa pemerintahan Malaya belum lagi mempunyai "Member System" atau sistem bermenteri. Menurut statistik Malaysia yang terakhir, jumlah orang Melayu di seluruh negara sekarang adalah kurang sedikit daripada separuh daripada 10,000,000 orang yang menetap di Malaysia seluruhnya.

## Hidup Berumahtangga

Dato' Onn mendirikan rumah tangga dengan Datin Halimah binti Hussein pada 3 Mei 1921. Perkahwinan ini ialah kali yang ketiga bagi Dato' Onn dan kali yang kedua bagi Datin Halimah. Mereka hidup teman meneman selama 41 tahun sebelum Dato' Onn berpindah dari alam yang fana ke alam yang kekal.

Dato' Onn berkahwin bagi kali pertamanya dengan Rafi'ah, salah seorang anak angkat kepada Dato Ja'afar. Hasil perkongsian hidup ini lahirlah tiga orang anak, kesemuanya perempuan. Mereka ialah Hawa, Rokiah dan Salehah. Rafi'ah meninggal dunia semasa anak bongsu mereka, Salehah, berumur 10 hari. Daripada isteri yang kedua, Dato' Onn mendapat seorang anak perempuan lagi, tetapi anaknya itu meninggal dunia semasa bayi lagi. Beliau bercerai hidup dengan isteri yang kedua ini.

Datin Halimah ialah seorang balu yang jelita apabila Dato' Onn mengahwininya pada 1921. Suami Datin Halimah yang pertama ialah Muhammad, salah seorang saudara tua Dato' Onn. Setelah isterinya yang pertama, Rafi'ah, meninggal dunia dengan meninggalkan tiga orang anak yang masih kecil, Datin Halimahlah yang menolong memelihara anak-anak Dato' Onn yang telah kehilangan ibu itu. Beliau menolong Dato' Onn memelihara Hawa, Rokiah dan Salehah tanpa beza membeza dengan anak-anak kandungnya sendiri, Abid dan Abidin. Anak Dato' Onn bersama dengan Datin Halimah ialah Hussein (kemudian menjadi Perdana Menteri), Ja'afar, Gharieb, Nel, Nurziah dan Tahir.

Dengan tidak disangka, tibalah pula panggilan Ilahi kepada abangnya Muhammad. Sekarang tinggallah Datin Halimah pula dengan anak-anak yang tidak berayah, bersama-sama di bawah satu bumbung dengan Dato' Onn serta anak-anaknya yang tidak beribu lagi. Dato' Onn merasa terlalu terhutang budi kepada balu muda yang jelita itu dan pernah pula menjadi ipar kepadanya. Datin Halimah telah bersusah payah dan bertungkus lumus menolong memelihara tiga orang puterinya yang masih kecil itu. Beliau menyaksi sendiri bagaimana Datin Halimah memelihara dan mengasuh anak-anaknya dengan jujur dan ikhlas, dan menumpahkan kasih sayangnya kepada mereka seperti anak kandungnya sendiri. Beliau juga memerhatikan bagaimana Hawa, Rokiah dan Salehah telah mesra dan sayang kepada Datin Halimah, sementara anak-anak Datin Halimah yang kini kehilangan bapa itu telah mesra dan sayang kepada Dato' Onn sebagai ganti ayah kandung mereka sendiri. Tambahan pula, Dato' Onn mendapati Datin Halimah ialah seorang wanita yang bijak, lagi rupawan serta pandai pula menghambat hati. Sudah tentulah sifat-sifat itu mempunyai keupayaan menambat.

Dalam iklim kekeluargaan yang sarat dengan semangat harmoni, kerja sama, saling bantu membantu dan bersemarak dengan perasaan muhibah dan mesra, angin asmara semula jadi mula bertiup dari hati ke hati, hari demi hari, menduduki dua jiwa dan jasad yang masing-masing merindui teman hidup baru untuk mengambil tempat yang sudah tiada dan tidak kunjung kembali buat selama-lamanya. Dato' Onn kehilangan isteri yang telah meninggalkan anak-anak yang masih kecil. Datin Halimah telah kehilangan suami yang juga telah meninggalkan anak-anak yang masih kecil. Untuk kepentingan dan kebahagiaan anak-anak masing-masing, dan untuk kebahagiaan mereka berdua, Dato' Onn dan Datin Halimah bersetuju mendirikan rumah tangga.

Pesan orang tua-tua, kalau hendak mencari isteri janganlah cari apa yang dipilih oleh mata, tetapi carilah isteri yang dipilih oleh telinga kerana isteri yang dipilih menerusi telinga lebih baik dan lebih kekal daripada isteri yang dipilih melalui mata. Tetapi merpati dua sejoli ini memilih satu sama lain dengan mengguna mata dan telinga sekali. Agaknya kerana itulah Dato' Onn dan Datin Halimah berjaya berkongsi hidup selama genap 41 tahun. Mereka hidup sebagai aur dengan tebing dan bergerak ke sana sini seperti keronco dengan belangkas hingga lapuk oleh kain sehelai.

Dato' Onn berkahwin dengan Datin Halimah pada 3 Mei, 1921 dan beliau menghembus nafas terakhir di pangkuan isterinya yang dikasihi pada 20 Januari 1962 di tanah tumpah darahnya, Johor Bahru. Mereka hidup susah sama susah, senang sama senang selama hampir setengah abad.

Pada Dato' Onn, kaum ibu adalah mulia dan wajar dihormati kerana tanggungjawab dan tugas-tugas mereka sebagai ibu, suri rumah tangga dan teman hidup berkelamin. Beliau tidak pernah menganggap kaum ibu sebagai alat untuk memuaskan nafsu berahi, atau sebagai jentera untuk semata-mata melahirkan anak dan membiakkan baka. Beliau melayani isteri bukan hanya sebagai pasangan kelamin tetapi juga sebagai teman hidup dalam erti kata yang sebenarnya. Isteri ialah pemelihara atau pententeram jiwa suami, dan harta suami yang paling tinggi nilainya ialah isteri yang menyenangkan hati. Baginya, isteri ialah kapal induk kepada suami yang pergi dan pulang ke rumah dalam usaha seharian untuk mencari rezeki dan lain-lain kepentingan atau keperluan hidup. Janganlah hendaknya isteri dianggap sebagai gambus, selepas main

digantung sahaja di dinding. Hidup bersuami isteri akan terjamin kekal apabila kedua-duanya sentiasa menaruh simpati dan rasa mesra antara satu sama lain. Simpati dan mesra yang setimpal antara suami isteri akan menjamin hidup bahagia yang berkekalan. Untuk membolehkan hidup berkeluarga berjalan dengan licin dan lancar dari semasa ke semasa mestilah pula ada kesediaan kedua-dua pihak untuk bertolak ansur dan percaya mempercayai antara suami sama isteri. Dasar inilah yang telah menjadi panduan dan amalan hidupnya sepanjang masa beliau berumah tangga dengan Datin Halimah. Segala sifat dan pengalaman yang diperlukan itu memang sedia ada pada Dato' Onn dan isterinya. Inilah rahsianya mengapa mereka berdua berjaya hidup berkeluarga terus menerus dengan riang gembira selama lebih empat puluh tahun.

Datin Halimah tidak menafikan tentang adanya perselisihan faham antaranya dengan Dato' Onn. Tentulah tidak dapat diterima oleh akal adanya suami isteri yang tidak pernah berselisih faham dalam masa hidup bersama berpuluh-puluh tahun. Tetapi menurut Datin Halimah, perselisihan faham itu hanyalah perbezaan pendapat mengenai sesuatu hal yang timbul daripada usaha atau ikhtiar bersama untuk mencari kebaikan dalam pengurusan rumah tangga dan cara-cara yang lebih baik untuk menarik anak-anak supaya meminati pelajaran atau membiasakan diri untuk membuat sesuatu pekerjaan yang perlu bagi kesempurnaan rumah tangga.

Dato' Onn sentiasa menaruh kepercayaan yang penuh kepada isterinya, terutama sekali dalam urusan rumah tangga. Beliau sentiasa bersikap lemah lembut terhadap anak isteri. Dari awal perkahwinannya lagi, beliau tidak pernah campur tangan dalam hal pengurusan rumah tangga, khasnya tentang perbelanjaan sehari-hari. Misalnya, menurut Datin Halimah, semasa Dato' Onn menjadi Menteri Besar, setiap bulan beliau menyerahkan kepada isterinya 1000 Ringgit daripada gajinya yang berjumlah lebih kurang 1200 Ringgit untuk perbelanjaan rumahtangga. Yang selebihnya itu diambilnya untuk perbelanjaannya sendiri. Daripada wang yang seribu ringgit itulah Datin Halimah berbelanja bukan sahaja untuk keperluan keluarga tetapi juga untuk perbelanjaan jamuan yang diadakan oleh Dato' Onn sekali sekala di rumahnya untuk pelawat, termasuk mereka yang datang dari luar negeri.

Dato' Onn tidak suka menggunakan kemudahan pemerintah untuk kegunaan peribadi. Beliau boleh menggunakan balai pemerintah, umpamanya, untuk meraikan tetamunya, tetapi beliau lebih suka mengadakan majlis ramah tamah seperti itu di rumahnya sendiri.

Pernah beberapa kali Datin Halimah merungut kerana gagal memujuk suaminya supaya mendapatkan perabot dan pinggan mangkuk yang sesuai dan lengkap untuk 'rumah Menteri;' katanya, bukan untuk rumah 'Dato' Onn'. Kerusi meja yang ada di rumahnya sudah lama dan buruk. Setiap kali ada tetamu VIP, setiap kalilah ia meminjam kerusi meja dari Istana Besar di Johor Bahru. "Itulah kerjanya, berangkat kerusi meja dari Istana setiap kali ada orang datang di rumah," Datin Halimah menceritakan. Beliau pernah mengadu kepada Dato' Onn, "Kerusi meja di rumah kita ini sudah buruk. Takkan boleh jadi dengan berangkat sahaja dari Istana setiap kali ada tetamu di rumah." Tetapi rayuannya itu tidak pernah berhasil. "Pada suatu hari," Datin Halimah menyambung, "Tunku Abu Bakar datang ke rumah saya. Dia terus duduk di kerusi kami yang buruk itu. Nah! Apa lagi, 'terperesuk' (terpelosot) ke bawah. Bila saya gesa Dato suruh beli apa-apa yang diperlukan, jawabnya, "Nantilah dulu." Rakyat di kampung tak ada api, tak ada air. Pakaiannya pun cuma berapa helai. Rakyat dalam serba kekurangan. Itulah selalu jawabannya, pada halnya alat-alat itu semuanya diperlukan untuk rumah Menteri bukan untuk saya atau untuk dia."

Sebagaimana beliau tidak mengambil berat tentang perediaan atau peralatan rumah tangga, begitulah juga tentang pakaian dan makan minumannya sendiri. Apa sahaja yang dibeli atau yang disediakan oleh Datin Halimah, itulah yang dipakai atau dimakannya. Dato' Onn tidak tahu bersikap cerewet. Beliau tidak pernah membuat tuntutan yang berlebihan atau keterlaluan, apatah lagi yang tidak munasabah. Kata-kata seperti berikut pernah terdengar daripada mulut Datin Halimah sendiri, "Saya sahajalah yang mengambil berat tentang pakai patutnya. Dia tak kira apa. Apa ada sahaja, jadilah. Kadang-kadang kita sendiri naik segan memikirkan yang dia itu seorang Menteri, pada hal pakaiannya begitu rupa. Dia tak peduli. Satu perkara sahaja yang dia sentiasa ambil berat, iaitu dia tak sanggup membelakangkan anak isteri. Belum pernah dia buat begitu lagi. Tiap-tiap hal yang

terjadi padanya mestilah dia beritahu saya. Dia sentiasa bersikap lemah lembut dan kasih mesra kepada semua di dalam rumah. Siapa sahaja yang di dalam rumah dianggapnya sebagai keluarga."

Dato' Onn menganggap isteri bukan sahaja sebagai teman kelamin tetapi sebagai kawan dan sahabat yang paling damping dalam hidup seseorang manusia. Beliau mengetahui apa yang patut diketahui oleh isteri dan apa yang perlu disampaikan oleh suami kepada isteri untuk pengetahuannya.

Dalam masa berehat di rumah atau pada masa lapang, Dato' Onn suka sekali berbual-bual dengan isterinya akan hal-hal yang berlaku seharian. Beliau tetap berpegang kepada pendapat bahawa isteri itulah tempat mengadu hal dan mencari keimbuan hati.

Rumah tangga yang bahagia dengan kelamin yang saling kasih mengasih sudah tentu akan dapat melahirkan keluarga yang kasih mesra, sentosa dan bahagia. Tetapi segala-gala ini tidak bererti semestinya ada rumah yang besar, lengkap dengan perabot yang mahal-mahal, ada beberapa orang gaji dan tukang kebun, tukang masak yang pandai dan beberapa orang hamba sahaya. Unsur-unsur yang penting sebagai ramuan hidup berkeluarga yang ria dan bahagia ialah persefahaman antara suami isteri dan harmoni di kalangan anggota keluarga.

Dato' Onn dan Datin Halimah berjaya menjadikan persefahaman dan harmoni di kalangan keluarga sebagai batu asas bangunan rumah tangga dan keluarga yang bahagia. Sungguhpun hidup mereka jauh daripada semewah dan semakmur yang disangka orang, tetapi rumah tangga dan keluarga mereka kaya dengan suasana mesra, ria gembira dan bahagia lebih daripada apa yang terdapat di rumah atau di kalangan keluarga kebanyakan hartawan yang sentiasa hidup dalam kemewahan.

Rumah tangga dan keluarga menjadi sumber terpenting yang kuat mempengaruhi dan menentukan cara dan ragam hidup setiap seorang yang menjadi anggota keluarga. Cara dan gaya hidup dan kehidupan keluarga menentukan corak sesuatu masyarakat dan susunan dan bentuk masyarakat dalam sesebuah negeri yang menentukan pula bentuk jiwa bangsa dan corak negara. Yang demikian, rumah tangga dan keluarga yang harmonis dan bahagia dapat melahirkan masyarakat yang baik yang sanggup pula membentuk suatu bangsa dan negara yang berdisiplin dan dinamis.



Anak-anak Dato' Onn kuat terpengaruh oleh cara hidup dan cara berfikir kedua-dua orang tua mereka. Dato' Onn dan Datin Halimah cukup mengetahui dan bersungguh-sungguh menunaikan tanggungjawab bersama mereka sebagai ibu dan bapa. Anak-anak yang mereka pelihara itu telah besar, menjadi dewasa, penuh dengan rasa kasih sayang dan mesra terhadap ibu bapa dan adik beradik mereka.

Dato' Onn, sebagai seorang bapa, telah berjaya menanam semangat kekeluargaan, persahabatan dan kemasyarakatan dalam jiwa anak-anaknya, baik lelaki atau perempuan. Beliau sentiasa kelihatan riang gembira apabila berada di sisi anak-anak dan isterinya, seolah-olah tidak ada tempat lain lagi di bawah langit ini yang dapat menghiburkan dia seperti di rumah tangganya sendiri. Manusia yang belum mempunyai anak kandung sendiri belum lagi mengetahui dan mengalami bagaimana rasanya kasih sayang yang tumbuh daripada kehidupan berkeluarga atau berumah tangga.

Dato' Onn yakin bahawa sebaik-baik cara membentuk perangai dan akhlak anak-anak adalah dengan cara ibu bapa itu sendiri menunjukkan contoh atau teladan yang baik dan memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang praktis, bukan hanya dengan berteori atau main mulut sahaja. Cara ini - cara praktis - adalah lebih baik dan lebih berkesan daripada hanya mengharapkan mereka jadi baik, amanah, rajin dan berazam sedangkan sifat-sifat itu tidak diperlihatkan atau dipraktikkan oleh ibu bapa sendiri.

Dato' Onn sentiasa bersikap lemah lembut terhadap anak-anaknya. Sifat yang mulia dan tingkah-laku yang baik itu menjadi contoh yang besar pengaruhnya bukan sahaja di kalangan keluarga sendiri tetapi juga antara sahabat handai dan jiran. Sifat lemah lembutnya itu sangat ketara. Beliau tidak pernah bercakap dengan suara yang keras, kasar atau membentak atau bertutur kasar dengan anak isterinya. Ini dinyatakan sendiri oleh salah seorang anaknya, Kapten Hussein.

"Saya tidak teringat sejak kecil hinggalah saya besar, orang tua saya itu pernah bercakap keras atau kasar kepada saya. Kalau saya telah melakukan sesuatu kesalahan, dia akan panggil saya dan diterangkannya kepada saya kesalahan yang telah saya lakukan itu serta dijelaskannya mengapa saya tidak patut lagi membuat kelakuan atau melakukan kesalahan yang seperti itu."

Dato' Onn cukup menyedari betapa pentingnya anak-anak itu diberi pelajaran. Bapa yang tidak mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak ialah anasir yang mengkhianati generasi dan masyarakatnya sendiri. Dato' Onn bukan daripada golongan pengkhianat generasi dan masyarakat. Mengkhianati generasi dan masyarakat bererti mengkhianati bangsa dan negara sendiri. Beliau berusaha sedaya upayanya untuk memberikan seberapa banyak dan seberapa tinggi pelajaran kepada anak-anaknya. Kapten Hussein mengesahkan hal ini dengan berkata, "Dari segi pelajaran, ayah saya selalu mengingatkan saya, 'Masa belajar, belajarlah kuat-kuat. Masa main, mainlah puas-puas. Sebelum habis pelajaran lupakanlah kesukaan' yang tidak memberi faedah kepada saya kelak." Pelajaran sangat penting kepada anak-anak. "Bapa yang tidak memberi pelajaran kepada anak-anak samalah seperti orang membela pencuri", kata pepatah Inggeris. Pepatah Yunan pula berkata, "Pelajaran ialah hiasan bagi orang kaya, dan tempat berteduh bagi orang yang di dalam kesusahan."

Dato' Onn tidak pernah berlaku berat sebelah ketika menyelesaikan sesuatu perselisihan atau pertikaian antara anak-anak-nya. Beliau sentiasa mengambil jalan tengah, berlaku adil dengan tidak mengecilkan hati yang satu kerana memihak kepada yang lain. Beliau sentiasa bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap semua anggota keluarganya. Setiap anggota keluarga Dato' Onn menaruh kepercayaan dan keyakinan yang penuh kepadanya. Mereka tidak pernah membelakangkan beliau dalam apa jua masalah pun. Mereka sentiasa mendampingi bila timbul sesuatu masalah yang tidak dapat mereka selesaikan sesama sendiri. Dengan kata lain, bagi keluarganya Dato' Onn bukan sahaja sebagai seorang suami dan bapa tetapi juga sebagai seorang sahabat, penasihat dan pengadil. Inilah yang telah menjadikan Dato' Onn tempat tumpuan taat setia, kasih sayang, manja, mesra, dan pusat harapan bagi setiap anggota keluarganya.

Senjata sulit yang pernah digunakan oleh Dato' Onn untuk menawan hati orang ialah keupayaannya membuat orang suka melakukan sesuatu yang dikehendakinya. Pusaka yang paling besar nilai yang ditinggalkan olehnya kepada anak isteri dan keluarganya bukanlah ladang getah yang melaut luasnya; bukanlah lombong bijih yang menambun isinya dan bukanlah rumah sewa yang berderet-deret, tetapi sifat kemanusiaan yang luhur dan

murni: merendah diri, jujur, bertimbang rasa, sabar, berbudi, tekun dan tabah dan semangat keperibadian sendiri, berjiran, bersahabat, bermasyarakat, bernegara dan semangat berkhidmat.

Antara pesanan yang ditinggalkan oleh Dato' Onn untuk sanak saudaranya yang tidak akan dapat dilupai bukan sahaja oleh kaum keluarganya tetapi juga oleh umat Melayu seluruhnya adalah seperti yang disampaikan oleh Kapten Hussein, iaitu:

"Apabila seseorang itu jatuh, janganlah ditindih lagi. Sepatutnya dia diberi pertolongan. Ini akan menunjukkan bahawa seorang itu ada berperasaan insaf atas kesusahan orang lain." Seterusnya beliau menambah, "Pesannya saya sangat ingat. Cara hidupnya ialah semata-mata hendak menolong dan memberi bantuan seberapa boleh olehnya kepada orang yang bernasib kurang baik. Pandangan hidup Allahyarham ayah saya yang meninggalkan kesan pada saya ialah berperasaan insaf, halus budi bahasa dan bertimbang rasa kepada orang lain."

Dalam hal ini, Datin Halimah juga tidak ketinggalan menambah kata, "Dato bekerja semata-mata kerana negeri, rakyat dan rajanya - kerja, kerja, kerja, siang malam, kerja sahaja. Bila bekerja dia tak ingatkan rumah tangga, anak isteri . . ."

Sungguhpun pesanan mestika yang tersebut di atas telah ditinggalkan untuk anak isteri dan keluarganya, tetapi isi kandungannya wajar diterima sebagai pesanan kepada seluruh bangsa Melayu kerana dengan mengamalkan apa yang telah dipesan oleh Dato' Onn, umat Melayu akan dapat membina keperibadian yang murni dan masyarakat yang berakhlak tinggi.

## Kawan dan Teman

Dato' Onn, semasa menyandang jawatan menteri, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan, tidak mempunyai banyak sahabat dalam erti kata yang sebenar. Beliau tidak suka, misalnya, menjalin persahabatan yang erat dengan orang kaya, hartawan atau jutawan. Beliau sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam hal ini kerana beliau seorang yang kuat berpegang kepada prinsip. Baginya sesuatu langkah keselamatan untuk memelihara prinsipnya adalah menjauhkan diri daripada anasir atau petualang yang meraih persahabatan semata-mata untuk kepentingan sendiri dengan tidak sekali-kali memikirkan kepen-

tingan masyarakat. Beliau tidak sanggup menjadi alat atau diperalatkan untuk kepentingan sesuatu pihak dan dengan itu merosakkan pihak yang lain. Beliau sentiasa berjaga-jaga dan mengawal diri daripada menjadi mangsa petualang yang mengejar kekayaan melalui pemimpin kerajaan atau kemudahan pemerintah.

Dato' Onn sebenarnya tidak ada banyak peluang untuk mencari kawan dan walaupun ada peluang tersebut, maka tidaklah mudah beliau dikawani. Ini tidak bererti beliau menentang dasar atau amalan berkawan atau bersahabat tetapi sebaliknya, beliau mempunyai prinsip dan falsafah hidup yang jarang-jarang ditemui pada kebanyakan orang. Beliau suka berkenal dengan banyak orang tetapi hanya sedia menjadikan sahabat kepada orang yang terlebih dahulu diketahuinya betul-betul boleh dipercayai dan ada semangat hendak menolong orang susah. Beliau cukup memilih dalam hal mencari sahabat, tidak "tangkap muat" sahaja seperti orang memungut lokan.

Dato' Onn tidak ingin bersahabat dengan sesiapa pun kerana sebab yang lain daripada tujuan bersahabat. Tetapi pernah terjadi pada dirinya, iaitu setengah-setengah orang yang mengaku diri mereka sebagai sahabat telah menjadikan beliau mangsa petualangan mereka. Beliau bersedih jika petualangan orang seperti itu merugikan orang perseorangan tetapi lebih bersedih dan sesal lagi jika petualangan mereka itu merugikan masyarakat.

Dato' Onn tidak mempunyai banyak sahabat mungkin kerana serik apabila selalu benar beliau kena membayar harga yang terlalu mahal akibat persahabatan yang terjalin tanpa waspada atau berhati-hati. Apabila beliau sudah menganggap dan menerima seseorang itu sebagai sahabat, akan ditumpukannyalah segala kepercayaan, keikhlasan dan kejujurannya terhadap sahabatnya itu. Beliau tidak akan mundur daripada berusaha berganding bahu dalam apa juga tugas atau urusan yang sahabatnya itu memerlukan bantuannya. Sahabat yang setia adalah laksana penawar kepada penyakit, tetapi sahabat yang palsu pula samalah seperti bayang-bayang yang kelihatan hanya apabila ada cahaya matahari.

Dato' Onn menyedari bahawa bukan semua orang yang memuji itu sahabat. Tetapi beliau sedar bahawa jelingan sahabat itu lebih baik daripada senyuman seteru, dan musuh yang nyata itu lebih baik daripada sahabat yang palsu. Pesan orang tua-tua, pilihlah sahabat seperti memilih buku: biar sedikit bilangannya tetapi

tinggi mutunya. Cara yang paling mudah mencari sahabat adalah dengan melatih diri sendiri terlebih dahulu untuk menjadi sahabat kepada orang lain.

Dato' Onn tidak ada banyak kawan kerana beliau tidak ada masa dan tidak ada peluang untuk mencarinya. Ini kerana kebiasaannya beliau tidak suka bersenang-senang membuang masa. Setiap detik waktu mesti dipenuhi atau digunakan untuk sesuatu yang berfaedah. Beliau cukup menyedari tentang wujudnya pelbagai kecuaiian, kelekaan, kepincangan, kesalahan dan kecurangan dalam masyarakat di sekitarnya, malah di seluruh dunia, yang mesti dibetulkan dan mesti dihapuskan, dan kalau boleh, supaya rakyat dapat mencapai taraf hidup dan akhlak yang lebih tinggi, makanan yang lebih banyak, pakaian yang lebih baik dan tempat berteduh yang lebih selesa dan sempurna.

Manusia yang cukup makan, cukup pakai dan ada mempunyai tempat berteduh, dan manusia yang hidup tidak menderita, tidak akan terpengaruh atau tertarik hati untuk melakukan perbuatan yang mencabul tata tertib, harmoni dan keutuhan masyarakat dan ketenteraman negara.

Setengah-tengah orang yang mengaku sahabat dan berlagak sebagai sahabat tidak mempunyai hati sahabat. Persahabatan yang seperti itu biasanya berpunca daripada keinginan seseorang hendak mencari kesempatan, kesenangan atau faedah dirinya atas penat lelah, kerugian atau penderitaan orang lain. Dato' Onn pernah menolong orang susah dengan jumlah wang yang bukan sedikit. Pertolongan yang diberikan itu kerana Allah semata-mata. Tetapi beliau pernah juga mengalami kata nista daripada orang yang ditolongnya itu sebaik sahaja orang itu sudah senang atau mendapat sesuatu kedudukan baik dalam masyarakat atau sesuatu kelompok. Janganlah mengharapkan sesuatu yang bersih daripada "manusia atau haiwan yang dipungut dari tong sampah." Menolong sesuatu yang seperti itu tidak ubahlah daripada menolong melepaskan anjing tersepit di pagar. Banyak lagi hal yang terjadi, seperti orang yang terdahulu pernah datang menyusun jari meminta pertolongan daripadanya telah berpaling tadah dan bertugas sebagai anai-anai mengeruk kayu dari dalam sesudah Dato' Onn tidak lagi berkuasa dan tidak pula berpengaruh seperti pada mulanya. Tetapi beliau bukanlah seorang yang pendendam.

Dato' Onn ialah seorang pengajur yang berjiwa besar dan sentiasa sedia memaafkan sesiapa sahaja.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa antara sebab yang membawa kepada gagal atau kecewanya Dato' Onn dalam pertarungan politik tanah air kerana terlalu banyak menaruh kepercayaan dan harapan kepada anasir petualang yang mendampinginya sewaktu beliau berada di puncak kejayaan. Tetapi anasir itu juga yang kemudiannya menjadi tangga yang menghempap Dato' Onn sendiri sesudah beliau jatuh di gelanggang politik.

Sekiranya pemimpin Melayu, malah Cina dan India, yang pernah menjadi penyokong dan pendokongnya, bersikap jujur, ikhlas dan setia kepadanya dan sanggup memberikan fikiran atau kritik yang membina, mengenai segala langkah atau tindakan yang telah diambilnya, mungkin beliau dapat meneruskan perjuangan kebangsaannya dengan lebih sempurna dan berkesan, dan harus beliau dapat mengelakkan kegagalan seperti yang telah dialaminya dalam tahun lima puluhan.

Orang di sekeliling Dato' Onn pada masa itu memberikan sokongan hanya selagi ternyata di mata dan di hadapan mereka bahawa kejayaan Dato' Onn dapat memberikan kedudukan yang baik dan menjamin masa hadapan mereka. Sesungguhnya kebanyakan daripada mereka banyak mengecap nikmat peribadi daripada hasil perjuangan dan pengorbanan Dato' Onn. Apabila kekecewaan mula mengganti kejayaan, orang itu mulalah menjauhkan diri dan sejeurus kemudian berpaling tadah dan setengah-setengahnya berterus terang menyokong tokoh politik lain yang bertentangan dengan Dato' Onn. Yang lain lagi tidak menoleh ke belakang lagi ataupun bertanya khabar sama ada Dato' Onn sakit atau sihat, senang atau susah, hidup atau mati!

Semasa Dato' Onn menjadi tokoh yang berpengaruh besar lagi berkuasa, mereka enggan memberi nasihat atau mengemukakan kritikan secara membina kerana bimbang kalau tegurannya itu menjejaskan hubungan antara mereka dengan Dato' Onn, dan itu nanti akan merosakkan peluang atau kedudukan mereka. Apa yang dekat sekali di hati mereka ialah kepentingan dan kedudukan diri mereka. Yang demikian, mereka telah berdiam diri, seperti tikus jatuh ke beras atau ular sawa yang baharu sahaja dapat menelan anak kambing, tidak bergerak kerana kekenyangan. Mereka berpaut dan terus berpaut kepada kedudukan yang selamat yang

telah dapat mereka capai daripada kejayaan Dato' Onn, sedangkan Dato' Onn tidak mempunyai suatu apa pun untuk diri atau keluarganya. Mereka membisu diri dan enggan bersuara untuk kebaikan perjalanan Dato' Onn dan partinya walaupun mereka sedar ada kelemahan dalam rancangan atau usaha Dato' Onn dalam memperjuangkan nasib orang Melayu di tanah air mereka sendiri.

Di kalangan sahabatnya, Dato' Onn terkenal bukan sahaja sebagai seorang yang berani, lasak dan degil tetapi juga sebagai seorang yang bersifat lemah lembut. Di perdu sifat berani, degil dan lasak itu berimbun sifat belas kasihan dan bertanggungjawab terhadap orang yang di dalam kawasan atau daerah perlindungannya. Beliau sentiasa mengambil berat tentang nasib orang yang menaruh harapan kepadanya, dan tidak pernah mengecewakan sahabatnya melainkan atas sebab yang tidak dapat diatasinya sendiri.

Dato' Onn, seperti yang jelas diketahui, ialah seorang yang berpegang teguh kepada prinsip. Apabila beliau tidak dapat memberikan pertolongan kepada sahabatnya atas sebab prinsip, beliau tidak segan atau teragak-agak lagi memberitahu mereka secara berterus terang tanpa menghiraukan reaksi mereka terhadapnya. Beliau tidak tahu dan tidak mahu berpura-pura.

Pada suatu ketika, semasa beliau menjadi Menteri Besar Johor, salah seorang kerani daripada salah sebuah pejabat kerajaan di Johor Bahru, yang juga mempunyai hubungan keluarga dengannya, menemuinya dan meminta beliau menolongnya mendapatkan rumah murah daripada Kerajaan. Setelah mendengar rayuan kerani itu, dengan tenang Dato' Onn menerangkan kepadanya, "Tujuan Kerajaan membina rumah murah itu adalah untuk menolong rakyat yang miskin dan susah mendapatkan tempat berteduh yang sempurna. Awak ada kerja dan bergaji besar juga. Awak mampu membeli rumah yang lebih besar dan lebih baik daripada itu. Saya tidak boleh menolong awak."

Dato' Onn mempunyai perhitungan sendiri ketika menilai peribadi seseorang. Hatinya sentiasa terbuka untuk siapa sahaja yang ingin bersahabat dengannya, tanpa mengira taraf, pangkat atau kaya miskin. Beliau sentiasa berada di tengah-tengah kalangan sahabat yang dalam kesusahan atau kecemasan.

Sahabat-sahabatnya mengenal dia sebagai orang yang paling tahan lasak selain paling lemah lembut bertutur kata. Di sebalik

tahan lasak itu, bersemadi rasa bertanggungjawab dan belas kasihan terhadap mereka yang mengharapkan bantuan atau pertolongan daripadanya. Beliau seorang yang peramah, murah hati dan sentiasa merendah diri serta setia kepada sahabat-sahabatnya tetapi taat setianya yang utama ialah terhadap dasar tanggungjawab, kewajipan dan tugas yang ada di hadapannya. Beliau tidak akan meneruskan persahabatannya dengan seseorang yang menyeleweng daripada jalan yang benar.

Memang benar bahawa sahabat ialah rempah ratus yang menceriaikan hidup seseorang. Sahabat boleh diumpamakan seperti air yang menyegarkan tumbuh-tumbuhan; seperti matahari yang menerangkan pada waktu siang; dan seperti bulan yang menjadi penyuluh pada waktu malam. Tetapi jika kurang celik dalam memilih sahabat, air yang menyegarkan itu boleh membanjiri akar umbi dan memusnahkan tumbuh-tumbuhan itu sendiri; matahari yang menerangkan itu boleh menghanguskan; dan bulan yang menjadi penyuluh pada waktu malam itu boleh melali dan melekakan seseorang hingga terbengkalai pekerjaannya.



## Onn dan Raja

### Menentang Kezaliman



Dato' Onn berkhidmat dengan Kerajaan Johor dari tahun 1911 hingga 1949, bermula sebagai kerani hingga tamat berkhidmat sebagai Menteri Besar Johor. Tetapi dalam perenggan masa yang tersebut beliau dua kali dipecat kerja, bahkan dibuang negeri oleh Sultan Ibrahim; kali pertama pada 1920 dan sekali lagi pada 1926. Dato' Onn dibuang kerja kerana "Sultan murka," tetapi sebab kemurkaan itu tidaklah diketahui dengan sebenarnya, sungguhpun desas desus di sana sini menghebahkan bermacam-macam sebab yang bercorak peribadi dan yang bercorak dasar.

Pada zaman pemerintahannya, Sultan Ibrahim termashyur sebagai seorang raja yang memerintah dengan gaya dan ragamnya yang tersendiri. Sungguhpun ada Jemaah Menteri yang menjadi badan penasihat kepadanya, tetapi Baginda tidak tertakluk atau terikat dengan nasihat atau keputusan yang dibuat oleh badan itu. Baginda bertindak melantik atau membuang anggota badan itu sesuka hatinya. Baginda berkuasa menerima atau menolak sebarang keputusan badan itu atas apa juga perkara berhubung dengan Kerajaan atau pentadbiran negeri Johor.

Al-Marhum Sultan Ibrahim ialah seorang raja yang bijak, banyak pengalaman dan luas kekuasaannya. Dalam zaman pemerintahannya, titah perintah Baginda menjadi undang-undang, tidak ada siapa pun yang berani membantahnya. Sungguhpun ada penasihat British di negeri itu sejak 1905 lagi, tetapi pemerintahan secara autokratik oleh Sultan berjalan terus sehingga ke tahun tiga puluhan. Sultan boleh berbuat apa sahaja yang berkenan olehnya.

Dalam mana-mana negeri yang berpemerintahan autokratik, biasalah terdapat ramainya orang yang berusaha mencari kedudu-

kan dengan berbuat baik kepada pembesar negeri dan pembesar pula berlumba-lumba atau berebut-rebut antara satu dengan lain untuk mendapatkan kedudukan yang istimewa di sisi raja. Oleh itu, tidaklah dihairankan kalau terdapat banyak terjadi perkara hasad dengki, hasut menghasut, fitnah menfitnah dan khianat mengkhianati di kalangan Istana dan di tengah-tengah masyarakat. Masing-masing mempunyai hanya satu tujuan, iaitu mencari kedampingan dengan raja untuk kepentingan diri masing-masing. Tidak ada yang berani menegur terhadap apa sahaja yang berlaku sekalipun kejadian itu merosakkan masyarakat dan merugikan negara. Jika ada pun di kalangan rakyat yang taat setia, jujur dan ikhlas kepada pemerintah atau raja, maka terpaksa mereka memejamkan mata, memekakkan telinga dan membusukan mulut kerana keselamatan diri dan keluarga.

Sudah diketahui umum bahawa Sultan Ibrahim pernah memenjara orang yang tidak bersalah dari segi undang-undang, tetapi mungkin telah menjadikan Baginda murka atas sebab yang tidak digemari oleh Baginda sendiri. Banyak orang yang berkhidmat dalam Askar Timbalan Setia Negeri (Johor Military Forces) dikerah membuka ladang baharu milik Sultan. Mereka juga dikerah untuk membuat padang lumba kuda di Pasir Pelangi dan satu lagi yang berhampiran tempat itu untuk menempatkan lembu yang dipelihara oleh Sultan Ibrahim kerana susunnya. Pada mulanya, Sultan Ibrahim bertanam getah rambung kerana harganya di pasaran dunia baik, tetapi setelah pokok getah itu besar, terdengarlah pula khabar bahawa harga getah biasa naik lebih tinggi daripada getah rambung. Lalu Baginda memerintahkan supaya semua pokok getah rambung yang tengah naik itu dicabut dan dibuang sahaja, dan digantikan dengan getah yang ada sekarang. Lebih seribu ekar tanah di kawasan Pasir Pelangi telah ditanam dengan pokok getah tersebut. Kemudian Baginda memerintahkan pula supaya dibuka lagi ladang getah baharu di kawasan dinamakan Tasik Utara, yang kemudiannya disebut Ulu Air Molek. Luas kedua-dua ladang getah Sultan Ibrahim itu pada masa itu ialah tiga ribu ekar.

"Orang-orang Bukit" (anggota-anggota Johore Military Forces) yang telah dikerah bekerja di ladang-ladang getah Sultan itu tidak diberi layanan yang sewajarnya, bahkan mereka dipaksa bekerja dalam keadaan yang sangat mendukacitakan. Orang yang

lari kerana tidak tahan bekerja di situ apabila dapat ditangkap, dimasukkan ke dalam penjara dalam keadaan yang lebih dahsyat lagi.

Sungguhpun perbuatan zalim seperti itu telah menjadi pengetahuan umum, tetapi tidak ada siapa pun yang berani membuka mulut, merayu apatah lagi merungut atau membantah terhadap peristiwa yang menyayat hati itu dan dideritai oleh manusia yang tidak berdosa. Sekuat-kuat bantahan yang dapat dilakukan oleh rakyat dalam negeri adalah menitikkan air mata secara diam di ruang rumah yang sunyi dan sepi.

Tetapi ada beberapa kerat manusia yang tidak tahan hati mendengar dan melihat hal-hal yang seperti itu berlaku terus menerus tanpa disekat dan dihentikan. Antara mereka itu ialah seorang putera Johor yang benar-benar merasakan pada dirinya sendiri akan penderitaan yang dialami oleh anggota-anggota Johore Military Forces yang dipaksa menebas hutan, menebang pokok dan menanam getah dalam keadaan yang mendukacitakan. Orang itu ialah Onn bin Ja'afar yang baru sahaja dipecat daripada jawatannya oleh Sultan Ibrahim sendiri. Beliau tidak dapat membisukan mulutnya setelah mendengar dan melihat sendiri bagaimana perbuatan zalim itu dilakukan sewenang-wenangnya. Dato' Onn tidak sampai hati membiarkan manusia yang lemah dan tidak bersalah itu menderita. Lalu beliau membuka mulut dan menyuarakan bantahan terhadap perbuatan yang tidak berperike-manusiaan itu. Segala hal yang berlaku di ladang getah di-Raja di Pasir Pelangi dan di Ulu Air Molek itu dan bantahannya sendiri disiarkan dari semasa ke semasa dalam sebuah majalah dalam bahasa Inggeris, *Sunday Mirror*, yang diterbitkan oleh Richard Sydney di Singapura. Tindakan Dato' Onn itu melahirkan kesan yang baik kerana sungguhpun Sultan Ibrahim bertambah murka terhadap Dato' Onn, tetapi Baginda terpaksa berhati-hati terhadap sesuatu tindakannya pada masa hadapan ke atas rakyatnya sendiri. Itulah pertama kalinya dalam sejarah tanah air, terdapatnya seorang putera Melayu dengan berani mengkritik raja yang berkuasa penuh di negerinya sendiri untuk kebajikan umum.

Satu lagi sebab yang dipercayai telah mengakibatkan konfrontasi selanjutnya antara Dato' Onn dengan Sultan Ibrahim ialah Dato' Onn menentang habis-habisan maksud Sultan Ibrahim hendak memperisterikan lagi salah seorang daripada saudara

perempuannya yang masih dara pada ketika itu. Saudara perempuannya itu adalah salah seorang wanita yang paling jelita di negeri Johor. Terdahulu dari itu, Baginda pernah menjadi ipar kepada Dato' Onn kerana salah seorang daripada kakaknya pernah menjadi salah seorang isteri Baginda. Che Dara binti Dato Ja'afar ialah ibu kepada Tunku Temenggong Ahmad, putera ketiga Al-Marhum Sultan Ibrahim. Pada suatu hari sedang Dato' Onn berehat-rehat di rumahnya, datanglah Dato Abu Bakar bin Buang menemuinya dan meminta beliau bersetuju dengan keinginan Baginda hendak mendirikan rumah tangga dengan saudara perempuannya yang tersebut. Sekali lagi Dato' Onn menolak dengan tegas sambil berkata kepada Dato Abu Bakar, "Saya tidak terima. Kalau Tuanku hendak paksa juga, saya tembak."

Kemurkaan Sultan Ibrahim terhadapnya bertambah lagi apabila kedengaran pula berita yang mengatakan bahawa saudara perempuan Dato' Onn yang berkenaan itu akan mendirikan rumah tangga dengan "orang luar" bukan "orang Johor" bukan rakyat Johor. Memang sudah menjadi kelaziman di negeri Johor pada masa itu, setiap anak raja atau anak orang besar malah anak-anak drebar atau tukang kebunnya juga, yang hendak berkahwin hendaklah terlebih dahulu dipersembahkan kepada Sultan dan setelah mendapat izin daripada raja baharulah boleh pekerjaan nikah kahwin itu dilangsungkan. Setengah-setengah rakyat menganggap raja mereka sebagai wali atau keramat, oleh kerana itu mereka tidak berani membuat sesuatu perkara yang tidak disetujui atau diizinkan oleh raja. Mereka yakin bahawa barang siapa yang menentang atau membelakangkan raja dalam sesuatu hal, seperti perkara nikah kahwin, nescaya padah menimpa nasib mereka pada akhirnya. Tetapi Dato' Onn bukanlah daripada golongan itu. Beliau, dalam hal rumah tangga, lebih cenderung memperhitungkan nasib keluarganya daripada menemui padah kalau titah tidak dijunjungi. Beliau mengambil keputusan bahawa, walau apa pun akan terjadi, perkahwinan saudara perempuannya dengan "orang luar" itu mesti dilangsungkan. Reaksi Sultan Ibrahim terhadap perkahwinan saudara perempuan Dato' Onn itu tidak seberat atau sehebat yang dijangka orang. Baginda diberitakan mengganggu pekerjaan kahwin itu dengan memotong bekalan elektrik ke rumah Ungku Aziz, tempat upacara perkahwinan itu dilangsungkan.

Majlis itu telah berjalan juga, tetapi peserta terpaksa berpuas hati hanya diterangi oleh lampu minyak tanah.

Sesudah tidak bekerja lagi dengan Kerajaan Johor, Dato' Onn serta keluarganya berpindah ke Singapura, dan tinggallah beliau di sana seperti orang dalam buangan, sungguhpun tidak terbuang, selama beberapa tahun. Mereka tinggal di Siglap dan di situlah juga abangnya, Dato Abdullah yang juga telah dipecat daripada jawatan Menteri Besar oleh Sultan Ibrahim, menetap setelah beliau keluar dari negeri Johor. Semasa hidup dalam buangan inilah Dato' Onn mengalami pahit getir hidup yang belum pernah dirasakan olehnya sepanjang hayatnya sebelum ini. Beliau dan keluarganya selalu dalam serba kekurangan tetapi penderitaan lahir dan batin seperti itu tidak sedikit pun menjejaskan semangat, fikiran dan peribadi Dato' Onn, malah penderitaan itu telah mencanai akalinya, mempertajamkan fikirannya dan menjadikan emosinya lebih stabil. Penderitaan juga menjadi dorongan kuat kepada seseorang untuk mencungkil bakat terpendam yang ada padanya.

Bagi Dato' Onn, kepahitan hidup yang sedang dilaluinya itu melahirkan ketabahan untuk mencuba kebolehan dalam lapangan kewartawanan. Jika beliau berjaya, bererti beliau mendapat suatu mata pencarian yang tidak diduganya sebelum ini. Richard Sydney, penerbit *Sunday Mirror*, bersetuju menerima Dato' Onn sebagai penulis untuk majalah mingguannya. Majalah ini digunakan oleh Dato' Onn sebagai halaman untuk membentangkan fikiran, pendapat dan kritiknya terhadap apa yang telah dilakukan oleh Sultan Ibrahim dalam negeri Johor ke atas rakyatnya yang beliau anggap sebagai perbuatan zalim. Konfrontasi antara Dato' Onn dengan rajanya yang selama ini berjalan terus menerus di belakang tirai kini terhampar di lembaran *Sunday Mirror* yang mendapat sambutan hangat, khususnya daripada penduduk negeri Johor.

Setiap suatu yang terjadi atau yang dilakukan oleh Sultan Ibrahim tidak terlepas daripada pengetahuan Dato' Onn dan setiap peristiwa itu disiarkan secara besar-besaran di dada akhbar itu. Apa sahaja yang berlaku pada malam tadinya dapat sahaja diketahui oleh Dato' Onn pada keesokannya. Cara Dato' Onn mengutip atau mengintip sesuatu yang terjadi di Johor Bahru sangat menghairankan penduduk ibu kota Negeri Johor itu, terutamanya Sultan Ibrahim sendiri. Baginda sendiri memberi

amaran kepada pegawai tertinggi Kerajaannya supaya berhati-hati dan berkawal rapi supaya rahsia negeri dan raja tidak bocor dan tidak sampai ke telinga Dato' Onn kerana apa yang sampai ke telinganya sudah barang tentu akan menjadi bahan untuk siaran di ruangan *Sunday Mirror*.

Walau bagaimana ketat sekalipun kawalan yang diadakan, Dato' Onn terus berjaya mendapatkan rahsia itu dengan cepat pula dan ruangan *Sunday Mirror* sentiasa dihiasi dengan kejadian yang berlaku di Negeri Johor.

Berita dan tulisan Dato' Onn dari seminggu ke seminggu nyata mempunyai kesan yang baik, kerana perbuatan ganas dan zalim seperti yang pernah berlaku pada masa terdahulu telah banyak berkurangan. Ramai rakyat Negeri Johor secara diam-diam mengucapkan terima kasih kepada Dato' Onn kerana keberanian dan ketegasannya hingga membawa kepada berkurangnya perasaan takut dan bimbang penduduk Negeri Johor, khasnya terhadap Sultan Ibrahim sendiri.

Dato' Onn terus menerus melaporkan dan mengkritik hal-hal yang berlaku di Johor dalam akhbarinya, khasnya peristiwa yang melibatkan Sultan Ibrahim sendiri. Baginda tidak dapat menutup mulut Dato' Onn dan akhirnya mengambil keputusan menyerahkan perkara *Sunday Mirror* itu kepada peguamnya supaya mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar itu. Tetapi tindakan itu tidak sampai ke mahkamah dan perkara itu lenyap begitu sahaja.

Dengan itu, Dato' Onn menjelma sebagai tokoh yang berani bertindak kerana benar dan sanggup membela manusia yang lemah. Sejak itu, beliau dapat mengukir lambang peribadinya di hati dan dalam ingatan rakyat Negeri Johor sebagai seorang putera negara yang sanggup mengorbankan kepentingan diri sendiri dan masa hadapannya untuk kepentingan keadilan, untuk faedah dan kebahagiaan orang lain.

Segala tulisan yang mengkritik Sultan Ibrahim pada masa itu bukanlah bertujuan untuk mendatangkan aib dan malu kepada diri raja Johor itu sendiri tetapi semuanya itu dilakukan oleh Dato' Onn supaya daripada kritiknya itu akan timbullah keinsafan yang akan diikuti pula oleh usaha yang baik daripada raja itu sendiri bagi memperbaiki perjalanan pentadbiran Kerajaan Johor, dan dengan itu seluruh rakyat mendapat layanan yang adil dan saksama. Dato' Onn mengharapkan bahawa melalui tulisannya

dan kritiknya yang membina itu dapat memberikan sumbangan ke arah kebaikan dan kesempurnaan Negeri Johor kerana semasa berkhidmat dengan Kerajaan Johor dahulu, beliau tidak dapat berbuat demikian oleh sebab, seperti kakitangan pemerintahan lain juga, beliau tidak boleh mengkritik perjalanan kerajaan apatah lagi bersuara membantah perbuatan yang dianggapnya tidak bijak, tidak adil atau zalim.

Sungguhpun pada masa itu ramai orang menganggap bahawa sikap dan tindakan oleh Dato' Onn terhadap rajanya sendiri sebagai perbuatan menderhaka, namun beliau mungkin dapat mempertahankan dirinya bahawa segala apa yang terjadi antaranya dengan Sultan Ibrahim ialah suatu tanggungjawab yang wajar dilakukan oleh rakyat yang taat setia dan kasih kepada raja dengan secara jujur dan ikhlas. Sikap ikhlas dan jujur itu tidak semestinya dicerminkan oleh sikap taat setia membuta tuli sehingga tuli telinga dan bisu mulut tanpa melakukan sesuatu untuk kebaikan raja dan tanah air.

Dato' Onn menganggap bahawa mendiamkan diri terhadap kezaliman adalah menggalakkan perbuatan zalim, jika tidak bersubahat melakukan perbuatan itu sendiri. Pada pandangannya mengkritik atau mengancam perbuatan yang tidak berperikemanusiaan itu adalah satu-satunya bukti ikhlas, jujur dan kasih, jika perkara itu dilakukan oleh raja dan orang yang dikasihi. Pada masa itu, kebanyakan Encik dan Dato sentiasa mengampu raja, dan untuk faedah diri mereka memejamkan mata terhadap apa yang terjadi di depan hidung mereka, sekalipun perbuatan itu menodai keadilan atau tatasusila masyarakat. Dato' Onn bertindak seorang diri mencabar Sultan Ibrahim supaya membaiki perjalanan pemerintahan negeri dan peribadinya sendiri.

Oleh kerana raja telah membenci rakyatnya yang berjuang untuk kepentingan rakyat jelata, maka Dato' Onn juga dibenci oleh kebanyakan pembesar negeri Johor. Memang sudah menjadi kebiasaan zaman, apabila seseorang itu dibenci oleh raja, maka semua yang di dalam dan di sekitar Istana turut membenci orang itu. Tetapi apabila orang yang malang itu pulih kembali disukai oleh rajanya, maka dengan tidak malu dan segan lagi kelompok muka dua atau pengampu itu berbalik menyanjung tinggi orang yang sebentar tadi mereka bencikan, seperti Arab bencikan Yahudi.

Sultan Ibrahim ialah raja yang terkenal kerana bijaksana pemerintahannya, tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa Baginda juga mempunyai kelemahan yang dipusakai oleh kebanyakan raja di seluruh dunia, iaitu mudah makan cucuk. Dan hal yang sangat mendukacitakan ialah banyak terdapat anasir tukang cucuk dalam zaman pemerintahannya. Dato' Onn menentang dengan hebatnya segala perbuatan Sultan Ibrahim yang lahir kerana kelemahannya sebagai manusia biasa. Banyak manusia yang tidak berdosa, termasuk dirinya sendiri, menjadi korban tukang cucuk. Tidak ada perkara yang lebih menyukakan hati tukang cucuk selain melihat mangsa cucuknya itu menderita kerana hasutan dan fitnahnya sendiri. Tetapi kerap juga terjadi peristiwa yang tukang cucuk itu kehabisan mangsa mereka. Biasanya, sesudah berlaku hal seperti itu, barulah Raja mengetahui, siapakah yang salah dan siapa yang benar; siapakah tukang cucuk dan siapa yang menjadi mangsa hasutan dan fitnah itu.

Sultan Ibrahim seorang raja yang amat celeh dan cerdik. Kerap kali Baginda berjaya mengesan siapakah yang jujur, ikhlas dan benar, siapakah kaki ampu, dan siapakah tukang cucuk.

## Kepentingan Raja

Setelah beberapa tahun lamanya menetap dan menjalan kehidupan di Pulau Singapura, serta pernah pula menempuh masa kais pagi, makan pagi; kais petang makan petang, maka tiba-tiba pada 1936, Dato' Onn dipanggil menghadap oleh Sultan Ibrahim. Hasil pertemuan empat mata antara kedua-dua insan itu, Baginda menawarkan Dato' Onn jawatan Setiausaha Sulit kepada Tunku Mahkota Ismail, di samping mengurus hal ehwal peribadi Sultan Ibrahim sendiri. Dato' Onn bersetuju menjunjung titah perintah itu. Sebagaimana artikel Dato' Onn dalam *Sunday Mirror* memeranjatkan rakyat dan menggemparkan negeri Johor, maka begitulah juga seluruh rakyat negeri itu terkejut dan tercengang-cengang bila mendengar berita bahawa Sultan Ibrahim telah berkenan melantik Dato' Onn sebagai Setiausaha Sulit kepada Tunku Mahkota dan pengurus hal ehwal peribadi Baginda sendiri.

Seperti yang diketahui, akibat pertikaian peribadi antara Sultan Ibrahim dengan Dato' Onn, Baginda melucutkan Dato' Onn daripada jawatannya pada 1926 dan menghalaunya keluar dari



Johor. Tentu ada yang bertanya: apakah yang menyebabkan Baginda berubah sikap terhadap Dato' Onn? Tidakkah ada orang lain yang layak memegang jawatan itu? Memang ada ramai orang atau pegawai yang pandai dalam kerajaan dan negeri Johor, tetapi dari mula lagi Sultan Ibrahim telah dapat mengesan dan menyedari bahawa sikap dan kaliber Dato' Onn adalah teristimewa daripada orang lain di sekitarnya. Baginda tidak teragak-agak meletakkan kepercayaan dan harapan keluarga di-Raja dan nasib negeri Johor kepada Dato' Onn. Baginda memutuskan bahawa hanya seorang yang cekap, cerdas dan cergas seperti Dato' Onn sahaja dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berat terhadap diri dan negerinya. Mungkin Baginda telah merasa sesal kerana tindakannya yang terburu-buru terhadap Dato' Onn tujuh tahun yang lalu. Tawaran kerja yang dibuatnya kepada Dato' Onn bolehlah dianggap sebagai satu langkah yang halus dan tidak secara langsung sebagai langkah meminta maaf atau menyesali akan kesilapannya yang telah lalu, yang mungkin sekali akibat perbuatan tukang cucuk.

Bagaimanapun, penerimaan Dato' Onn terhadap tawaran rajanya itu adalah satu keimbuan yang besar nilainya di sisi Sultan. Dengan penerimaan itu, tentulah Baginda dapat menghilangkan rasa terkilan padanya sejak tindakannya ke atas Dato' Onn. Harus ada pula yang menyangka, tentulah ada sesuatu motif yang mendesak mengapa dengan mudah sahaja Dato' Onn menerima tawaran itu sedangkan tujuh tahun terdahulu beliau dipecat daripada jawatannya dan dihalau keluar dari negeri Johor seperti anjing buruk kepala. Tambahan lagi, pada masa itu Dato' Onn sedang mempunyai kedudukan yang baik sebagai pengarang dan penerbit mingguan *Lembaga Malaya* dan harian *Lembaga*.

Dato' Onn menerima tawaran di-Raja itu tanpa sebarang motif yang lain, kecuali hendak berkhidmat semula kepada raja dan tanah air tempat tumpah darahnya, untuk faedah bersama raja, rakyat dan negeri Johor. Taat setianya kepada Raja dan Johor mengatasi perhitungan lain, malah nasibnya sendiri pada masa hadapan. Beliau menyedari bagaimana rajanya telah menjadi mangsa tipu helah "tukang cucuk" yang berada di dalam dan sekeliling Istana. Beliau mengetahui betul-betul beberapa orang, termasuk dirinya sendiri, yang telah mengalami nasib yang buruk akibat tindakan raja yang mendapat nasihat yang salah daripada

pengampu, "tukang cucuk" dan juruiring yang masih tercokol di sekeliling Baginda dan sekitar Istana. Hampir 40 tahun lamanya, iaitu antara tahun 1911 ke 1951, Dato' Onn memberikan khidmat yang taat setia kepada Johor, tanah tumpah darahnya dan kepada rajanya, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar.

Pada 1938, Dato' Onn diutus oleh Sultan Ibrahim ke Amerika Syarikat sebagai utusan muhibah Johor yang turut serta dalam pameran sedunia yang diadakan di San Francisco. Dato' Onn dan isterinya, Datin Halimah, masih berada di Amerika Syarikat apabila pecah Perang Dunia II di Eropah. Dato' Onn mengirimi kawat kepada Sultan Ibrahim bertanyakan sama ada beliau perlu tinggal di Amerika Syarikat untuk meneruskan tugasnya sebagai ketua perwakilan Johor dalam Ekspo di San Francisco. Baginda memerlukan perkhidmatannya "untuk menjaga aku" di tanah airnya sendiri. Oleh yang demikian, Dato' Onn dan isterinya berangkat pulang ke Johor pada 1939.

Pada 1938, Sultan melantik sebuah jawatankuasa istimewa untuk mengkaji kedudukan Johor berhubung dengan dasar British hendak memulangkan balik kuasa Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri Melayu yang menjadi anggota Persekutuan Tanah Melayu. Dasar British ini melibatkan juga negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, termasuk Johor. Pada sepintas lalu, nampaklah bahawa British bersungguh-sungguh hendak memulangkan balik kuasa yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan kepada Raja-raja yang memerintah negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, tetapi motif langkah ini yang sebenarnya adalah setelah dasar "decentralization" (membahagi-bahagi kekuasaan dari pusat) dilaksanakan, maka negeri-negeri Melayu yang sembilan itu akan dicantumkan dan ditadbirkan oleh sebuah pemerintahan pusat. Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan dan Johor menolak cadangan memasuki Persekutuan Tanah Melayu dari dahulu lagi kerana lebih suka wujud bersendirian tanpa kongkongan daripada sebarang pemerintahan pusat.

Dato' Onn dapat mengesan motif di sebalik dasar British itu awal-awal lagi. Beliau dilantik oleh Sultan menjadi salah seorang anggota jawatankuasa khas yang telah menyediakan satu laporan terhadap dasar pemulangan kuasa dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada negeri-negeri anggotanya. Jawatankuasa itu berpendapat bahawa Johor tidak akan mendapat faedah yang

lebih dengan memasuki mana-mana Persekutuan yang didirikan di Tanah Melayu, bahkan Johor akan kehilangan beberapa punca hasil negeri jika negeri itu memasuki sebuah Persekutuan. Sultan Ibrahim menerima laporan jawatankuasa khas itu dan Baginda akan menolak sebarang langkah ke arah mencantumkan negeri Johor ke dalam suatu persekutuan yang ada dalam perkiraan British. Johor tidak sanggup menjadi bahan ujian pentadbiran British, dan mungkin telah menjadi mangsa percubaan politik kolonial British seperti dalam tahun sebelum Perang Dunia II jika tidak ada orang yang cekap dan celeh seperti Dato' Onn yang dapat memimpin dan menasihati Sultan dalam hal pentadbiran negeri.

Dato' Onn terus memperhambakan diri kepada raja negerinya dengan penuh taat setia dan jujur. Bukan sekali, bukan dua kali, tetapi setiap kali yang perlu. Dato' Onn tidak pernah gagal dan kesal berbakti kepada raja dan negerinya dengan sepenuh keikhlasan dan kejujuran tanpa mengharapkan sesuatu bagi faedah diri atau keluarganya.

Kasih sayang dan taat setia Dato' Onn kepada raja, bangsa dan tanah airnya nyata terbukti pada masa kecemasan, seperti yang berlaku pada masa Jepun melancarkan perang di Timur Jauh dan ketika antara selepas Jepun menyerah kalah dengan sebelum tentera British kembali menduduki Tanah Melayu. Tiga bulan lamanya Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu dengan mengganas serta membunuh beberapa ramai rakyat yang tidak berdosa dengan sewenang-wenangnya.

## Kasihkan Tanahair

Setelah Jepun melancarkan perang di Timur Jauh pada 8 Disember 1941, dan bom gugur di sana sini di Kelantan, Selangor, Johor dan Singapura, ramai orang dari Malaya, terutama orang bukan Melayu, meninggalkan Tanah Melayu untuk mencari perlindungan di seberang laut, seperti di India dan Australia.

Dalam masa kelam kabut akibat kemaraan askar Jepun yang telah berjaya menembusi pertahanan British di Mersing dan Muar dan seluruh Malaya hanya menanti saat jatuh ke tangan Jepun, seorang jutawan Cina yang terkenal di seluruh Malaya, Dato Wong She Fun, datang menemui Dato' Onn dan mengajak dia dan keluarganya meninggalkan negeri Johor dengan segera untuk

pergi ke India bagi menyelamatkan diri. Tidak berapa lama selepas itu, datang pula putera kedua Sultan Ibrahim, - Tunku Aris Bendahara, menggesa Dato' Onn supaya turut serta dengannya dan keluarganya berpindah ke India sebelum terlambat.

Dato' Onn mengucapkan terima kasih atas budi baik mereka kerana mengambil berat terhadap keselamatan dirinya dan keluarganya. Kepada mereka berdua, Dato' Onn menjelaskan bahawa beliau tidak sampai hati dan tidak mahu meninggalkan raja, rakyat dan Negeri Johor yang sedang terancam dalam kancah peperangan. Beliau teringat bahawa ketika tercetus perang Dunia II di Eropah, dan pada masa itu beliau dan keluarganya berada di San Francisco, Sultan Ibrahim memanggilnya pulang segera ke Johor. Beliau menyedari bahawa rajanya memerlukan beliau berada di sampingnya dalam masa darurat. Baginda pernah bertitah, "Onn, aku mahu engkau menjaga aku. Jangan ke mana-mana". Kata itu masih berdentung di telinganya ketika jutawan Cina dan Tunku Aris Bendahara mengajaknya meninggalkan raja dan tanah air yang amat dikasihinya itu. Tentulah orang harapan raja seperti Dato' Onn tidak tergamak meninggalkan raja yang meletakkan kepercayaan dan harapan yang besar kepadanya ketika tanah air dilanggar musuh.

Jawapan yang diberikannya kepada Tunku Aris Bendahara nyata menggambarkan dengan tepatnya kesetiaan yang murni kepada raja dan tanah airnya, Negeri Johor: "Tidak patut patik meninggalkan raja, rakyat dan Negeri Johor. Kalau apa pun hendak jadi biarlah patik di sini, di sisi Ke Bawah Duli, dan bersama rakyat dalam negeri Johor." Dato' Onn tidak bergerak ke mana-mana melainkan berada di samping Sultan Ibrahim sehingga tentera Jepun menduduki Johor Bahru dan Malaya seluruhnya.

Pada 1935, Sultan Ibrahim dengan diiring oleh isteri Inggerisnya yang pertama, melawat Jepun dalam perjalanannya mengelilingi dunia. Baginda mendapat sambutan yang baik di mana-mana sahaja pergi, terutamanya di Jepun. Sri Maharaja Jepun mengurniakan Baginda bintang kebesaran yang tinggi darjatnya. Johor terkenal sebagai negeri yang mempunyai hubungan persahabatan yang erat dengan negeri-negeri tetangga di Asia Tenggara dan negara lain di Timur Jauh, Eropah Amerika. Perhubungan persahabatan antara Johor dengan negara-negara tersebut telah terjalin sejak zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar lagi.

Dalam masa pemerintahan Sultan Ibrahim, syarikat Jepun dibenarkan menjalankan perusahaan melombong bijih besi, terutamanya di Daerah Kota Tinggi dan Batu Pahat. Selain pekerja syarikat lombong, ada ramai orang Jepun di negeri Johor yang membuka ladang getah dan berniaga, seperti membuka kedai tukang gambar, menjual alat-alat permainan, gunting rambut dan restoran. Malah, terdapat juga wanita-Jepun yang menjadi pelacur berlesen di Johor Bahru, seperti juga Singapura dan tempat lain di Malaya pada masa sebelum perang. Sultan Ibrahim sendiri telah mengambil beberapa orang wanita Jepun untuk berkhidmat di Istana Tyresall (Tarsel) di Singapura dan di Bukit Serene, Johor Bahru.

Tentera Jepun yang menduduki Johor memberikan layanan yang baik kepada Sultan Ibrahim dan menghormati Baginda kerana Bintang Kebesaran yang diterimanya sebagai anugerah istimewa daripada Tenno Heika. Atas keselamatannya, Sultan Ibrahim diminta oleh Tentera Jepun supaya berpindah ke Batu Pahat untuk bersemayam di sana semasa Jepun membuat persediaan untuk melancarkan serangan maut ke atas kota Singapura.

Dato' Onn tidak ikut serta berpindah ke Batu Pahat kerana beliau lebih senang berada di tengah-tengah rakyat yang sedang dalam kesusahan kerana semua penduduk bandar Johor Bahru diperintah oleh Tentera Jepun supaya mengosongkan ibu kota itu. Tentera Jepun sedang membuat persediaan untuk menyerang Singapura.

Setelah Sultan Ibrahim berangkat kembali ke Johor Bahru dari Batu Pahat, Baginda memerintahkan Dato' Onn supaya menghadapnya dengan segera. Beliau diberi tugas khas untuk menguruskan hal ehwal peribadi Baginda, seperti sebelum perang dahulu. Sekali lagi, dengan tidak bertanggung atau bertakwil, Dato' Onn menyerahkan diri kepada rajanya untuk diperhambai. Boleh dikatakan hampir sepanjang masa pendudukan Jepun, Dato' Onn menyerahkan dirinya untuk digunakan oleh rajanya bagi kepentingan Baginda.

Beliau menjunjung titah perintah tanpa takwil dan soal. Kesediaan Dato' Onn untuk mengabdikan diri kerana kepentingan raja dan tanahairnya setimpal dengan desakan masa dan keadaan semasa. Dato' Onn memperlihatkan taat setia dan kasih sayang kepada rajanya dengan amalan atau perbuatan, tidak hanya

dengan bibir mulut sahaja. Beliau tidak pernah menghampakan harapan rajanya dan anugerah kasih mesra yang dilimpahkan oleh Sultan ke atasnya seimbang dengan pengorbanan yang telah diberikannya, mungkin lebih daripada itu.

Tetapi Sultan Ibrahim telah tidak dapat menahan Dato' Onn untuk berkhidmat kepadanya lebih lama daripada yang diizinkan oleh pihak berkuasa Tentera Jepun. Pada penghujung pemerintahan Jepun, banyak pertempuran antara kaum berlaku di sana sini di seluruh Tanah Melayu. Pertempuran yang sengit telah diberitakan berlaku di Batu Pahat. Orang Melayu bertempur dengan hebatnya dengan komunis Cina. Kehendak Sultan, kalau boleh, biarlah hendaknya Dato' Onn sentiasa berada di sampingnya buat selama-lamanya. Pihak berkuasa Tentera Jepun tidak nampak orang lain kecuali Dato' Onn yang dapat mengamankan penduduk Melayu dan Cina daripada bertempur dan terus menerus menumpahkan darah. Oleh yang demikian, Dato' Onn berpindah ke Batu Pahat dengan keluarganya sekali. Tugas dan tanggungjawab yang menantinya di sana lebih besar dan lebih mendesak daripada mengawal peribadi raja di istananya. Dato' Onn menyedari sepenuhnya akan hakikat ini. Pemergian beliau ke Batu Pahat bukanlah untuk kepentingan rakyat dan negeri sahaja tetapi untuk kepentingan raja juga.

Sungguhpun beliau berpindah ke Batu Pahat sebagai Pegawai Daerah, tetapi beliau tidak berhenti berulang-alik ke Johor Bahru untuk berada di samping Sultan dari semasa ke semasa atas perintah Baginda sendiri. Keadaan cemas yang dicetuskan oleh pertempuran antara orang Cina dan orang Melayu di Batu Pahat itu kian hari kian buruk. Dato' Onn berusaha sedaya upayanya untuk memulihkan keamanan di daerah itu dan mewujudkan kembali harmoni dan persefahaman antara kaum yang telah dimusnahkan oleh anasir komunis. Dengan bijak, tekun dan tabah Dato' Onn berjaya akhirnya mencegah dan menghentikan pergaduhan Melayu-Cina di Batu Pahat.

Sesudah Jepun menyerah kalah dan keadaan aman damai pulih semula di Batu Pahat, Dato' Onn menerima titah supaya beliau bertukar balik ke Johor Bahru untuk menyambung semula tugasnya yang dahulu, iaitu mengurus hal ehwal peribadi Sultan. Pada 1 Ogos 1946, Baginda berkenan melantik Dato' Onn Pemangku Menteri Besar untuk menggantikan Ungku Abdul Aziz yang telah bersara dan berpindah ke England.

Selain menjadi Menteri Besar Johor, Dato' Onn juga menjadi Yang di-Pertua Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). UMNO disokong oleh semua lapisan masyarakat Melayu, iaitu daripada kaum buruh dan tani hingga kepada golongan terpelajar dan aristokrat. UMNO ialah tenaga politik yang paling kuat di Tanah Melayu. Dari sehari ke sehari, UMNO di bawah pemimpin Dato' Onn, bertambah kuat pengaruhnya. Tidak siapa pun dapat menentang apa yang diperjuangkannya untuk bangsa dan nusa. UMNO mempunyai keupayaan yang cukup kuat untuk mengubah corak politik dan pemerintahan di Tanah Melayu, dan inilah yang telah dilakukan olehnya selama ini dengan penuh kejayaan.

### Tak Sedap Hati

Iklm politik yang dilahirkan oleh UMNO pada masa Dato' Onn masih menjadi pemimpin agungnya telah menimbulkan, bukan sahaja rasa tidak senang hati tetapi juga rasa tidak sedap hati di kalangan pihak berkuasa British dan Raja-raja Melayu sendiri. British bimbang akan kehilangan tanah jajahannya dan Raja-raja Melayu pula khuatir akan kehilangan kuasa mereka, kalau UMNO berjaya merebut kemerdekaan tanpa adanya kerjasama antara UMNO di satu pihak dan Raja-raja Melayu serta British di satu pihak yang lain. Buat beberapa ketika sebelum Malayan Union digulingkan, UMNO benar-benar menjadi jaguh, bahkan gergasi politik Tanah Melayu yang mendapat sokongan daripada rakyat jelata dan Raja-raja Melayu sepenuhnya. Tetapi sesudah Malayan Union tumbang, anasir antikebangsaan telah menakut-nakutkan Raja-raja Melayu terhadap UMNO, terutama ketika pengaruh Dato' Onn kian memuncak. "Jarum" penjajah mula berjalan meresapi urat saraf hubung antara Dato' Onn dengan Raja-raja Melayu, yang mengakibatkan pergeseran dan akhirnya sengketa pahit antara beliau dengan Raja-raja Melayu. Segala-galanya berpunca daripada usul Dato' Onn mengenai perlantikan seorang Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu.

Rasa curiga dan bimbang Raja-raja Melayu bertambah kuat kerana usaha Dato' Onn membawa kemajuan politik tanah air seperti yang terbayang dalam cadangannya mengenai jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi itu. Kalau dalam masa negara masih

belum merdeka, sudah pun ada rancangan hendak menempatkan seorang rakyat pada suatu kedudukan yang lebih tinggi daripada Raja-raja Melayu, tentulah sesudah merdeka nanti akan timbul berbagai-bagai cadangan atau tindakan ke arah mengurangkan kuasa Raja dan memperkukuhkan pemerintahan pusat.

Dalam zaman pemerintahan kolonial, Raja-raja telah dipisahkan daripada rakyat melalui dasar pura-pura penjajah kononnya untuk kepentingan dan keselamatan Raja-raja, dan untuk kesenangan dan kebahagiaan rakyat yang diperintah. Menurut kebiasaan, pihak berkuasa penjajah bukan sahaja memisahkan Raja daripada rakyat tetapi juga sentiasa melaksanakan dasar diskriminasi ke atas rakyat supaya mereka bersengketa antara sesama sendiri dan tertutuplah segala peluang untuk bersatu padu di kalangan rakyat sendiri. Dengan hal yang demikian, penjajah terus menerus bertunjang kuat menguasai tanah jajahannya atau wilayah naungan seperti yang terdapat tidak lama dahulu di Timur Tengah dan Asia Tenggara, khususnya. Rakyat tanah jajahan dididik begitu cara hingga mereka sehati dengan perasaan bahawa tidak ada pemerintah yang lebih baik, lebih jujur, lebih murah hati, dan lebih segala-galanya, selain pemerintahan kolonial.

Sayugia diingat bahawa Dato' Onn berjaya menumpaskan Malayan Union kerana sokongan dan penyertaan Raja-raja dan rakyat jelata yang terdiri daripada bangsa Melayu pada keseluruhannya. Untuk berjuang terus bagi mencapai kemajuan politik selanjutnya, Dato' Onn masih memerlukan banyak lagi sokongan atau kerjasama, walaupun tidak penyertaan Raja-raja Melayu. Tetapi sekarang Raja-raja Melayu tidak sepakat atau sekata lagi dalam sokongan mereka terhadap Dato' Onn, malah mereka mengambil sikap menentang Dato' Onn secara terang-terangan setelah berlaku pertikaian yang hebat antara Dato' Onn dengan Sultan Badlishah dari Kedah berhubung cadangan Dato' Onn supaya seorang putera Melayu dilantik menjadi Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan itu dikemukakan kepada Majlis Raja-raja Melayu untuk diterima dan kemudiannya dimajukan kepada pihak berkuasa British untuk diluluskan.

Sultan Badlishah, yang menjadi jurucakap Raja-raja Melayu dalam hal ini, melahirkan pendapatnya bahawa dengan mewujudkan suatu jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi seperti yang



dicadangkan oleh Dato' Onn itu bererti akan ada seorang Melayu yang mendapat kedudukan lebih tinggi daripada Raja-raja Melayu itu. Antara pengkritik atau penentang Dato' Onn, terdapat anasir yang menyangka bahawa Dato' Onn membuat cadangan itu dengan tujuan tersembunyi, iaitu untuk membolehkan dirinya sendiri dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tertinggi yang pertama. Kempen menentang Dato' Onn di kalangan Raja-raja Melayu bertambah hebat apabila Sultan Johor terpengaruh untuk turut serta menentang Dato' Onn.

Tetapi pihak yang rapat dengan Dato' Onn pernah membelanya dengan menafikan bahawa cadangan jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi dibuat oleh Dato' Onn bukanlah didorong oleh suatu motif peribadinya, tetapi inisiatif itu lahir daripada keinginannya melihat Tanah Melayu mencapai kemajuan politik setapak demi setapak ke arah taraf berkerajaan sendiri dan akhirnya merdeka terus. Dan daripada sumber yang dapat diyakini, bahawa calon untuk jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi yang sedia ada dalam ingatan Dato' Onn sendiri ialah Tunku Abdul Rahman Putera sendiri. Beliau berfikir bahawa oleh kerana Tunku Abdul Rahman sendiri ialah seorang keturunan raja, mungkin sekali Raja-raja Melayu tidak keberatan menerimanya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Cadangan yang dikemukakan oleh Dato' Onn itu bukan sekali-sekali untuk merendahkan atau menjejaskan taraf kedaulatan Raja-raja Melayu tetapi adalah untuk membuka peluang berlatih kepada anak negeri atau Bumiputera supaya dapat menimba pengalaman apabila dipertanggungjawabkan dengan tugas mengendalikan pentadbiran dan pemerintahan negara setelah tiba masanya nanti, terutama setelah kemerdekaan dicapai.

Tiga perkara lain yang mengganggu perasaan Raja-raja Melayu ialah keinginan Dato' Onn melihat Malaya Merdeka mempunyai seorang Raja atau Sultan yang tidak dijadikan gejala pilihan Majlis Raja-raja setiap lima tahun sekali; kritiknya terhadap sikap Raja-raja Melayu sendiri yang pada mulanya mengambil sikap yang bertentangan dengan Perikatan UMNO-MICA-MIC dan Parti Negara mengenai cadangan supaya Islam dijadikan agama rasmi negara; dan cadangannya tentang betapa perlunya sistem feodal di negeri-negeri Melayu diubah dengan mengurangkan kuasa Raja dan memberikan kuasa yang selengkapnya kepada pemerintahan pusat.

Retak mencari belah: Pertikaian antara Sultan Kedah dengan Dato' Onn berlarutan dan bertambah hebat. Secara rahsia lagi terkawal rapi, Raja Melayu mengkaji hal yang mendukacitakan itu di kalangan Raja-raja sendiri, mungkin dengan tujuan hendak mengambil sesuatu tindakan yang sesuai bagi menghadapi cabaran yang lahir daripada sengketa Onn-Badlishah.

Dalam Persidangan Perhimpunan Agung UMNO di Seberang Prai pada 27 Ogos 1949, Dato' Onn melaporkan apa yang terjadi antaranya dengan Raja-raja Melayu berhubung perkara jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Persidangan itu mengambil keputusan memberi sokongan penuh kepada Yang Dipertua Agung UMNO dengan membaharui ikrar taat setianya kepada Dato' Onn. Sekarang dalam pertikaian mengenai jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi itu, Raja-raja bersua bukan sahaja dengan orang perseorangan dan Dato' Onn, tetapi juga dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu seluruhnya, iaitu UMNO yang telah meletakkan balik Baginda kepada taraf asalnya setelah Malayan Union dimusnahkan.

Kejayaan Dato' Onn mendapatkan sokongan padu daripada UMNO dalam sengketa Onn dengan Raja-raja Melayu memburukkan lagi pergeseran antara Yang Dipertua Agung UMNO dengan Raja-raja Melayu dan tanda bermulanya perpecahan di kalangan orang Melayu. Tidaklah menghairankan jika Sultan Ibrahim terpengaruh dengan pendapat Raja lain bahawa cadangan mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Tinggi untuk anak Melayu itu tidak sesuai dengan taraf Raja-raja sendiri. Tentulah Sultan Ibrahim tidak akan dapat menyesuaikan diri dengan langkah Menteri Besarnya (Dato' Onn) yang telah nyata menganjurkan suatu dasar yang bertentangan bahkan menjejaskan kepentingan dan kedudukan Raja-raja sendiri.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa penasihat Baginda di London yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai Kolonial yang telah bersara, memainkan peranan yang penting semasa Baginda mengkaji kedudukan Dato' Onn sebagai Menteri Besarnya dan sebagai pemimpin politik yang teragung di Tanah Melayu. Baginda cukup mengetahui bahawa semasa lahirnya pada 1946 satu gerakan untuk menggulingkan Sultan Ibrahim kerana menandatangani Treaty MacMicheal, Dato' Onn telah mengambil tindakan yang tidak disangka-sangka oleh pemimpin Melayu Johor seperti Dato Abdul Rahman Muhammad Yasin dan Dr. Awang Hassan,

untuk membela Baginda. Dato' Onn mempengaruhi "pemberontak" itu supaya jangan terburu-buru melaksanakan kempen mereka untuk menurunkan Sultan Ibrahim dan menggantikan Baginda dengan puteranya Tunku Abu Bakar. Tetapi sekarang Sultan Ibrahim melihat langkah yang sedang diambil oleh Dato' Onn berhubung dengan jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi itu sebagai suatu ancaman terhadap semua Raja Melayu, dan langkah itu harus ditentang habis-habisan oleh Raja Melayu dan penyokongnya.

### Sengketa Bukan Peribadi

Retak sudah pun membawa belah. Raja yang mula-mula sekali bersengketa dengan Dato' Onn ialah Sultan Badlishah dari Kedah. Setelah penentangan awalan ini gagal menjejaskan pengaruh Dato' Onn, muncul pula Sultan Johor yang paling gagah antara Raja-raja Melayu untuk mengganyang gergasi politik tanah air. Dari London, dengan secara tiba-tiba sahaja, Baginda memberi kata dua kepada Dato' Onn menerusi salah sebuah akhbar Inggeris di ibu kota negara British itu yang berbunyi: Jika Dato' Onn ingin terus berkhidmat sebagai Menteri Besar Johor, hendaklah ia menghentikan segala dan semua kegiatan politiknya; ini bererti ia mestilah mengundurkan diri daripada menjadi Yang Dipertua Agung UMNO; dan jika beliau tidak dapat memisahkan diri daripada politik, ataupun memisahkan politik daripada dirinya, hendaklah beliau meletakkan jawatannya dengan seberapa segera sebagai Menteri Besar."

Bagi Dato' Onn kata dua dari Sultan Ibrahim itu ialah cabaran secara tidak langsung supaya beliau meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar jika beliau ingin terus berkecimpung dalam politik. Sebaik-baik sahaja kata dua di-Raja itu tertera di akhbar, Dato' Onn memanggil Setiausaha Sulitnya, Haji Anwar bin Haji Abdul Malik, dan mengarahkan supaya menyediakan sepucuk surat letak jawatan sebagai jawapannya kepada apa yang disifatkan oleh Dato' Onn sebagai kata dua daripada Rajanya.

Dengan tujuan untuk memujuk Dato' Onn supaya jangan meletakkan jawatan, Haji Anwar berkata "Dato, titah Tuanku itu cuma diberitakan oleh surat khabar dari sejauh 8000 batu." Dato' Onn menjawab dengan pantas, "Awak bukan tak tahu Tuanku."

Dato' Onn yakin bahawa apa yang telah tersiar dalam akhbar itu adalah betul dan benar, kerana beliau cukup mengerti dan memahami sikap dan hati Rajanya yang mempunyai hubungan tidak putus-putus dengan keluarga dan dirinya sendiri, malah sejak beliau belum dilahirkan lagi.

Sepecuk kawat telah dikirim oleh Dato' Onn kepada Sultan Ibrahim di London menyatakan beliau memohon meletakkan jawatannya untuk menumpukan sepenuh masanya kepada kegiatan politik. Selepas itu, beliau berbincang dengan beberapa orang pegawai tertinggi Kerajaan Johor yang rapat dengannya untuk memilih calon yang patut dicadangkan kepada Baginda sebagai gantinya. Akhirnya rundingan itu bersetuju mencadangkan nama Dato Syed Abdul Kadir untuk dipertimbangkan atau diperkenankan menggantikan tempat yang akan dikosongkan oleh Dato' Onn.

Pada masa itu, Dato Syed Abdul Kadir sedang memegang jawatan Yang Dipertua Lembaga Bandaran, Johor Bahru. Sultan Ibrahim berkenan menerimanya sebagai Menteri Besarnya yang baharu untuk menggantikan Dato' Onn, dan sekarang bolehlah Dato' Onn bergiat terus menerus dalam bidang politik tanpa gangguan daripada mana-mana pihak pun.

Dato' Onn sentiasa sedar bahawa konfrontasi antaranya dan Raja-raja Melayu akan mendalamkan jurang sengketa antara rakyat dan Raja-raja Melayu kerana dalam pergeseran ini UMNO telah mengambil keputusan tegas untuk memberikan sokongan penuh kepada Yang Dipertua Agungnya, Dato' Onn, tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa sengketa itu juga telah mengakibatkan perpecahan di kalangan bangsa Melayu sendiri.

Dato' Onn menganggap bahawa sengketa antaranya dengan Raja-raja Melayu bukanlah sengketa yang bercorak peribadi. Pada pendapatnya, cadangannya itu ialah satu langkah politik yang mempunyai dasar pokok dalam pertarungan politik antara pemerintahan kolonial dengan rakyat terjajah yang ingin berjuang untuk mencapai kemerdekaan secara perlembagaan. Tetapi, mungkin akibat 'penjaruman' penjajah juga, Raja-raja Melayu berasa meyakini bahawa cadangan Dato' Onn itu diilhamkan oleh sesuatu motif peribadi dan mereka menyangka ada kemungkinan Dato' Onn dilantik untuk memegang jawatan itu, dan dengan itu Dato' Onn berjaya mendapatkan suatu kedudukan yang mengatasi Raja-raja Melayu. Mereka menganggap usul Dato' Onn sebagai suatu langkah

yang bersifat peribadi untuk memperhebatkan lagi konfrontasinya terhadap mereka sendiri. Oleh kerana itu akhirnya Raja-raja Melayu mengambil pendirian tegas untuk menentang Dato' Onn, walaupun terpaksa bekerjasama dengan British untuk mempertahankan kedudukan mereka. Mereka begitu terpesona dengan pra-sangka terhadap Dato' Onn hingga terlupa mereka memberikan perhatian kepada cadangan daripada Tunku Abdul Rahman Putera sendiri supaya seorang bangsa Asia, bukan bangsa Melayu, dibolehkan menyandang jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi.

Setelah Dato' Onn meletakkan jawatan Menteri Besar dan memegang jawatan Yang Dipertua Agung UMNO dan jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi meletakkan pula jawatan terakhir itu menjelang pilihan raya kebangsaan 1955, beliau tidak berhenti-henti mengeluarkan dan menyuarakan pendapatnya terhadap perkara yang ada hubungan penting antara Raja dengan rakyat jelata, terutamanya orang Melayu.

Dalam soal perlembagaan, misalnya, Dato' Onn menganggap amatlah tidak wajar bagi Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan mengenai perlembagaan Malaya Merdeka kepada Suruhanjaya Reed. Jawatankuasa khas yang dilantik oleh Raja-raja Melayu untuk mengemukakan cadangan mereka kepada Suruhanjaya itu terdiri dari Mustafa Albakri, Haji Abdul Wahab (Dato Panglima Bukit Gantang), Dato Shamsuddin Naim dan Suffian Haji Ali.

Dato' Onn berpendapat bahawa oleh kerana Suruhanjaya Reed itu dilantik oleh Raja-raja Melayu sendiri, maka tidaklah kena pada tempatnya bagi Raja-raja Melayu itu menjadikan diri mereka tertakluk kepada Suruhanjaya itu. Sebaliknya, menurut Dato' Onn, tugas dan tanggungjawab badan itu adalah memberikan peluang sepenuhnya kepada semua golongan dalam negeri yang berhak dan ingin menyuarakan cadangan perlembagaan mereka kepada Suruhanjaya itu. Setelah itu, hendaklah Suruhanjaya itu mempersembahkan kepada Raja-raja Melayu apa yang pada pendapatnya wajar menjadi perlembagaan sesebuah negara merdeka seperti Malaya pada masa itu. Dengan mengemukakan cadangan perlembagaan kepada Suruhanjaya Reed, Raja-raja Melayu telah mengambil kedudukan yang setaraf dengan badan atau pertubuhan awam, sosial, politik dan sebagainya yang ada di dalam negeri. Sungguhpun pada masa itu, Raja dan Kerajaan British sama-sama

berhak ke atas pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu (1948-55), tetapi Mahkota Inggeris dan kerajaan British tidak dikehendaki atau diminta membuat sebarang cadangan perlembagaan kepada Suruhanjaya Reed, sedangkan pihak British masih mempunyai hak kedaulatan yang tertentu di Pulau Pinang dan Melaka. Hingga kini pun, rakyat Pulau Pinang dan rakyat Melaka yang sebelum merdeka dahulu menjadi rakyat British masih menjadi, dan berhak sebagai rakyat British, tetapi mereka tidak boleh menggunakan hak kerakyatan itu selagi mereka bermastautin di Malaysia.

Dato' Onn berhak mengeluarkan pendapatnya dalam soal ini kerana dirinya sendiri banyak terlibat dalam sejarah perkembangan dan pergolakan politik dan perlembagaan tanahair sebagai pemimpin rakyat dan penasihat Raja-raja Melayu semasa berjuang merombak Malayan Union dan merundingkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu sebagai gantinya. Beliau merasakan bahawa rakyat perlu mendapat peluang bersuara tentang bentuk dan susunan negara supaya kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat sendiri terjamin buat masa sekarang dan untuk masa akan datang. Beliau tidak sanggup dikata, ditempelak dan dituduh di belakang hari nanti sebagai pemimpin yang mendatangkan padah kepada bangsa Melayu di tanah airnya sendiri, sedangkan beliau sendiri tidak berdaya berbuat apa-apa kerana sudah tumpas dan tewas dalam pertarungan politik tanahair.

Raja-raja Melayu menyerahkan bulat-bulat kuasa mereka dan negeri Melayu kepada British di bawah Perjanjian MacMichael, tetapi dengan jasa dan pengorbanan rakyat di bawah pimpinan Dato' Onn, kuasa dan kekuasaan yang telah terlepas daripada tangan itu dapat diambil balik dan Raja-raja Melayu kembali ke takhta kerajaan masing-masing, lengkap dengan kekuasaan dan kedaulatan seperti yang ada pada mereka sebelum tahun 1945. Dato' Onn tidak ingin memberi peluang kepada rakyat untuk menempelak Raja-raja Melayu yang telah menggunakan mereka sebagai alat sahaja dan setelah tercapai maksud tertentu, mereka diabaikan, kepentingan mereka tidak diperlihara dan masa hadapan mereka dibiarkan untuk dimusnahkan oleh kulat-kulat zaman.

Pada 1955, 1957 dan 1959, banyak perubahan besar berlaku dalam bidang politik Tanah Melayu. Segala perubahan dalam lapangan undang-undang dan perlembagaan di negeri-negeri

Melayu dan Kerajaan Pusat dilaksanakan bagi tujuan memajukan Tanah Melayu yang pada keseluruhannya sedang dalam perjalanan menuju ke arah demokrasi berparlimen yang moden dan liberal. Bagaimanapun, oleh kerana perubahan yang telah dilaksanakan itu ialah untuk muslihat, faedah dan kepentingan semua golongan penduduk dalam negeri, maka tentulah terdapat beberapa gejala yang tidak dapat diterima dengan senang oleh setiap orang perseorangan atau oleh semua pihak, terutamanya masyarakat Melayu, kerana dari segala seginya, orang Melayulah yang lebih banyak memberi daripada menerima.

Pada masa itu, Dato' Onn masih aktif dalam arena politik. Parti Negara yang telah ditubuhkannya untuk menggantikan IMP, telah menjadi pembela kepentingan Melayu yang utama dan giat memperjuangkan segala apa yang sewajarnya diperlukan oleh umat Melayu supaya tidak terjadi "Itik berenang di air, kehausan; ayam di kepuk padi, kelaparan." Perkara yang menjadi pokok kempennya termasuklah soal-soal kerakyatan, agama, bahasa, Tanah Simpanan Melayu, jawatan Menteri Besar dan perlantikan Yang di-Pertuan Agong.

Pada pertengahan kedua tahun 1957, Dato' Onn turut bertanding dalam pilihan raya kecil bagi kawasan Batu Pahat Dalam. Pilihan raya ini diadakan berikutan berhentinya wakil Parti Perikatan, MacIntyre, kerana memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India. Beliau bertanding melawan Dato Syed Esa Alwi dari Parti Perikatan. Dalam satu pertemuan khas dengan Sultan Ibrahim di Istana Bukit Serene, Dato' Onn ditawarkan untuk menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan, tetapi beliau memberitahu Baginda bahawa beliau sedia menerima perlantikan itu jika beliau berjaya dalam pilihan raya kecil di Batu Pahat itu. Tujuannya ialah, jika beliau berjaya, beliau akan menjadi anggota Parlimen selain menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Dengan menduduki dua tempat yang terpenting itu, beliau yakin akan dapat meneruskan perjuangannya membela rakyat jelata menurut platform Parti Negara. Pada masa itu, Sultan masih berkuasa melantik beberapa orang anggota untuk menyertai Majlis Mesyuarat Kerajaan kerana Sultan masih diakui sebagai Yang Dipertua Majlis itu. Tetapi Dato' Onn ditewaskan oleh wakil Perikatan dalam pilihan raya kecil itu dan beliau tidak bersedia menerima lantikan itu jika beliau gagal menenangi pilihan raya itu.

Sebenarnya, pada mulanya Sultan Ibrahim telah memberikan galakan penuh kepada Dato' Onn ketika beliau memberitahu Baginda bahawa beliau sanggup menerima perlantikan itu jika beliau berjaya mengalahkan Dato Syed Esa. Baginda berjanji akan memberikan sokongan seberapa yang boleh kepada Dato' Onn. Baginda memanggil beberapa orang pemimpin masyarakat Melayu yang terkenal di kawasan itu, seperti Dato Penghulu Paiman, dan meminta mereka memberikan sokongan yang seboleh-bolehnya kepada Dato' Onn dalam pilihan raya itu.

Apa yang telah berlaku di Istana Bukit Serene berhubung dengan rancangan bantuan di-Raja kepada Dato' Onn itu dilaporkan oleh pihak tertentu kepada pihak berkuasa Perikatan di Kuala Lumpur. Oleh kerana tidak ingin membiarkan namanya terlibat dalam pertarungan politik, Sultan Ibrahim mengeluarkan kenyataan yang disiarkan oleh akhbar menafikan Baginda ada terlibat dalam sesuatu gerakan atau kempen untuk menolong Dato' Onn memenangi pilihan raya di Batu Pahat. Penafian Baginda menjadi pukulan hebat kepada dakyah pilihan raya Dato' Onn dan akhirnya pengundi di kawasan itu memilih calon Perikatan juga.

Kekecewaan Dato' Onn kepada Sultan lebih besar daripada kecewaannya kerana tewas dalam pilihan raya itu. Beliau tidak menyangka Baginda tergamak menafikan apa yang telah dijanjikkannya kepada Dato' Onn dalam beberapa pertemuan yang telah diadakan sendiri olehnya dengan Dato' Onn di Bukit Serene. Oleh kerana itulah, dalam kempen pilihan raya itu, sekali lagi Dato' Onn mengkritik pendirian yang diambil oleh Baginda terhadap dasar yang telah dibuat oleh Perikatan mengenai Negeri-negeri Melayu dan Malaysia pada keseluruhannya.

Kehampaan dan kekecewaan seperti itu telah melahirkan reaksi yang pahit daripada Dato' Onn. Dalam kempen pilihan raya kecil itu, beliau membidas dan mengecam Sultan Ibrahim dengan hebatnya. Ini menjadi salah satu sebab besar kenapa pengundi Melayu di kawasan itu berpaling tadah dan menyokong calon Perikatan. Orang Melayu masih taat setia kepada raja dan mereka sedia berbuat apa sahaja untuk mempertahankan raja dan kerajaan.



## Berlindung di Hutan Kempas

### Padah Perang



Kempas ialah sebuah kawasan hutan pada 1941, dan terletak tidak jauh dari landasan keretapi Tanah Melayu, iaitu beberapa batu dari bandar Johor Bahru. Kawasan ini lebih terkenal dengan panggilan Hutan Kempas kerana di situ terdapat hutan besar yang penuh dengan pohon kayu dan tumbuhan lain.

Tidak ada kampung orang di situ, tetapi yang terdapat di sana sini hanya pondok orang Cina yang berkebun sayur dan menoreh getah. Mereka semua telah meninggalkan tempat itu lama sebelum tentera Jepun menyerang masuk ke negeri Johor dari daerah Parit Sulong dan Endau yang terletak di pantai timur Johor.

Setelah menerima perintah daripada tentera Jepun supaya bandar Johor Bahru dikosongkan, maka lebih kurang sepuluh ribu orang Melayu, lelaki dan perempuan, tua dan muda, serta kanak-kanak meninggalkan rumahtangga masing-masing dan beramai-ramai berpindah masuk ke Hutan Kempas dengan berjalan kaki. Tidak ada motokar, bas atau lori ketika itu, malah basikal pun yang boleh digunakan sebagai alat pengangkutan semuanya telah dirampas atau digunakan oleh tentera Jepun. Oleh itu, masing-masing terpaksa memikul bebanan sendiri seperti pakaian, bahan makanan dan perkakas memasak dan apa sahaja yang dapat dijunjung, digalas atau dibimbit. Pendek kata, segala apa yang boleh dibawa, diangkut kesemuanya ke Hutan Kempas. Jalan raya dari Johor Bahru menuju ke Kempas penuh sesak dengan manusia yang membawa nyawa supaya terselamat daripada bencana peperangan.

Di sepanjang jalan itu kelihatan ibu mendukung atau menggelek anak, yang tua-tua berpapah atau dipimpin dan yang tidak terdaya berjalan diusung atau dibawa dengan kereta sorong

buatan sendiri seperti juga kereta yang digunakan untuk membawa makanan atau pakaian. Mereka yang tidak mahu pergi mengikut keluarganya ditinggalkan dalam rumah, masing-masing tanpa penjaga atau perawat. Mereka dapat makan dan menyambung hidup hanya daripada makanan seperti biskut, roti dan seumpamanya yang ditinggalkan sebelum sanak saudara meninggalkan bandar Johor Bahru. Setelah seminggu lamanya, apabila orang yang mencari perlindungan di Hutan Kempas itu pulang ke ibu kota atas perintah pihak berkuasa Tentera Jepun, ramai orang tua yang enggan turut masuk ke Hutan Kempas didapati mati kebuluran atau kerana sakit.

Di tengah-tengah lautan manusia yang sedang lari membawa anak-anak untuk mencari perlindungan di Hutan Kempas kelihatan Dato' Onn dengan isterinya membawa anak-anak dan cucu mereka seperti orang lain juga berjalan masuk ke Hutan Kempas. Sepatutnya Dato' Onn telah pun pergi ke Batu Pahat dengan senang dan selamat jika beliau turut serta dalam rombongan di-Raja Sultan yang dieskot oleh tentera Jepun dari Johor Bahru ke daerah itu. Tetapi Dato' Onn enggan pergi, kerana beliau lebih suka berada di tengah-tengah keluarganya bersama-sama dengan beribu-ribu orang yang sekampung dan sepekan dengannya di Johor Bahru. Beliau menginsafi akan kesusahan dan penderitaan yang akan menimpa orang itu. Perintah mengosongkan bandar Johor Bahru dikeluarkan kerana tentera Jepun handak membuat persediaan terakhir untuk menggempur kota Singapura. Tetapi pihak berkuasa Jepun tidak ada kesempatan untuk menyediakan tempat perlindungan yang sempurna bagi penduduk bandar Johor Bahru, dan tidak pula diadakan kenderaan untuk mengangkut manusia yang begitu ramai ke tempat yang lebih jauh. Dalam masa perang, kepentingan awam memang tidak diindahkan kerana apa yang diutamakan ialah keperluan perang kerana itu yang menentukan kalah atau menang dalam peperangan.

Dato' Onn tidak mengiringi atau turut serta dalam rombongan Sultan Johor yang telah berangkat ke Batu Pahat kerana beliau tidak sampai hati hendak meninggalkan beribu-ribu orang manusia yang senasib dengannya dan membiarkan rakyat yang daif menderita tanpa mendapat sebarang bantuan atau pertolongan. Beliau yakin jika dalam masa menderita itu ada juga orang yang sedia berkorban untuk orang lain, tentulah penderitaan itu tidak

sebegitu berat dirasai. Beliau memang dari awal-awal lagi sudah terdorong untuk memberikan apa sahaja bantuan atau pertolongan yang terdaya olehnya kepada orang pelarian yang bersamasamanya masuk ke Hutan Kempas.

Setelah sehari suntuk berjalan kaki dari ibu kota, maka orang pelarian perang itu pun tibalah di Kempas pada sebelah petang. Mereka yang tidak berapa kuat berjalan sampai ketika hari sudah pun malam. Sebaik-baik sahaja tiba di Hutan Kempas, masing-masing tanpa bertangguh lagi, mula menebas semak dan lalang untuk membolehkan mereka membenteng tikar atau mendirikan khemah untuk berteduh selama dalam perlindungan di Kempas. Mereka yang membawa tikar, membentenglah tikar masing-masing, yang membawa kembes atau seumpamanya memasanglah kembes supaya terlindung daripada panas atau hujan. Ada pula daripada mereka itu tiba di Kempas dengan sehelai sepinggang sahaja tanpa membawa sesuatu apa pun. Mereka dapat makan dan tempat berteduh atas belas kasihan orang lain. Siapa yang tidak ada persediaan untuk menebas semak dan membersihkan lalang, mereka lanyak begitu sahaja seperti binatang buas merehatkan diri di tengah-tengah rimba belantara.

Lebih kurang seminggu lamanya orang pelarian itu berada di Hutan Kempas, dan selama itu mujurlah tidak ada hujan turun atau bencana alam lain yang berlaku.

Semasa kira-kira sepuluh ribu manusia Melayu berkampung di Hutan Kempas itu, pada suatu petang kelihatan seorang tentera Jepun muncul dengan sekonyong-konyong di tengah-tengah masyarakat pelarian perang dalam keadaan terjenguk-jenguk dan terjengah-jengah seperti mencari orang hilang atau mengesan kawan lama, sedangkan bunyi bedilan dan tembakan meriam dan senapang kedengaran bergempita setelah tentera Jepun mula menyerang Singapura. Orang Jepun itu datang ke situ dibawa oleh seorang Melayu kerana handak mencari Dato' Onn, setelah diberitahu beliau ialah ketua orang Melayu.

Semua orang yang berada bersama-sama Dato' Onn di khemahnya terperanjat besar melihatkan kedatangan tentera Jepun itu, terutamanya keluarga Dato' Onn sendiri kerana bimbang kalau-kalau Dato' Onn sendiri dipengapaknya. Keganasan dan kebuasan tentera Jepun sudah menjadi pengetahuan umum sejak bala tenteranya mendarat di Kelantan lagi. Tetapi

perasaan cemas itu luput apabila diketahui bahawa tentera Jepun itu datang kerana mencari pemimpin orang Melayu untuk membincangkan sesuatu, terutamanya tentang kedudukan peperangan dan apa yang perlu dilakukan terhadap manusia yang begitu ramai di Hutan Kempas itu yang terdedah kepada hujan dan panas tanpa bekal makanan dan kemudahan perubatan.

Dato' Onn menerangkan kepada tentera Jepun bahawa dia bukan ketua atau penghulu, tetapi salah seorang daripada orang pelarian yang berjumlah lebih sepuluh ribu yang berkampung di Hutan Kempas. Beliau berkata kepada tentera Jepun itu, "Saya bukan ketua orang Melayu. Ada orang lain yang boleh dianggap sebagai ketua Melayu. Carilah orang seperti Ungku Aziz (Menteri Besar) dan Dato Abdul Rahman bin Muhammad Yasin." Tetapi pegawai Jepun itu mempunyai perhitungannya sendiri. Setelah bersua wajah dengan Dato' Onn, dia tidak ingin mencari ketua Melayu yang lain, bahkan Dato' Onn sendiri yang dianggapnya dan diakuinya sebagai ketua orang Melayu.

Dato' Onn diberitahu bahawa beliau mestilah mengikut pegawai Jepun itu pergi ke Kulai yang terletak 20 batu dari bandar Johor Bahru. Beliau dibawa ke sana untuk menemui seorang pegawai tertinggi tentera Jepun yang berada di pekan kecil itu. Dato' Onn tidak dapat menolak kehendak tentera Jepun itu, dan tidak ada jalan lain baginya untuk berdalih melainkan beliau terpaksa pergi juga. Semua orang yang berada di Hutan Kempas itu, terutamanya keluarga Dato' Onn merasa cemas dan masing-masing mendoakan semoga segala-galanya berjalan dengan baik. Sebenarnya, orang yang berada di Hutan Kempas itu sendiri memang telah memusatkan pandangan mereka kepada Dato' Onn sebagai orang harapan dan tempat mereka mengadu hal. Sejak mereka masuk ke hutan itu, Dato' Onn suami isteri telah memulakan usaha menolong mereka yang benar-benar dalam kesusahan kerana kekurangan pakaian atau makanan, tiada tempat berteduh dan sebagainya. Mereka semua menganggapnya ketua mereka, sekurang-kurangnya semasa berlindung di Hutan Kempas.

Sebelum bertolak ke Kulai, tentera Jepun itu berbicara dengan Dato' Onn hingga pukul 11:00 malam dan dipercayai bahawa mereka membincangkan cara memberi bantuan kepada orang pelarian yang kesemuanya terdiri daripada orang Melayu.

Penduduk Cina dari bandar Johor Bahru dan semua kaum Cina yang tinggal di pekan kecil seperti Senai, Kulai dan lain-lain lagi yang terletak di tepi jalan raya antara Johor Bahru dengan Batu Pahat, telah melarikan diri ke tempat yang lebih selamat, iaitu jauh daripada yang dapat disampai oleh tentera Jepun.

Pada malam itu, Dato' Onn serta dengan dua orang anak lelakinya meninggalkan Hutan Kempas bersama-sama dengan pegawai Jepun yang datang tadi menuju ke Kulai. Sungguhpun Datin Halimah menyediakan makanan untuknya pada malam itu sebelum beliau bertolak, tetapi Dato' Onn tidak sempat makan dan terus pergi dengan perut kosong. Sungguhpun pemergiannya dalam keadaan baik, tetapi Datin Halimah masih bimbang kerana dalam masa kecemasan, malah dalam masa perang yang seperti itu, macam-macam boleh berlaku. Tetapi kira-kira pukul empat pagi, dua orang anak lelaki mereka yang mengiringi ayahnya ke Kulai pulang dan memberitahu keluarganya supaya jangan bimbang kerana Dato' Onn berada dalam keadaan selamat.

## Tangkal Monyet

Dato' Onn sendiri pulang ke Kempas pada keesokan hari, dan setelah melihat beliau pulang dengan selamat maka pulihlah semula harapan mereka bahawa sesuatu yang baik akan lahir daripada rundingannya dengan pembesar tentera Jepun di Kulai. Keluarganya serta orang lain di Kempas mengucap syukur apabila melihat Dato' Onn pulang dengan selamat pada keesokannya, dan membawa pulang surat besar daripada pihak berkuasa tentera Jepun untuk melindungi bukan sahaja beliau dan keluarganya tetapi juga orang ramai yang berada bersama-samanya agar tidak diganggu oleh askar Jepun. Kesaktian surat besar itu terbukti apabila beberapa orang askar Jepun datang ke situ kerana hendak mengganggu orang pelarian yang berhimpun di Kempas; ada yang hendak merampas barang kemas, jam tangan dan lain-lain dan ada pula yang hendak mencabul kehormatan kaum ibu yang ada di situ. Setiap kali terjadi percubaan mengganggu seperti itu, Dato' Onn memanggil mereka dan menunjukkan surat besar atau pas itu, dan pengganggu itu tidak jadi berbuat apa-apa melainkan berundur dari situ dan tidak kelihatan lagi. Sebelum itu, mereka membuat beberapa angkara ke atas orang pelarian di situ dengan tidak

menghiraukan pas atau apa jua pun dalam tulisan Jepun yang ditunjukkan kepada mereka.

Surat besar atau pas Dato' Onn itu diberikan gelaran Tangkal Monyet oleh orang ramai di situ. Tidak ada askar Jepun yang berani mengacau apabila ditunjukkan "tangkal" itu. Apabila terpancang sahaja tangkal itu, mereka tidak jadi berbuat apa pun tetapi ada juga yang tak tahan sabar hingga memukul-memukul tiang atau dinding kerana hendak melepaskan geram sebelum meninggalkan tempat itu tanpa melakukan sebarang gangguan. Tetapi askar-askar yang belum tahu akan hal itu, yang belum melihat tangkal monyet itu datang juga dan setiap kali mereka datang, orang berkejar ke tempat Dato' Onn memberitahu beliau ada askar Jepun datang hendak mengganggu. Dato' Onn berkejar pula ke tempat itu dengan membawa tangkal monyet untuk menghalau pengacau Jepun itu. Ada kalanya Dato' Onn sendiri tidak dapat pergi, tetapi apabila kedengaran orang terpekik-pekik maka tangkal monyet itu dikejarkan ke situ dan senyaplah hal di situ. Tetapi pengacau itu muncul pula di tempat lain dan di sana juga orang terpekik, dan ke situ pula tangkal monyet itu dikejarkan. Begitulah halnya sepanjang masa orang pelarian tersebut berlindung di Kempas. Tetapi oleh kerana adanya manusia yang begitu ramai, tidaklah dapat diadakan kawalan dengan berkesan kerana masing-masing juga dalam ketakutan. Beberapa perkara yang tidak diingini berlaku juga, termasuk perbuatan merogol yang dilakukan oleh askar Jepun ke atas wanita-wanita yang tidak bernasib baik di situ.

Dalam suasana kelim kabut akibat gangguan askar Jepun yang datang menjeluk secara perseorangan atau berkumpulan, tiba-tiba salah seorang puteri Dato' Onn, Datin Salehah, sakit kerana hendak bersalin. Ibu muda ini memang telah sarat mengandung semasa penduduk bandar Johor Bahru diperintahkan oleh tentera Jepun supaya mengosongkan ibu kota itu sebelum tentera Jeneral Yamashita melancarkan serangan penyudah ke atas Singapura. Setelah melihat anaknya berada dalam keadaan yang demikian, Datin Halimah seorang ibu yang cekap dan cergas, secekap dan secergas suaminya, dalam keadaan darurat seperti itu, telah keluar dari khemahnya mencari bidan. Beliau tahu ada seorang bidan yang terkenal bersama-sama mereka turut berhijrah ke Kempas, tetapi beliau tidak tahu di mana bidan itu berkhemah.

Dalam gelap gelita itu, Datin Halimah berjalan ke hulu ke hilir mencari Mak Bidan sambil berteriak: "Mak Pet, Pak Pet, di mana awak? Tolong datang ke mari, anak saya hendak beranak." Bidan tua yang telah lama menjadi sahabat Datin Halimah itu terdengar panggilan itu, lalu dia pun menyahut, "Ya, Datin, saya ada di sini. Saya datanglah ni."

Sesungguhnya Datin Halimah sendiri sedang mempunyai dua orang anak yang masih kecil, masing-masing berumur 15 dan enam bulan. Tambahan pula, beliau sendiri sedang mengandung dua bulan. Dato' Onn dengan isteri di sampingnya telah menghadapi suasana yang cemas itu dengan tenang dan tabah. Dia tidak "hilang kepala" seperti kebanyakan orang walau bagaimana besar atau berat sesuatu kecemasan itu.

Di kalangan orang ramai yang berkumpul di Hutan Kempas itu, ada yang jatuh sakit seperti demam, buang-buang air, sakit-sakit perut dan muntah-muntah, sedangkan orang tua yang sudah sedia uzur itu makin bertambah uzur, tidak berdaya hendak bergerak lagi, kerana kebanyakan mereka duduk berpanas pada pada siang hari dan terdedah kepada embun pada malamnya.

## Menjaga Kesihatan

Dato' Onn, dan tidak kurang juga isterinya, berkejar sebentar ke sana, sebentar ke sini kerana memberikan pertolongan kepada orang dalam kesusahan. Mereka bernasib baik kerana antara lebih kurang sepuluh ribu manusia itu ada seorang doktor Melayu dari Rumah Sakit Besar, Johor Bahru yang turut serta masuk ke Hutan Kempas. Dr. Awang bin Hasan membawa bersama-samanya sedikit sebanyak ubat-ubat dan alat yang biasanya diperlukan dalam masa kecemasan seperti itu.

Dato' Onn, Datin Halimah dan Dr. Awang telah sepakat untuk menjadikan khemah Dato' Onn sebagai pusat perubatan dan mereka menggembelngkan tenaga untuk menolong mengubati dan merawat orang sakit seberapa yang terupaya. Dengan menggunakan sebuah basikal yang diselamatkan daripada dirampas oleh askar Jepun, Dr. Awang melawat merata tempat di Hutan itu untuk mencari jika ada orang sakit untuk dirawat. Dalam keadaan serba kekurangan, sama ada dari segi ubat atau bekal perubatan Dr. Awang dapat menyelamatkan beberapa orang yang sedang sakit

tenat daripada bertambah menderita dan akhirnya menyembuhkan mereka. Beliau menasihatkan orang ramai di situ tentang cara-cara menggunakan air dari anak sungai supaya dapat diminum tanpa membahayakan kesihatan. Beliau juga menasihatkan mereka tentang cara membuang najis dan kotoran lain supaya tidak menjadi tempat lalat membiak dan merebaknya penyakit yang tidak diinginkan seperti cirit birit atau taun. Setiap hari Dr. Awang kelihatan menonggang basikalnya ke hulu ke hilir dengan membawa beg yang penuh dengan ubat untuk orang sakit di Hutan Kempas itu. Perhatian berat diberikan terhadap bekalan air.

Di kawasan itu, terdapat hanya satu sumber air sahaja dan air itulah digunakan untuk minum dan masak. Air dari situlah juga digunakan untuk mandi, mencuci pakaian dan lain-lain lagi. Dalam keadaan yang begitu terhad, sudah tentulah terjadi perkara berebut-rebut, ada yang hendak dahulu dan ada yang hendak banyak. Maka terjadilah beberapa pertengkaran antara mereka yang pergi mengambil air dengan mereka yang buang air, tidak berapa jauh dari tempat air mengalir itu.

Pada waktu terjadi pertengkaran hebat antara mereka itu, ada yang mengeluarkan parang. Dalam pergaduhan seperti itu, Dato' Onn sentiasa mententeramkan dan memujuk pihak bersengketa supaya bertolak ansur untuk kepentingan umum. Setiap kali berlakunya perbalahan, Dato' Onnlah yang dipanggil orang untuk menyelesaikannya. Beliau merasa amat syukur kerana atas perhatian dan campur tangannya, beberapa peristiwa yang tidak diinginkan dapat dicegah.

Telah pun dikisahkan tadi bagaimana seorang tentera Jepun datang mencari ketua orang Melayu, dan setelah menemui Dato' Onn dia membawanya ke Kulai untuk menemui pemerintah tentera Jepun yang berada di situ. Dato' Onn meninggalkan Kempas pada pukul 11:00 malam menuju ke Kulai bersama-sama dengan orang Jepun itu. Beliau tidak pulang ke Kempas sehingga pagi esoknya. Datin Halimah telah menyatakan bahawa, "dari sejak pagi hari yang terdahulunya lagi, Dato' Onn belum memasukkan secebis rezeki pun ke perutnya." Menurut kebiasaannya, Dato' Onn tidak menghiraukan makan minum selagi beliau bertugas atau menjalankan tanggungjawabnya terhadap orang ramai. Beliau berusaha bersungguh-sungguh menolong menjaga keselamatan dan kesiha-



tan beribu-ribu orang manusia di Hutan Kempas itu. Beliau tidak mahu sekali meninggalkan orang ramai.

"Pada masa itu," kata Datin Halimah, "saya lihat dia berubah sama sekali. Dia tak kirakan kesihatan diri sendiri. Perasaannya yang ternyata pada saya ialah dia hendak sama-sama susah dan sama-sama menderita dengan orang ramai."

Memang benar Dato' Onn kelihatan berkejar sebentar ke sana, sebentar ke sini untuk menolong orang yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Sudah lebih satu hari beliau belum menemui rezeki lagi. Setelah beliau pulang dari Kulai, Datin Halimah dengan segera memasak bubur yang dicampurnya dengan daging lembu dalam tin.

"Tetapi apabila saya bawakan bubur itu kepadanya, dan menyuruh dia makan, dia tidak mahu," Datin Halimah mengesahkan. "Wok, awak berikan orang tua itu makan dulu" kata Dato' Onn sambil dia menunjukkan jarinya ke arah seorang tua yang duduk tidak berapa jauh daripada dia. 'Berilah Pak Buang itu makan dulu,' dia merayu kepada saya kerana orang itu lebih tua daripadanya. Tetapi saya membantah." Datin Halimah menyambung, "Saya mahukan dia makan dulu, kerana sudah lebih satu hari satu malam perutnya kosong."

Datin Halimah bukanlah seorang yang tidak berperikemanusiaan atau kaum ibu yang tidak menaruh timbang rasa atau belas kasihan kepada orang tua seperti Pak Buang itu, tetapi beliau telah berbuat demikian setelah mengkaji segala-galanya dari segi kesihatan suaminya. "Saya tak mahu beri Pak Buang makan dahulu," Datin Halimah meneruskan ceritanya. "Saya hendak beri awak makan." Beliau menggesa Dato' Onn. "Kalau awak jatuh sakit, tentulah tak dapat lagi menolong orang yang susah dan sakit pening. Saya tidak peduli Pak Buang. Saya hendak beri awak makan."

Mahu tak mahu Dato' Onn makan juga kerana terlalu kuat desakan isterinya. "Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan." Datin Halimah berterima kasih, "kerana selepas makan sahaja, Dato' Onn terus baring di tikar di atas tanah dan terus tidur dengan senyenyak-nyenyaknya." Datin Halimah menarik nafas yang panjang dan gembira melihatkan suaminya telah makan ketika beliau sungguh-sungguh lapar dan kemudian berehat dengan selesa.

Kehidupan di Hutan Kempas berjalan terus dalam suasana cemas dan bimbang kerana masing-masing tidak tahu apa yang akan terjadi kepada mereka pada hari muka. Mereka di hutan berada dalam serba kekurangan kerana apa yang dapat dibawa ke situ – barang makanan dan pakaian – tidak mencukupi. Mereka telah putus hubungan dengan dunia luar sama sekali.

## Keluar dari Hutan

Setelah beberapa hari lamanya hidup di Hutan Kempas, dengan berkelambakan langit dan bertikarkan rumput dan lalang pada waktu malam dan bertangas dalam sinaran matahari pada waktu siang, maka pada suatu petang, datanglah Menteri Besar Johor, Ungku Aziz, menemui Dato' Onn dan memberitahu bahawa pihak berkuasa Jepun memerintahkan supaya semua orang di Kempas itu pulang ke rumah masing-masing dengan seberapa segera.

Hari sudah petang dan walaupun hendak pulang ke rumah masing-masing di Johor Bahru, terpaksa berjalan kaki semalaman dalam gelap gelita dengan membawa anak pinak dan barang lain yang dibawa masuk hutan ketika diperintahkan keluar dari ibu kota Negeri Johor.

Setelah menerima berita itu, Dato' Onn memanggil beberapa orang untuk merundingkan perkara itu kerana berangkat seramai tidak kurang daripada sepuluh ribu manusia keluar dari hutan pada malam hari dan berjalan kaki pula hingga terbit matahari sebelum tiba ke rumah masing-masing di Johor Bahru, bukanlah suatu hal yang mudah. Datin Halimah turut serta dalam rundingan itu. Mereka mengkaji sama ada bijak atau tidak mengambil keputusan keluar dari hutan Kempas pada malam itu juga. Dua orang daripada anak lelaki mereka memberitahu bapanya bahawa baik kalau mereka semua keluar dari hutan itu pulang ke Johor Bahru pada malam itu juga. Bagi mereka sekeluarga, perkara itu enteng sahaja kerana kedua-dua orang anaknya itu dapat menggunakan sebuah lori untuk mengangkut mereka pulang. Lori itu ialah lori yang pernah digunakan oleh Lembaga Bandaran Johor Bahru untuk mengangkat najis. Sebelum lari masuk ke Hutan Kempas, mereka menanam dua gelen minyak dalam tanah dan sekarang minyak itulah hendak digunakan untuk lori itu.

Datin Halimah membantah dengan kerasnya kerana tidak bersetuju dengan cadangan supaya mereka keluar dari Hutan Kempas pada malam itu juga. Katanya, dari tempat mereka berlindung di Hutan Kempas hingga ke tepi jalan raya sudah cukup jauh. Jika mereka bertolak sekarang, mereka akan sampai ke tepi jalan raya ketika habis waktu senja.

Bagi Dato' Onn pula, beliau tidak mahu sekali-kali menaiki lori yang disediakan oleh anak-anaknya itu. Beliau hendak berada bersama-sama orang ramai itu dan tidak sanggup meninggalkan mereka. Semua orang di Hutan Kempas itu sentiasa mengharapkan pertolongan daripadanya untuk keselamatan masing-masing.

Dato' Onn tidak lupa bagaimana perlunya tangkal monyet itu untuk melindungi orang pelarian daripada diganggu atau dicabuli oleh askar-askar Jepun. Beliau tidak sampai hati hendak meninggalkan tempat itu dengan membawa bersama-samanya tangkal monyet semata-mata untuk keselamatan diri dan keluarganya sahaja.

Semua orang yang di Kempas diberitahu bahawa mereka semua hendaklah pulang ke rumah masing-masing, sama ada mereka suka atau tidak. Datin Halimah memberitahu suaminya bahawa beliau tidak bersetuju sama sekali dengan cadangan keluar hutan pada malam itu juga. Dato' Onn dan lain-lainnya berunding lagi sama ada mereka hendak keluar juga pada malam itu atau tidak. Akhirnya, setelah mengkaji buruk baiknya langkah itu, satu keputusan dicapai, iaitu semua orang akan meninggalkan Kempas malam itu juga, pulang ke rumah masing-masing di Johor Bahru. Berjalan kaki dari tempat mereka berkampung hingga ke jalan raya akan mengambil masa tidak kurang dua jam, dan dari situ mereka akan berjalan sejauh enam batu sekurang-kurangnya sebelum tiba di Johor Bahru.

Setelah Dato' Onn memberitahu semua orang bahawa mereka keluar meninggalkan Hutan Kempas pada malam itu juga, maka masing-masing pun bergopoh-gapah berkemas dan bersiap sedia untuk berangkat balik segala barangan dengan berjalan kaki seperti ketika mereka datang ke Kempas seminggu dahulu.

Keluarga Dato' Onn meninggalkan tempat mereka berkhemah dengan Datin Halimah berjalan di hadapan sekali. Beliau memimpin seorang anak dan mendukung seorang lagi dalam keadaannya yang sedang mengandung pula. Beliau tidak merasa takut atau

bimbang, lemah atau lesu, kerana menurutnya, apabila seseorang itu terpaksa menghadapi sesuatu masalah yang begitu besar, nescaya perasaan dan fikirannya semua sekali tertumpu kepada masalah itu dan terlupalah sama sekali akan perkara lain. Begitu juga, apabila seorang itu sudah terlalu susah, nescaya hilang segala rasa takut dan bimbang. "Itulah sebabnya," Datin Halimah menjelaskan, "saya lupakan takut, lupakan susah. Anak kami, Salehah, yang baru beberapa hari sahaja lepas bersalin telah berjalan keluar dari Hutan Kempas itu." Terdaya atau tidak berjalan itu terpulanglah kepada nasib masing-masing.

Dato' Onn memakai seluar panjang dan kemeja sahaja, bersepatu tetapi tidak memakai sarung kaki dan tidak pula bersongkok. Beliau memikul tong yang berisi dengan barang makanan, dan mengikut berjalan perlahan-lahan di belakang.

Setelah berjalan selama kira-kira dua jam, maka rombongan keluarga Dato' Onn pun sampailah ke pinggir jalan raya, masing-masing dalam keadaan yang cukup penat kerana berjalan jauh, bukan sahaja menghela tubuh tetapi juga memimpin, atau mengelek anak dan memikul barang-barang keperluan hidup, pada waktu malam yang gelap gelita.

Sekarang mereka tiba di jalan besar dan sebelum meneruskan perjalanan, Datin Halimah mungkin kerana telah terlalu penat. Beliau menyalahkan suaminya kerana terburu-buru hendak keluar juga pada malam hari. Ketika mereka sampai di tepi jalan raya hari sudah cukup malam. Beliau tetap menyalahkan suaminya kerana mengambil keputusan bertolak balik ke Johor Bahru pada malam itu juga.

"Ini semua fasal awaklah terlalu sangat mendengar cakap budak-budak," Datin Halimah merungut. "Sekarang inilah tanggungnya." Beliau masih kesal kerana Dato' Onn hendak juga keluar dari Hutan Kempas pada waktu malam, tambahan pula desakan itu datangnya dari anak-anak mereka sendiri, Abid dan Abidin.

Dalam masa berungut itu, Datin Halimah kelihatan menunjal-nunjal jari ke arah Dato' Onn seolah-olah menguatkan lagi kata-katanya yang menyalahkan suaminya. Apa yang telah terjadi antara suami isteri itu diperhatikan dengan asyik oleh seorang tentera Jepun yang sedang berdiri tidak berapa jauh dari situ. Dato' Onn dan Datin Halimah tidak menyangka sama sekali bahawa

konfrontasi antara mereka yang sedang berjalan itu disaksikan oleh orang lain yang bukan keluarganya, apatah lagi seorang tentera Jepun. Sungguhpun tentera Jepun itu tidak mengerti bahasa Melayu, tetapi dari gerak geri dan nada suara Datin Halimah dan Dato' Onn, dia dapat memahami apa yang telah berlaku antara mereka berdua.

Setelah puas memerhatikan Datin Halimah berperang mulut dengan suaminya, askar Jepun itu menghampiri mereka. "Jepun itu terpegun sejurus," Datin Halimah berkata, "agaknye melihat kami semua dalam keadaan yang begitu susah. Tetapi dia lebih kagum lagi melihatkan anak-anak kecil yang kami bawa, terutamanya yang saya pimpin dan seorang lagi yang dikelek, semuanya putih-putih belaka, tak ubah macam anak orang putih."

Selain askar Jepun itu, rupa-rupanya ada ramai lagi askar Jepun lain yang bersama-samanya sedang berkawal di sekitar tempat Dato' Onn dan keluarganya berhenti di tepi jalan raya menuju ke Johor Bahru. "Macam-macam jenis muka dapat dilihat," kata Datin Halimah. "Ada yang berjanggut ramus dan ada yang mukanya bengis macam hendak makan orang." Jepun yang dianggap sebagai ketua itu telah datang menghampiri Dato' Onn dan mereka bercakap dengan menggunakan bahasa isyarat. Bagi Datin Halimah pula, beliau sudah tidak terasa takutkan ap-apa lagi kerana hendak menyelamatkan anak-anak mereka. Askar Jepun itu ingin tahu sama ada kanak-kanak yang putih melepak itu benar-benar anak mereka; kalau bukan, adakah mereka anak orang putih? Mungkinkah mereka suami isteri orang putih juga? Beliau mendekati askar Jepun itu menyertai Dato' Onn bercakap dalam bahasa isyarat. "Dengan telunjuk saya halakan kepada Dato' Onn," Datin Halimah memulakan ceritanya, "Kemudian saya halakan telunjuk ke diri saya sendiri, lalu saya sandingkan telunjuk kanan dengan telunjuk kiri, mengisyaratkan bahawa kami berdua pasangan suami isteri. Lepas itu saya tekan perut saya sendiri dengan sebelah tangan dan dengan sebelah lagi saya tunjukkan anak-anak kami yang dua orang itu kerana daripada perut inilah mereka lahir."

Datin Halimah merasa senang hati kerana nampaknya askar Jepun itu mengerti apa yang dimaksudkannya melalui isyaratnya itu. Askar Jepun yang sebentar tadi bersikap serius sekarang kelihatan mengawal senyum yang tidak dapat ditahan-tahannya setelah melihat Datin Halimah beraksi demikian itu.

Sejurus selepas itu, askar Jepun itu memanggil semua orangnya keluar dari tempat mereka bersembunyi, dan sekarang berada di sekeliling orang yang baharu sahaja keluar dari Hutan Kempas. Askar-askar Jepun itu mula menebang pokok getah yang ada di tempat orang pelarian itu berkumpul. Kemudian mereka pacakkan salah sebatang pokok di tengah-tengah sedangkan batang yang lain itu didirikan dalam garis bulat di sekelilingnya, menjadikannya seperti rangka khemah panggung sarkas. Di situlah keluarga Dato' Onn dan orang lain yang keluar bersama-samanya dari Hutan Kempas berteduh, dengan seberapa ramai yang boleh.

## Susah Biar Bersama

Pada malam itu, askar-askar Jepun itu berkawal di situ menjaga keselamatan orang pelarian itu dan memberikan apa jua pertolongan yang perlu. Mereka tidak sangka akan mendapat layanan yang begitu baik pada ketika yang begitu mendesak. Rasa takut dan bimbang di kalangan orang pelarian itu mula beransur hilang setelah mereka lihat bahawa askar-askar Jepun itu benar-benar hendak menolong, bukannya seperti sewaktu di Hutan Kempas dahulu. Ketika itu mereka datang semata-mata kerana hendak mengganggu dan mengacau perempuan.

Setelah khemah bentuk panggung sarkas siap dibina, askar-askar Jepun itu datang pula dengan membawa nasi yang baharu sahaja dimasak, panas-panas lagi dan putih-putih pula. Tidaklah diketahui bilakah askar-askar Jepun itu mula memasaknya. Nasi itu semuanya dibubuh di dalam tin takungan getah yang besar yang biasanya digunakan di estet-estet yang besar. Tin itu bukanlah tin lama yang sudah dipakai, tetapi semuanya baharu belaka.

Dato' Onn, keluarganya serta orang lain yang turut dalam kumpulannya itu mulalah makan "jamuan" yang disajikan oleh askar-askar Jepun pada malam itu dengan sepuas-puasnya. Semasa mereka makan, askar-askar Jepun itu datang membawa air teh yang baru sahaja mereka sediakan, dan air teh yang kelihatan pekat itu telah diisi dalam kendi loyang yang biasanya digunakan oleh pekebun sayur untuk menyiram air atau baja ke atas tanaman mereka.

"Tak lalu tekak hendak minum teh yang pekat lagi pahit seperti itu," Datin Halimah mengulas. "Bila tersangka-sangka

adakah atau tidak kendi baru atau kendi lama yang sudah dipakai untuk menyiram baja." Kalaupun kendi itu memang kendi yang sudah dipakai, apa hendak dikatakan. Lapar dan dahaga sentiasa menjadi pelazat yang tidak pernah gagal memarakkan selera. Mereka semua banyak berterima kasih kepada askar Jepun itu kerana begitu murah hati dan ringannya tulang urat mereka menyediakan nasi untuk menampung perut yang lapar dalam masa darurat seperti itu.

Abid dan Abidin pergi mengambil lori yang telah mereka selamatkan daripada dirampas oleh Jepun untuk membawa keluarga Dato' Onn pulang ke Johor Bahru. Tetapi apabila segalanya telah siap dan lori mula hendak berjalan, Dato' Onn tiba-tiba berkata, "Awak semua naiklah lori itu balik ke rumah. Biarlah saya tinggal di Tampoi ini sehingga semua orang di sini selamat." Beliau masih berazam hendak berada bersama-sama orang ramai dan memberikan apa jua pertolongan yang dapat diberikannya kepada mereka.

Tetapi Datin Halimah enggan meninggalkan suaminya di situ tanpa pulang sekali ke Johor Bahru bersama-samanya. Beliau juga tidak mahu pulang ke rumah mereka di Bukit Jepun jika Dato' Onn belum mahu pulang. Beliau lebih suka berada di samping suaminya walau di mana pun kalau untuk menolong orang yang susah. Dato' Onn keberatan meninggalkan orang yang begitu ramai di Kempas dan Tampoi kalau-kalau mereka diganggu oleh askar-askar Jepun lagi nanti, apabila beliau dan tangkal monyetnya itu sudah tidak ada lagi di situ.

"Apa gunanya saya balik seorang diri," Datin Halimat membantah. "Lebih baik saya turut berada di sisi awak di mana-mana pun." Setelah diberitahu bahawa beliau akan dapat memberikan pertolongan yang lebih kepada mereka itu jika beliau berada di Johor Bahru kerana di sana terdapat segala kemudahan untuk menghubungi mana-mana pihak berkuasa Jepun untuk kepentingan orang pelarian di Kempas itu, dan tambahan pula Sultan Ibrahim sendiri telah mengutuskan orangnya untuk memanggil Dato' Onn menghadap, maka Dato' Onn pun bertolaklah pulang ke rumahnya dengan menaiki lori bersama-sama keluarganya.

Setelah sampai ke rumah mereka di Bukit Jepun, Johor Bahru, Dato' Onn dan Datin Halimah mendapati bahawa segala kain baju

dan barang lain yang ditinggalkan semasa mereka berpindah ke Kempas habis diambil orang. Tetapi mereka tidak mengetahui sama ada yang mengambilnya itu askar Jepun atau orang lain yang mengambil kesempatan dalam keadaan seperti itu. Apa yang tinggal hanyalah beras dan kayu api yang di dapur. Semuanya masih ada banyak lagi, tidak dicuit orang.

Seperti semasa di Hutan Kempas, orang yang pulang ke Johor Bahru masih dalam ketakutan, tidak mahu pulang ke rumah masing-masing, tetapi mereka turut berkumpul di rumah Dato' Onn; mungkin sekali mereka masih memerlukan perlindungan daripada tangkal monyet yang masih ada di tangan Dato' Onn. Oleh kerana terlalu ramai manusia, maka penuh sesaklah rumah Dato' Onn dari dalam hingga keluar, dari atas hingga ke bawah bahkan di stor motokar dan di ruang dapur juga penuh sesak dengan orang yang baru saja pulang dari Kempas.

Yang menambahkan lagi berat tanggungan dan tanggungjawab Dato' Onn ialah orang itu tidak mempunyai sedikit pun bahan makanan. Dato' Onn terpaksa mendapatkan beras dan bahan makanan lain yang diperlukan bukan sahaja untuk dia dan keluarganya tetapi juga untuk orang yang menumpang di rumahnya selama mereka berada di situ. Setiap hari, Datin Halimah sendiri memasak nasi dalam periuk besar yang biasanya digunakan untuk memasak nasi minyak kerana jamuan yang besar-besar, seperti pada waktu kenduri atau nikah kahwin. Kalau semasa di Hutan Kempas, mereka sama-sama dalam susah, tetapi sekarang setelah keluar dari hutan dan berada di rumahnya sendiri pula, Dato' Onn terkena susah seorang diri saja kerana terpaksa mencari beras yang cukup untuk menyara hidup ramai manusia yang sedang mencari perlindungan di bawah bumbungnya sendiri.

Dalam keadaan darurat seperti itu, Dato' Onn dan Datin Halimah sentiasa kelihatan tenang dan girang hendak menolong orang. Kedua-dua suami isteri itu sentiasa penuh dengan semangat bekerja dan berusaha untuk faedah ramai. "Berapa banyak pun nasi ditanak, habis dimakan semuanya." Datin Halimah berseloroh ketika mengenangkan cerita lamanya. "Kerak-kerak pun tak tinggal. Habis semua ditala kawan."

Bagaimanapun, semua orang bersyukur kepada Tuhan kerana mereka dapat pulang ke kampung halaman sendiri dengan selamat. Mereka juga merasa sangat berdukacita kerana setelah pulang dari



Kempas, mereka dapati beberapa orang yang tidak turut serta berpindah ke Kempas telah mati di rumah masing-masing. Mayat mereka dijumpai dalam keadaan bengkak, bergelimpangan di rumah sendiri. Orang-orang ini adalah mereka yang telah sedia uzur sewaktu orang lain meninggalkan bandar Johor Bahru atas perintah tentera Jepun, dan tidak dapat atau tidak mahu dibawa oleh sanak saudara mereka mencari perlindungan di Hutan Kempas.

Dato' Onn dan Datin Halimah telah mengorbankan masa, tenaga, kesihatan, malah keselamatan mereka semasa di Hutan Kempas kerana menolong orang yang susah, orang yang memerlukan bantuan daripada kedua-duanya. Mereka dapat diselamatkan daripada diganggu oleh askar Jepun kerana Dato' Onn mendapat suatu surat kebenaran besar daripada pihak berkuasa tentera Jepun yang tertinggi, hingga tidak ada seorang askar Jepun pun berani mengganggu atau mengacau apabila sahaja ditunjukkan pas itu.

Salah seorang putera Melayu yang patut menerima kepujian kerana derma baktinya ialah Dr. Awang bin Hassan. Beliau turut bersama berpindah ke Hutan Kempas ketika Jepun memerintahkan supaya semua penduduk mengosongkan bandar Johor Bahru. Jika tidak kerana daya usahanya yang tidak mengenal penat dan lelah, mungkin orang pelarian yang berkampung di Hutan Kempas itu telah mengalami penderitaan yang lebih pahit lagi kerana serangan penyakit yang berbagai-bagai jenis. Dr. Awang dapat mencegah penyakit cirit birit, muntah, demam selesema dan lain-lain lagi daripada merebak dan berlarutan di kalangan orang pelarian itu. Mereka pada keseluruhannya dan khasnya orang sakit yang telah ditolongi oleh Dr. Awang kerana Allah, merasa sangat terhutang budi kepadanya dan beliau patut sekali dianugerahkan sesuatu kehormatan kerana jasa dan baktinya terhadap beribu-ribu orang pelarian perang yang telah berlandung di Hutan Kempas.



**GAMBAR 1** Dato' Onn Ja'afar dan isteri semasa bergiat dalam Pergerakan Melayu Semenanjung Johor dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Ehsan Shaharom Husain gambar 1-9, 11, 14)



GAMBAR 2 Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad (ayahanda Dato' Onn) Menteri Besar Johor pertama yang berkhidmat hingga tahun 1919



GAMBAR 3 Dato' Abdullah bin Ja'afar, Menteri Besar Johor Ke-3 (1923-28)



GAMBAR 4 Dato' Mustafa bin  
Ja'afar, Menteri Besar Johor  
Ke-4 (1928-31)



GAMBAR 5 Dato' Onn Ja'afar,  
Menteri Besar Johor Ke-7  
(1947-51)

GAMBAR 6 Dato' Onn  
Ja'afar dalam pakaian  
seragam pegawai Askar  
Johor Timbalan Setia  
Negeri (JMF)



GAMBAR 7 Dato' Onn Ja'afar dan  
Hussein Onn (Ketua Pemuda  
PEKEMBAR atau UMNO) sedang  
membalas tabik kehormatan dari  
barisan PEKEMBAR



**GAMBAR 8** Dato' Onn Ja'afar bersama putera-putera YMM Sultan Ibrahim semasa menuntut di England. Dari kanan Dato' Onn Ja'afar, YTM Tengku Temenggung Ahmad, YTM Tengku Abu Bakar (Tengah Haris Bendahara) dan YTM Tengku Ismail Mahkota (Sultan Ismail)



**GAMBAR 9** Dato' Onn sedang berucap di dalam majlis perhimpunan agung parti-parti politik dari seluruh Tanah Melayu untuk menubuhkan UMNO pada tahun 1946 di Istana Besar, Johor Bahru. Di kanan Dato' Onn ialah Dato' (Tan Sri) Zainal Abidin Hj. Abas dan di kanan sekali ialah Kapten Hussein Onn



**GAMBAR 10** Perwakilan parti-parti politik seluruh Tanah Melayu berhimpun di Istana Besar, Johor Bahru pada hari Sabtu, 11 Mei 1946 (Ehsan Arkib Negara)



GAMBAR 11 Dato' Onn dan Datin Halimah bergambar bersama pemimpin-pemimpin PEKEMBAR (UMNO) Port Dickson di hadapan pejabat PEKEMBAR Port Dickson iaitu semasa lawatan mereka berdua ke situ pada 3 Mac 1947 (Ehsan Shaharom Husain)






**GAMBAR 12** Dato' Onn bersama pemimpin-pemimpin UMNO selepas perasmian Persidangan Agung Yang Keempat di Balai Besar, Alor Setar (Ehsan Arkib Negara)



GAMBAR 13 Tuntutan-tuntutan Kemerdekaan di Kuala Lumpur pada Julai 1954 (Ehsan Arkib Negara)



**GAMBAR 14** Dato' Onn Ja'afar (kanan) sedang bersalam dengan Presiden Soekarno Indonesia dalam satu perjumpaan di Singapura. Di tengah-tengah ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy (Yang Dipertua Agung Parti Kebangsaan Melaya Malaysia). Di kiri, duta kerajaan Republik Indonesia di Singapura (Ehsan Shaharom Husain)



**GAMBAR 15** Di sebalik wataknya yang lemah lembut, Dato' Onn adalah seorang tokoh politik yang berkarisma (Ehsan Dewan Bahasa dan Pustaka)

## Memulihkan Keamanan

### Kancah Pendudukan Jepun



Dalam masa tiga tahun setengah Jepun menduduki Tanah Melayu, mereka menjalankan dasar lama penjajah, iaitu pecah dan perintah. Mereka melancarkan seruan 'Asia untuk orang Asia' dan berjanji hendak menjadikan seluruh benua Asia kawasan kemakmuran bersama. Negara-negara Asia, terutama-

nya penduduk wilayah yang masih terjajah di Asia Tenggara, sangat tertarik dengan cita-cita Jepun itu.

Tetapi sesudah mereka menguasai wilayah tersebut di rantau ini, barulah dapat dipastikan dan dialami secara praktik bahawa slogan seperti 'Kemakmuran Bersama,' 'Asia untuk umat Asia' dan sebagainya hanya untuk propaganda perang semata-mata, untuk kepentingan pihak berkuasa Jepun.

Jepun tidak menunaikan janjinya kepada umat Asia seluruhnya dan kepada bangsa Melayu khususnya. Sebaliknya, dalam masa perang, Jepun memeralatkan mereka untuk kepentingan jentera perangnya. Mereka menindas dan bertindak kejam terhadap orang Cina seberang laut kerana sejak beberapa tahun lamanya sebelum pecah perang di Timur Jauh, Jepun telah melanggar Tanah Besar China dan menawan Manchuria dan kawasan di pantai laut negeri itu. Dalam peperangan itu, orang Cina seberang laut memberikan sumbangan moral dan material yang banyak kepada Kerajaan Chungking di bawah pimpinan Jeneral Chiang Kai Shek.

Perasaan curiga-mencurigai dan benci-membenci di kalangan rakyat, terutamanya antara orang Cina dengan Melayu di Malaya, kian hari kian memuncak. Orang Cina memang sedia menaruh dendam kerana tentera Jepun memberi layanan yang istimewa kepada orang Melayu dari mula mereka masuk ke Tanah Melayu.

Sebaliknya tentera Jepun telah melayani orang Cina secara kuku besi, bahkan menyifatkan mereka sebagai musuh kerana telah sedia ada peperangan antara Cina dengan Jepun di Tanah Besar China sejak beberapa tahun terdahulu.

Anasir komunis dan pengacau keamanan tidak ketinggalan mengambil kesempatan untuk memburukkan lagi keadaan dan permusuhan antara kaum yang telah sedia buruk. Mereka mempengaruhi orang Cina supaya lebih membenci orang Melayu dan menghasut orang Melayu supaya memusuhi orang bukan Melayu. Tetapi yang paling anehnya ialah serentak dengan itu juga, mereka menjalankan ikhtiar mencari sokongan Melayu menentang Jepun dengan tujuan hendak membina sebuah Negara Malaya Merdeka, kononnya diperintah oleh rakyat sendiri.

Akibat pelaksanaan dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh Jepun, dan pengkhianatan anasir anti-kebangsaan tempatan, maka berlakulah beberapa peristiwa yang tidak diingini antara orang Cina dengan orang Melayu di beberapa tempat di Tanah Melayu menjelang tamatnya riwayat pendudukan Jepun di rantau ini.

Salah sebuah daerah, tempat berlakunya pergaduhan besar antara kaum ialah Batu Pahat, Johor. Satu gerombolan komunis daripada pasukan Bintang Tiga menyerang dan membunuh orang Melayu di daerah itu kerana membalas dendam. Mereka menuduh orang Melayu bersubahat dengan Jepun dan khianat hingga ramai orang Cina menjadi korban tentera Jepun dalam masa pendudukan. Salah seorang pembesar Melayu yang mula dibunuh oleh gerombolan itu ialah pegawai Daerah Batu Pahat, iaitu Ismail bin Dato Abdullah.

Pihak berkuasa Jepun di Johor, dari awal lagi, menyedari bahawa Batu Pahat ialah satu-satunya daerah yang tegang. Mereka mahukan Dato' Onn menjadi Pegawai Daerah di situ memandangkan kecerdasan, kecekapan dan keberanian Dato' Onn menjalankan tugasnya. Tetapi Sultan Ibrahim memerlukan Dato' Onn berada di sisinya setiap masa dan kerana itu Baginda tidak bersetuju Dato' Onn ditukarkan ke Batu Pahat atau ke daerah lain. Terlebih dahulu dari itu, pihak berkuasa Jepun berura-ura hendak menukar Dato' Onn ke Mersing. Ini tidak berlaku kerana dihalang oleh Sultan.

Tetapi keadaan tegang antara kaum Cina dengan Melayu di Batu Pahat bertambah buruk, dan pihak berkuasa Jepun tidak dapat bertolak ansur lagi dengan Sultan mengenai pertukaran Dato' Onn ke Batu Pahat. Mereka tidak yakin ada orang lain daripada Dato' Onn yang dapat mengawal dan mententeram keadaan yang genting di daerah itu.

Berita tentang perbuatan komunis menangkap orang Melayu yang tidak berdosa, mencampakkan mereka ke dalam kawah yang penuh dengan air yang sedang menggelegak, mencurahkan air panas ke badan mangsanya, menyelamkan mereka ke dalam air sehingga mati, dan menikam dan menembak mereka sesuka hati, telah membangkitkan kemarahan orang Melayu di seluruh Batu Pahat, bahkan di seluruh Tanah Melayu.

Insaf dan terharu terhadap kekejaman komunis itu, orang Melayu di Batu Pahat bersatu padu di bawah pimpinan Kiai Salleh dan mula melancarkan gerakan membalas. Lebih banyak pertumpahan darah yang negeri berlaku. Pemimpin dan guru agama di Batu Pahat menyeru supaya mereka berjihad mempertahankan diri daripada menjadi mangsa keganasan komunis yang anti-Tuhan itu dan bercita-cita hendak menakluki dan memerintah Tanah Melayu dengan senjata. Tetapi cita-cita anasir jahat itu gagal kerana orang Melayu, bukan saja di Batu Pahat tetapi di seluruh tanah air, mula bertindak mempertahankan diri dan menentang musuh mereka secara habis-habisan.

Di kalangan orang bukan Melayu pula, anasir komunis itu menyebarkan berita bohong kononnya sekumpulan orang Melayu telah membunuh orang Cina dan India di Batu Pahat di satu kawasan terletak berhampiran sebuah stor barang makanan yang dikawal rapi oleh askar Jepun. Berita itu dihebahkan dengan tujuan supaya orang bukan Melayu mengambil tindakan balas menyerang orang Melayu.

Apa yang sebenarnya terjadi adalah pada malam sebelumnya, beberapa orang Cina dan India, mungkin juga ditemani oleh orang Melayu, telah pergi ke tempat itu dan memecahkan stor itu dengan tujuan hendak melarikan barang makanan yang tersimpan di situ. Hampir sepanjang masa pendudukan Jepun, rakyat di seluruh tanah air kekurangan beras dan bahan makanan lain. Di sana sini, berlaku kecurian barang makanan kerana bahan itu lebih penting dan perlu daripada emas dan intan. Setelah melihat lembaga



manusia berkeliaran di sekitar luar stor itu, askar Jepun yang berkawal di situ melepaskan tembakan dan beberapa orang Cina dan India terbunuh, sedang yang lainnya berjaya melarikan diri.

Pada keesokannya, apabila orang datang ke stor itu, maka berlakulah kegemparan besar setelah mereka melihat beberapa mayat bergelimpangan dekat stor itu. Oleh kerana mayat itu berketurunan Cina dan India, timbullah syak wasangka, dan akhirnya lahirlah keyakinan di kalangan anasir komunis, kononnya orang Melayulah yang melakukan pembunuhan itu. Mereka lupa bahawa orang itu terbunuh kerana hendak mencuri, bukannya kerana mereka itu Cina, India atau sebagainya. Si pembunuh pula ialah askar-askar Jepun yang berkawal di kawasan stor itu.

Masyarakat bukan Melayu terpengaruh dengan dakyah komunis tersebut dan mereka kini percaya bahawa orang Melayulah yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan itu. Dakyah komunis itu berupa 'seligi tajam bertimbal.' Jika pencuri yang ditembak mati oleh askar Jepun itu terdiri daripada golongan Melayu dan mayat yang dijumpai keesokan harinya ialah mayat orang Melayu, sudah tentu seluruh masyarakat Melayu di Batu Pahat akan mempercayai bahawa mereka itu dibunuh oleh orang Cina.

Dalam keadaan tegang, cemas dan ketika berlakunya pertumpahan darah itulah Dato' Onn berpindah ke Batu Pahat untuk bertugas sebagai Pegawai Daerah. Di sana sini di seluruh daerah Batu Pahat, pertempuran antara kaum telah dan sedang berlaku ketika beliau sampai di Batu Pahat. Kedua-dua belah pihak yang terlibat mengalami kerugian rumahtangga, harta benda dan nyawa yang tidak sedikit. Sebaik sahaja beliau tiba di daerah itu, Dato' Onn mula menyasat mengenai punca berlakunya pergaduhan itu. Beliau tidak syak lagi bahawa anggota Bintang Tiga itulah yang bertanggungjawab terhadap pergaduhan antara orang Melayu dengan orang Cina.

Tanpa berlelah lagi, Dato' Onn mengambil tindakan yang berkesan bagi menghentikan pertumpahan darah tersebut. Jika pertempuran itu berlarutan, nescaya lebih banyak lagi nyawa yang tidak berdosa terkorban. Menyalahkan satu pihak dan membenarkan pihak yang lain tidak akan memulihkan keamanan. Perdamaian hanya akan tercapai jika kedua-dua belah pihak yang terlibat benar-benar inginkan keamanan. Pembunuhan tidak boleh

dan tidak pernah dapat ditamatkan dengan pembunuhan buat selama-lamanya.

Dalam masa tenteram, aman dan damai, orang Melayu memang terkenal sebagai bangsa yang sentiasa bersifat merendah diri dan sedia bertolak ansur, tetapi apabila maruah, kehormatan bangsa dan agama ternoda, mereka akan bertukar emosi dan menjadi manusia yang tabah, gagah, berani, bengis, degil, dan tidak mengenal takut. Ketika itu, mereka sedia dan sanggup berjuang terus hingga musnah seteru bangsa, agama dan negara.

Dato' Onn memutuskan bahawa kalaulah Bintang Tiga yang menjadi gerombolan yang membangkitkan pergaduhan dan pertumpahan darah, maka tidak ada jalan lain untuk memulihkan keamanan kecuali merundingkan kedamaian dengan pemimpinnya di satu pihak dan dengan orang Melayu di pihak lain. Kedua-dua pihak yang terlibat secara langsung itu mestilah mempunyai keinginan untuk memulihkan keamanan.

Bagi orang Melayu, tentulah tidak sulit berbicara mengenai kedamaian dan keamanan kerana sifat semula jadinya memang tidak suka berkelahi, bergaduh apatah lagi berbunuh-bunuhan. Mereka sedia menyarung balik parang, keris atau sundang jika tidak ada lagi serangan berlaku daripada pihak musuh. Orang Melayu tidak pernah melulu menyerang tetapi apabila diserang, mereka akan membabi buta mempertahankan diri.

Oleh yang demikian, tugas utama dan penting bagi Dato' Onn adalah mencari jalan bagaimana hendak menemui dan merundingi ketua Bintang Tiga supaya pergaduhan antara kaum dapat dihentikan segera dan daerah Batu Pahat pulih aman semula. Selagi pertempuran antara orang Cina dengan orang Melayu terus menerus berlaku, pentadbiran kerajaan tidak akan dapat berjalan dengan licin dan sempurna dan keadaan akan bertambah buruk.

Mungkinkah dapat Dato' Onn menghasilkan tujuan itu? Pegawai Daerah Batu Pahat yang terdahulu sudah tiada lagi. Tidak berapa ketika sebelum Dato' Onn datang ke daerah itu mengambil tempatnya, dia dikepung, ditangkap dan kemudiannya dibunuh oleh gerombolan Bintang Tiga. Pembunuhan itu dilakukan mungkin untuk menakut-nakutkan orang Melayu supaya mereka menjadi lemah semangat dan patuh sahaja kepada kemahuan atau kehendak Bintang Tiga. Beranikah Dato' Onn sekarang pergi, dan seorang diri tanpa berteman atau berkawal, mencari ketua

gerombolan itu? Tidakkah beliau bimbang bahawa sejarah Pegawai Daerah yang digantinya itu mengulang jejak terhadap dirinya? Tidakkah beliau menyedari bahawa pengganas komunis yang secara kebetulan terdiri daripada semuanya orang Cina akan menganggapnya bukan saja sebagai seteru dari segi politik atau ideologi tetapi juga musuh dari sudut perkauman kerana Dato' Onn orang Melayu?

Dato' Onn sedar akan hakikat itu lebih cepat dan mendalam daripada orang lain. Tetapi kalau beliau sendiri tidak berani mengambil daya utama, maka tidak ada orang lain yang sanggup. Rasa bertanggungjawab sebagai ketua daerah, semangat kebangsaan Melayu dan keagamaannya tidak dapat mengalih haluannya daripada mengambil langkah yang paling berbahaya dalam sejarah hidupnya untuk kepentingan dan keselamatan orang ramai. Beliau yakin bahawa sekiranya beliau tidak mengambil daya utama seperti itu, pergaduhan dan pertumpahan darah bukan saja tidak berhenti tetapi akan berlarutan dan merebak ke daerah lain, dan lebih banyak lagi manusia yang tidak berdosa akan terkorban. Keganasan yang sentiasa berkembar dengan kekejaman itu hidup lama dan subur atas keganasan dan kekejaman juga. Ini hanya dapat dicegah dengan kedamaian dan keamanan sahaja. Pergaduhan atau pembunuhan antara kaum mungkin dapat dicegah dalam sesuatu perenggan masa tetapi rasa permusuhan dan dendam yang terpendam dalam jiwa raga itu akan berkekalan dari generasi ke generasi.

## Menemui Ketua Pengganas

Dato' Onn memang terkenal dari mudanya lagi kerana tabah, berani dan cekal hatinya ketika menghadapi sesuatu kecemasan. Beliau tidak takut dan tidak gentar untuk mengambil sesuatu tindakan yang dapat menyelamatkan harta benda dan nyawa manusia yang tidak berdosa daripada terkorban dengan sia-sia. Dalam hal ini, keselamatan dirinya sendiri telah menjadi perhitungan yang kedua padanya. Sebagai Pegawai Daerah beliau perlu berusaha, malah berkorban untuk kepentingan umum. Seseorang tokoh, pemimpin atau jaguh hanya dipandang mulia dan disanjung tinggi kerana kesediaan dan kesanggupannya berkorban untuk orang lain. Sifat dan sikap ini tidak pernah terdapat pada anasir pencuri peluang dalam apa juga bidang hidup.

Dato' Onn bertekad, sesuai dengan keperibadiannya, bahawa beliau mestilah menemui ketua Bintang Tiga untuk mencari jalan bagaimana hendak menghentikan pertempuran yang sedang berlaku antara orang Melayu dengan orang Cina di Batu Pahat. Pada masa itu, gerombolan Bintang Tiga mempunyai markas besarnya di Bukit Pasir, dan dari pusat itulah mereka mengeluarkan arahan dan melancarkan serangan ke atas orang Melayu. Sebagai menjamin keselamatannya, mereka mengawas dan mengawal dengan rapi semua jalan yang menuju ke Bukit Pasir. Pengakap, pengintip dan pejuang Bintang Tiga ditempatkan di sana sini di sepanjang jalan raya antara Bandar Penggaram dengan Bukit Pasir.

Hendak melalui atau melintas jalan raya Batu Pahat - Bukit Pasir bukannya senang, apatah lagi hendak bertemu empat mata dengan ketua Bintang Tiga. Antara sesama gerila itu, hanya yang ada pangkat atau pengaruh sahaja yang dapat menemui ketua mereka atau berada di sisinya pada sebarang masa. Tetapi Dato' Onn menetapkan bahawa beliau mesti pergi ke Bukit Pasir, ke markas besar Bintang Tiga itu dan bertemu muka dengan ketuanya. Pada pendapatnya, hanya inilah sahaja satu-satu jalan bagi menamatkan pertempuran Melayu-Cina di Batu Pahat.

Dato' Onn difahamkan bahawa salah seorang Melayu yang diketahui boleh mewujudkan hubungan antaranya dengan ketua Bintang Tiga ialah Kiai Salleh yang pernah menjadi Penghulu Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat. Dato' Onn berhubung dengannya untuk membolehkan beliau berjumpa dengan ketua komunis itu di Bukit Pasir. Pada mulanya, Kiai Salleh tidak berapa senang hati berbuat demikian, mungkin beliau bimbang tidak ada siapa yang akan dapat menyelamatkan Dato' Onn kalau sudah ianya sampai di Bukit Pasir dan masuk ke markas besar Bintang Tiga. Beliau bimbang kalau Pegawai Daerah yang baru itu akan lenyap, seperti yang terdahulu daripadanya. Tambahan lagi, pergaduhan antara kaum masih berlaku pada ketika itu, sedangkan Kiai Salleh sendiri sedang mengepalai orang Melayu di Bagan dalam pergaduhan antara kaum itu.

Tetapi Dato' Onn ialah seorang yang degil dan pantang mengubah haluan sesudah menetapkan pedoman menuju matlamatnya. Beliau tidak akan berpatah balik daripada keputusannya hendak bertemu mata dengan ketua Bintang Tiga itu, sama ada

dengan perantaraan Kiai Salleh atau sesiapa pun. Bagaimanapun beliau sendiri telah mendapatkan Kiai Salleh dan merayu kepadanya supaya menunjukkan dia jalan dan menemaninya ke Bukit Pasir. Oleh kerana tidak ada kenderaan bermotor yang boleh dinaiki, maka kedua-duanya menonggang basikal, bertolak ke tempat yang dikatakan ketua Bintang Tiga itu berada. Pada masa itu, umur Dato' Onn telah meningkat 50 tahun tetapi beliau masih tegap dan lasak lagi, walaupun menonggang basikal untuk pergi jauh. Beliau meninggalkan Penghulu Salleh jauh ke belakang, hingga tidak kelihatan lagi. Dato' Onn berkayuh terus seorang diri tanpa bimbang dan takut, dengan penuh kesedaran bahawa jika nasibnya baik dan sejuk perut ibu yang mengandungnya beliau akan berjaya, tetapi kalau padah yang menantinya, mungkin beliau akan pergi dan lenyap seperti rakan sejawat yang sebelumnya: mati di hujung senjata pegganas.

Setelah beberapa lama mengayuh basikal, maka tibalah Dato' Onn di sebuah kedai yang terletak di tepi jalan raya antara Bandar Penggaram dengan Bukit Pasir. Tidak jauh di situ, Dato' Onn melihat ada dua orang lelaki Cina sedang berdiri dan tercengang-cengang kehairanan melihat seorang Melayu dengan sekonyong-konyong muncul di situ pada saat yang paling genting, seolah-olah menempah maut. Tidak syak lagi bahawa mereka itu ialah anggota Bintang Tiga yang bertugas sebagai pengawas, pengintip atau pengawal. Mungkin mereka ditempatkan di situ untuk memerhatikan lalu lintas, kereta atau manusia, di jalan besar itu.

Kedua-dua orang Cina itu terkejut apabila ditegur oleh Dato' Onn, dan bertambah hairan mendengarkan Dato' Onn bertanya di manakah beliau dapat menemui ketua Bintang Tiga daerah itu. Sebelum menjawab, kedua-dua orang Cina itu kelihatan berbisik-bisik, barangkali tanya menanya satu dengan lain kalau-kalau salah seorang daripadanya kenalkan orang yang bertanya itu.

"Lu siapa?" seorang daripadanya bertanya.

"Saya Dato' Onn, D.O. Batu Pahat," Dato' Onn memperkenalkan dirinya, sambil menambah. "Saya mau jumpa awak punya ketualah."

Mereka terpegun sejurus, dan kelihatan tidak berapa yakin bahawa yang terserenjang di hadapan mereka itu ialah Pegawai Daerah yang baru saja bertukar ke Batu Pahat menggantikan

Ismail bin Dato Abdullah telah menemui ajalnya di tangan Bintang Tiga. Mereka tidak terfikir dan tidak menyangka sama sekali ada seorang Pegawai Daerah atau seorang Melayu yang berani muncul dengan berseorangan pula di tengah-tengah kubu atau benteng Bintang Tiga.

Sejurus selepas itu, salah seorang daripadanya memberi isyarat kepada Dato' Onn supaya mengikutnya ke tempat ketua Bintang Tiga itu. Setelah sampai, Dato' Onn dibawa masuk ke dalam sebuah rumah, dan di situlah beliau berhadapan dengan ketua gerombolan komunis itu. Tidak berapa lama kemudian. Kiai Salleh pun sampai dan mereka pun mula berunding tentang bagaimana hendak menghentikan pertempuran Cina-Melayu yang telah banyak menumpahkan darah, dan memulihkan keamanan di seluruh Batu Pahat dengan secepat mungkin.

Masa itu ialah bulan puasa dan seperti tahun lain juga, Dato' Onn tidak pernah meninggalkan puasanya. Hari beliau bertemu muka dengan ketua Bintang Tiga itu ialah hari yang paling bersejarah dalam riwayat hidupnya kerana pada hari itulah beliau berjaya membuka jalan untuk menghentikan pertempuran kaum di Daerah Batu Pahat. Dengan demikian, beliau berjaya mencegah peristiwa itu daripada berpanjangan dan merebak ke tempat lain.

Dari pagi lagi, beliau telah keluar dari rumah dengan tidak meninggalkan sebarang pesan, sedangkan apa yang hendak diusahakannya pada hari itu mengandungi kemungkinan gagal atau berjaya, bahkan hidup atau mati. Sekarang waktu berbuka sudah lewat, tetapi beliau masih belum pulang lagi. Datin Halimah gelisah kerana pada kebiasaannya, pada setiap petang suaminya pasti pulang sebelum waktu berbuka. Sewaktu berbuka, beliau suka melihat semua yang berpuasa di rumahnya turut sama-sama berbuka.

Kelambatannya pulang pada petang itu, setelah meninggalkan rumah sehari suntuk, menimbulkan rasa bimbang di kalangan keluarganya, terutamanya Datin Halimah, kerana maklumlah pada masa dan saat itu, pertempuran antara orang Melayu dengan Cina masih berlaku di sana sini di Batu Pahat. Datin Halimah bertambah bimbang. Hari telah lewat petang dan waktu berbuka puasa sudah luput, tetapi Dato' Onn masih belum pulang lagi. Kisah Bintang Tiga menangkap dan membunuh Pegawai Daerah yang terdahulu

masih terdengar-dengar di telinganya. Hati isteri manakah yang tidak bimbang dan cemas?

Oleh kerana terlalu digoda oleh rasa bimbang, Datin Halimah keluar seorang diri tanpa berteman untuk mencari suaminya. Beliau memakai seluar panjang bertindihkan kain yang diikat kemas beserta sebilah keris yang tersisip di pinggangnya. Sesungguhnya, sepanjang masa darurat di Batu Pahat, Datin Halimah sentiasa membawa keris ke mana-mana sahaja beliau pergi.

"Uncu hendak ke mana?" bertanya seorang dua di dalam rumahnya, ketika memerhatikannya melangkah keluar dengan cekal dan berani.

"Aku hendak cari laki aku," Datin Halimah membentak. "Sekarang sudah lewat waktu berbuka, dia belum balik lagi . . . entah hidup entah mati. . . kalau awak jantan-jantan semua takut biar ini betina keluar mencari lakinya." Sungguhpun banyak yang melarangnya supaya jangan keluar rumah, Datin Halimah tetap keluar juga menyongsong suaminya. Sesudah beliau keluar ke jalan raya, barulah keluar beberapa orang untuk menemaninya dari belakang. Mereka bimbang hendak melepaskan beliau pergi seorang diri pada malam hari.

Setelah berjalan agak tidak berapa jauh dari rumahnya, Datin Halimah nampak imbas suaminya datang dari hadapan menuju ke arahnya. Beliau sedang menonggang basikal. Sungguhpun malam itu gelap, tetapi Datin Halimah dapat mengenal suaminya, memandangkan bentuk badannya dari jauh. Tentang Dato' Onn pula, dari jauh lagi, beliau nampak lembaga berbentuk perempuan sedang berjalan seorang diri tetapi beliau tidak sekali-kali menyangka lembaga itu ialah isterinya. Setelah dekat benar, barulah beliau camkan Datin Halimah.

"Awak hendak ke mana, gelap-gelap buta ini?" kedengaran Dato' Onn bertanya dengan bimbang.

"Hendak cari awaklah," jawab Datin Halimah, sambil menambah, "Semua jantan yang di rumah penakut, jadi saya sendiri mesti keluar mencari awak."

"Sudahlah," Dato' Onn mententeramkan isterinya dengan nada yang lemah lembut yang menandakan rasa lega dan lapang hatinya kerana rundingannya dengan ketua Bintang Tiga pada hari itu mencapai hasil yang baik. "Sudah tak ada apa-apa lagi, marilah kita balik," katanya lagi. Pihak Bintang Tiga bersetuju berdamai

dan sekarang terpulanglah kepada bijaksana Dato' Onn memujuk orang Melayu, terutama sekali kumpulan bersenjata yang diketuai oleh Kiai Salleh.

Sungguhpun demikian, Dato' Onn sedar bahawa tujuan muktamad komunis adalah hendak menjadikan Tanah Melayu sebuah republik yang dikuasai oleh komunis antarabangsa. Pada mulanya, anasir komunis itu berbaik-baik dengan orang Melayu dan memujuk mereka supaya menyokong rancangan mereka yang telah diketahui oleh orang Melayu akan memusnahkan kebebasan, agama dan tanah air mereka. Tetapi setelah nyatalah kepada mereka bahawa orang Melayu tidak akan turut serta atau menyokong rancangan palsu mereka itu, maka Cina komunis itu mulalah membenci dan menghasut semua orang bukan Melayu supaya turut membenci dan memusuhi orang Melayu. Mereka menggunakan kekerasan untuk memaksa orang Melayu yang lemah semangat supaya mengikut kehendaknya. Tetapi kekerasan itu telah ditentang hebat dengan kekerasan. Ramai orang telah terbunuh dan banyak rumah dan harta benda musnah akibat pergaduhan Cina-Melayu di seluruh Tanah Melayu.

## Peristiwa Bagan

Dato' Onn mengambil masa yang panjang ketika berunding dengan Bintang Tiga untuk mencari sebaik-baik jalan bagi menghentikan pertempuran antara kaum. Pertempuran berlaku terus menerus walaupun pada masa Dato' Onn dan ketua Bintang Tiga merundingkan perdamaian. Di sana sini di Daerah Batu Pahat, kejadian yang tidak diinginkan masih berlaku.

Belum pun sempat hendak berfikir dua kali, setelah beliau pulang dari markas besar Bintang Tiga di Bukit Pasir itu, maka datang orang memberitahu bahawa sebilangan besar orang Melayu yang menjadi pengikut Kiai Salleh telah berhimpun di Bagan, bersiap sedia hendak melancarkan serangan maut ke atas Bandar Penggaram kerana di situ sejumlah besar daripada penduduknya terdiri daripada orang Cina.

Seluruh bandar itu gempar kerana orang Melayu hendak menyerang penduduk Cina di situ dalam rancangan tindak balasnya. Semua kedai telah ditutup dan banyak orang meninggalkan rumah untuk mencari tempat perlindungan yang lebih selamat.



Ada yang bersembunyi di dalam parit, di bawah jambatan, di bawah dermaga, di dalam stor dan tempat-tempat lain. Ramai yang mati lemas apabila air naik ketika pasang dan mereka yang bersembunyi di bawah jambatan dan dermaga terperangkap. Mereka tidak berani keluar dari tempat persembunyian kerana takut serangan daripada pihak Melayu. Orang bukan Melayu tahu, mereka sudah melihat dan pernah mengalami secara praktik bagaimana dahsyatnya orang Melayu bertindak balas ke atas musuhnya, samalah seperti komunis yang telah melakukan pembunuhan dengan sewenang-wenangnya ke atas orang tua-tua, ibu-ibu dan kanak-kanak yang tidak berdosa.

Angkatan Melayu bersenjata dari Bagan yang lengkap dengan pedang, keris, sundang dan parang serta senjata api, dan setiap anggotanya mendidih dengan semangat perjuangan untuk membela bangsa dan tanah air yang sedang diancam oleh komunis, sedang menunggu saat terakhir untuk melanggar Bandar Penggaram. Mereka bertekad akan terus menggempur anasir anti-Melayu dan anti-Malaya untuk dibasmi, buat selama-lamanya.

Semua jalan raya yang menuju ke bandar itu dan semua kampung yang di sekitarnya dikawal rapi oleh pasukan Melayu tersebut untuk menyekat anggota Bintang Tiga dari Bukit Pasir dan tempat lain daripada memberikan bantuan kepada orang Cina di Bandar Penggaram. Jalan tunggal yang masih terbuka ke arah kedamaian yang kelihatan oleh Dato' Onn ialah memujuk dan menahan orang Melayu dari Bagan itu daripada melaksanakan rancangan mereka hendak menyerang ibu kota daerah itu. Mereka mesti dipengaruhi supaya membatalkan kempen maut mereka itu.

Dato' Onn merasa sangat kecewa kerana pertempuran telah berlaku semula dan beliau bimbang kejadian seperti itu akan memusnahkan harapan untuk memulihkan keamanan. Darah akan bertumpahan lagi. Semakin lama pertempuran berlarutan, semakin banyak darah mengalir dan semakin ramai orang terbunuh. Beliau mengambil keputusan bahawa beliau sendiri mesti pergi menemui orang Melayu di Bagan dan cuba menghalang mereka daripada menumpahkan darah lebih banyak lagi. Beliau mengerti bagaimana panas dan marahnya hati orang Melayu setelah kaum keluarga mereka diseksa dan dibunuh oleh anggota Bintang Tiga.

Tetapi Dato' Onn tidak yakin bahawa pertumpahan darah dapat dicegah dengan menumpahkan lebih banyak lagi darah. Seperkara lagi yang terlintas di hatinya adalah jika orang Melayu terus menerus melakukan pembunuhan di Batu Pahat pada masa itu, nama baik seluruh bangsa Melayu nanti akan cemar di kalangan masyarakat antarabangsa kerana bertindak liar dan ganas. Jepun yang berlaku kejam dan buas dalam masa pendudukannya baru sahaja menyerah kalah dan tentera British sedang diatur untuk mendarat di Pantai Barat Malaya. Jepun dibenci dan dikutuk kerana perbuatan buas dan ganas yang mereka lakukan ke atas rakyat yang tidak berdosa. Tidak akan ada simpati orang kepada umat Melayu jika mereka bersalah melakukan kekerasan ke atas orang lain.

Dengan tergesa-gesa Dato' Onn mencari songkok hendak pergi ke Bagan menemui orang Melayu di situ, Kiai Salleh dan pengikutnya. Songkok amat perlu baginya dalam masa pendudukan Jepun kerana tanpa songkok sukar sekali bagi orang lain mengenalinya sebagai putera Melayu. Songkok yang dicarinya itu tidak dijumpai. Beliau mempunyai hanya satu songkok hitam saja dan sudah buruk pula. Semasa beliau pergi ke Johor Bahru, songkok itu tertinggal di sana, tidak dibawanya pulang ke Batu Pahat. Beliau meminjam songkok orang, tetapi warnanya merah tua, bukan hitam. Itu pun jadilah baginya kerana beliau berfikir bahawa dari jauh songkok merah tua itu kelihatan hitam juga.

Sebenarnya Dato' Onn dan Kiai Salleh silih berganti berada di Johor Bahru dan Batu Pahat atas perintah Sultan Ibrahim. Kedua-dua mereka perlu untuk menjaga peribadi Baginda semasa Bintang Tiga bermaharajalela di negeri Johor, bahkan di seluruh Tanah Melayu dalam masa antara Jepun menyerah kalah dengan pengambilan alih kuasa oleh British.

Sementara beliau berada di Batu Pahat, Kiai Salleh sepatutnya hendaklah berada di Johor Bahru di Istana Raja, tetapi sekarang beliau telah pulang ke Batu Pahat secara diam-diam dan mengumpul orang-orangnya di Bagan untuk menyerang orang Cina di daerah itu. Dato' Onn sangat kecewa terhadap langkah yang diambil oleh Kiai Salleh, tetapi duduk dengan berkecewa saja tidak akan mendatangkan sebarang hasil.

Oleh yang demikian, Dato' Onn dengan ditemani oleh Dato Abdul Rahman, berkejar ke Bagan sebelum terlambat untuk

menemui Kiai Salleh dan orangnya dan cuba menghalang mereka daripada menyerang orang Cina di daerah itu. Apabila sampai di seberang, mereka menaiki sebuah kereta *Baby Austin* yang buruk untuk pergi ke Bagan. Setelah sampai di situ, Dato' Onn turun kerana sudah tidak ada jalan lagi, beliau berjalan kaki masuk ke pedalaman.

Tidak berapa jauh di hadapannya, kelihatan beberapa orang lelaki Melayu sedang mundar-mandir, seperti orang berkawal. Mungkin juga mereka itu pengakap gerombolan Kiai Salleh yang ditempatkan di situ. Apabila ditanya, salah seorang daripada mereka menjawab sambil menunjukkan tempat Kiai Salleh berada. Dengan secara berhati-hati Dato' Onn terus menuju ke tempat yang ditunjukkan kepadanya, dan setelah berjalan seketika lama beliau pun tiba di tempat Kiai.

Kiai Salleh dan pemimpin Melayu lain di Batu Pahat yang terlibat secara langsung dalam pertempuran dengan Cina yang ada di situ merasa tidak senang hati melihat Dato' Onn datang sekonyong-konyong kerana mereka sudah menjangka awal-awal lagi bahawa kedatangan Pegawai Daerah itu bukan untuk turut serta atau membantu kempen berdarah mereka, tetapi hendak menahan mereka daripada meneruskan rancangan mereka untuk bertindak balas terhadap musuh Melayu. Sebagai Pegawai Daerah, Dato' Onn bertanggungjawab penuh terhadap keselamatan nyawa dan harta benda semua orang di dalam daerahnya tanpa beza membeza antara satu dengan lain kerana warna kulit, bangsa, keturunan atau agama. Beliau mesti berlaku adil dalam setiap suatu langkah atau tindakan yang diambilnya sebagai ketua daerah dan wakil Sultan. Dato' Onn tidak pernah meminta atau menuntut sesuatu yang melampaui batas atau yang mustahil dapat diterima atau dilaksanakan oleh penduduk di daerahnya.

Dato' Onn menyeru kepada Kiai Salleh dan pengikutnya supaya berhenti daripada mengambil tindak balas terhadap orang Cina secara sendirian. Beliau tidak mahu nama baik orang Melayu tercemar, rosak, buruk dan busuk di seluruh alam kerana tindakan yang tidak bertanggungjawab, liar dan ganas yang dilakukan sendiri oleh beberapa orang tertentu. Beliau tidak mengizinkan orang Melayu dicap sebagai pengganas dan pembunuh yang kejam. Beliau tidak ingin mendengar orang Melayu dituduh berlaku buas dan kejam seperti pengganas-pengganas komunis, yang dikutuk

dan diganyang oleh orang Melayu sendiri. Nyawa manusia mahal harganya dan walaupun hendak mengorbankannya biarlah pengorbanan itu untuk sesuatu yang sungguh bernilai.

Tetapi terlebih daripada semua itu Dato' Onn mengetahui bahawa anggota Bintang Tiga di seluruh Tanah Melayu, termasuk mereka yang berpusat di Bukit Pasir itu, mempunyai senjata api, bom tangan dan alat perosak dan pembunuh yang lengkap – lebih lengkap dan kuat daripada senjata orang Melayu. Senjata itu semuanya diberikan oleh British kepada Bintang Tiga untuk digunakan menentang Jepun dalam masa pendudukannya. Anggota Bintang Tiga juga mendapat banyak senjata yang merbahaya daripada tentera Jepun menjelang hari Jepun menyerah kalah kepada pihak Sekutu.

Dato' Onn mengetahui bahawa Bintang Tiga boleh menimbulkan kecelakaan yang besar ke atas orang Melayu di mana-mana sahaja mereka berada. Beliau tidak mahu berpura-pura dan membohongi diri sendiri dan orang lain bahawa bilangan dan persediaan orang Melayu cukup dan lengkap untuk menghapuskan musuh. Oleh itu dengan apa cara juga, beliau berazam mencegah orang Melayu di Bagan daripada menyerang orang Cina yang berada di Batu Pahat. Beliau tidak sanggup membiarkan pertumpahan darah berlaku terus menerus selagi nyawa ada di dalam badan dan selagi beliau bertugas sebagai Pegawai Daerah, yang memegang amanah Raja untuk keselamatan harta benda dan nyawa rakyat di daerah itu.

## Kiai Salleh

Sebelum pergi ke Bagan untuk menemui Kiai Salleh dan orangnya, Dato' Onn bercakap menerusi telefon dengan Sultan Ibrahim di Johor Bahru mendesak Baginda supaya berusaha dengan serta merta menghantar askar British ke Batu Pahat. Sultan Ibrahim merasa sangat cemas kerana Bintang Tiga benar-benar menjadi ancaman yang bukan kecil kepada Negeri Johor dan rakyatnya. Baginda memanggil pemimpin Melayu seperti Dato' Onn, Kiai Salleh, Embong Yahya, Haji Hamid Fadzil dan lain-lain lagi untuk mengetahui akan persediaan dan persiapan orang Melayu menghadapi bahaya Bintang Tiga. Mereka memberitahu Sultan bahawa mereka tahu di mana terletaknya pusat Bintang Tiga di seluruh

Negeri Johor. Mereka juga sanggup menjadi juru pandu untuk membawa askar British ke setiap kubu Bintang itu untuk dihapuskan.

Dato' Onn juga menghubungi pihak berkuasa tentera British sebelum itu, tetapi oleh kerana perkara itu memerlukan tindakan segera, beliau menggesa Sultan supaya Baginda sendiri mendesak British memandangkan betapa mendesak dan cemasnya keadaan di Batu Pahat.

Sungguhpun semasa Dato' Onn dan Dato Abdul Rahman Musa berkejar ke Bagan belum ada lagi askar British untuk dikirim ke sana, tetapi kapal terbang daripada Angkatan Udara Diraja telah diperintahkan supaya mengawasi dari udara akan pergerakan musuh di bumi. Dato' Onn merayu kepada orang Melayu di Bagan membatalkan saja kempen berdarah mereka itu. Nasib orang Cina di Batu Pahat bergantung kepada jaya atau gagalanya Dato' Onn mempengaruhi orang Melayu di Bagan supaya berdamai bagi kepentingan bersama kedua-dua kaum.

Apa yang dikhuatirkan oleh Dato' Onn, terlebih daripada semuanya, ialah orang Melayu sudah tidak dapat memisahkan orang Cina komupis yang buas dan ganas daripada orang Cina Tanah Melayu yang cintakan damai dan hidup dalam harmoni dan sefahaman dengan orang Melayu selama ini. Kiranya jadi pertempuran, sudah tentu banyak yang tidak berdosa daripada kedua-dua belah pihak akan menjadi korban sia-sia.

Orang perseorangan mudah dipujuk, tetapi manusia yang berkumpul dan manusia yang sedang mabuk darah tidak dapat dipengaruhi semudah itu. Dato' Onn yakin bahawa tanggungjawab dan tugasnya sebagai Pegawai Daerah, sebagai orang Melayu dan sebagai rakyat Negeri Johor dan wakil Raja lagi, adalah sangat penting, lebih-lebih lagi pada ketika kecemasan seperti itu. Beliau sedar betapa cemasnya keadaan di Batu Pahat dan betapa besarnya harapan penduduk Cina supaya beliau berjaya menyelamatkan mereka daripada kecelakaan yang sedang menunggu mereka. Mereka berdoa semoga usaha Dato' Onn menghasilkan keamanan yang abadi, dan orang Cina dan Melayu di Batu Pahat kembali hidup sebagai jiran dan kawan buat selama-lamanya.

Dalam masa berunding dengan orang Melayu di Bagan itu, banyak kali kata-kata hangat kedengaran, terutamanya tentang tindakan Bintang Tiga ke atas orang Melayu yang telah menjadi

mangsa mereka. Bintang Tiga menggunakan cara menyiksa dan membunuh yang lebih kejam daripada pernah diketahui dalam masa pendudukan Jepun. Daripada gaya dan ragam penyiksaan itu, jelaslah bahawa Bintang Tiga telah berbuat demikian seolah-olah membalas dendam ke atas orang Melayu yang mereka tuduh menjadi "anak emas" Jepun dalam masa pendudukan.

Kiai Salleh kelihatan tidak senang hati dengan kedatangan Dato' Onn ke Bagan, kerana, seperti yang telah disangkanya, beliau datang untuk menghalang orang Melayu daripada mengambil tindakan balas terhadap perbuatan Bintang Tiga ke atas orang Melayu. Beliau menyambut Dato' Onn dengan air muka yang agak masam, tetapi Dato' Onn datang ke Bagan dengan hati yang luhur dan jujur untuk mencari perdamaian, sungguhpun ada padanya perasaan marah terhadap Kiai Salleh kerana bertindak dengan sesuka hatinya. Sepatutnya hendaklah dia lebih dahulu membicarakan sesuatu hal seperti itu dengan wakil pemerintah di daerahnya.

"Apa awak sudah buat, Salleh," Dato' Onn bertanya kepada Kiai Salleh setelah kedua-duanya bertemu di Bagan, "Macam ini awak tak boleh buat. Perbuatan seperti ini menyalahi undang-undang. Sepatutnya awak terlebih dahulu berunding dengan saya. Saya Pegawai Daerah di sini. Ini awak buat pandai sendiri saja."

Semasa berkonfrontasi mulut dengan Kiai Salleh, Dato' Onn merayu kepada orang Melayu di situ supaya berhenti daripada menyerang balas. Beliau mencabar Kiai membunuhnya terlebih dahulu jika dia masih hendak meneruskan rancangannya yang merbahaya itu.

"Nah ini dada saya," Dato' Onn mencabarnya, "Tikamlah saya kalau awak tak mahu dengar cakap saya. Kalau sudah bunuh saya, barulah buat apa saja yang awak suka. Selagi ada nyawa di badan, saya tidak benarkan dan saya tidak rela awak berbuat demikian. Saya sebagai D.O. dan wakil raja dan rakyat bertanggungjawab atas apa yang berlaku di daerah ini. Saya tak mahu saya nanti dipertanggungjawabkan dengan kesalahan besar seperti ini."

Setelah mendengar kata-kata bersungguh Dato' Onn itu di hadapan pengikutnya, Kiai Salleh tidak berkata apa-apa. Tetapi pengikut di sekelilingnya telah terpengaruh kuat dengan penerangan dan rayuan yang telah dibuat oleh Dato' Onn sebentar tadi. Dengan secara sepontan, mereka bangkit beramai-ramai melahir-

kan kesediaan mereka menerima nasihat Dato' Onn dan mereka berikrar akan patuh kepadanya untuk menghentikan pertempuran Cina-Melayu dan memulihkan keamanan di seluruh daerah Batu Pahat.

Sekali lagi Dato' Onn berjaya dengan cemerlangnya. Tidak berapa ketika terdahulu, beliau berjaya mendapatkan ketua Bintang Tiga bersetuju menghentikan perbuatan jenayah komunis dan sekarang orang Melayu pula bersetuju tidak akan meneruskan tindakan balas terhadap orang Cina. Kejayaannya mengamankan orang Melayu dan orang Cina di Batu Pahat dan mengembalikan ketenteraman di daerah itu meletakkan Dato' Onn pada satu kedudukan istimewa yang disanjung tinggi oleh seluruh kaum Cina dan kaum Melayu di seluruh negeri Johor, malah di seluruh Tanah Melayu.

Berita perdamaian itu sampai ke pengetahuan setiap orang Cina di Batu Pahat. Mereka merasa terhutang budi, bahkan terhutang nyawa kepada Dato' Onn. Sebaik sahaja beliau tiba di Bandar Penggaram, Dato' Onn disambut oleh beribu-ribu orang Cina yang baru sebentar tadi bersembunyi di dalam lubang, dalam parit dan di segenap ceruk yang difikirkan terselamat daripada bahaya parang dan keris Melayu. Mereka keluar beramai-ramai di jalan raya dan bersesak-sesak menunjuk ke hadapan untuk berjabat tangan dengan Dato' Onn serta mengucapkan tahniah dan terima kasih mereka kepada orang yang dianggap telah berjaya menyelamatkan mereka daripada bencana atau kecelakaan yang besar. Jika sebentar tadi mereka menangis kerana kebimbangan dan ketakutan, maka sekarang mereka keluar air mata, kerana riang dan gembira yang sangat mengharui. Mereka tidak perlu takut dan tidak payah bersembunyi lagi untuk keselamatan diri dan keluarga. Mereka semua sekarang dapat mengecap kembali hidup tenteram, aman dan damai antara orang Melayu dengan orang Cina dalam masyarakat yang penuh muhibah dan persefahaman. Mereka tidak kecewa meletakkan harapan dan memusatkan doa ke atas Dato' Onn sebagai penyelamat mereka dan hingga ke hari ini, orang Cina dan orang Melayu di Batu Pahat khususnya masih merasa terhutang budi kepada seorang putera Melayu yang secara bersendirian telah mengorbankan segala-galanya untuk keamanan di daerahnya.

Pada hari itu, Dato' Onn pulang ke rumahnya dalam keadaan letih dan lesu, terutamanya kerana beliau terpaksa berjabat tangan dengan setiap orang Cina di jalan raya Bandar Penggaram yang menunggu kepulangannya dari Bagan. Sungguhpun Dato' Onn letih lesu, tetapi jiwanya kembang dan segar dijiwai oleh kejayaan yang paling cemerlang dalam riwayat hidupnya.

Jika ada sebarang dakyah yang telah disebarakan oleh anasir anti-Onn bahawa beliau seorang pemimpin Melayu yang anti-Cina, maka pengorbanan yang telah diperlihatkannya untuk orang Cina dan Melayu di Batu Pahat patut sekali menjadi bukti yang abadi, sesungguhnya Dato' Onn tidak dan bukan anti-Cina. Tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa beliau pernah mengambil sikap menentang sesetengah pemimpin Cina dan anasir lain, bukan kerana bangsa keturunan tetapi kerana mereka itu jelas bersikap anti-Melayu dan anti-Tanah Melayu - tanah airnya sendiri.



## Malapetaka Politik

### Sesal dan Sebal



Kalaulah sejarah hubungan antara British dengan Tanah Melayu dikaji dengan teliti, cermat dan halus, seseorang penyelidik tidak akan merasa terkejut apabila British memaksa dasarkan Malayan Union ke atas orang Melayu sebaik-baik sahaja Jepun menyerah kalah pada 1945.

Terdapat banyak tanda bahawa sejak 1893 lagi, pihak berkuasa British mempunyai cita-cita untuk meletakkan semua negeri Melayu di bawah satu pusat pentadbiran yang dikuasai oleh Pejabat Tanah Jajahan Takluk di London. Gangguan British terhadap kedaulatan Sultan Selangor telah menguatkan lagi rasa bimbang Raja itu terhadap British. Residen British, Adams, telah mencabul hak istimewa dan adat resam Melayu serta kedaulatan raja dengan menyingkirkan Raja Musa-ud-Din sebagai Raja Muda dan melantik putera ketiga Sultan sebagai Raja Muda yang baru pada 1936. Tidak ada sebab mengapa putera di-Raja yang kedua tidak terpilih.

Berpuluh-puluh ribu orang Melayu Selangor membantah gangguan British itu, tetapi London membisu dan memekakkan telinga saja. Mereka mengambil sikap: Masakan bukit runtuh kerana yang menyalak itu cuma anjing sahaja. Memang sudah menjadi amalan penjajah bersikap demikian di mana-mana pun. Ketika melantik Tengku Alam Shah menjadi Sultan, Gabenor Singapura merangkap Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya telah berlafazkan: "Bahawasanya saya dengan izin Yang Maha Mulia Baginda King melantik Tengku Alam Shah sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Selangor." British telah mengambil kuasa melantik atau menurunkan Raja-raja Melayu dari dahulu lagi tanpa disedari, dan dibantah.

Tambahan pula, semasa pendudukan Jepun, siaran radio dari London dan New Delhi yang dipancarkan ke seluruh Asia Tenggara selalu menyebut-nyebut tentang rancangan British hendak menyatukan semua negeri yang penduduknya bertutur bahasa Melayu. Kawasan yang terlibat dalam pengumuman itu ialah Malaya, wilayah di selatan Thailand yang didiami oleh orang Melayu, Sumatera, Sarawak, Sabah dan Brunei. Berita ini lebih-lebih lagi mengganggu perasaan dan fikiran kebanyakan Raja di Tanah Melayu.

Antara Raja yang cepat mengesan motif dan tindak tanduk British ke arah penyatuan negeri-negeri Melayu di bawah satu pentadbiran yang berpusat di Kuala Lumpur ialah Sultan Ibrahim, Johor dan Sultan Perak, sungguhpun pada masa itu, pihak British sedang bergiat dalam usahanya hendak memulangkan balik kuasa kepada Raja yang telah dianjurkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British pada tahun tiga puluhan.

Kebimbangan Sultan Johor bertambah lagi apabila pihak berkuasa British mengeluarkan setem yang bercap "Malaya" sahaja untuk kegunaan di seluruh Tanah Melayu. Dengan tidak bertanggung lagi, Baginda bertindak ke arah menyelamatkan Johor daripada menjadi mangsa tipu helah penjajah. Dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negeri pada 6 Julai 1937, anggota-anggota bukan rasmi seperti Dato' Onn, yang telah dilantik oleh Sultan, telah menarik perhatian rakyat Johor terhadap bahaya yang akan terbit dari Pejabat Tanah Jajahan British di London mengenai kedudukan dan taraf Negeri Johor pada masa hadapan.

Majlis Mesyuarat Negeri telah melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji masa hadapan Johor dari segi gerak langkah British hendak memulangkan kuasa kepada negeri-negeri Melayu bagi memudahkannya kemudian kelak untuk menyatukan semuanya dalam lingkungan sebuah pentadbiran pusat. Jawatankuasa itu menyediakan satu laporan yang lengkap dan Dato' Onn, yang menjadi orang harapan Sultan pada masa itu, telah membidas rancangan British hendak mengubah corak pemerintahan di seluruh Tanah Melayu - Malaya.

Sultan Ibrahim sangat tertarik dengan apa yang telah dilakukan oleh Dato' Onn untuk kepentingan Negeri Johor. Baginda memilih Dato' Onn untuk menjadi anggota Majlis Mesyuarat Negeri kerana kecerdasan dan kecekapannya yang

sangat-sangat diperlukan oleh sebuah kerajaan yang ingin melihat pertadbirannya berjalan dengan licin dan lancar setiap masa.

Berhadapan dan berdebat dengan pegawai Tanah Jajahan British dari London yang memang cukup terlatih, bukanlah suatu perkara yang mudah bagi seseorang pegawai Bumiputera. Kebanyakan pegawai Melayu, hatta berpangkat tinggi sekalipun, masih gigil dan gentar apabila berbicara dengan pegawai Tanah Jajahan dari London yang ditempatkan di setiap negeri Melayu pada masa itu. Mereka tidak lepas laku bila berhadapan dengan orang putih. Tetapi, Sultan Ibrahim mengetahui bahawa Dato' Onn bukannya daripada jenis itu. Beliau mempunyai semua sifat dan sikap yang perlu untuk bertelagah dengan pakar kolonial yang didatangkan dari London untuk berkhidmat dengan Kerajaan Johor.

Jika tentera Jepun tidak menyerang dan menduduki Tanah Melayu dan kemudian menyerah kalah kepada British, mungkin sekali negeri-negeri Melayu seluruhnya terus terjajah atau mungkin juga mencapai kemerdekaan jika ini direstui oleh British dengan secara berasingan seperti yang telah berlaku di setengah-setengah tanah jajahan takluknya di Timur Dekat dan Afrika.

Setelah Jepun menyerah kalah dan British dengan bantuan Amerika Syarikat dapat bertapak kembali dengan segala kekuatan bala tenteranya, Raja-raja Melayu, termasuk Sultan Johor, tidak dapat berbuat apa-apa kecuali tunduk kembali kepada Inggeris, seolah-olah sama seperti Jepun tunduk, patuh dan menerima apa saja yang ditagih atau disogok oleh British.

Tanpa terlebih dahulu berunding dengan rakyat jelata Melayu, mungkin kerana ugutan dan desakan daripada pihak penjajah, Raja-raja telah menandatangani Perjanjian Malayan Union. Dengan ini, Raja-raja telah membelakangkan rakyat dan menyerahkan bulat-bulat kedaulatan bangsa dan tanah air kepada penjajah. Kalau sebelumnya, Tanah Melayu ialah negara yang merdeka dan berdaulat di bawah naungan Inggeris, maka sekarang, selepas Raja-raja menurunkan tanda tangan di naskhah yang dihulurkan kepada mereka oleh Sir Harold MacMichael, negeri-negeri Melayu bertukar corak menjadi salah sebuah daripada tanah jajahan takluk British yang tidak lagi merdeka atau berdaulat, iaitu daripada wilayah naungan menjadi tanah jajahan takluk Inggeris. Ikrar British hendak membebaskan negeri-negeri Asia daripada taklukan Jepun menjadi sia-sia dan tindakan yang

diambilnya di Tanah Melayu telah mempersenda janji mereka sendiri.

Raja-raja Melayu dipaksa atau dikelirukan supaya menerima saja apa yang telah diminta oleh utusan istimewa British tanpa mengkaji akibat buruk yang berbangkit daripadanya. Perbuatan British yang tidak disangka-sangka itu telah melukakan hati orang Melayu. Mereka terasa bahawa Raja-raja mereka telah terpedaya dan terhina. Kedaulatan bangsa dan tanah air telah ternoda. Mereka lemah, tidak upaya, tidak mempunyai sesuatu yang dapat digunakan untuk menentang kekuatan tentera British. Tetapi mereka mempunyai semangat – semangat kewatanan, semangat kebangsaan – dan semangat seperti itu, kalau sudah berkobar dan marak dengan hangatnya, sudah tentu akan dapat mencetuskan sesuatu pergerakan raksasa yang membawa rakyat berjuang untuk mencapai matlamatnya.

Semangat inilah yang menyerapi jiwa orang Melayu dan akhirnya mendorong mereka mengadakan suatu kongres secara besar-besaran yang membawa kepada runtuhnya Malayan Union dan munculnya corak pentadbiran baru yang mengembalikan Raja-raja kepada kedudukan yang asal sebagai Raja yang merdeka dan berdaulat di bawah naungan British.

Peristiwa Malayan Union mengingatkan Dato' Onn kembali kepada tindak tanduk British pada tahun 1938. Pada masa itu, telah ada cadangan British hendak mengubah sistem pemerintahan di Tanah Melayu dengan memasukkan semua negeri Melayu dalam satu lingkungan pentadbiran yang terlaksana secara langsung di bawah kekuasaan wakil Raja Inggeris. Dato' Onn dapat menyingkap rahsia di sebalik langkah British hendak memulangkan balik kuasa Raja-raja sebelum mengambilnya balik menerusi satu sistem pemerintahan pusat di Kuala Lumpur.

Jika Perang Dunia Kedua tidak berlaku, penyatuan dan penyelarasan pemerintahan negeri-negeri Melayu yang bercorak *Union* atau *Federation* pada keseluruhannya sudah tentu dapat dilaksanakan tanpa heboh dan hingar seperti yang telah berlaku pada 1946, kerana sebelum Perang Dunia II orang Melayu masih berpecah belah dan semangat kebangsaan baru hendak tumbuh. Semangat bernegeri-negeri atau kedaerahan masih tebal kerana semangat itu sentiasa dipupuk dan digalakkan oleh pejuang. Memang sudah menjadi amalan penjajah menebalkan perasaan

dan kesetiaan kedaerahan di kalangan rakyat untuk kepentingan mereka. Rakyat yang berpecah belah tidak akan dapat bersatu padu menentang penjajah.

Akan tetapi perasaan dan fikiran orang Melayu telah banyak berubah semasa dan sesudah tamatnya pendudukan Jepun. Mereka mengecap dengan lidah mereka sendiri akan pahit maung hidup terjajah, hidup terhina, dan diperkosa. Tetapi yang meninggalkan kesan lebih besar daripada itu ialah hidup terpedaya. Susah payah, pahit dan jerih semasa pendudukan Jepun telah meruntuhkan perbatasan yang telah didirikan oleh perasaan kedaerahan antara sesama Melayu dan keinsafan tentang betapa perlunya orang Melayu bersatu padu untuk menentukan sendiri nasib bangsa dan tanah air pada masa hadapan telah mula menular dan menjalar dari hati ke hati orang Melayu.

Perbuatan aniaya dan keganasan anasir komunis yang kebanyakannya terdiri daripada bangsa Cina, ke atas orang Melayu di sana sini di Tanah Melayu menjelang tamatnya pemerintahan tentera Jepun telah mendorong kuat supaya orang Melayu bersatu untuk keselamatan bersama. Ancaman komunis terhadap bangsa, tanah air dan agama memang nyata dan besar. Mereka mestilah bersatu padu kalau hendak dan ingin bangkit sebagai satu bangsa yang kuat dan sanggup bertindak dengan pesat untuk menebus dan memelihara kedaulatan bangsa dan tanah air.

## Sejarah Mengulang Jejak

Dato' Onn melihat dan memerhatikan bahawa bahaya politik yang pernah dihadapi oleh negerinya, Johor, sebelum Perang Dunia Kedua kini secara terang-terangan tiba untuk menghapuskan dengan sewenang-wenangnya kedaulatan Raja-raja Melayu dan menjadikan seluruh Tanah Melayu tanah takluk British. Kedaulatan itu musnah akibat perbuatan Raja-raja sendiri yang menandatangani Perjanjian MacMichael.

Sesungguhnya Raja-raja Melayu ketika itu berbuat demikian kerana lebih mengutamakan kedudukan masing-masing daripada kepentingan rakyat dan tanah air. Satu daripada umpan atau ugutan yang digunakan oleh MacMichael ialah, "Jika ada Raja yang enggan menurunkan tandatangannya, orang lain yang layak akan dicari untuk menggantikannya." Sekarang terpulanglah

kepada bangsa Melayu sendiri sama ada mahu atau tidak bertindak untuk memulihkan kedaulatan bangsa dan tanah air yang telah musnah dengan sebatang pena dan sembilan cakaran dakwat sahaja.

Bagaimanapun, Raja-raja sendiri telah menyesali akan cara mereka digesa atau diugut oleh MacMichael yang telah diberikan tanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan dengan apa jua cara. Sungguhpun kekerasan tidak digunakan, tetapi terdapat banyak tanda yang menunjukkan bahawa ugutan untuk menggunakan kekerasan memang telah dilakukan.

Dato' Onn nampak bahawa jika sesuatu tindakan perlu diambil untuk menyelamatkan Johor saja, misalnya, maka tindakan bersendirian seperti itu tentu sekali tidak akan memberi bekas, tetapi jika semua orang Melayu, semua rakyat raja di setiap negeri bersatu padu melancarkan satu tindakan rasaksa di seluruh tanah air, maka tindakan seperti itu mungkin berjaya kerana usaha itu dapat memaksa British mengulang kaji dari setiap segi apa yang telah terlanjur dilaksanakannya di Tanah Melayu.

Dato' Onn mengkaji semasak-masaknya akan kemungkinan dan kesan sesuatu tindakan kebangsaan yang menyeluruh seperti itu dengan beberapa orang sahabat karibnya di Batu Pahat pada suatu petang di rumahnya pada November 1945. Mereka ialah Haji Anwar, Dato Syed Abdul Kadir, Syed Alwee Al-Hadi dan Dato Haji Mohamed Noah. Mereka membincangkan apakah langkah permulaan yang patut diambil untuk menentang dan menumbang Malayan Union, tunjang dan akarnya sekali. Mereka yakin kejayaan akan dicapai kiranya semua orang Melayu di seluruh negara bulat menyokong gerakan rasaksa bagi menggulingkan Malayan Union.

Orang Melayu di Negeri Johor pada masa itu berpuak-puak dan berpihak-pihak dalam sekurang-kurangnya tiga buah pertubuhan politik: Lembaga, yang dipimpin oleh Haji Abdullah Haji Talib, Ungku Abdullah Omar dan Syed Muhammad Idrus; Persatuan Melayu Johor, yang diketuai oleh Dato Abdul Rahman Muhammad Yasin; dan Pergerakan Melayu Semenanjung yang dipimpin oleh Dato' Onn sendiri. Pergerakan ini dengan cepatnya berjaya mengumpulkan ahli-ahlinya tidak kurang 120,000 orang dari seluruh Negeri Johor. Inilah satu-satunya pertubuhan yang mula-mula sekali dimaksudkan oleh Dato' Onn untuk menjadi Barisan

Hadapan Kebangsaan bagi menentang dan menghancurkan Malayan Union.

Rundingan antara sahabat di rumah Dato' Onn sendiri di Batu Pahat itu telah sekata mengenai betapa perlunya umat Melayu dari seluruh tanah air bangkit dan bertindak dalam satu badan yang kuat lagi teratur susunannya. Di negeri Melayu lain, juga sudah ada pertubuhan Melayu yang berlainan coraknya – ada yang bercorak politik, ada yang berusaha untuk kebajikan masyarakat dan ada lain-lain lagi sebagai badan khairat dan amal. Tetapi ketika negara menempuh saat yang genting dalam sejarah tanah air, emosi rakyat memang sudah sedia memuncak dan seluruh tenaga Melayu mungkin dapat dialirkan untuk suatu perjuangan jika ada saluran yang sempurna.

Dalam perundingan tersebut, Haji Anwar, yang kemudiannya dilantik oleh Dato' Onn sebagai Setiausaha peribadinya semasa beliau menjadi Menteri Besar Johor, menjelaskan bahawa setiap orang Melayu sungguh-sungguh marah terhadap peristiwa memekmaikelkan (MacMichealizing) Tanah Melayu. Semangat masing-masing sudah sedia meluap-luap. Apa yang diperlukan sekarang, tegas Haji Anwar, ialah hendaknya ada orang yang boleh dan berani menggoyangkan loceng.

"Siapakah yang hendak menggoyangkan loceng itu?" Tanya Dato' Onn dengan cepat, sambil menatap wajah Haji Anwar.

"Dato sendiri. Datolah yang patut menggoyangkan loceng itu," jawab sahabatnya. "Datolah yang patut memimpin satu barisan hadapan yang dapat bertindak menentang Malayan Union."

Mesyuarat antara sahabat yang bermula pada pukul 8.00 malam itu berakhir pada pukul 3.00 pagi. Dato' Onn menyediakan sepucuk surat untuk disiarkan dalam *Utusan Melayu*, menyeru semua pertubuhan Melayu di seluruh Malaya memusatkan tenaga untuk mengganyang Malayan Union. Beliau berseru kepada seluruh umat Melayu supaya bersatu di bawah lambang kebangsaan Melayu serta menyusun langkah bagi melancarkan sebesar-besar kempen kebangsaan ke arah menebus kembali kedaulatan, maruah dan martabat kebangsaan Melayu yang telah dicatitkan dan dilenyapkan oleh dasar penjajahan Inggeris menerusi utusan istimewanya, Sir Harold MacMichael.

Kesedaran di kalangan umat Melayu tentang betapa perlunya mereka bersatu padu membina keyakinan dan menaruh harapan pada diri sendiri supaya terjamin nasib mereka pada masa hadapan telah mendorong sambutan yang spontan dengan hangatnya terhadap seruan Dato' Onn. Dari seluruh pelosok negara, dari lembah dan gunung, dari kampung dan desa, dari pekan dan kota, berpuluh-puluh ribu manusia, tua dan muda, lelaki dan perempuan, bergerak beralunan menuju ke Kuala Lumpur, tempat di mana Raja-raja dan rakyat Melayu akan berhimpun membantah dan mengutuk Malayan Union.

Satu Kongres Kebangsaan Melayu telah diaturkan di Kuala Lumpur dan Persatuan Melayu Selangor sanggup menjadi tuan rumah bagi menyelenggarakan rapat umum seluruh umat Melayu kerana membantah Malayan Union. Rapat raksaksa itu telah diikuti dengan persidangan selanjutnya untuk memikirkan satu atau beberapa jalan yang paling berkesan bagi menghadapi malapetaka Malayan Union. Dasar penjajah yang telah mencabul kedaulatan Raja dan menjatuhkan maruah bangsa Melayu telah dikupas luar dalamnya sehingga mendedahkan segala tujuan yang tidak diinginkan di sebalik pelaksanaan Perjanjian Malayan Union itu.

Kemarahan umat Melayu terhadap Whitehall yang merancang pelaksanaan Malayan Union sangat kuat bahangnya dan merebak ke seluruh Tanah Melayu hingga hampir-hampir mencetuskan pemberontakan bersenjata jika tidak kerana kesabaran dan kebijaksanaan pucuk pimpinan kebangsaan Melayu, iaitu Dato' Onn. Beliau pernah didatangi oleh beberapa orang pejuang Melayu yang telah melahirkan kepadanya hasrat mereka hendak menamatkan riwayat MacMicheal, tetapi Dato' Onn berjaya menyejukkan hati mereka dan menerangkan kepada mereka bahawa perjuangan orang Melayu pada masa itu ialah perjuangan secara perlembagaan dan tindakan ganas dan liar itu semata-mata akan merugikan bangsa Melayu sendiri. Betapa kuat marah dan besar sesalnya umat Melayu terhadap British pada masa itu dapat diukur daripada keluhan Dato' Onn sendiri yang berulang-ulang menyebut: "Harapkan sokong, sokong membawa rebah, dan harapkan pagar, pagar makan padi."

Satu lagi ancaman besar yang menghadapi bangsa Melayu yang jelas kepada Dato' Onn ialah anasir komunis yang berpura-



pura mengajak orang Melayu mengangkat senjata memerdekakan Tanah Melayu. Beliau tahu bahawa kemerdekaan yang diidami oleh Bintang Tiga itu bukannya untuk orang Melayu atau penduduk Tanah Melayu, tetapi untuk kepentingan dan faedah komunis antarabangsa. Inilah yang telah mendorong Dato' Onn berusaha sedaya upayanya untuk mewujudkan perpaduan umat Melayu seluruhnya.

Pada mulanya, setelah lahir tanda Jepun menyerah kalah, anasir komunis memujuk orang Melayu untuk bekerja sama bagi menubuhkan sebuah negara Malaya Merdeka yang akan diisytiharkan sebagai sebuah republik yang dikuasai bersama oleh tiga bangsa - Melayu, Cina dan India. Orang Melayu tidak dapat menerima rancangan itu atas beberapa sebab, antaranya:

1. Orang Melayu masih mempunyai adat resam beraja dan biasanya dalam sebuah republik raja tidak diperlukan lagi.
2. Dalam negara republik corak komunis, tidak ada kebebasan beragama dan kebebasan hanya untuk ketua-ketua pemerintah yang mentadbirkan negara mengikut nafsu, bukan hukum atau undang-undang.
3. Dalam Malaya Merdeka ciptaan komunis, suara Melayu akan lenyap ditenggelamkan oleh kaum bukan Melayu.

Atas sebab yang tersebut di atas, orang Melayu pada keseluruhannya menolak tawaran kerja sama komunis kerana segala sikap baik dan muka manis mereka ada udang di sebalik batu. Orang Melayu tidak mahu pisang berbuah dua kali. Mereka sudah siap sedia untuk mempertahankan diri daripada terus menerus diperdayakan oleh lawan dan kawan.

Setelah jelas kepada komunis bahawa orang Melayu enggan menerima tawaran dan bekerja sama dengan mereka itu ke arah kononnya kemerdekaan tanah air, maka mereka itu pun menggunakan kekerasan dengan menyerang dan membunuh beberapa orang yang tidak berdosa untuk menakut-nakutkan yang lain supaya menurut sahaja apa yang dikehendaki oleh mereka. Ini tidak dapat diterima oleh orang Melayu dengan berdiam diri sahaja. Mereka mestilah mengambil sesuatu tindakan supaya musuh berfikir panjang sebelum melakukan sesuatu menurut nafsu mereka.

Malangnya, golongan atau gerombolan komunis yang ganas itu boleh dikatakan kesemuanya daripada bangsa Cina. Apabila berlaku pergaduhan antara orang Melayu dengan komunis, mudah sahajalah peristiwa itu dianggap sebagai pergaduhan kaum, antara Melayu dengan Cina. Akibatnya wujud ketegangan antara dua kaum yang kian meruncing setiap kali terjadinya pertempuran antara Melayu dengan Cina. Inilah yang menjadi salah satu punca yang mencetuskan pergaduhan yang berlanjutan antara Cina dan Melayu di sana di sini di Tanah Melayu dari masa ke masa, yang banyak menumpahkan darah. Orang Melayu sukar sekali hendak mengenal Cina komunis daripada Cina Malaya yang bukan komunis.

## Kongres Kebangsaan

Daripada perkembangan yang tersebut di atas nyatalah bahawa perhimpunan kebangsaan Melayu yang diadakan di Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946 dapat memenuhi dua tujuan besar dalam perkembangan sejarah bangsa Melayu: pertama, bersatu padu untuk menghancurkan Malayan Union dan kedua, untuk menentang ancaman yang lahir daripada tujuan komunis hendak menjadikan Tanah Melayu sebahagian daripada tanah jajahan takluk komunis antarabangsa.

Sebagaimana telah diketahui, Malayan Union diwujudkan dengan cara yang tidak adil, kasar lagi mengelirukan, tetapi kesalahan atau kesilapan itu tidak patut pula dibebankan bulat-bulat ke tengkok British. Jika-Raja-raja Melayu merundingkan hal itu dengan rakyat sebelum menurunkan tandatangan masing-masing ke atas naskah Perjajian yang dihulurkan kepada mereka oleh MacMicheal, mungkin masalah Malayan Union tidak mengakibatkan sengketa antara Inggeris dengan Melayu begitu hebat hingga hampir-hampir menumpahkan darah yang tidak dingini. Bagaimanapun, kedua-dua pihak telah menyedari bahawa hasrat dan suara rakyat jelata lebih berat dan berkesan daripada keinginan beberapa kerat manusia yang mewarisi kedudukan istimewa menurut tradisi dan adat resam di sesebuah kawasan yang didiami oleh manusia yang ramai.

Sungguhpun telah terjadi perbuatan Raja yang membelakangkan rakyat ketika menandatangani 'Perjanjian MacMicheal', tetapi

hal ini tidak pula mengurangi semangat perjuangan rakyat jelata Melayu. Malah mereka benar-benar merasa perlu membela Raja-raja untuk memulihkan kedaulatan bangsa dan tanah air. Rasa sesal dan menyesal terhadap apa yang telah dilakukan oleh Raja-raja tenggelam dalam gelora hasrat dan alunan semangat bangsa Melayu untuk berjuang mengambil balik tanah air mereka daripada tinggal terjajah terus menerus oleh British. Tidak ada siapa pun di bawah langit ini dapat menyekat hasrat dan melemahkan semangat perjuangan sesuatu bangsa jika nada dan temponya sudah sampai ke peringkat yang ditunjukkan oleh umat Melayu.

Betapa kuatnya hasrat dan semangat perjuangan kebangsaan Melayu pada masa itu mungkin dapat diukur dari segi gerak geri dan reaksi rakyat Melayu terhadap Raja-raja yang telah menandatangani Perjanjian MacMicheal tanpa berunding dengan mereka terlebih dahulu. Mereka tidak silu-silu lagi memperkatakan isi hati kecilnya terhadap Raja-raja, bukan kerana telah membelakangi tradisi dan adat resam bangsa tetapi kerana cemburukan kedaulatan dan maruah bangsa. Salah seseorang pemimpin Persatuan Melayu Selangor, Muhammad Yunus Hamidi, pengarang dan tokoh politik yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu, pernah menuturkan kata-kata seperti berikut ketika membuat persembahan kepada Sultan Selangor: "Dari jauh patik menyusun jari yang sepuluh menyembahkan bahawa dengan menandatangani Perjanjian MacMicheal itu, Tuanku telah membelakangkan rakyat Tuanku. Diharap janganlah Tuanku murka sekiranya rakyat Tuanku pada suatu masa kelak akan membelakangi Tuanku."

Di Johor pula, pemimpin Kesatuan Melayu Johor seperti Dato Abdul Rahman Muhammad Yasin, Dr. Awang Hassan, Haji Hassan Yunus, Sulaiman Abdul Rahman, Kosai Haji Muhammad Salleh, Ahmad Sulaiman dan Safiah Sulaiman telah mengambil tindakan yang paling memeranjatkan Raja dan rakyat jelata. Mereka menuduh Sultan Ibrahim melanggar undang-undang Tubuh Kerajaan, oleh yang demikian dengan sendirinya Baginda tersingkir daripada takhta negeri itu dan tidak patut lagi diakui sebagai Sultan Yang di-Pertuan Negeri Johor dan jajahan takluknya. Mereka berhasrat hendak menggantikan Baginda dengan salah seorang daripada puteranya: Tunku Ismail, Tunku Abu Bakar dan

Tunku Ahmad. Tindakan itu diambil berdasarkan Undang-undang Tubuh Kerajaan, Perkara 15, yang berbunyi:

Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan negeri-negerinya atau sesuatu bahagian daripada negeri dan jajahan Johor itu kepada sebarang lain kerajaan (Eropah) atau bangsa sama ada oleh kerana fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi Raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau kerana hendak mendapat, mengambil atau menerima sebarang bayaran pencen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga pada larangan dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat diraja. Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan atau tegahan ini, jika raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanah yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiadalah diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat durhaka ia kepada Raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimpangkan patut.

Dalam penjelasannya, Kesatuan Melayu Johor menerangkan bahawa tindakan Sultan Ibrahim menyerahkan negeri dan kerajaan Johor kepada kerajaan British ialah satu perbuatan pecah amanah yang diletakkan kepadanya oleh Tuhan dan kerana itu tidaklah lagi perlu bagi rakyat negeri Johor taat setia kepadanya. Kesatuan itu menyeru supaya setiap rakyat negeri Johor "menentang Ibrahim bin Al Marhum Sultan Abu Bakar dan enggan daripada perintah olehnya. Jika sebarang rakyat tidak berbuat demikian, mereka akan sebagai bersubahat memecahkan amanah yang diletakkan oleh Tuhan dan berkhidmat kepada sesama rakyat Negeri Johor."

Oleh kerana pemimpin kesatuan ialah pegawai kerajaan, maka Sultan Ibrahim bertindak balas dengan mengeluarkan perintah menerusi Kerajaan Johor supaya mereka itu digantung kerja dan kian hari kian bertambah bilangan rakyat dalam Johor yang menyokong pendirian Kesatuan itu. Baginda dalam satu perutusan kawat kepada rakan-rakannya, pegawai-pegawai MCS yang telah bersara di London menyatakan "Beta menerima Malayan Union kerana tuan-tuan semua ketahui bahawa dari Ungku Aziz (Menteri Besar) hingga kepada semua pegawai Melayu lain kerajaan Johor pembohong, tak boleh dipercayai dan tidak jujur atau setia kepada beta dan Negeri Johor . . ."

Sembah sebal daripada pemimpin Kesatuan Melayu Selangor kepada Rajanya dan tindakan Kesatuan Melayu Johor mahu

menggulingkan Sultannya tepat dan jelas sekali menggambarkan gelegak dan didih semangat dan perasaan umat Melayu apabila mereka telah bulat bertekad bangkit berjuang untuk mempertahankan maruah bangsa dan tanah air daripada terancam dan ternoda.

Sementara umat Melayu pada keseluruhannya sedang berada dalam ambang perjuangan yang belum ada tolok bandingnya dalam sejarah tanah air, Persatuan Kebangsaan Melayu se-Malaya yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi berusaha menganjurkan suatu Kongres Melayu se-Malaya untuk menerima dan menolong British menjayakan dasar Malayan Union sedangkan pada masa itu umat Melayu pada keseluruhannya tidak dapat menerima dasar penjajah itu. Selain Dr. Burhanuddin, terdapat golongan bukan Melayu tertentu yang bergiat menyokong Perjanjian Malayan Union. Tetapi mujurlah langkah yang dipelopori oleh pemimpin Parti Kebangsaan Melayu (kemudian Yang di-Pertua Agung Parti Islam se-Tanah Melayu) tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu dan mengalami kegagalan yang pahit.

Tidaklah diketahui hingga sekarang apakah gejala, peristiwa atau motif yang mendorong Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya mengambil inisiatif yang demikian rupa. Memandang betapa rapatnya hubungan Dr. Burhanuddin dengan pemimpin politik bukan Melayu, seperti Tan Cheng Lock, yang memang mempunyai hubungan rapat, dengan pegawai tertinggi kolonial British (Malcolm MacDonald, Edward Gent, dan Alexander Newbould), tidaklah dapat disingkirkan begitu sahaja anggapan umum bahawa Kongres Melayu anjuran Dr. Burhanuddin untuk menyokong Malayan Union itu diilhamkan oleh anasir bukan Melayu di Malaya.

Setelah nyata bahawa Dr. Burhanuddin gagal dalam rancangannya hendak mempengaruhi orang Melayu supaya menerima Malayan Union, maka pertubuhan Melayu yang lain menyahut seruan Dato' Onn supaya diadakan satu lagi perhimpunan kebangsaan Melayu se-Malaya, tetapi, pada kali ini, untuk mengganyang Malayan Union. Dato' Onn mengesyorkan supaya kongres itu diadakan di Negeri Hang Tuah, tempat penjajah Barat mula bertapak pada tahun 1511. Tetapi akhirnya, Dato' Onn dan penaja persidangan itu bersetuju mengadakan perhimpunan raksasa di Kuala Lumpur, bertempat di Kelab Sultan Sulaiman.

Dato Haji Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dipilih sebagai pengerusi jawatankuasa sambutan, Yunus Hamidi, sebagai Setiausaha dan Bendaharinya ialah Dato Kamaruddin Haji Idris yang pada masa itu menjadi Menteri Besar Terengganu.

Pertubuhan-pertubuhan Melayu, politik dan bukan politik, yang turut serta dalam kongres itu serta dengan para perwakilan masing-masing adalah seperti berikut:

Pergerakan Melayu Semenanjung Johor Bahru: Dato' Onn bin Ja'afar; Persatuan Melayu Segamat Johor: Dato Syed Esa bin Alwi; Dato Syed Abdul Kadir Muhammad, Syed Alwi bin Shaikh Al Hadi, Muhammad bin Manat, Wan Ibrahim bin Hitam; Persatuan Melayu Kluang: A. Manaf bin Buyong, Kapten Dato Ahmad bin Muhammadon, Abdul Rahman bin Jaafar, Haji Ismail bin Hassan, Sardon bin Haji Jubir, Alwi bin Haji Jamal; Kesatuan Melayu Johor, Muar: Dr. Hamzah bin Haji Taib, Haji Muhammad bin Haji Hasaan; Kesatuan Melayu Kedah: Haji Hussien Che Dol, Ayub bin Abdullah, Abdul Hamid bin Abdullah, Senu bin Abdul Rahman, Dr. Omar bin Din; Seberkas: Muhammad Jamil Binjai, Azhari Taib, Haji Muhammad Sa'ud Taha, Haji Omar Salleh; Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan: Haji Fadlullah Suhaimi, Muhammad bin Yusuf, Haji Ishak Lutfi bin Omar; Persatuan Melayu Kelantan: Nik Ahmad Kamil, Haji Ahmad Ismail, Ismail bin Ibrahim; Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka: Muhammad Ali bin Muhammad; Kesatuan Melayu Melaka: Muhammad bin Ali, Muhammad Yusuf bin Harun, Haji Talib bin Abdul Karim, Ja'afar bin Alang; Persatuan Melayu Negeri Sembilan: Tengku Muhammad bin Tengku Besar Burhanuddin, Tengku Hussien bin Yahya, Raja Muhammad Nordin bin Raja Deli, Sheikh Ahmad bin Sheikh Mustafa, Muhammad Idris bin Matsil, Fuba Othman; Persatuan Melayu Pahang: Muhammad Yasin bin Muhammad Salleh, Sharif bin Daud, Abdul Rahman bin Talib, Muhktar bin Haji Daud, Ja'afar bin Haji Muhammad Noor, Yahya bin Mat Shah; Wataniah: Nordin bin Ibrahim; Persekutuan Guru-guru Melayu Pahang: Abdul Razak bin Haji Hussein; Persatuan Melayu Seberang Prai: Hashim bin Awang, Haji Ahmad bin Abdul Muluk, Zakaria bin Salleh, Muhammad Sufi bin Sheikh Ibrahim; Persatuan Melayu Pulau Pinang: A.M. Yusuf Azuddin, Haji Taha Ali, Muhammad Zin bin Ahmad; Perikatan Melayu Perak: Haji Abdul Wahab, Raja Kamaruzaman bin Raja Mansur, Zainal Abidin bin Haji Abas,

Haji Ismail Hamzah, Raja Haji Shahid Shah bin Raja Harun; Persatuan Melayu Perak: Muhammad Tahir bin Setia Raja, Sheikh Hamzah bin Ma'ati; Persetiaan Muslim Telok Anson: Baharum bin Muhiddin, Muhammad Shahbuddin bin Muhammad Yusuf; Persatuan Melayu Chenderiang: Raja Lop Shaharuddin, Othman bin Haji Mahmuddin; Persekutuan Muhibbah Malim Nawar, Perak: Ahmad bin Haji Abdullah; Persatuan Melayu Perlis: Wan Ahmad bin Wan Daud, Salleh Othman, Muhammad Tahrir bin Haji Ibrahim; Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor: Dato Hamzah bin Abdullah, Kamaruddin bin Haji Sulaiman, Muhammad Arus bin Othman, Haji Muhammad Sidin; Ikatan Setia Kampung Baru, Selangor: Abdul Hamid bin Hassan, Simin bin Bundak; Penang Peranakan Kelab, Selangor: Baginda Buyong, Lop Ahmad; Dewan Perniagaan Melayu Malaya: Burhanuddin bin Dato Ganjil, Idris Hakim, Sidek Muhammad; Persatuan Penghulu-penghulu Selangor: Raja Othman, Muhammad Zakaria, Raja Abdul Rahman; Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor: Muhammad Yasin bin Ma'mur, Muhammad Nor bin Jamlus; Darul Ihsan Kelab Jeram, Selangor: Omar bin Haji Hassan (pemerhati), Ishak bin Bulat (pemerhati); Persatuan Kaum Ibu Selangor: Zahrah Tamim, Kamsiah Ibrahim, Siti Norani Jenin; Persekutuan Bawean Selangor: Muhammad Said bin Abdul Rahman, Ahmad Muhammadon bin Hassan; Persekutuan Melayu Ulu Selangor: Yahya bin Muhammad Sani, Haji Arshad, Shaharum bin Haji Abdul Rahman; Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam: Muhammadin bin Ali, Lop Salleh bin Long; Kaum Darat (Orang Asli) Selangor: Abu bin Busu, Lita bin Khamis, Chinawan bin Salleh; Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor: Mahmud bin Idris, Abu Bakar bin Haji Arshad; Kesatuan Melayu Singapura: Abdul Rahim Ibrahim, Haji Embo' Suluk; Persatuan Melayu Terengganu: Dato Nara, Ibrahim bin Muhammad; Parti Kebangsaan Melayu Malaya: Dr. Burhanuddin, Zulkifli Auni, Hashimi Tahir, M. Mustaza, Haludin Hamzah, Ahmad Bustamam; Pembantu Indonesia Merdeka Malaya: Abdul Hadi Nor (pemerhati). Rijan Majid (pemerhati), Haji Muhammad Nur Bakri (pemerhati).

## Belum Berjumpa Sudah Kenal

Sungguhpun itulah pertama kali pemimpin daripada pertubuhan Melayu yang berbagai-bagai corak – politik, kebajikan, ekonomi dan lain-lain – berhimpun sekali bersama-sama Dato' Onn, tetapi terdahulu dari itu lagi, iaitu pada tahun tiga puluhan, mereka telah banyak mendengar dan membaca perihal Dato' Onn membela rakyat negeri Johor, menentang rajanya kerana tidak berlaku adil kepada rakyat dan mengkritik pemerintah yang tidak sesuai dengan keperluan dan kepentingan orang Melayu. Dato' Onn keberatan mengaku bahawa beliau pernah bertikai dengan Sultan Ibrahim:

Saya menentang kepada Raja saya sendiri oleh kerana perbuatan kepada anak negeri . . . Saya telah diberhentikan dari jawatan kerajaan dan dibuang daripada Negeri Johor itu. Oleh kerana kemudian daripada itu saya membantah lagi kepada Raja saya sendiri kerana kezalimannya membuat rakyatnya maka sekali lagi saya telah dihalaukan daripada jawatan kerajaan itu . . .

Mereka pernah juga mendengar berita mengenai keberanian dan kebijaksanaan Dato' Onn menghadapi sengketa dan pergaduhan Cina-Melayu pada waktu terakhir pemerintahan dan pendudukan Jepun. Sebenarnya, dari sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, nama Dato' Onn telah terkenal sebagai pegawai pentadbir yang cekap, pengarang akhbar yang tajam penanya dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor yang berani, petah dan pintar berhujah, terutamanya perbincangan dengan pegawai kolonial British dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi mengenai hal ehwal pentadbiran kerajaan Johor semasa beliau menjadi pegawai dan kemudiannya semasa menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Tidaklah terkeluar daripada batasan kalau dikatakan bahawa nama Dato' Onn sudah lama ada dalam ingatan dan sanjungan mereka. Mereka telah mengenali Dato' Onn lama sebelum bertemu muka.

Perhimpunan atau kongres kebangsaan Melayu yang dihadiri oleh tidak kurang daripada tiga ratus orang wakil dan pemerhati dari seluruh tanah air, termasuk Singapura, telah dibuka dengan rasminya oleh Sultan Hishamuddin Alam Shah, Selangor.

Apabila persidangan dimulakan, Dato Haji Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) mencadangkan nama Dato' Onn sebagai penge-



rusinya. Cadangan ini disokong oleh Dato Panglima Bukit Gantang (Haji Abdul Wahab, yang kemudiannya menjadi Setiausaha Agung UMNO Malaya dan Menteri Besar Perak). Oleh kerana tidak ada nama lain yang dikemukakan, maka dengan sendirinya Dato' Onn terpilih sebulat suara sebagai pengerusi persidangan yang paling bersejarah bagi bangsa Melayu itu.

Penerimaan Dato' Onn sebagai pengerusi tanpa nama lain dicalonkan menjadi bukti yang jelas bahawa dari awal lagi, umat Melayu dengan secara spontan, mahukan beliau sebagai pemimpin teragung mereka. Peribadi ketua perwakilan Pergerakan Melayu Semenajung itu menimbulkan rasa yakin dan puas hati di kalangan setiap peserta dalam perhimpunan seperti itu. Memang sudah wajar dan layak bagi seseorang putera Melayu yang berperibadi, bersikap dan berwatak seperti Dato' Onn dipilih untuk memimpin seluruh bangsa Melayu bagi mengganyang Malayan Union.

Sebagai pengerusi, Dato' Onn memberikan ucapan perdananya dengan penuh bersemangat. Isi kandungan ucapannya itu tidak kurang bersejarahnyanya daripada persidangan yang dipengerusikan olehnya sendiri. Ucapan itu membayangkan kesedaran penuh Dato' Onn terhadap jaya atau gagalnyanya perjuangan itu. Beliau yakin bahawa jika umat Melayu mencapai kata sepakat dan bersatu padu, Malayan Union atau apa jua rancangan lain yang dianjurkan oleh penjajah, akan runtuh dan musnah, tetapi jika orang Melayu lalai dan leka, serta berpecah belah, bukan sahaja dasar Malayan Union tetapi lebih buruk daripada itu akan dapat dipaksa ke atas orang Melayu. Inilah yang menjadi perhitungan awal dan akhir Dato' Onn sebagai nasionalis Melayu. Beliau sanggup mengorbankan segala-galanya bagi mencapai tujuan itu: "Meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita."

Untuk mengorak langkah ke arah mencapai matlamat itu, Dato' Onn merasakan amatlah perlu bagi semua pertubuhan Melayu di seluruh nusantara, walau apa pun bentuk dan corak, asalkan jangan merah (komunis), menggembleng tenaga bersama dan berusaha supaya seluruh umat Melayu bersatu padu dengan kukuh dan padat kerana hanya dengan jalan inilah sahaja keadaan politik dan ekonomi orang Melayu dapat diperbaiki. Beliau melafazkan seruan perpaduannya dengan kata-kata yang penuh dengan semangat kebangsaan dan sarat dengan perangsang yang belum pernah didengari pada waktu silam:

Marilah kita tunjukkan bahawa kita masih boleh mengangkat kepala kita dan menatap dunia bagaimana orang-orang yang benar dan tabah hatinya boleh mengatasi sebarang kesukaran. Marilah kita tunjukkan bahawa seberat-berat paluan boleh kita tangkiskan dengan tersenyum dan hidup lebih segera daripada dahulu. Marilah kita tunjukkan bahawa dengan persatuan di antara kita, kita berazam hendak menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar sesuai di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu . . . Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita . . . Tunjukkanlah bahawa kita ini sebenar-benarnya keturunan datuk nenek kita yang telah menghadapi bahaya dengan gagah berani, bersatu hati, dan oleh yang demikian itu bangsa kita masih hidup lagi dan Semenanjung Tanah Melayu masih diakui oleh dunia sebagai Tanah Melayu.

Pergerakan Melayu ke arah mencapai kesatuan dan perpaduan di kalangan bangsanya telah melahirkan rasa curiga dan sangsi kepada penjajah dan antara penduduk bukan Melayu. Mereka membuat ramalan muram bahawa "persatuan di kalangan orang Melayu akan menjadi merbahaya kepada bangsa-bangsa lain di Semenanjung Tanah Melayu."

Kebimbangan dan kesangsian seperti itu tidak berasas sama sekali. Dato' Onn telah memberikan jawapan yang berupa sangkalan yang tepat dengan berkata:

Saya tidak mengerti sebaliknya apa sebab pula persatuan umat Melayu akan menjadi lebih-lebih merbahaya kepada ketetapan dan keadilan di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini, di mana kita sentiasa memberi dan tidak mendapat balasan yang berpadanan.

Orang Melayu tidak pernah merasa bimbang atau curiga terhadap sebarang pergerakan orang Cina, orang India dan lain-lain yang membawa perpaduan di kalangan kaum masing-masing, sungguhpun mereka sedar bahawa pergerakan seperti itu sentiasa diilhamkan, malah disokong oleh penjajah kerana mereka mempunyai tujuan yang tidak menguntungkan Bumiputera. Dato' Onn sedar orang Melayu telah banyak bertolak ansur dan tibalah masanya bagi mereka membentuk sejarah baru dengan memelihara, mengekal dan memaju apa yang sedikit sebanyak masih tertinggal pada mereka setelah terjajah semenjak 1511.

Dato' Onn yakin bahawa perpaduan dan kesatuan umat Melayu tidak akan membawa kepada pergaduhan atau pertempuran seperti yang telah berlaku pada akhir pemerintahan Jepun.

Begitu juga, perpaduan dan kesatuan di kalangan bangsa menda-tang di bumi Melayu tidak pernah mengakibatkan bantahan atau tentangan daripada umat Melayu. Sebaliknya, jika umat Melayu bersatu padu, utuh dan kukuh, mereka dapat menjamin ketentera-man dan keamanan dalam negeri dan sanggup mencegah kejadian yang tidak diinginkan antara kaum.

Bangsa Melayu tidak akan dapat melupakan apa yang telah dituturkan oleh Dato' Onn pada akhir ucapannya pada hari itu. Dengan nada yang bergema dan perasaan yang insaf, Dato' Onn merayu:

"Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dahulu dan berusaha sebagaimana belum pernah kita berusaha. Tunjukkanlah bahawa kita ini sebenarnya keturunan datuk nenek kita yang menghadapi merbahaya dengan bersatu hati. Dengan bersatu itu sahaja akan dapat kita menghadapi masa yang akan datang dengan harapan akan jaya cita-cita kita itu."

### Amanah Anak-anak

Sebaik sahaja Dato' Onn mengakhiri ucapannya dengan ucapan "Wassalam," para peserta kagum melihat antara enam hingga tujuh ribu orang kanak-kanak lelaki dan perempuan yang sebentar tadi berdiri berlapis-lapis dengan amat tekun menghadapi Dato' Onn, kini mengemukakan wakil mereka untuk berucap dalam persidangan yang bersejarah itu. Wakil mereka, Adnan bin Haji Othman, antara lain berkata:

"Allah Ta'ala telah berjanji bahawa Ia tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa sehingga bangsa itu sendiri mengubah pembawaan mereka. Sekarang ini, betapakah besar hati kami dan betapakah sukacitanya yang kami rasai apabila bapa-bapa kami telah mengambil langkah yang penting bagi mengubah kedudukan nasib bangsanya. Allah menyertai pergerakan bapa-bapa kami sekalian.

"Sesudah hak kerakyatan terlucut kelak, sesudah harta pusaka tercahayang-cayang kelak, maka betapakah sedih dan hiba serta pilu yang kami rasai. Apakah nasib malang yang akan kami terima, bagaimanakah rupa corak yang akan kami warnakan, apakah pusaka yang akan kami megah-megahkan dengan menye-but-nyebut Malaya ini negeri kami yang asal, bagaimanakah rupa

corak pelajaran dan pengetahuan yang akan kami terima? Sekaliannya itu menjadi igauan-igauan pada masa kami tidur . . .

"Sekarang ini, waktu kami masih kecil, ketika kami masih dalam hitungan kanak-kanak, sementara kami dalam bangku pelajaran, sementara anak-anak yatim ini dapat mengurus harta pusakanya, maka jikalau tidaklah bapa-bapa sekalian mengorak langkah menghurai sila, tidakkah bapa-bapa kami kelak belas kasihan melihat nasib buruk yang akan menimpa kami? Tidakkah bapa-bapa kami akan bersedih hati melihat kami menjadi satu bangsa yang tidak bermakna dan tidak berguna? Sampaikah hati bapa-bapa kami sekalian melihat kami menjadi bangsa yang tak terpatuk dek ayam dan tak tersudu dek itik?

"Ayuhai bapa-bapa kami sekalian! Sementara kami besar, sementara kami remaja, sementara kami menjadi umat yang bertanggungjawab di atas negeri kami sendiri, maka dengan hati yang suci murni, dengan menyusun jari yang sepuluh, kami pohonkan. Belalah hak kami sementara kami besar; pertahankanlah pusaka datuk nenek kita sementara kami menjadi umat yang bertanggungjawab atas negeri kami . . ."

Anak-anak itu seolah-olah telah nampak terbayang di mata kepala mereka nasib buruk dan padah yang menanti bangsa Melayu pada masa hadapan kalaulah ibu bapa mereka tidak mahu bersungguh memperjuangkan nasib bangsa dan tanah air dari sekarang. Mereka berteriak:

"Tajalah langkah yang baik, belalah nasib kami. Pertahankanlah kami. Isya-Allah waktu kami besar, akan memperingati jasa bapa-bapa. Sekalian dalam lembaran tawarikh Melayu yang gilang gemilang."

Sekalian yang hadir mendengar keluhan dan rayuan kanak-kanak itu berasa sedan sedih kerana kalaulah bapa-bapa tidak tegas atau gagal bersatu padu membela bangsa dan tanah air, tentulah masa hadapan bangsa Melayu muram dan gelap. Daripada menjadi pemilik bumi tempat tumpah darahnya, bangsa Melayu mungkin hanya menjadi "melukut di tepi gantang", atau orang suruhan atau gajian sahaja di tanah air mereka sendiri. Takdir sejarah menyebabkan mereka menjadi buruh kasar, drebar, peon, jaga, penghantar surat dan penjaga setal kuda; dan tidak akan berubah nasib mereka.

Semangat perwira yang tercetus dalam kongres kebangsaan Melayu se-Malaya itu telah menjiwai perjuangan umat Melayu, dan mereka bertambah-tambah sedar bahawa jika mereka tidak berjuang terus mengembalikan hak-hak kedaulatan bangsa, maka akan hilanglah pusaka bangsa dan padah yang akan menimpa pada masa hadapan lebih buruk dari sekarang.

Ucapan wakil kanak-kanak perempuan pula begitu sayu dan sedih hingga bapa-bapa dan ibu-ibu yang menyertai perhimpunan itu mengalirkan air mata dengan tidak disedari. Mereka menggesa supaya ibu bapa "lebih mengawali hak anakmu jenis ini kerana sudah tentu anakmu tidak ada berkuasa dan upaya. Kiranya ada bantuan daripada ibu-ibu dan bapa-bapa, kiranya ada bapa-bapa menghargakan hak kami, Isya-Allah anakmu tidak akan mensia-siakannya."

Setelah tamat bersidang dan kongres bersetuju sebulat suara untuk menubuhkan UMNO dan "Keris" digunakan sebagai lambang kerana hendak mengganyang, menggempur dan memusnah Malayan Union, maka sekali lagi Dato' Onn dipilih dengan sebulat suara sebagai panglima politik untuk mengarahkan kempen bagi menebus dan mengembalikan kedaulatan bangsa dan tanah air.

Mereka seolah-olah mencabar secara halus supaya ibu bapa Melayu membela hak bangsa dan tanah air dengan janji apabila besar nanti mereka akan membalas budi, jasa dan pengorbanan mereka itu.

Penggemblengan tenaga dan sumber yang disumbangkan oleh setiap lapisan dan golongan masyarakat Melayu berjaya membebankan jentera penggempur Malayan Union, dan dapatlah diadakan segala yang diperlukan untuk menjayakan kempen yang akan dilaksanakan oleh Dato' Onn. Belum pernah sebelum ini, rakyat jelata Melayu dan Raja-raja bersatu padu serta bekerja sama berbimbing tangan dan berganding bahu seperti semasa berjuang meruntuhkan Malayan Union.

## Dasar Ciptaan Lama

Apa yang menjadi kebimbangan setengah Raja-raja Melayu (seperti Sultan Johor dan Sultan Perak) dan Dato' Onn pada 1938 mengenai dasar penjajahan Inggeris di Tanah Melayu menjadi kenyataan tujuh tahun kemudiannya. Pada permulaan tahun tiga puluhan,

British mula melancarkan dasarnya ke arah penyatuan semua negeri Melayu dengan langkah kononnya hendak memulangkan balik kuasa Raja-raja seperti yang wujud sebelum kedatangan Inggeris ke rantau ini pada abad ke-19.

Tetapi, pada hakikatnya, tindakan itu bolehlah diumpamakan seperti orang merombak simpulan tali yang telah kusut masai atau memutuskan sahaja mana-mana simpulan yang tidak dapat diuraikan dan kemudiannya menggunakan lembaran yang putus-putus itu untuk dipintal semula supaya menjadi tali yang lebih panjang dan lebih senang digunakan untuk kepentingan penjajah.

Sesungguhnya dasar Malayan Union dilaksanakan bukan kerana berlakunya peperangan yang dicituskan oleh Jepun di Timur Jauh, tidak juga kerana pemerintahan dan pentadbiran negeri-negeri Melayu menjadi kucar kacir, pincang atau curang dalam masa pendudukan Jepun, atau kerana Raja-raja Melayu telah bekerja sama atau membantu Jepun, atau kerana sesuatu sebab politik yang lain. Hal itu cuma dijadikan helah oleh British supaya membolehkan mereka berbuat apa sahaja yang diinginkan mereka tanpa menimbulkan bantahan atau tentangan daripada Raja-raja Melayu kerana pihak berkuasa British cukup menyedari bahawa Raja-raja Melayu pada masa itu, malah sebelumnya, tidak berkuasa melakukan sesuatu dari segi politik tanpa izin penjajah. Telah menjadi pengetahuan umum pada zaman penjajahan bahawa Raja-raja mempunyai perhitungan sendiri terhadap peribadi dan kedudukan masing-masing, dan dalam hal ini, pertimbangan mengenai kedudukan dan kesejahteraan rakyat mendapat tempat yang kedua di sisi mereka. Mujur majal umat Melayu hanya terserah kepada masa dan sejarah sahaja.

Malayan Union adalah salah satu daripada padah yang ditempa oleh masa dan sejarah yang menimpa bangsa Melayu. Jika rakyat jelata Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn tidak ingin bangkit membasmi Malayan Union, Raja-raja sudah cukup puas hati dengan apa juga corak pemerintahan yang diwarnakan oleh pejahaj, asalkan kedudukan dan kepentingan peribadi mereka tidak jejas. Memang pernah terjadi dalam sejarah negara yang beraja bahawa hidup dan matinya rakyat kerana raja, tetapi sekarang pernah didapati bahawa ada setengah raja-raja yang hidup dan mati kerana rakyat. Semangat kerja sama dan bela membela antara raja yang memerintah dengan rakyat yang taat

setia dapat disaksikan dengan jelasnya semasa orang Melayu berjuang meruntuhkan Malayan Union.

Sejak British bertapak di Semenanjung Tanah Melayu, dasar pokok mereka adalah berniaga, mencari keuntungan dan faedah untuk kesenangan dan kebahagiaan ibu pertiwi dan penduduk England. Selagi dasar ini dapat dilaksanakan tanpa gangguan tempatan, sama ada dari segi tentera atau politik, British tidak akan mengambil sebarang tindakan yang tidak menguntungkan dasar ekonomi rumahtangga mereka. Di mana-mana jajahan takluknya, British lebih suka melaksanakan pemerintahannya menerusi orang lain, sama ada dengan menggunakan raja atau alat lain yang telah sedia ada di situ.

Dari rekod Pejabat Tanah Jajahan British di London mengenai penglibatan mereka di Tanah Melayu, terdapat banyak dokumen yang memperlihatkan bagaimana Whitehall mengarahkan pegawai kolonial supaya menggunakan Raja atau nama Raja tempatan sebanyak-banyaknya untuk melaksanakan dasarnya. Pemerintahan tidak secara langsung di Malaya menerusi Rajaraja Melayu telah diamalkan oleh Inggeris sejak mula bertapak di Tanah Melayu pada abad ke-19.

Apabila pihak penjajah merasa bimbang bahawa pada satu masa nanti Bumiputera atau anak negeri tidak lagi dapat ditundukkan atau rakyat jelata bangkit menentang penjajah, British akan menjalankan dasar halusnya yang tidak disedari oleh Bumiputera. Dasar ini biasanya termasuklah pengkhianatan dalam bidang pelajaran dan ekonomi. Cara lain adalah membawa masuk buruh dan bijak pandai asing yang akan digunakan seluas-luasnya untuk memajukan wilayah itu dengan menggunakan tenaga asing dan bukan tenaga rakyat negeri itu sendiri. Begitu juga dalam bidang ekonomi, modal dan perusahaan asing diberi keutamaan yang lebih besar daripada modal dan perusahaan dalam negeri.

Dasar inilah yang telah dijalankan oleh British di seluruh Tanah Melayu sejak Raffles menjejak kakinya di Singapura pada 1819. Dengan terlaksananya dasar itu kaum Bumiputera menjadi lemah, malah lumpuh dalam setiap bidang perjuangan untuk bertindak, membantah atau menentang segala apa yang dipaksakan ke atas mereka oleh penjajah.

Dengan membawa masuk sebanyak-banyak orang Cina dan India untuk bekerja di ladang getah dan lombong bagi membongkar

hasil bumi Tanah Melayu, orang Melayu tidak mendapat sepenuh peluang untuk membiasakan diri dalam lapangan tersebut. Begitu juga dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, dengan adanya modal dan kemahiran asing yang mencurah-curah masuk ke Tanah Melayu, anak negeri tidak terupaya menjalankan perdagangan dan perusahaan sendiri kerana tidak dapat menandingi persaingan dari luar. Sementara itu, British hanya menggalakkan orang Melayu mengekalkan kehidupan cara lama mereka. Mereka sentiasa mengharapkan bantuan daripada penjajah menerusi alat-alat negara setempat.

Dalam bidang politik pula, British menggunakan Raja-raja Melayu bagi menjalankan dasar penjajahannya, dan dengan ini terhindarlah umat Melayu daripada bangkit menentang penjajah kerana sebarang usaha yang bergerak ke arah itu akan disifatkan sebagai tindakan menderhaka kepada Raja. Mereka, jika didapati bersalah, boleh dihukum seberat-beratnya. Hal seperti ini berjalan hampir satu abad.

Pada masa yang terakhir, apabila semangat kebangsaan Melayu tercetus dengan segala kehangatannya, dan Raja-raja sendiri tidak dapat lagi menahan dasar yang dilaksanakan oleh pejajah, khususnya rancangan Malayan Union, tambahan pula mereka sendiri menjadi mangsa dasar "pecah, kemudian perintah," maka timbullah pula satu lagi dasar halusna yang sehingga sekarang masih belum dapat dikesan oleh umat Melayu. Dalam masa pejajahan, British pernah mengasuh, mendidik dan "mengindoktrinasikan" anasir yang terpilih daripada kalangan rakyat atasan, dan mereka diberikan kedudukan yang berpengaruh dalam masyarakat. Anasir inilah yang diharapkan oleh penjajah akan dapat meneruskan dasar mereka sesudah mereka menyerahkan kembali kuasa kepada rakyat.

Seperti disebutkan sebelum ini, Malayan Union dipaksa ke atas orang Melayu untuk kepentingan penjajah, tetapi mereka tidak rela berdiam diri dan menerima paksaan itu dan terus hidup sebagai bangsa yang terjajah. Setiap orang yang menyertai dan mengikuti kongres kebangsaan Melayu se-Malaya tidak menerima Malayan Union, ini jelas terkandung dalam Kertas Putih yang disiarkan pada 22 Januari 1946. Isu itu mula-mula dibahaskan dalam Parlimen British pada bulan Oktober 1945 dan diluluskan dalam bulan itu juga.



Kerajaan British mengumumkan bahawa negeri-negeri Melayu yang digabungkan untuk menjadi Malayan Union akan diperintah oleh seorang gabenor daripada bangsa British yang telah berkhidmat sebagai pegawai kanan di Pejabat Tanah Jajahan di London, iaitu Edward Gent. Raja-raja Melayu tidak berkuasa lagi seperti dahulu kerana mereka tidak lagi dikehendaki menandatangani sebarang undang-undang sebelum dikuatkuasakan. Gabenor berkuasa penuh untuk meluluskan sebarang undang-undang dalam Malayan Union. Negeri-negeri Melayu yang terkenal sebagai wilayah yang merdeka dan berdaulat di bawah naungan British bertukar menjadi tanah jajahan takluk mereka. Hak istimewa Melayu terhapus dan semua orang berhak mendapat taraf kerakyatan yang sama. Semua harta benda setiap negeri Melayu, melainkan milik peribadi Raja, terserah kepada kerajaan pusat. Raja-raja hanya mempunyai taraf sebagai ketua agama dan adat istiadat Melayu, sebagai kadi yang terlibat hanya dalam urusan nikah kahwin dan cerai berai, tidak lebih dan tidak kurang daripada itu. Tetapi segala undang-undang yang meliputi setiap jurusan hidup rakyat hendaklah mendapat persetujuan daripada Gabenor Malayan Union.

Nyatalah bahawa dengan tertubuhnya Malayan Union, terhapuslah dengan sendirinya kedaulatan dan kekuasaan Raja-raja. Ini menunjukkan bahawa dalam melaksanakan sesuatu dasar di luar tanahairnya sendiri, penjajah British seperti kuasa penjajah lain juga, memikirkan hanya kepentingannya sendiri di tanahairnya sendiri tanpa memperhitungkan keperluan dan kepentingan penduduk wilayah yang dijajah mereka. Dasar penjajah itu serupa di mana-mana sahaja di bawah langit ini; yang berbeza hanyalah cara pelaksanaannya. Apa yang dilakukan oleh British di India dan Afrika tidak banyak bezanya daripada apa yang dilakukan oleh Perancis di Indo-China. Sementara Perancis memecahkan Indo-China kepada Kemboja, Laos dan Vietnam, British pula, sebelum berundur dari rantau itu, memecahkan pentadbirannya di India kepada empat unit yang berasingan dan bersendirian, iaitu - India, Ceylon (Sri Lanka), Burma dan Pakistan. Begitulah juga amalan British di Asia Tenggara; Malaya dibebaskan berasingan daripada Singapura.

Tujuan Malayan Union selanjutnya adalah berusaha ke arah menghapuskan kaum dan perkauman dalam negeri dan membentuk

satu bangsa atau kebangsaan baru menurut perlembagaan, iaitu mewujudkan satu bangsa Malayan daripada ramuan Melayu, Cina, India dan sebagainya. Orang Melayu bimbang bahawa sekiranya dasar Malayan Union seperti itu berjaya, maka dalam masa yang tidak begitu panjang, tradisi, adat resam dan kebudayaan mereka akan hapus dan segala nilai Kemelayuan dan Ke-Islaman akan turut lesap. Orang Melayu tidak akan berdiam diri dan membiarkan perbuatan khianat seperti itu berlaku tanpa dicabar dan dicegah.

## Menuntut Janji

Jepun melancarkan perang di Timur Jauh setelah mencapai kata sepakat dengan rakan-rakannya yang di Barat, iaitu Itali dan Jerman. Bangsa itu berjaya, buat sementara, menakluk wilayah naungan dan tanah jajahan kuasa-kuasa Barat, seperti Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia. British dan rakan-rakan seperjuangannya berikrar akan membebaskan wilayah-wilayah yang ditakluk oleh Jepun itu secepat mungkin. Oleh kerana itu, kebanyakan wilayah itu memberi bantuan yang sedapat-dapatnya kepada British dan rakan-rakannya semasa pendudukan Jepun untuk melemahkan tenaga perang Jepun. Dalam hal ini, perajurit Tanah Melayu tidak ketinggalan memberikan sumbangan seberapa yang boleh, seperti juga perajurit di negeri lain untuk menewaskan Jepun.

Tetapi selepas Jepun menyerah kalah dan British bertapak kembali di Tanah Melayu, bukan sahaja kebebasan yang dijanjikan itu tidak diberikan, tetapi kebebasan sedia ada mahu dilenyapkan dengan sekelip mata kerana percaturan politik kolonial. Semasa pendudukan Jepun, orang Melayu menderita tidak kurang daripada bangsa-bangsa lain. Mereka terharap-harap bahawa penderitaan itu akan berakhir apabila perang tamat, dan British kembali sebagai sahabat, dan masa hadapannya bertambah baik di bawah pimpinan British. Tetapi mereka pecah hati, putus harapan apabila selepas perang tamat, mereka menyedari bahawa yang ditakluk itu bukannya Jepun yang telah menyerah kalah, tetapi Tanah Melayu, tanahair mereka sendiri. Mereka telah rela bertumpah darah kerana membantu British memerangi musuhnya.

Oleh kerana tindakan British itu terlalu menghinakan bangsa dan tanahair mereka, maka orang Melayu tidak dapat lagi

menahan sabar dan membiarkan diri tertindas dan kedaulatan bangsa ternoda. Mereka bangkit dan mengorak langkah untuk menghapuskan penghinaan dan pencabulan yang dilakukan ke atasnya.

Persidangan pertubuhan Melayu yang diadakan di Kelab Sulaiman ialah satu kempen hebat bangsa Melayu menentang penjajahan. Ketetapan bersejarah yang diambil oleh kongres yang tamat persidangannya pada 4 Mac 1946 adalah seperti berikut:

1. Bahawa Perjanjian yang telah ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis yang mengaku bersetuju memberi kuasa penuh kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda King bagi Great Britain ke atas beberapa buah Negeri Melayu dan melucutkan kuasa Sultan ke atas negeri yang mereka telah menjadi raja yang merdeka itu adalah tidak menurut perlembagaan, hak pusaka, adat resam dan amalan tiap-tiap Negeri Melayu dan oleh yang demikian adalah tiada sah dan batal dan tiada mengikat Duli Yang Maha Mulia itu dan rakyat mereka dengannya.
2. Bahawa manakala Perjanjian yang tersebut itu telah diperolehi tidak dengan pengetahuan dan berlawanan dengan kehendak rakyat Duli Yang Maha Mulia itu dan bahawa oleh kerana cadangan Kerajaan Baginda King hendak menjalankan kuasa ke atas Negeri Melayu itu adalah berlawanan dengan kehendak rakyat Duli Yang Maha Mulia itu, Kongres ini, dengan ini, mengisytiharkan bahawa perbuatan yang seumpama itu adalah semata-mata menentang dasar-dasar demokrasi dan oleh yang demikian tidak boleh diterima sama sekali.
3. Bahawa cadangan Kerajaan Baginda King hendak mengambil kuasa penuh ke atas beberapa buah Negeri Melayu yang tersebut di atas itu dan hendak menafikan kuasa yang seumpama itu dari Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah membawa kepada memasukkan terus menerus beberapa buah Negeri Melayu di dalam Semenanjung Tanah Melayu ke bawah takluknya dan oleh yang demikian adalah berlawanan dengan semangat Piagam Atlantik (Atlantic Charter).

4. Bahawa cadangan Kerajaan Baginda King, sebagai yang diterangkan di dalam Kertas Putih pada bulan Januari 1946 yang mencadangkan:
  - (a) Hendak menubuhkan sebuah kerajaan tunggal yang dinamakan Malayan Union menggantikan pemerintahan beberapa buah negeri yang tersebut di atas dengan tidak termasuk Singapura, adalah mengandungi Settlement Pulau Pinang dan Melaka; dan
  - (b) Hendak mengadakan suatu taraf kerakyatan Union (Kesatuan) dengan persamaan hak dengan tidak memandang kepada kaum atau jenis itu, adalah mempunyai kesan bagi menghapuskan dari wujudnya:
    - (a) Sembilan pemerintahan Negeri Melayu yang beragama Islam atau ketakhtaan Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang wujudnya telah diakui oleh Kerajaan Baginda King, terutamanya dan oleh dunia amnya.
    - (b) Orang Melayu mempunyai negeri dan Raja-raja sendiri.
    - (c) Beberapa Perjanjian yang ada di antara Kerajaan Baginda King dan Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan mencerooboh dasar-dasar suci Perjanjian yang kerananya Bangsa Berikat (Allied Nations) telah perang di dalam suatu peperangan yang sehebat-hebatnya di dalam tawarikh, dan pada melucutkan hak turun temurun orang Melayu adalah diisytiharkan di sini ialah meletakkan dengan tidak patut suatu perbuatan yang merosakkan ke atas mereka yang cukup taat setia kepada takhta Ingeris.
5. Bahawa Kongres ini menjemput Kerajaan British supaya menyasiat dengan sepenuh-penuhnya akan keadaan yang sedang ada di Semenanjung Tanah Melayu ini yang sekiranya ada di dalam pengetahuan Kerajaan Baginda King nescaya telah ditimbangkan dengan sebaik-baiknya cadangan yang tersebut itu.

6. Bahawa oleh kerana perkara yang disebutkan itu Kongres mendesak Kerajaan Baginda King supaya menarik balik cadangan yang tersebut dengan segera dan mengembalikan semula taraf kedudukan negeri ini dengan tidak mengubah barang apa jua bagi masa ini."

Ketetapan yang diambil oleh Kongres, yang bersidang selama empat hari, iaitu dari 1 hingga 4 Mac, telah diisytiharkan kepada rakyat jelata pada hari yang keempat di Dewan Bandaran, Kuala Lumpur di hadapan beribu-ribu orang Melayu dari seluruh tanah air. Tetapi pihak berkuasa British tidak menghiraukan sama sekali akan hasrat rakyat jelata Melayu, yang secara berterus terang menyatakan bahawa Malayan Union tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Semangat yang meluap-luap di kalangan umat Melayu boleh mengakibatkan pertumpahan darah jika tidak adanya kebijaksanaan dan sikap sederhana pucuk pimpinan yang bertanggungjawab. Kerajaan Inggeris digesa dengan segiat-giatnya supaya membatalkan rancangan Malayan Union dengan serta merta sebelum terlambat.

## Kepentingan Penjajah

Rancangan Malayan Union mula ditaja pada 1943, dua tahun sebelum tamatnya perang di Timur Jauh. Setakat ini, belumlah diketahui dengan jelas siapa yang mengilhamkan Malayan Union, dari mana dan bagaimana rancangan itu dilahirkan. Kita akan mengetahuinya hanya sesudah semua dokumen rahsia yang ada dalam simpanan Pejabat Tanah Jajahan British di London disiarkan nanti pada 1975. Tetapi dapatlah dipastikan bahawa Malayan Union lahir daripada keinginan British hendak mengubah sistem pemerintahan mereka di Tanah Melayu supaya sesuai dengan dasar yang akan dilaksanakannya selepas perang.

Pihak berkuasa British ingin menjimatkan perbelanjaan mentadbirkan Tanah Melayu, menyenangkan dan menambahkan penghasilan bijih timah dan getah yang sangat diperlukan oleh British untuk mendapatkan keuntungan. Dengan adanya corak pemerintahan ala Malayan Union, urusan pentadbiran akan bertambah mudah, perkhidmatan bersama antara negeri Melayu akan menjadi lebih baik, banyak masa dan tenaga akan dapat

diselamatkan atau dijimatkan. Untuk melaksanakan dasar baru itu, maka perlulah dihapuskan sistem pemerintahan cara lama dan digantikan dengan sebuah kerajaan saja yang berpusat di Kuala Lumpur di bawah seorang gabenor.

Satu lagi sebabnya Malayan Union diwujudkan adalah untuk membolehkan orang Cina dan India yang ramai bilangan mereka memasuki kehidupan politik Tanah Melayu supaya tumbuh perasaan dan semangat "Malaya" di hati penduduk bukan Melayu, dan akan jadilah mereka itu rakyat Malaya yang mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap Malaya. Sebaik-baik masa melancarkan Malayan Union itu adalah ketika Jepun menyerah kalah dan keluar dari Malaya.

Jabatan Perang dan Pejabat Tanah Jajahan British telah menubuhkan Malayan Planning Unit atau (Badan Perancang Malaya) pada pertengahan tahun 1943. Major Jeneral H.R. Hone dilantik menjadi ketuanya. Pertubuhan seperti Association of British Malaya dan Kesatuan Penuntut Melayu di Great Britain, mengemukakan cadangan yang berlawanan mengenai perlembagaan baru Malaya kepada Badan Perancang Malaya. Sementara Association of British Malaya memperjuangkan kepentingan bukan Melayu, Kesatuan Penuntut Melayu di London mencadangkan supaya digabungkan semua negeri Melayu di Asia Tenggara di dalam sebuah persekutuan yang termasuk di dalamnya Indonesia.

Satu lagi golongan yang berpeluang membuat desakan kepada Pejabat Tanah Jajahan ialah sekumpulan penduduk Malaya, termasuk Tan Cheng Lock dan rakan-rakannya, yang berjaya melarikan diri ke India semasa Jepun mendarat di Tanah Melayu, untuk menyelamatkan diri dan mencari perlindungan di seberang laut. Mereka membantu British dalam usaha ke arah membebaskan Malaya daripada penaklukan Jepun. Diketahui juga bahawa ramai lagi yang melarikan diri ke England dan Australia, samalah seperti mereka yang telah meninggalkan Tanah Melayu dengan berbagai-bagai helah untuk mengelakkan diri daripada dikerah berkhidmat dalam pasukan keselamatan semasa darurat dari tahun 1948 hingga 1960.

Orang Malaya yang bukan Melayu pernah dikatakan tidak mendapat tempat atau layanan yang sewajarnya dalam masyarakat Malaya. Orang Melayu, khususnya Raja-raja Melayu pernah juga dituduh oleh golongan bukan Melayu, terutamanya mereka yang

ditindas oleh Jepun dan orang British termasuk askar-askar yang ditawarkan oleh Jepun, bekerja sama atau bersubahat dengan musuh hingga membolehkan Malaya jatuh ke tangan Jepun dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Banyak pegawai tertinggi di Pejabat Tanah Jajahan British di London terpengaruh dengan fitnah seperti itu, dan itulah salah satu sebab mengapa terdapat suasana anti-Melayu di London. Sikap seperti ini dengan secara automatik melahirkan simpati terhadap penduduk bukan Melayu, terutamanya orang Cina di Malaya.

Dalam suasana seperti itu, sudah tentulah desakan mengenai dasar selepas perang British di Tanah Melayu mendapat perhatian daripada penaja Malayan Union di Whitehall. Tidaklah dapat ditolak mentah-mentah tuduhan bahawa Pejabat Tanah Jajahan British di London telah terpengaruh oleh pemimpin bukan Melayu seperti Tan Cheng Lock dan rakan-rakannya yang telah meninggalkan Tanah Melayu kerana mencari perlindungan di India. Beliau merasa tidak puas hati dengan bentuk pemerintahan Tanah Melayu dan menuntut supaya penduduk bukan Melayu yang banyak memberikan sumbangan ke arah kemajuan negeri itu patut mempunyai perwakilannya dalam badan tertinggi pemerintah. Berkenaan susunan pemerintahan sebelum perang, Tan Cheng Lock pernah mengkritik dengan berkata:

Bentuk (pemerintahan) itu akan melahirkan, memajukan dan menyempurnakan dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu satu cara pemerintahan yang semata-mata bercorak autokrasi yang bergantung pada cukai-cukai yang banyak yang dikenakan ke atas orang-orang bukan Melayu sedangkan tenaga, perburuhan, kerja sama dan keusahaan mereka menjadi tunjang Negeri-negeri Melayu, tetapi mereka tidak mempunyai perwakilan yang cukup lagi efektif seperti yang banyak sekali terdapat di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Tidaklah dapat dinafikan sama sekali bahawa British mengadakan rundingan dengan pemimpin bukan Melayu dari Malaya di luar dan di dalam negeri sebelum dan selepas Malayan Union diisytiharkan. Sejurus selepas Malcolm MacDonald tiba di Malaya sebagai Ketua Gabenor beliau mengadakan rundingan dengan Tan Cheng Lock sebagai pemimpin Cina dan pemimpin kaum lain secara tidak rasmi dari semasa ke semasa.

Dasar Malayan Union memang dapat diterima bahkan dialu-alukan dengan girang gembira oleh penduduk Malaya yang bukan

Melayu tetapi semasa orang Melayu bangkit menentanginya, tidak ada satu pun golongan bukan Melayu yang bertindak secara perkauman atau mengadakan tunjuk perasaan bagi menyokong Malayan Union. Tetapi, yang aneh sekali ialah ada segelintir orang Melayu yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin yang telah mengadakan kongres Melayu dengan tujuan menyokong Malayan Union. Tetapi mujurlah usaha itu gagal kerana orang Melayu menganggap bahawa setiap orang Melayu yang menyokong Malayan Union pada masa itu ialah pengkhianat bangsa dan tanah air, atau orang suruhan yang dibiayai oleh golongan yang tertentu.

MacMichael diutuskan ke Malaya untuk menakluk Tanah Melayu dengan menggunakan pena yang diusung dengan kereta meriam dan berpayungkan kapal terbang Angkatan Udara di-Raja British. Raja-raja Melayu diberi tempoh tidak lebih dua hari untuk berfikir sebelum menurunkan tanda tangan masing-masing di atas naskhah Perjanjian Malayan Union yang disampaikan oleh MacMichael. Dalam tauliah bertugasnya, MacMichael dikehendaki mengambil tanda tangan setiap Raja yang menyerahkan segala kekuasaannya mereka kepada Kerajaan DYMM King dan beliau hendaklah memberitahu Setiausaha Tanah Jajahan dengan telegram siapakah orang yang layak menggantikan Raja dalam mana-mana negeri yang didapatinya tidak wajar diakui oleh Kerajaan British atas sebab peribadi dalam masa pendudukan Jepun.

Nyatalah bahawa orang Melayu tidak rela tanah airnya bertukar menjadi tanah jajahan takluk British atau menjadi Palestine yang kedua, iaitu orang Melayu akan kehilangan kedudukan istimewanya sedangkan kaum India dan Cina sudah sedia lebih maju dalam lapangan pelajaran dan ekonomi daripada mereka sendiri. Dalam Malayan Union yang dirancangkan oleh British itu, orang Melayu akan tertinggal lebih jauh ke belakang bangsa-bangsa asing melainkan hanya dengan berlakunya sesuatu mukjizat, barulah mereka berpeluang menduduki tempat yang seimbang dengan bangsa-bangsa lain di Malaya.

## Tindakan Tegas

Desakan, bahkan tuntutan, daripada Kongres Kebangsaan Melayu se-Malaya yang dipengerusikan oleh Dato' Onn itu dianggap sepi oleh British. Tidak memadai dengan mengambil sikap yang



demikian, British mempersendakan hasrat bangsa Melayu seperti yang terkandung dalam ketetapan Kongres itu dengan mengisytiharkan 1 April 1946 sebagai tarikh berkuatkuasanya Perjanjian Malayan Union. Pada hari itu, Sir Edward Gent dilantik sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama dan yang terakhir. Raja-raja Melayu, pembesar dalam negeri dan anggota Dewan Undangan Persekutuan diundang menghadiri upacara tersebut.

Dato' Onn, seperti juga orang Melayu lain, tidak dapat menelan persendaan itu dengan senang hati. Beliau tahu tindakan British adalah untuk menguji sejauh mana orang Melayu sanggup bertindak dalam sengketa Malayan Union itu. Beliau tahu kalau ketetapan Kongres Kebangsaan Melayu yang diadakan dari 2 hingga 4 Mac itu tidak dapat dilaksanakan, semangat perjuangan Melayu menentang Malayan Union akan menjadi lemah dan akhirnya lumpuh terus. Kalau British berjaya melaksanakan Perjanjian Malayan Union bererti Raja-raja Melayu tidak berkuasa lagi, hak istimewa orang Melayu lenyap dan semua penduduk Tanah Melayu akan mempunyai taraf kerakyatan yang sama. Ini ialah cabaran yang paling hebat kepada orang Melayu.

Dato' Onn mengambil tindakan balas dengan serta merta bagi mencegah kemungkinan berlakunya padah ke atas bangsa Melayu. Beliau telah memanggil Kongres itu bersidang secara tergepar pada 29 Mac untuk membicarakan langkah yang patut diambil segera bagi menghadapi kelancangan dan keterlaluhan politik penjajah itu. Saat yang paling genting dan cemas dalam sejarah kebangsaan Melayu telah tiba. Sekarang terpulanglah kepada generasi yang ada untuk mengorak langkah sama ada hendak hidup bebas, merdeka dan berdaulat atau terkongkong, terjajah dan tidak bermartabat.

Setelah berbincang selama dua hari dalam suasana yang tegang dan hangat akibat tindakan pecah amanah British terhadap bangsa Melayu, persidangan itu meluluskan ketetapan seperti berikut:

1. Orang-orang Melayu hendaklah memulau istiadat melantik Gabenor Malayan Union.
2. Memohon Raja-raja Melayu supaya jangan menghadiri majlis istiadat melantik Gabenor itu.

3. Orang Melayu mestilah menunjukkan tanda berkabung dengan melilitkan kain putih di songkok selama tujuh hari, iaitu mulai dari 1 April.
4. Melantik Dato' Onn, Dato Panglima Bukit Gantang, Dato Nik Ahmad Kamil dan Dato Hamzah bin Abdullah untuk menyembahkan ketetapan yang kedua kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu.
5. Meminta ahli-ahli Melayu yang duduk dalam Majlis Mesyuarat Negeri, Negeri-negeri Selat, dan Majlis Undangan Persekutuan memulaukan Majlis tersebut.

Menjelang 1 April 1946, iaitu hari yang paling padah bagi bangsa Melayu, Raja-raja Melayu bersiap sedia untuk berangkat menghadiri upacara melantik Gabenor Malayan Union. Tetapi beberapa ketika sebelumnya, Dato' Onn telah muncul di Station Hotel dan menyampaikan kepada Baginda keputusan yang telah dicapai oleh umat Melayu dalam persidangan Kongres secara tergepar yang baru sahaja tamat.

Apa yang tidak tercatat dalam keputusan itu ialah kata-kata yang telah dipesan oleh umat Melayu supaya disampaikan kepada Raja-raja Melayu yang sedang bersemayam di Station Hotel, Kuala Lumpur. Dato' Onn menyampaikan kata-kata itu seperti yang dikehendaki oleh umat Melayu seluruhnya, iaitu:

Sekiranya Tuanku sekalian turut menghadiri upacara melantik gabenor Malayan Union itu, rakyat Tuanku sekalian tidak akan mengakui Tuanku sekalian sebagai Raja lagi.

Rakyat jelata Melayu telah menganggap bahawa menghadiri majlis melantik gabenor Malayan Union itu samalah seperti turut serta mengusung jenazah bangsa Melayu sendiri.

Daripada punca yang rapat dengan Raja-raja Melayu dan pegawai tertinggi British di Malaya, Dato' Onn dikatakan mengingatkan Raja-raja Melayu bahawa rakyat Melayu akan mengamuk sekiranya Raja-raja turut serta dalam upacara merasmikan perlantikan Gent sebagai gabenor Malayan Union yang pertama dan terakhir.

Itulah pertama kali dalam sejarah bangsa Melayu Raja-raja mendengar dengan telinga sendiri dan mematuhi amaran tegas daripada rakyat Melayu pada ketika kedaulatan bangsa dan tanah air terancam. Dengan tidak bertangguh-tangguh lagi, Dato' Onn

menggunakan kesempatan itu untuk mempersilakan Raja-raja itu berangkat ke anjung bangunan itu dan menyaksikan dengan sendiri bagaimana beribu-ribu orang Melayu telah berhimpun di hadapan Station Hotel.

Sebaik saja Raja-raja berangkat ke anjung itu, seorang lepas seorang, mereka bertempik, "Daulat Tuanku" bertalu-talu dengan suara yang bergemuruh. Seseengah Raja-raja yang memerhati dengan kagumnya semangat bangsa Melayu yang meluap-luap itu kelihatan mengalirkan air mata, mungkin kerana insaf atau sesal terhadap apa yang telah berlaku semasa MacMichael berkunjung ke setiap Istana di-Raja hanya beberapa minggu sahaja terdahulu. Sepanduk-sepanduk yang mengibarkan cogan kata yang melambangkan kehangatan semangat kebangsaan Melayu, seperti "Down with the British", "Down with MacMichael" dan seumpamanya kelihatan bercancangan di sana sini di sekitar perhimpunan orang Melayu yang melaut ramainya. Semua orang yang hadir di situ berkabung sebagai tanda umat Melayu di seluruh Malaya bermasyghul, berdukacita kerana British bertindak menghapuskan demokrasi, kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan tanah air Melayu.

Setelah selesai Raja-raja itu berangkat ke anjung Station Hotel untuk menemui beribu-ribu orang rakyat yang tidak berhenti bertempik, "Daulat Tuanku," Baginda menurunkan tanda tangan masing-masing di atas sepucuk surat yang dialamatkan kepada Gent. Baginda sedia dan sanggup mematuhi kemahuan rakyat dan menjelaskan kepada Sir Edward bahawa pemuluan upacara perlantikannya itu bukanlah suatu tindakan yang bertujuan menghina dirinya, tetapi oleh kerana soal Perjanjian Malayan Union itu masih di dalam pertikaian, wajar Raja menjauhkan diri daripada berbuat sesuatu sementara London sedang menimbang surat bantahan terhadap Malayan Union yang telah dikirimkan ke Whitehall.

Sedang Dato' Onn menyusun barisan dan mengatur langkah untuk bertindak selanjutnya, Kerajaan British mencuba melemahkan semangat orang Melayu supaya patah kandar di tengah jalan dengan mengumumkan beberapa perubahan mengenai rancangan Malayan Unionnya itu. Dalam bulan Mac tahun itu juga, Creech Jone, Setiausaha Rendah Parlimen bagi Tanah Jajahan, membuat cadangan seperti berikut:

1. Gabenor Malayan Union tidak akan campur tangan dalam urusan undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam.
2. Anggota-anggota Majlis atau Jemaah Raja-raja di setiap negeri mempunyai kebebasan penuh untuk membincangkan hal-hal yang berkenaan dengannya.
3. Raja atau Sultan mempunyai kebebasan penuh untuk melantik anggota-anggota Majlis atau Jemaah Raja.
4. Sebarang undang-undang yang bersifat diskriminasi perkauman atau keagamaan hendaklah mendapat persetujuan daripada Setiausaha Tanah Jajahan.
5. Soal kerakyatan hendaklah dibincangkan dengan semua golongan rakyat Malaya dan pendapat mereka hendaklah diberikan pertimbangan sepenuhnya.
6. Pulau Pinang hendaklah mempunyai taraf pelabuhan bebas yang kekal.

Cadangan-cadangan ini dianggap sepi oleh orang Melayu. Mereka mahu dasar Malayan Union dilenyapkan sama sekali. Bantahan dan tunjuk perasaan kian memuncak di sana sini di seluruh Malaya. Kini, Raja-raja dan rakyat bekerja sama sepenuhnya untuk meruntuhkan Malayan Union.

Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral yang pertama dan terakhir, serta Edward Gent, iaitu Gabenor yang pertama dan terakhir bagi Malayan Union, tidak berhenti-henti bermesyuarat mencari jalan bagaimana hendak berkira bicara dengan orang Melayu supaya sengketa Malayan Union dapat diselesaikan dengan baik. Mereka mencuba beberapa kali hendak mengadakan rundingan dengan Raja-raja Melayu mengenai perubahan dalam Perlembagaan yang mereka cadangkan untuk Malaya.

Usaha itu dianggap oleh Dato' Onn sebagai satu langkah hendak memisahkan Raja-raja Melayu daripada rakyatnya. Beliau tidak akan membiarkan "jarum" penjajah itu masuk ke mana-mana Istana Raja di Tanah Melayu. Pihak berkuasa Inggeris di London masih keberatan hendak menarik balik rancangan Malayan Union kerana rancangan itu telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat British. Bermacam-macam helah, penanguhan dan penantian, dilakukan oleh British dengan harapan semangat hangat-hangat tahi ayam orang Melayu itu akan kembali dingin dalam tiupan masa.

Gent terus menerus berikhtiar ke arah memencilkan Raja-raja Melayu daripada rakyat jelata yang dipimpin oleh Dato' Onn. Gent diberikan galakan yang bertubi-tubi oleh Whitehall supaya mencuba sedaya upayanya menyelesaikan pertikaian Malayan Union dengan orang Melayu seberapa segera, sebelum terlambat. Gent menawarkan berbagai-bagai pindaan terhadap Perlembagaan baru kepada Raja-raja Melayu, kerana menurut pendapat pakar kolonial di London, pihak berkuasa British boleh melakukan apa sahaja di Tanah Melayu asalkan Raja-raja Melayu diberi jaminan bahawa kedudukan dan kedaulatan mereka tidak terjejas.

Pada Mei 1938, Sir Charles Lucas dari Pejabat Tanah Jajahan di London membuat satu memorandum yang mengandungi cadangan "Persekutuan Tanah Melayu." Cadangan itu dikirimkan kepada Gabenor Sir Charles Mitchell supaya beliau menyiasat sama ada rancangan itu mungkin berjaya atau tidak. Dua tahun kemudian, Mitchell mengesyorkan supaya rancangan itu dilaksanakan jika Raja-raja Melayu dapat dipujuk menerimanya. Swettenham diberi tugas memujuk Raja-raja Melayu. Dalam masa sebulan sahaja, beliau berjaya memujuk beberapa orang Raja Melayu menerima rancangan Persekutuan Tanah Melayu itu. Tetapi Swettenham berjaya mendapatkan tanda tangan Raja-raja Melayu yang sembilan orang itu dalam masa 82 hari sahaja (dari 11 haribulan Oktober 1945 hingga 1 haribulan Januari 1946) supaya menyerahkan negeri-negeri mereka, bukan untuk dinaungi, tetapi untuk dijajahi oleh British.

Setelah dihalang oleh rakyat, maka Raja-raja Melayu merasa keberatan hendak menerima sebarang cadangan Perlembagaan dari Whitehall kerana mereka sedar bahawa cadangan seperti itu tidak akan dapat diterima oleh orang Melayu. Mereka tidak segan-segan lagi memperlihatkan kepada British betapa eratnya wujud kerja sama antara Raja dengan dan rakyat. Mereka bercadang hendak berangkat ke England untuk meneruskan perjuangan bangsa Melayu menentang Malayan Union.

Dato' Onn yakin bahawa jika orang Melayu dan Raja-raja mereka bersatu padu terus menerus mengganyang Malayan Union, British tidak akan dapat berbuat apa-apa selain meminda atau membatalkan sahaja Perjanjian Malayan Union dan menggantikannya dengan suatu sistem pemerintahan yang sesuai dengan hasrat dan keinginan orang Melayu pada keseluruhannya.

Gent juga tidak ingin melihat Raja-raja Melayu berangkat ke London kerana beliau lebih suka berbicara secara berterus terang dengan mereka di Kuala Lumpur. Jika beliau berjaya memisahkan Raja-raja Melayu dari rakyat jelata dan berhasil mempengaruhi Raja-raja supaya menerima tawaran tolak ansurnya, akan bertambah besar lagi nilai peribadinya di sisi Pejabat Tanah Jajahan British di London, dan Whitehall akan merasa terhutang budi kepada Gent kerana kebijaksanaannya menghuraikan kekusutan Malayan Union.

Satu-satunya faktor penting yang mendorongkan beliau membatalkan Perjanjian Malayan Union ialah keselamatan. Dato' Onn memberi amaran bahawa orang Melayu akan mengamuk dan darah akan mengalir jika British masih berdegil hendak memaksakan Malayan Union ke atas orang Melayu. Gent baru sahaja menerima laporan yang lengkap mengenai kedudukan keselamatan dalam negeri yang telah disediakan oleh seorang pegawai dari Pejabat Tanah Jajahan yang turut serta dalam rombongan MacMicheal. Beliau melihat dengan mata kepalanya sendiri bahawa keadaan, persediaan dan kesanggupan orang Melayu untuk bertindak di bawah pimpinan dan arahan Dato' Onn sangat berkesan.

Dato' Onn, Sultan Johor (yang berada di London pada masa itu) dan Raja-raja yang lain sentiasa berhubungannya antara satu sama lain mengenai perkembangan perjuangan Raja-rakyat menentang Malayan Union. Jika tidak mendapat kerja sama daripada Raja dan rakyat jelata Melayu, mustahil bagi British dapat menjalankan kuat kuasa Perjanjian Malayan Union secara sepihak. Sepanduk-sepanduk yang mengibarkan "Tanah Melayu untuk Melayu," "Hapuskan Malayan Union" dan "Kami Berjuang Kerana Hak-hak dan Tanah Air Kami," mempunyai erti yang besar lagi mendalam.

Akhirnya, Gent berjaya juga mengadakan rundingan dengan Raja-raja Melayu dalam minggu pertama bulan Mei 1946. Rundingan itu berlangsung dari 2 hingga 4 Mei, dan cadangan baru telah dikemukakan oleh sebuah jawatankuasa kerja yang anggotanya terdiri daripada perwakilan Raja-raja Melayu, dan Dato' Onn sebagai wakil UMNO (wakil rakyat jelata Melayu).

Dalam persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 26 Disember 1947, Dato' Onn selaku

Yang Dipertua, telah memberitahu sidang perwakilan itu bahawa di bawah Perjanjian Malayan Union telah dimansuhkan dan tempat Malayan Union itu digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu Raja-raja Melayu dan rakyat Tanah Melayu mendapat balik tarafnya seperti yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua.

## Politik Pertarungan

### Keturunan Politik



Dato' Onn lahir dalam puputan bayu politik. Beliau muncul di tengah-tengah keluarga yang telah lama sedia terlibat secara aktif dalam arena politik. Ketika dilahirkan pada 1895, bapanya, Dato Ja'afar bin Haji Muhammad, sedang memegang jawatan Menteri Besar Johor. Dalam tahun itulah juga Sultan Abu Bakar mangkat di London dan puteranya Tunku Ibrahim naik takhta menggantikan ayahandanya.

Menteri Besar Johor sebelum Dato Ja'afar ialah Che Long, bapa saudara kepada Dato Ja'afar sendiri. Che Long ialah keturunan Bugis dan berasal dari Daik. Dato Ja'afar berkhidmat sebagai kerani di pejabatnya yang terletak di Teluk Belanga, Singapura. Dari situlah beliau mendapat latihan, pengetahuan dan pengalaman berkenaan cara mengurus dan menjalankan pentadbiran dalam negeri Melayu yang pada zamannya, di bawah pimpinan Che Long.

Setelah Che Long meninggal dunia, Sultan Abu Bakar berkenan melantik Dato Ja'afar menjadi Menteri Besar untuk menggantikan ayah saudaranya. Pejabat kini bertempat di Johor Bahru, tidak lagi di Teluk Belanga. Pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, Johor terkenal sebagai sebuah negeri Melayu yang merdeka dan berdaulat dan lebih maju pada keseluruhannya daripada negeri-negeri Melayu lain pada masa itu. Johor mempunyai hubungan dengan negara-negara lain seperti Thailand, China, Jepun dan negara lain di Asia, dan dengan England dan sebuah dua lagi negara di Eropah. Hubungan peribadi yang terjalin antara Queen Victoria dengan Sultan Abu Bakar menjadikan Johor dan England, iaitu dua negara yang sama-sama merdeka dan berdaulat sebagai dua sahabat yang teguh setia dalam satu perjanjian atas



dasar duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi untuk saling bantu membantu dalam apa jua hal bagi kepentingan bersama. England sedia mempertahankan Negeri Johor daripada ancaman atau serangan musuh daripada mana-mana pihak sekalipun.

Semasa Sultan Abu Bakar menjadi raja, Baginda memerintah Negeri Johor menurut sistem autokrasi yang berpandukan ajaran Islam. Dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, tercatat satu syarat bahawa orang yang menjadi Raja atau Sultan hendaklah seorang Melayu dan beliau hendaklah beragama Islam. Begitu juga tentang jawatan Menteri Besar. Hanya orang Melayu yang beragama Islam sahaja dibolehkan menyandang jawatan itu, iaitu Sultan boleh mengetepikan syarat ini jika didapati sesuai berbuat demikian untuk memenuhi kehendak masa dalam pemerintahan secara demokrasi. Tetapi sebarang calon yang bukan Melayu hendaklah mendapat sokongan majoriti daripada anggota Majlis Undangan Negeri.

Sebelum mangkat pada 1895, Sultan Abu Bakar membuat satu perubahan besar tentang susunan kerajaan Negeri Johor yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana raja dalam dunia ini sebelumnya. Baginda meletakkan dirinya dan raja turun temurun yang kemudian di bawah kekuasaan sebuah undang-undang tubuh yang menamatkan pemerintahan secara autokrasi dan memberikan corak pemerintahan yang mempunyai unsur-unsur demokrasi moden.

Dengan berpandukan Undang-undang Tubuh yang demikian, Sultan Ibrahim mentadbir Negeri Johor dengan sempurna sesudah baginda menggantikan Almarhum Sultan Abu Bakar. Negeri Johor berhasil mencapai berbagai-bagai kemajuan dalam negeri sehingga menjadikannya salah sebuah negeri Melayu yang cukup progresif di Semenanjung Tanah Melayu.

Dato' Onn lahir dan besar dalam suasana politik beraja. Raja atau Sultan mempunyai pengaruh atau berupaya mempengaruhi setiap jurusan hidup rakyat. Nasib seseorang rakyat, pada masa itu, bergantung kepada belas kasihan atau timbang rasa rajanya. Kerana itulah, minat atau hasrat utama setiap orang Melayu adalah mencari peluang untuk mendampingi raja atau istana. Jika seseorang itu disayangi oleh raja, akan cepatlah dia menjadi orang besar, jika dia mendapat kepercayaan raja, dan akan mewahlah

hidupnya. Jika dia menjadi orang harapan raja, akan banyaklah orang yang segan kepadanya.

Dalam zaman Raja-raja Melayu memerintah secara autokrasi memang sudah menjadi keinginan besar orang Melayu hendak hidup berdampingan dengan istana. Bapa yang sudah bertapak dalam istana ingin melihat zuriatnya yang berikut turun temurun berkekalan menjadi orang Raja atau orang istana. Raja dianggap sebagai wakil Tuhan di dunia dan setiap hamba atau rakyat hendaklah menumpukan seluruh taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja. Tetapi di samping itu, janganlah hendaknya dialpakan pesanan khalifah Islam yang pertama, iaitu Saidina Abu Bakar: "Taatlah kamu kepadaku selagi aku taat kepada Tuhan." Pesanan ini mengandungi kesimpulan bahawa jika raja atau pihak berkuasa menyeleweng daripada amanah Tuhan ataupun melakukan sesuatu yang melanggar perintah Tuhan, maka tidaklah perlu lagi rakyat patuh atau taat kepadanya.

Riwayat Dato' Onn memperlihatkan dirinya pada mulanya, sebagai seorang pegawai pemerintah yang ingin berkhidmat kepada raja dan tanah airnya seperti juga orang Melayu lain dalam zaman politik beraja. Setelah berkhidmat beberapa lama sebagai pegawai kerajaan, beliau tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan politik seperti itu lebih lama daripada yang dapat ditahannya.

Sultan Ibrahim melakukan beberapa perbuatan yang tidak menurut lunas-lunas perikemanusiaan dan panduan yang terkandung dalam Undang-undang Tubuh yang telah dibekalkan oleh ayahandanya Sultan Abu Bakar. Dalam beberapa hal, tindakan Sultan Ibrahim terhadap sesetengah rakyat sangat tidak adil, tidak bertimbang rasa, khususnya terhadap orang Melayu yang berkhidmat dalam Johor Military Forces (JMF).

Sungguhpun peristiwa yang menyedihkan itu diketahui oleh umum di seluruh negeri, tetapi tidak ada seorang pun di Johor yang berani membuka mulut serta membantah kerana Sultan Ibrahim sangat ditakuti oleh rakyat. Baginda seolah-olah seperti "terror" di kalangan penduduk negeri itu pada masa mudanya.

Tetapi tidak Dato' Onn, beliau tidak dapat memejam mata, menulikan telinga dan membungkamkan mulutnya terhadap sesuatu yang dianggap zalim atau kejam. Beliau tidak sampai hati melihat anggota JMF diseksa, dikerah dan dipaksa bekerja membuat ladang getah kepunyaan raja. Peluang untuk mendedah dan

mencegah perbuatan terbuka apabila beliau menjadi pemberita salah sebuah akhbar dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan di Singapura pada tahun tiga puluhan. Beliau menggunakan pena dengan setajam-tajamnya mengecam dan mengkritik tindakan yang dilakukan oleh Sultan Ibrahim yang dianggap oleh Dato' Onn sebagai tidak patut.

Dengan disedarinya atau tidak, secara langsung kecaman dan kritiknya itu, Dato' Onn telah menceburkan diri dalam politik sejak zaman politik beraja lagi tanpa mempedulikan apa yang mungkin berlaku ke atas dirinya kerana memperjuangkan kepentingan manusia yang kurang bernasib baik. Tetapi terdahulu dari itu, pihak British telah menggunakan peristiwa JMF untuk menguatkan tekanannya ke atas Sultan Ibrahim supaya bersetuju menerima seorang pegawai British sebagai penasihat. Baginda terpaksa meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan bagi membolehkan campur tangan British dalam hal ehwal pentadbiran negeri kecuali dalam perkara agama dan adat resam orang Melayu. Menurut perjanjian yang dimeteraikan antara Kerajaan Johor dengan Great Britain, Sultan hendaklah menerima seorang pegawai Inggeris sebagai penasihat yang ditempatkan dalam Negeri Johor. Dalam setiap hal, Sultan hendaklah meminta nasihat daripada Penasihat British dan nasihat itu hendaklah dipatuhi dalam hal yang berkenaan.

Dato' Onn menentang syarat perjanjian itu yang pada pendapat beliau apa yang disebut sebagai nasihat itu sebenarnya bukan nasihat dengan erti kata yang sebenarnya, tetapi perintah yang mesti dipatuhi. Beliau menganggap sistem Penasihat British itu sebagai daya utama penjajah hendak mengelirukan penduduk Negeri Johor supaya mempercayai dan meyakini bahawa yang memerintah negeri itu bukannya British tetapi Raja. Namun, pada amalan dan hakikatnya, pihak berkuasa koloniallah yang memerintah secara tidak langsung menerusi pegawai yang ditugaskan berkhidmat dengan Raja-raja Melayu.

Dato' Onn sedar bahawa mengkritik sistem Penasihat British bererti beliau telah pula melibatkan diri dalam konfrontasi dengan pihak berkuasa kolonial atau penjajah, selain berkonfrontasi dengan rajanya sendiri kerana kepentingan rakyat umum atau tanah air. Sungguhpun demikian, dalam konfrontasi tiga jurusan itu, pihak penjajah dan Sultan telah bersatu menentang Dato' Onn.

Tetapi sebagai seorang Bumiputera yang masih penuh dengan semangat kewatanan, beliau pernah melupakan perselisihan antaranya dengan Sultan Ibrahim apabila beliau mendapati bahawa kepentingan raja-raja dan tanah air mesti dibela supaya tidak terjejas atau rosak kerana mainan politik kolonial. Berbeza dengan kuasa penjajah yang lain, British lebih suka menjalankan pemerintahan di wilayah naungan atau tanah jajahan mereka menerusi alat negara tempatan, seperti menggunakan Raja-raja di India dan di Malaya atau ketua-ketua suku kaum Afrika. Apabila adanya anak negeri atau Bumiputera yang bergerak dalam bidang politik bagi membela nasib rakyat dan pergerakan itu tidak sealiran dengan kepentingan pihak berkuasa kolonial, anak negeri itu akan dicap sebagai orang yang ingin menentang atau menderhaka kepada rajanya.

Apa yang kerap mendukacitakan Dato' Onn adalah sekiranya akibat sesuatu dasar yang dijalankan di Johor, pentadbiran negeri menjadi kucar kacir atau rakyat mengalami penderitaan, pihak British sentiasa berlepas tangan dan berpura-pura menyalahkan Sultan kerana kegagalan dasar atau sesuatu rancangan. Tetapi apabila sesuatu dasar atau rancangan berjaya mencapai hasil yang diharap oleh rakyat, nama dan kebijaksanaan pegawai pentadbir British, khususnya Penasihat British sahaja yang disebut-sebutkan.

Dengan amalan seperti itu, pihak berkuasa kolonial British, sama ada di India atau di Malaya berjaya menanam bibit kesangsian rakyat tempatan terhadap kebolehan atau kecekapan pentadbir atau pegawai sendiri. Sungguhpun penjajahan telah lenyap dari bumi Malaya atau Malaysia, tetapi penyakit "kurang percaya" kepada kebolehan, kecekapan dan kebijaksanaan pemimpin atau pegawai tempatan masih wujud.

Dato' Onn adalah salah seorang anak Melayu yang mula-mula tampil ke muka dan mengkritik dasar kolonial dan kelakuan rajanya sendiri dengan berani, berterus-terang lagi cekap. Kebanyakan sengketa antara beliau dengan Sultan Ibrahim berpunca daripada sikap Baginda membiarkan dirinya menjadi alat penjajah yang menjalankan dasar menekan orang Melayu. Tetapi ada juga antara sengketa Onn-Ibrahim berkisar di sekitar perkara peribadinya. Beliau tidak dapat menerima perbuatan British memaksa raja-raja agar meminta dan kemudiannya menguatkuasakan nasihat

Penasihat British. Nasihat itu tidak boleh lagi dikatakan nasihat, jika yang memintanya mesti mematuhi.

Semasa Dato' Onn menyandang jawatan Menteri Besar, beliau tidak pernah menjadikan amalan meminta nasihat daripada Penasihat British mengenai setiap perkara yang ditadbirkannya, seperti yang dilakukan oleh semua Menteri Besar Johor terdahulu. Beliau sendiri membuat keputusan mengenai perkara yang dalam pentadbirannya dan beliau merujuk keputusan yang dibuatnya itu kepada Penasihat British hanya untuk pengetahuan pegawai itu sahaja.

Sebelum 1946, tidak ada Menteri Besar atau pegawai yang bertanggungjawab seperti itu dan berani membuat sebarang keputusan mengenai pentadbiran negeri tanpa terlebih dahulu menghubungi Penasihat British untuk mendapatkan "nasihat" dan persetujuannya. Memang telah menjadi amalan di Negeri Johor pada masa lalu bagi Menteri Besar menyampaikan Kertas Minit atau fail kepada G.A. (General Adviser) atau B.A. (British Adviser) untuk mendapatkan pengesahan:

B.A., May this be approved?

(Bolehkah ini diluluskan?).

G.A. atau B.A. kemudian memberikan fikiran dan ulasannya, dan keputusan itu diambil oleh Menteri Besar sebagai keputusannya sendiri. Kebanyakan minit-minit fail yang mundur mandir dari pejabat Menteri Besar ke pejabat G.A. atau B.A. bertanda Sulit atau Rahsia.

Dato' Onn menamatkan sejarah amalan pentadbiran kolonial seperti itu. Sebagai Menteri Besar, beliau tidak pernah memberi peluang kepada B.A. membuat keputusan mengenai sesuatu perkara yang dirujuk kepadanya, dan setelah sesuatu perkara itu diputuskan barulah sesuatu minit atau fail itu disampaikan kepada B.A. untuk pengetahuannya. Ini terbukti daripada minit dalam fail yang disampaikan dari pejabatnya ke pejabat B.A.:

B.A., this has been Approved. For your information only. Sd. Onn Ja'afar.

## Melayu atau Malayan

Oleh kerana dari mula lagi, keluarganya - dari generasi datuk hingga ke generasinya sendiri - telah terlibat secara langsung dan

aktif dalam politik beraja, maka tidak dapat tiada kedudukan dan keadaan sekitarnya banyak meninggalkan kesan ke atas kehidupan, semangat, perasaan dan pemikiran Dato' Onn sebagai orang Melayu; sebagai anak menteri; sebagai rakyat raja; sebagai ahli kebangsaan dan sebagai ahli politik dalam zaman demokrasi berparlimen.

Tidaklah dinafikan bahawa sebagai putera Melayu, beliau adalah daripada golongan atasan atau aristokrat, tetapi sepanjang hayatnya, ketinggian aristokrasi tidak dapat mengatasi sifat merendah diri, keinginan dan kebiasaan hidup pilihannya sendiri sebagai orang kebanyakan. Sebagai anak menteri, beliau mendapat sebaik-baik asuhan dan latihan sejak kecil hingga remaja dan akhirnya dewasa. Bapanya terkenal sebagai seorang Menteri Besar yang bijak dan seorang Muslim yang sangat kuat beribadat kepada Tuhannya. Sungguhpun demikian, berkat caranya beliau diasuh, Dato' Onn tidak pernah melihatkan sifat angkuh, sombong, bongkak atau berhidung tinggi terhadap manusia di sekelilingnya, sama ada yang lebih tua atau lebih muda daripadanya atau yang berpangkat lebih besar atau lebih rendah daripadanya. Sebagai seorang rakyat raja, beliau pernah berdiri teguh membela atau mempertahankan rajanya pada waktunya yang diperlukan dan bertindak membela rakyat jelata yang senasib dengannya ketika menahut panggilan atau seruan ibu pertiwi.

Sebagai ahli politik pada zaman demokrasi berparlimen, beliau menggunakan dengan bijak segala daya usaha dan kecerdasannya untuk menentang lawan dan mempengaruhi fikiran umum untuk menyokong sesuatu cadangan yang dikemukakannya sama ada di dalam Parlimen, rapat umum atau persidangan parti. Bolehlah dikatakan bahawa segala usaha utama yang datang daripada Dato' Onn mempunyai tujuan untuk memperbaiki pentadbiran negeri dan kehidupan rakyat jelata, terutama sekali bagi meninggikan darjah hidup kaumnya dan menjamin kebahagiaan dan kesentosaan semua orang.

Sebagai seorang anak Menteri, beliau telah dilahirkan dalam sebuah gedung batu yang besar, lengkap dengan empat menaranya dan terletak di atas bukit yang tinggi di ibu kota Negeri Johor. Besar dan indahnya bangunan yang menjadi tempat kediaman Menteri Besar Dato Ja'afar jauh mengatasi kebanyakan istana raja negeri-negeri Melayu yang lain pada zaman itu. Istana itu lengkap

dengan hamba sahaya serta pengasuh di sekeliling pinggang, Dato' Onn mendapat asuhan dan didikan yang tidak kurang, bahkan lebih daripada sesetengah anak raja pada zamannya.

Hidup beraja, bertaat setia kepada Mahkota, Istana dan Negeri atau Tanah Air menjadi salah satu sendi masyarakat Melayu turun temurun. Raja yang memerintah secara autokrasi hendaklah ditaati, dipatuhi dan disanjung tanpa soal atau sangsi. Pada tahun awal dalam kehidupannya Dato' Onn banyak terpengaruh dengan corak pemerintahan seperti itu, tetapi reaksinya terhadap autokrasi mula berubah menjelang dan selepas beliau dewasa, iaitu sesudah beliau menyedari dan menginsafi cara pemerintahan yang berjalan di Eropah dan Asia yang lain, lebih-lebih lagi tentang cara dan taraf hidup orang Melayu di tanah airnya sendiri, berbanding keadaan hidup bangsa lain di negeri yang sudah maju yang telah beliau sendiri saksikan sama ada di Barat atau Timur.

Semangat kewatanan seseorang Melayu pada zaman silam yang tidak berapa lama dahulu terbatas kepada sempadan negeri tempat tumpah darahnya sahaja. Rakyat setiap raja diharapkan sanggup berjuang untuk faedah raja dan negerinya sahaja. Kemungkinan seseorang Melayu memperjuangkan nasib seluruh bangsanya di luar batas negeri tumpah darahnya tidak wujud kerana tidak adanya keinsafan, persefahaman atau kerja sama antara satu raja dengan yang lain. Malah pernah berlaku peperangan yang sengit antara sesama raja itu sendiri.

Sengketa dan peperangan antara raja-raja Melayu pada masa lampau, kebanyakannya adalah akibat pengaruh, jika tidak ancaman, daripada hasutan atau gangguan kuasa asing, sama ada Barat ataupun Timur yang sentiasa mencari kesempatan bagi melagagakan orang Melayu Pahang dengan orang Melayu Johor, umpamanya. Semua ini adalah untuk faedah atau kepentingan luar atau asing. Memang sudah menjadi amalan biasa bagi kuasa asing menerusi egen tempatannya, menggalakkan malah membiayai orang Melayu sendiri supaya terus-menerus memperluaskan jurang perselisihan antara raja, negeri dan orang Melayu sesama sendiri. Pada zaman itulah terdapat banyak pahlawan Melayu bertempur sesama sendiri untuk mempertahankan kepentingan raja atau negeri masing-masing. Ramai yang gugur dalam pertempuran sesama sendiri akibat ancaman, hasutan dan pengkhianatan

yang dirancangkan oleh kuasa asing, yang berlumba-lumba mencari kedudukan di Semenanjung Tanah Melayu.

Dato' Onn tentu sekali merasa sesal dan berdukacita ketika menatap sejarah yang mengesahkan peristiwa yang berlaku di kalangan orang Melayu sejak Portugis bertapak di Melaka pada 1511. Mungkin dari awal lagi, beliau merasa bosan dengan adanya semangat kebangsaan yang terbatas kepada raja atau negeri masing-masing sahaja, kerana pada pendapatnya semangat kedaerahan itu boleh dan telah pun menjadi halangan yang besar ke arah perpaduan dan penyatuan umat Melayu untuk kepentingan bangsa dan nusa seluruhnya. Anasir anti kebangsaan tidak akan melepaskan peluang untuk memupuk semangat kedaerahan bagi mencegah raja dan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu daripada bergerak ke arah perpaduan di seluruh tanah air.

Dato' Onn telah menduga bahawa jika orang Melayu sanggup dan dapat bersatu padu tanpa berfahaman kedaerahan atau bersuku-sukuan, bangsa Melayu boleh menjadi kuat dan berupaya bangkit sebagai suatu bangsa yang besar. Keyakinan ini dilafazkan oleh Dato' Onn sendiri ketika beliau berucap dalam Kongres Kebangsaan Melayu se-Malaya yang pertama di Kuala Lumpur: "Marilah kita tunjukkan bahawa dengan persatuan di antara kita, kita berazam hendak menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat yang sebenarnya, sesuai di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu. Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita. . . ."

Dengan azam dan usaha untuk menyatupadukan seluruh umat Melayu, maka muncullah Dato' Onn di tengah-tengah krisis Malayan Union sebagai seorang nasionalis yang ulung di kalangan penduduk Tanah Melayu. Sungguhpun sebelum itu telah terdapat ramai tokoh politik kebangsaan Melayu, tetapi oleh kerana desakan hidup dan keadaan politik tempatan yang begitu rupa di bawah penjajahan British, maka belumlah lagi terdapat putera Melayu yang berjiwa kebangsaan atau merdeka secara terang-terangan.

Dengan runtuhnya tembok fahaman atau perasaan kedaerahan, dan ternyata adanya tanda umat Melayu mula bergerak ke arah perpaduan dan kesatuan, maka perasaan politik atau semangat kebangsaan mula berkembang. Kesedaran ini mengga-



lakkan usaha ahli politik Melayu dan menambahkan keberanian mereka melantangkan suara mempertahankan hak istimewa bangsa dan menuntut segala apa yang semestinya dimiliki atau kuasai oleh orang Melayu. Sekarang mereka telah berani berkempen mengkritik perjalanan pihak berkuasa penjajah tentang bentuk dan gaya Tanah Melayu ditadbirkan dari semasa ke semasa. Dari sehari ke sehari semakin ramai tokoh politik Melayu muncul dan semakin kuat dan nyaring suara mereka.

Tidaklah perlu disebut berulang kali bahawa dalam masa memperjuangkan kemerdekaan, setiap seorang Melayu, kecuali boneka penjajah, menjelma menjadi ahli kebangsaan, lelaki dan perempuan, tua dan muda. Punca perpecahan atau perselisihan antara sesama orang Melayu, ialah cara yang berlainan yang diikuti oleh masing-masing pertubuhan untuk mencapai matlamat yang satu, iaitu kemerdekaan. Tidak pernah pertubuhan Melayu bersengketa pada masa itu kerana mempunyai cita-cita pokok yang berlawanan, kecuali sebuah dua badan yang dipengaruhi oleh penjajah untuk menjadikan orang Melayu berpecah belah.

Tetapi setelah merdeka, politik kebangsaan tidak lagi menjadi dasar pokok perjuangan segelintir pejuang kebangsaan atau kemerdekaan. Mereka bertukar corak menjadi ahli politik kepartian, masing-masing dengan dasar dan rancangan yang bersendirian untuk mencapai kesempurnaan dalam hal ehwal pemerintahan dalam negeri sambil berikhtiar meningkatkan taraf hidup rakyat jelata. Dalam perjuangan atau pertarungan politik selepas tercapainya kemerdekaan, orang Melayu berpecah belah sekali lagi sama ada tentang perkara dasar atau cara melaksanakan dasar.

Dato' Onn pernah menelah bahawa masa hadapan orang Melayu akan gelap dan akan bertambah gelap jika tidak ada persefahaman dan perpaduan di kalangan mereka. Beliau bimbang perpecahan seperti itu akan melemahkan kedudukan orang Melayu, dan dengan lemahnya kedudukan ekonomi dan rendahnya darjah pelajaran mereka, umat Melayu akan mendapati sukar hendak memelihara kedudukan mereka sebagai Bumiputera, jika tidak ada dikanunkan dalam Perlembagaan Negara jaminan tertentu untuk memelihara kedudukan mereka. Jika ini tidak dapat dihasilkan dalam masa generasi sekarang, segala perjuangan dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh pejuang kemerdekaan akan menjadi sia-sia sahaja.

Sejak lenyapnya Malayan Union dan sejak Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan sebagai gantinya, banyak perubahan besar telah berlaku atau dilakukan di dalam dan luar negeri. Perubahan besar yang paling nyata adalah dalam bidang politik. Dato' Onn berjaya mengumpul seluruh kebangsaan Melayu ketika mengganyang Malayan Union atas dasar "Malaya untuk Melayu". Kalimah hikmat ini dapat mengalirkan tenaga yang begitu kuat dan pesat hingga dapat menundukkan gergasi penjajahan. Tetapi dalam masa yang singkat selepas itu, dasar perjuangannya berubah daripada "Malaya untuk Melayu" kepada "Malaya untuk Malayan."

Malangnya konsep "Malaya untuk Malayan" ditolak mentah-mentah oleh orang Melayu secara keseluruhannya, sungguhpun sebilangan besar orang Cina dan India memberi sokongan sepenuhnya kepada Dato' Onn. Tetapi orang bukan Melayu keberatan memberi sokongan moral dan material kepada Dato' Onn kerana sikap orang Melayu yang keras menentang dasar "Malaya untuk Malayan". Mereka sedari pada masa itu bahawa sesuatu pergerakan politik di Malaya mustahil akan mencapai sebarang kejayaan jika tidak disertai atau didukung oleh orang Melayu. Mereka juga menyedari bahawa sebarang langkah ke arah "me-Malayankan" Tanah Melayu akan mendapat tentangan habis-habisan daripada umat Melayu. Mereka juga menyedari bahawa melancarkan sesuatu pergerakan yang berlawanan dengan kepentingan orang Melayu pada masa itu boleh membangkitkan sengketa perkauman antara orang Melayu dengan golongan bukan Melayu. Ini tidak akan menguntungkan mana-mana pihak, sebaliknya akan merugikan penduduk Malaya pada keseluruhannya. Konfrontasi antara kaum Melayu dengan bukan Melayu yang berpunca daripada penubuhan IMP dengan konsepnya, "Malaya untuk Malayan" dapat dielakkan sejak awal lagi apabila pemimpin Cina dan India yang sebentar tadi bersungguh-sungguh menyokong Dato' Onn berpaling tadah dan menarik diri daripada menyokong IMP. Dengan itu, IMP lumpuh dan mati dengan sendiri-sendirnya kerana orang Melayu menentang konsep politiknya, "Malaya untuk Malayan." Mungkin juga pemimpin Cina dan India tidak menaruh keyakinan yang sepenuhnya terhadap dasar "Malaya untuk Malayan" yang dianjurkan oleh Dato' Onn kerana mereka menganggap bahawa Dato' Onn menggunakan dasar itu hanya

untuk menyatupadukan semua kaum bagi menentang dan menamatkan penjajahan di Tanah Melayu. Di sebalik itu, mereka bimbang kalau-kalau setelah kemerdekaan tercapai, nasib mereka pada masa hadapan tidak terjamin.

Setengah-setengah pemerhati politik tempatan berpendapat bahawa sebab yang paling besar mendorong orang Cina dari MCA menarik diri daripada IMP dan menghentikan segala bantuan moral dan meterial kepada Parti itu ialah Dato' Onn telah bertindak sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengharamkan Loteri MCA yang telah berjalan begitu lama.

MCA berjaya mendapatkan wang dengan banyak melalui loteri kebajikan yang diusahakannya. Daripada perolehan itu, parti itu dapat menyumbang berpuluh-puluh ambulan untuk kegunaan pemerintah pada masa darurat. MCA juga telah memberikan pertolongan yang tidak sedikit kepada orang cacat di kalangan kaum Cina.

Tetapi perjalanan loteri MCA itu tidak panjang seperti yang ada dalam rancangan penajanya kerana setelah sekian lama loteri itu berjalan, Kerajaan Persekutuan membatalkan lesennya apabila pertubuhan itu bertukar corak menjadi sebuah pertubuhan politik. Dato' Onn yang bertugas sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada awal tahun lima puluhan telah mengemukakan dalam Majlis Undangan Persekutuan satu rang undang-undang bagi mengharamkan semua jenis loteri yang diusahakan oleh pertubuhan politik dalam negeri. Diberitakan bahawa salah satu sebab terpenting yang mendorong beliau mengambil tindakan itu ialah tiket loteri MCA dijual di luar negeri dan kebanyakannya pula digunakan sebagai jaminan pertukaran luar dengan secara tidak rasmi, dan itu mengganggu urusan pertukaran wang luar dan merosakkan kedudukan kewangan dalam negeri.

Oleh kerana mengambil tindakan yang demikian demi kepentingan pertukaran luar negara, beberapa orang pemimpin dan saudagar Cina dari MCA yang menyokong Dato' Onn dalam IMP telah menarik diri, keluar daripada IMP dan berpatah balik menyokong MCA. Pemimpin MCA yang terkemuka pada masa itu ialah Tan Cheng Lock, Yong Shook Lin, Leong Yew Koh, H.S. Lee dan beberapa orang tokoh politik Cina yang masih berada dalam pucuk pimpinan pertubuhan itu pada hari ini. Sebuah lagi parti politik yang loterinya telah diharamkan ialah Persatuan Melayu

Semenanjung. Beberapa orang daripada pemimpinnya ditangkap dan dihukum kerana perbuatan menipu berhubung pengurusan loteri itu.

## Ikhtiar Merdeka

Dato' Onn lahir, besar dan berkecimpung dalam politik dengan cergas. Beliau hidup dan mati dalam politik. Kalah atau menang dalam pertarungan politik tidak pernah membuat beliau serik bergiat dalam politik. Politik menyerapi seluruh tubuh badannya dan menguasai jiwanya hingga ke akhir hayat. Beliau tetap berpolitik hingga ke akhir masanya. Hasratnya yang paling besar adalah ingin melihat bangsa Melayu bersatu padu sambung-menyambung, dan menyedari serta menginsafi kedudukan politik tanah air yang sebenarnya dengan mengkaji sejarah, meneliti apa yang sedang berlaku dan waspada serta berhati-hati terhadap apa yang akan berlaku kepada bangsa Melayu seluruhnya.

Setelah konsep Malaya untuk Malayan yang dilancarkannya itu gagal kerana ditentang oleh orang Melayu sendiri dan dikhianati pula oleh anasir bukan Melayu yang bermuka dua kepadanya, Dato' Onn kembali memperjuangkan konsep lamanya, iaitu Malaya untuk Melayu. Tetapi pada kali ini beliau kecewa untuk mendapat sokongan Melayu yang diharapkan, bukan kerana orang Melayu telah menolak dasar atau konsep Malaya untuk Melayu tetapi kerana mereka sudah kehilangan kepercayaan kepadanya. Satu-satunya sebab yang mendorong Dato' Onn kembali kepada konsep Malaya untuk Melayu ialah gerak geri UMNO yang secara praktik beransur-ansur menerima dasar Perikatan yang menuju dengan licin dan lancar ke arah perjuangan IMP - Malaya untuk Malayan. Dato' Onn membuat perhitungan yang silap kerana keadaan dan suasana politik telah banyak berubah dalam masa enam tahun - dari 1951 hingga 1957 - iaitu sejak beliau meninggalkan UMNO dan mendirikan IMP dan kemudiannya menubuhkan pula Parti Negara.

Dato' Onn menceburkan dirinya dalam politik dan berjaya mencapai kedudukan yang teragung dalam bidang politik tanah air, bukan kerana didorong oleh keinginan hendak jadi diktator atau menggunakan kekuasaan politik untuk mencari kekayaan bagi diri atau keluarganya seperti yang terbukti oleh sejarah dunia di

setengah-setengah negara Asia, Eropah atau Afrika. Beliau melibatkan dirinya dalam politik semata-mata untuk mengabdikan diri dan berkorban kerana bangsa dan tanah airnya, Tanah Melayu. Beliau berbuat demikian tanpa mengharapkan balasan atau sanjungan daripada bangsanya sendiri. Beliau dilahirkan dalam politik (semasa ayahnya menjadi Menteri Besar Johor) dan membesar dan dewasa dalam politik. Beliau berkecimpung, berjuang dan bertarung dalam politik, dan akhirnya menghembuskan nafasnya yang akhir dalam politik.

Dalam perjuangan politik, Dato' Onn menempuh angin, ribut, taufan dan puting beliung politik dalam masa melayarkan bahtera politiknya dalam lautan politik tanah air. Dalam masa hidupnya, beliau pernah menerima tuduhan bahawa beliau "berkehendakkan menjadi diktator dalam UMNO. . ." dan "menjalankan gerak langkah yang mencacatkan kepada faedah-faedah UMNO dan dengan sindiran itu mencacatlah juga kepada faedah penduduk-penduduk Melayu di negeri ini." Beliau menghadapi tuduhan itu dengan tenang dan sedar bahawa tuduh-menuduh ialah pakaian biasa bagi setiap ahli politik. Bagaimanapun, setiap tuduhan itu mestilah dijawab.

Dato' Onn menolak semua tuduhan yang telah dilemparkan kepadanya oleh seteru-seteru politiknya. Dalam persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada Ogos 1951, beliau memberikan jawapan yang tepat dan jelas: "Sekiranya wakil-wakil sekalian memerhatikan cara bawaan dan pekerjaan di dalam majlis ini, sekiranya wakil-wakil membaca dengan halusnyanya syarat-syarat yang terkandung di dalam Undang-undang Tubuh UMNO dan sekiranya wakil-wakil memandangkan kepada susunan UMNO itu sendiri, barang mustahil boleh didatangkan satu tuduhan seumpama itu (hendak jadi diktator) ke atas diri saya."

Mengenai tuduhan yang mengatakan beliau mengkhianati kepentingan UMNO atau Melayu - UMNO itu Melayu, Melayu itu UMNO - Dato' Onn menjawab: "Tetapi cuba kita semak baik-baik apa yang ada tersebut di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu, iaitu tujuannya ialah hendak mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Malaya ini . . . Cubalah lihat kepada tujuan yang ketiga di dalam Undang-undang Tubuh itu, iaitu memajukan faedah-faedah orang Melayu dan khasnya ahli-ahli UMNO dalam

hal yang berkenaan dengan perkara-perkara siasah dan kebijakan hidupnya serta kebudayaan dan iktisadnya . . .”

Tentang tuduhan yang menyifatkan dirinya sebagai orang yang ingin mencari faedah, kesenangan atau kebesaran, Dato' Onn memberi jawapannya seperti berikut:

“Saya menentang kepada raja sendiri kerana perbuatannya dan kerana itu saya telah diberhentikan dari jawatan kerajaan dan dibuang dari negeri Johor itu. Oleh kerana kemudian daripada itu saya membantah lagi kepada raja saya sendiri di atas kezalimannya membuat rakyatnya maka lagi sekali saya telah dihalaukan daripada jawatan kerajaan itu. Oleh kerana saya tidak dapat hendak menerima syarat-syarat yang didatangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ke atas saya menyekat pekerjaan dan perjalanan saya semasa menjadi yang Dipertua UMNO ini, maka saya telah meletakkan jawatan Menteri Besar itu. Adakah langkah yang semacam itu langkah seseorang yang semata-mata mengejar kepada kesenangannya atau semata-mata berkehendak mencari kebesaran dirinya?”

Daripada kata yang terbit daripada bibir mulutnya sendiri nyatalah Dato' Onn bukanlah seorang tokoh kebangsaan yang laparkan kesenangan atau kekayaan dan bukanlah beliau seorang yang gelojoh kepada pangkat atau kebesaran. Beliau hidup untuk memperjuangkan dasar, menentang kezaliman dan membela manusia yang kurang bernasib baik atau yang tertindas.

Segala tindakan atau langkah yang diambil atau dilakukan oleh Dato' Onn adalah untuk orang lain, bukan untuk dirinya sendiri, iaitu untuk bangsa dan masyarakat Melayu khususnya dan semua penduduk Tanah Melayu pada umumnya. Semuanya itu didorongkan oleh semangat kebangsaan yang tersedia ada padanya. Semangat kebangsaan itu biasanya tumbuh dengan subur di kalangan penduduk wilayah yang terjajah. Kuat dan lemahnya semangat atau fahaman itu berkadar dengan kuat atau lemahnya tekanan atau penindasan yang dilakukan oleh kuasa penjajah, dengan secara langsung atau tidak, ke atas penduduk wilayah yang dijajah. Begitu juga, segera atau lambat nya bangkit semangat kebangsaan itu bergantung kepada corak dan tempo kekerasan atau penindasan yang diamalkan oleh penjajah di kawasan yang dikuasainya.

Kebangkitan semangat atau fahaman kebangsaan di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu telah dipengaruhi oleh beberapa perkembangan yang berlaku di dalam dan di luar negeri pada tahun tiga puluhan. Perkembangan politik di negeri-negeri yang belum merdeka di Timur Tengah dan pergolakan politik di Indonesia dalam masa penjajahan Belanda telah menimbulkan perasaan baru di kalangan kaum intelek Melayu di Tanah Melayu, terutamanya di kalangan orang Melayu keturunan Arab, India dan Indonesia, dan juga orang Indonesia yang melarikan diri daripada kekejaman Belanda dan menetap di Malaya. Daripada kalangan orang Melayu sendiri, semangat kebangsaan mula-mula timbul di kalangan intelek yang mendapat didikan di luar negeri seperti di England dan Timur Tengah. Yang terdidik di Eropah pulang dengan membawa fahaman demokrasi Barat yang berkonsepkan bahawa agama dan politik tidak boleh dicampur aduk, sedangkan yang terpelajar di negara Islam di Timur Tengah terpengaruh dengan kuatnya oleh sistem demokrasi yang menurut lunas-lunas Islam.

Sungguhpun dua golongan intelek Melayu ini berbeza pendapat tentang agama dan politik, tetapi mereka semuanya mempunyai tujuan atau matlamat yang satu, iaitu mencapai kemerdekaan. Kebanyakan intelek Melayu yang terdidik di Barat atau mendapat didikan Barat di dalam negeri, memandang lebih baik rakyat dipimpin atau dilatih secara beransur-ansur ke arah berkerajaan sendiri dan kemudian merdeka terus supaya terjamin sepenuhnya perjalanan pentadbiran negara selepas mencapai kemerdekaan. Akan tetapi intelek Melayu yang terdidik di Timur Tengah atau yang mendapat didikan Arab atau Islam dari dalam negeri, tidak berapa gemar bersikap begitu, iaitu sabar menunggu belas kasihan penjajah untuk mendapatkan kemerdekaan. Mereka terpengaruh dengan pemberontakan yang berlaku di setengah-setengah wilayah yang penduduk tempatan telah berjaya merampas kuasa atau merdeka daripada kuasa penaung atau penjajah.

Dato' Onn, seperti juga pemimpin kebangsaan lain yang bijaksana, yakin bahawa sebaik-baik cara bagi Tanah Melayu mencapai kemerdekaan adalah dengan jalan bekerja sama dengan Great Britain. Tetapi dalam hal ini, beliau dikecam hebat oleh golongan intelek Melayu seperti yang dipimpin oleh beberapa orang ulama Islam, terutamanya tokoh politik yang muncul dari Gunung Semanggul. Tetapi yang mendukacitakan adanya kalangan

intelek Melayu yang terdidik secara Barat menentang Dato' Onn, bukannya untuk kepentingan politik tanah air tetapi kerana kepentingan politik peribadi. Mereka mengambil kesempatan menuduh Dato' Onn menjadi boneka penjajah dan dengan secara tidak langsung mereka menguatkan kedudukan penentang Dato' Onn daripada aliran yang berpendapat bahawa sebaik-baik kemerdekaan ialah kemerdekaan yang dirampas daripada tangan penjajah, bukan kemerdekaan yang dihadiahkan oleh penjajah. Dorongan yang paling mendesak bagi membangkitkan semangat kebangsaan Melayu ialah dasar Malayan Union.

Sebagai langkah pertama ke arah mendidik dan menyediakan rakyat untuk kemudian nanti memikul sendiri akan tanggungjawab pemerintahan atau kerajaan sendiri menurut sistem demokrasi berparlimen, Dato' Onn mencadangkan supaya pilihan raya diadakan peringkat demi peringkat, dari peringkat bandaran ke peringkat negeri dan ke peringkat kebangsaan akhirnya. Pilihan raya yang pertama diadakan di Malaya di peringkat bandaran berlangsung di Kuala Lumpur pada Februari 1952. Itulah pertama kalinya parti politik dalam negeri turut bertanding untuk berebut kerusi bagi membolehkan rakyat memilih mereka tanpa dipaksa atau diperas sebagai wakil rakyat dalam Majlis Perbandaran.

## Parti-parti Politik

Sebelum 1952, iaitu sebelum pilihan raya diadakan, pertubuhan politik di Malaya hanya bertindak sebagai badan pendesak atau golongan penggesa sahaja. Kegiatan badan tersebut pada masa itu hanya ditumpukan kepada usaha atau ikhtiar mempengaruhi pihak berkuasa atau pegawai kerajaan supaya melaksanakan sesuatu dasar atau mengambil sesuatu langkah bagi kepentingan parti tertentu, dan parti itu sentiasa mendakwa bahawa mereka memperjuangkan kepentingan rakyat. Tokoh politik yang berada di luar kerajaan atau yang memimpin parti politik tidak pernah menaruh fikiran atau perasaan bahawa mereka patut turut serta dalam urusan mentadbirkan negeri atau kerajaan.

Peluang untuk bersama-sama memikul tanggungjawab mentadbirkan negara terbuka luas kepada parti politik sejak 1952. Parti politik hendaklah bersedia bertanding satu dengan lain untuk memenangi kerusi dalam pilihan raya yang diadakan bagi



membolehkannya mengambil bahagian yang aktif dalam pemerintahan negara, dari peringkat kerajaan tempatan, meningkat kepada peringkat kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Oleh yang demikian sesetengah parti politik menyediakan manifesto yang difikirkan dapat mendatangkan sebanyak-banyak faedah kepada rakyat, sementara yang lain-lainnya pula menumpukan perhatian dan kegiatan semata-mata untuk memenangi kerusi yang ditandingi dengan membuat janji-janji yang tidak mungkin dapat ditunaikan atau dipenuhi dalam sesuatu perenggan masa yang tertentu.

Parti politik yang wujud sebelum 1952 ialah UMNO, MDU (Malayan Democratic Union), MNP (Malay Nationalist Party - Parti Kebangsaan Melayu), PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat), AMCJA (All-Malaya Council of Joint Action), MCA, MIC dan IMP. Selepas 1952, setelah berlaku perubahan besar dalam tempo dan cara politik berkepartian, muncul lagi pertubuhan baharu seperti PAS (Parti Islam se-Tanah Melayu), PPP (Parti Progresif Rakyat), Parti Rakyat, Parti Buruh dan lain-lain lagi.

Pertubuhan politik tersebut terbahagi kepada empat jenis: (a) perkauman Melayu seperti PAS dan PMS (Pergerakan Melayu Semenanjung). (b) perkauman bukan Melayu seperti PPP. (c) berideologi seperti Barisan Sosialis (Parti Rakyat dan Parti Buruh). (d) antara kaum seperti IMP, dan Perikatan UMNO-MCA-MIC. Maka dalam kempen pilihan raya, perkara yang dibangkitkan tentulah ada yang menyentuh hubungan dengan aspek-aspek perkauman dan ideologi, sedangkan yang lain-lain termasuk soal-soal yang bercorak kebangsaan yang dibicarakan oleh semua parti yang turut serta dalam pilihan raya.

Riwayat ringkas pertubuhan politik di Tanah Melayu adalah seperti berikut:

UMNO (United Malays' National Organization - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)

Seperti yang diketahui, bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga di kalangan masyarakat antarabangsa, UMNO ialah satu-satunya pertubuhan politik yang paling kuat yang ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak kepentingan dan kedaulatan bangsa Melayu. Tujuan utama ditubuhkan adalah untuk mengganyang dan menghapus Malayan Union. Satu lagi perkara yang mendesak dan mendorong orang Melayu bersatu padu ialah ketegangan yang

berlaku pada akhir pemerintahan Jepun. Ketika itu ramai orang Melayu menjadi mangsa keganasan komunis. Oleh kerana komunis atau pegganas itu kebanyakannya terdiri daripada orang Cina, maka secara automatik berlakulah perasaan permusuhan antara kaum Cina dengan kaum Melayu. Memang sukar bagi orang Melayu hendak memisahkan keganasan yang dilakukan oleh komunis Cina daripada kaum Cina pada keseluruhannya.

Orang Melayu bersatu padu di bawah bendera UMNO untuk menghadapi dua bahaya besar yang mengancam bangsa Melayu, ialah Malayan Union dan keganasan komunis. Mereka bangkit menentang Malayan Union dengan hati, semangat dan jiwa kebangsaan kerana mereka menganggap hak, kepentingan dan kedaulatan bangsa telah ternoda, tetapi semangat perkauman menjadi dorongan utama apabila mereka menghadapi musuh yang terdiri daripada pegganas komunis.

Sesudah Malayan Union lenyap, orang Melayu digalakkan mempercayai bahawa perjuangan kebangsaan mereka telah tamat dan mereka dipengaruhi pula supaya meyakini bahawa perpaduan mereka adalah perlu untuk kepentingan perkauman, iaitu menentang pegganas Cina yang telah sebanyak sedikit mendapat sokongan moral dan material daripada kaum Cina dari dalam dan luar negeri. Semangat perkauman ini dipupuk begitu hebat hingga orang Melayu lupakan kepentingan atau perjuangan kebangsaannya yang masih jauh lagi daripada matlamat yang pokok, iaitu kemerdekaan. Malah Dato' Onn sendiri terpengaruh dengan propaganda penjajah bahawa UMNO ialah pertubuhan perkauman, bukan kebangsaan. Kerana itulah beliau dan umat Melayu seluruhnya terhenti di tengah jalan dalam menuju ke arah kemerdekaan, sesudah tumbangnyanya Malayan Union.

British berjaya meyakinkan orang Melayu bahawa kemerdekaan Tanah Melayu tidak boleh dan tidak dapat diserahkan ke tangan satu kaum sahaja kerana penduduk Tanah Melayu terdiri daripada berbagai-bagai kaum - Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kemerdekaan tidak boleh diserahkan kepada satu-satu kaum sahaja tanpa penyertaan kaum lain untuk menjamin masa hadapan negara dan kaum itu sendiri. British meyakinkan orang Melayu bahawa kemerdekaan akan diserahkan kepada anak negeri apabila terdapat sesebuah pertubuhan politik yang benar-benar bercorak kebangsaan, tidak perkauman seperti UMNO.

Tidaklah diketahui mengapa UMNO tidak menuntut British mengakui UMNO sebagai sebuah parti kebangsaan yang teragung dalam negeri pada halnya sifat atau corak kebangsaan UMNO itu tidak dipersoalkan oleh British ketika Whitehall bersetuju menerima tuntutan orang Melayu menerusi UMNO supaya Malayan Union itu dihapuskan. Dato' Onn, secara tidak langsung, telah mengesahkan pengiktirafan British ke atas UMNO sebagai sebuah parti perkauman apabila beliau hendak "me-Malayankan" UMNO menerusi pembukaan pintu keahliannya kepada orang bukan Melayu.

Apa yang boleh dianggap sebagai suatu tragedi politik yang paling besar pernah menimpa sesuatu bangsa seperti Melayu ialah ketidaksanggupan orang Melayu terus-menerus mendesak British mengakui UMNO sebagai pertubuhan kebangsaan; dan keengganan mereka menerima cadangan Dato' Onn supaya orang bukan Melayu diterima menjadi ahli UMNO kerana dengan adanya dalam UMNO anggota bukan Melayu sebagai ahli, UMNO tidaklah boleh dikatakan atau disifatkan sebagai parti perkauman. Bahkan beliau sudah pun menyempurnakan syarat-syarat untuk sah diakui oleh British dan di kalangan masyarakat antarabangsa sebagai parti kebangsaan yang layak memperjuangkan dan mencapai kemerdekaan, sekiranya Dato' Onn berjaya meminda Undang-undang Tubuh UMNO bagi membolehkan orang bukan Melayu boleh menjadi ahlinya.

Sesudah Dato' Onn meninggalkan pertubuhan itu, UMNO menyedari kebijaksanaan langkahnya itu dan membuat beberapa perubahan besar pada dasarnya bagi membolehkan orang bukan Melayu menjadi ahli bersekutu dan UMNO bergabung dengan pertubuhan bukan Melayu yang lain untuk kepentingan negara seluruhnya. Pergabungan UMNO-MCA pada 1952 didorongkan oleh keinginan bekerja sama antara kedua-dua parti itu untuk menentang IMP dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Tetapi kini Perikatan ada mempunyai perlembagaannya yang menguasai perlembagaan setiap pertubuhan yang menjadi anggota Perikatan.

Pada hari ini, bolehlah dikatakan bahawa dasar "Malayan" yang pernah dianjurkan oleh Dato' Onn dan ditentang hebat oleh orang Melayu sendiri menjadi konsep perjuangan Perikatan yang telah berjaya memelihara harmoni antara kaum dan perpaduan dalam negeri. Dato' Onn menganjurkan konsep "Malaya untuk Malayan" terlalu awal, iaitu pada masa faham kebangsaan

terkongkong kejam oleh semangat perkauman Melayu dan dalam suasana politik yang penuh dengan percaturan dan perdalangan penjajah.

MCA (Malayan Chinese Association - Persatuan Cina Malaya)

MCA ditubuhkan pada 1949. Inspirasi menaja badan ini datang daripada Jawatankuasa Perhubungan Kaum dan Jawatankuasa itu sendiri ialah ciptaan British dengan tujuan hendak mencapai harmoni antara kaum di Malaya. Yang Dipertuanya yang pertama ialah Tan Cheng Lock, bapa Tun Tan Siew Sin. Semasa lahirnya, MCA ialah sebuah badan perkauman yang bercorak kebajikan.

Tujuan pertama MCA ditubuhkan adalah untuk membantu usaha mendapatkan kerja sama orang Cina dalam rancangan British memerangi penganas komunis dan menamatkan Darurat dengan seberapa segera. Tujuan yang kedua adalah untuk memberikan kesempatan kepada orang Cina di Malaya supaya mudah bersatu padu dan menguatkan kedudukan mereka sebagai satu kaum, dan dengan itu menguatkan tuntutan mereka mengenai perkara yang bersangkutan dengan perlembagaan negeri. British mengharapkan MCA dapat menolong pemerintah menarik orang Cina kepada menyokong kerajaan dan menentang keganasan komunis yang kian hari kian hebat. British bercadang menggunakan pertubuhan itu untuk memesongkan taat setia orang-orang Cina tempatan terhadap Parti Komunis Malaya kepada MCA, yang bererti kepada pemerintah juga. Mungkin juga British telah menggalakkan, bahkan menyokong penubuhan MCA itu sebagai alat yang boleh mencegah kebangkitan fahaman kebangsaan Melayu yang bercorak pelampau. Sangkaan ini bertambah tepat lagi apabila MCA menukar sifat dan sikapnya daripada bercorak kebajikan kepada politik.

Mula-mula sebagai badan kebajikan, dan kemudiannya sebagai pertubuhan politik, MCA telah memainkan peranan yang penting dalam rancangan menempatkan semula orang Cina yang bertani secara berselerak dan menduduki kawasan terpencil di seluruh Tanah Melayu. Dalam keadaan yang demikian, mereka sama ada dipaksa atau tidak, telah terlibat dalam kegiatan membantu penganas komunis yang sedang mengangkat senjata hendak merampas kuasa dan memerintah Tanah Melayu dengan kekerasan. MCA memberi sumbangan besar kepada kerajaan dalam

bentuk wang ringgit dan tenaga. Kampung baharu didirikan, dan MCA memainkan peranan besar dalam soal penempatan semula orang Cina dari kawasan yang terpencil. Salah satu tujuan rancangan penempatan semula itu adalah memberi kesempatan kepada orang Cina untuk memiliki tanah. Usaha penempatan semula berjaya dan lebih 500,000 orang Cina menikmati kemudahan hidup secara moden dalam Kampung Baharu yang ditubuhkan oleh kerajaan di seluruh negara.

MCA tidak mewakili suara Cina sekuat dan seluas UMNO mewakili suara Melayu. Dalam beberapa pilihan raya, nasib setengah-setengah calon MCA terletak bulat-bulat di tangan UMNO. Dalam pilihan raya kebangsaan yang lalu, beberapa orang calon MCA bertanding di kawasan yang pengundi Melayu berjumlah 70 peratus ke atas, tetapi mereka berjaya walaupun ditentang oleh calon PAS kerana pengaruh UMNO. Kepercayaan orang Cina kepada MCA merosot dalam pilihan raya 1969 apabila sebahagian besar calonnya kalah di kawasan yang bilangan pengundi Cina lebih ramai daripada pengundi bukan Cina.

Harapan MCA untuk berjaya dalam pilihan raya akan datang di kawasan yang penduduk atau pengundi Cina lebih ramai daripada bangsa lain, bergantung kepada berjaya atau tidaknya MCA mendapatkan kembali kepercayaan masyarakat Cina pada keseluruhannya kepada pertubuhan itu. Tidaklah bijak bagi MCA semata-mata meletakkan harapan kepada pengundi Melayu di kawasan yang dipengaruhi oleh UMNO sahaja.

#### MIC (Malayan Indian Congress)

Pertubuhan yang dianggotai oleh penduduk Malaya daripada keturunan India didirikan pada bulan Ogos 1946. Tujuan utamanya adalah menyuarakan fikiran kaum India tempatan mengenai kepentingan masyarakat India dalam semua lapangan hidup di Tanah Melayu. Tidak pun berapa lama kemudian, MIC melibatkan diri dalam kegiatan politik golongan kiri dengan menggabungkan dirinya dengan AMCJA. Pergabungan ini boleh dikatakan didorongi oleh keinginan "hendak berkawan" lebih daripada didorongi oleh dasar-dasar kekirian.

Setelah parti anggota AMCJA dibubarkan atau masuk "bawah tanah" dalam masa Darurat (1948-60), MIC tinggal tetap dengan keutuhannya. Parti itu mempunyai minat yang banyak terhadap

politik India dan sangat terpengaruh oleh perjuangan India mencapai kemerdekaan. Dari segi politik, MIC tidak dapat memberikan apa-apa bantuan kepada teman-temannya dalam Perikatan kerana parti itu tidak dapat mewakili seluruh masyarakat India dan juga kerana jumlah pengundi India tidak dapat mempengaruhi keputusan pilihan raya di sesebuah kawasan pada amnya. Boleh dikatakan MIC hanya berguna kepada Perikatan dari segi propaganda sahaja.

Sebagai sebuah parti politik, MIC ingin turut serta merebut kerusi dalam mana-mana pilihan raya, dan kerana tujuan inilah badan politik itu sanggup bekerja sama dengan mana-mana parti yang kuat di tanah air. Sesudah IMP ditubuhkan oleh Dato' Onn pada 1951, pemimpin MIC, seperti juga pemimpin MCA, memberikan sokongan sepenuhnya kepada IMP. MIC juga menawarkan diri untuk bergabung dengan Parti Negara sesudah IMP dibubarkan. Setelah berunding dengan panjang lebar dengan Dato' Onn, pemimpin MIC dinasihatkan supaya membubarkan parti itu dan semua ahlinya memasuki Parti Negara. Apabila mereka enggan berbuat demikian, Dato' Onn memberitahu MIC bahawa Parti Negara bukan perkauman seperti UMNO atau PAS atau MCA. Menurut Undang-undang Tubuhnyanya, semua rakyat Malaya daripada apa bangsa pun boleh menjadi ahli Parti Negara.

Oleh kerana tertolak daripada diterima bergabung dengan Parti Negara, MIC mendampingi UMNO dan diterima menjadi anggota Perikatan pada akhir tahun 1954.

Perikatan UMNO-MCA-MIC mengeluarkan manifesto pilihan raya yang menjanjikan akan memelihara hak-hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri masing-masing. Manifesto itu juga berjanji akan berusaha menyatukan rakyat yang berbilang kaum dan mewujudkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara.

PAS (Parti Islam se-Tanah Melayu)

PAS ditubuhkan pada 1951. Pada mulanya, hampir semua anggota dan pemimpinnya terdiri daripada ahli UMNO. Sebenarnya, PAS lahir daripada tulang rusuk UMNO sendiri. Parti itu adalah satu-satunya badan politik Melayu yang paling perkauman. Orang Melayu yang menyokong pertubuhan itu terdiri daripada mereka yang sangat bimbangankan kekuatan politik bukan Melayu yang kian

hari bertambah kuat dengan bertambahnya bilangan pengundi bukan Melayu. Orang Melayu lain yang menyokong PAS ialah mereka yang merasa tidak puas hati dengan perjalanan UMNO yang mereka anggap banyak menyeleweng daripada dasar perjuangan asal.

PAS berpendapat bahawa faham kebangsaan Melayu mempunyai peranan yang penting dalam negeri memandangkan kedudukan orang Melayu berbanding kaum lain, walaupun Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. PAS menyifatkan kemerdekaan yang dicapai itu sebagai kemenangan yang kosong bagi orang Melayu, dan PAS akan berjuang terus sehingga tertubuh semula Tanah Melayu sebagai negeri Melayu dan hukum Islam dijadikan hukum negara. PAS mendakwa bahawa agama dan politik tidak boleh dipisahkan dan menyangkal kuat pegangan setengah-setengah pemimpin UMNO bahawa agama dan politik tidak boleh dicampurkan. PAS menuduh UMNO menjalankan dasar "Malayan" (atau "Malaysian"), bukan "Melayu."

PAS berjaya mempengaruhi orang Melayu di Kelantan dan Terengganu supaya menerima dasar politiknya yang berasaskan ajaran dan hukum Islam. PAS menuntut supaya diadakan undang-undang yang lebih ketat mengenai soal kerakyatan; Islam dikanunkan sebagai agama rasmi negara; diadakan undang-undang imigresen yang lebih ketat terhadap orang bukan Melayu, jawatan Menteri Besar, menteri-menteri Persekutuan, gabenor dan ketua angkatan bersenjata hendaklah dipegang atau diberikan kepada orang Melayu sahaja; bahasa Melayu hendaklah dengan serta-merta dijadikan bahasa rasmi negara yang tunggal, dasar pelajaran hendaklah dibentuk demikian rupa hingga dapat melahirkan corak Melayu lebih daripada yang lainnya; rupa bangsa hendaklah disebut dengan nama "Melayu" tanpa mengira apakah keturunan atau agama seseorang warga negara Malaya atau Malaysia.

Dalam pilihan raya kebangsaan 1964, PAS menang lagi di Kelantan tetapi tewas di Terengganu. Sekali lagi PAS menang dalam pilihan raya 1969 di Kelantan, tetapi tewas dengan hitungan kecil sahaja di Terengganu.

IMP (Independence of Malaya Party - Parti Kemerdekaan Malaya)

Setelah gagal mempengaruhi UMNO membuka pintunya kepada penduduk Malaya yang bukan Melayu, Dato' Onn meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Agung UMNO dan meninggalkan pertubuhan itu untuk menubuhkan IMP pada 1951, IMP adalah seperti berikut:

1. Mencapai taraf berkerajaan sendiri dalam masa 10 tahun.
2. Mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan menjelang tahun 1953 dan pilihan raya kebangsaan menjelang tahun 1955.
3. Me-Malayankan Perkhidmatan Awam Tanah Melayu dan menggantikan Perkhidmatan Kolonial dengan Perkhidmatan Tanah Melayu.
4. Mengadakan pelajaran percuma dan wajib bagi semua anak-anak yang berumur antara enam hingga 12 tahun menjelang tahun 1955.
5. Mengadakan perkhidmatan sosial (kemasyarakatan) yang lebih baik, terutamanya di kawasan luar bandar.
6. Mengadakan bantuan kewangan dan menentukan harga terjamin bagi hasil tanaman dan pertanian.
7. Mendapatkan perolehan sepenuhnya bagi pekerja kerana usaha mereka.
8. Mengadakan pembaharuan terhadap sistem feodal di negeri-negeri Melayu.

Pemimpin MCA dan MIC tampil ke muka dengan memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Dato' Onn yang telah melancarkan IMP untuk semua kaum yang menjadi penghuni atau rakyat Malaya pada masa itu. Malangnya, dasar IMP itu ditolak mentah-mentah oleh orang Melayu kerana dasar mereka dalam UMNO pada ketika itu masih lagi "Malaya untuk Melayu".

Oleh kerana tidak mendapat sokongan daripada orang Melayu dan kerana itu pemimpin MCA dan MIC yang pada mulanya berpadu tenaga menyokong Dato' Onn menjayakan pelancaran IMP itu, tetapi parti itu tidak dapat bergerak dan berkembang lagi, lalu parti itu dibubarkan pada 1953.

Salah satu sebab kegagalan IMP ialah penajanya, Dato' Onn, pada masa itu dianggap oleh orang Melayu sebagai alat penjajah yang cuba menghalang mereka daripada berjuang terus bagi



mencapai kemerdekaan tanah air. Hubungan rapat antara pihak berkuasa British dengan Dato' Onn memberatkan lagi sangkaan bahawa beliau bergiat untuk kepentingan penjajah lebih daripada kepentingan bumiputera.

#### PPP (People's Progressive Party – Parti Progresif Rakyat)

PPP adalah sebuah parti politik perkauman yang paling ganjil pernah ditubuhkan di Malaysia. Sungguhpun parti ini tidak dipimpin oleh orang Cina, tetapi berjuang untuk kepentingan orang Cina dari sejak tertubuhnya, khasnya orang Cina yang diam di Ipoh, Perak. Nampaknya PPP ditubuhkan berikutan rasa tidak puas hati penduduk Cina di Perak terhadap dasar pelajaran pemerintah. Pengaruhnya terbatas kepada beberapa buah kawasan pilihan raya sahaja yang telah diperhitungkan sebagai saluran untuk memasukkan beberapa kerat daripada pemimpin tertinggi parti itu ke dalam Parlimen.

Dasar utama yang menjadi lunsas perjuangan PPP adalah seperti berikut:

1. Menuntut supaya bahasa Cina dan Tamil dijadikan bahasa rasmi di samping bahasa Melayu diakui sebagai bahasa kebangsaan.
2. Menuntut supaya diwujudkan undang-undang kerakyatan yang setaraf bagi setiap orang, berdasarkan pengalaman prinsip *jus soli*, iaitu memberi hak kerakyatan kepada setiap orang yang dilahirkan di Tanah Melayu.
3. Memberi keutamaan yang sama kepada semua rakyat Malaysia.
4. Menuntut supaya undang-undang imigresen dan pelajaran dipinda bagi membolehkan semua kaum mendapat layanan yang sama.

Segala apa yang dituntut oleh PPP adalah bertentangan sama sekali dengan apa yang diperjuangkan oleh PAS. Pertentangan dasar antara parti politik perkauman Melayu dan badan politik perkauman bukan Melayu dapat diukur berdasarkan apa yang diperjuangkan oleh PAS berbanding dengan apa yang diperjuangkan oleh PPP.

Selain menganut dasar yang bertentangan dengan kepentingan Bumiputera, PPP bergerak dalam lapangan politik tanah air

dengan cara yang negatif, iaitu mengharapkan sokongan daripada golongan yang tidak puas hati terhadap dasar yang dijalankan oleh pemerintah, dan bukan daripada hasrat berjuang untuk membaiki keadaan masyarakat dan kehidupan rakyat dengan mengemukakan rancangan yang positif lagi memuaskan.

### Parti Negara

Parti Negara ditubuhkan oleh Dato' Onn pada bulan Mac 1954, bagi menggantikan IMP yang telah dibubarkan setelah nyata bahawa parti itu lumpuh kerana tidak mendapat sokongan yang baik daripada orang Melayu mahupun orang bukan Melayu.

Tujuan Parti Negara adalah seperti berikut:

1. Mengadakan dan menjalankan dalam Parlimen dan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah parti politik.
2. Mendirikan Parti Negara menjadi Kerajaan yang memerintah Persekutuan Tanah Melayu dan setiap negeri di dalamnya, menurut cara demokrasi dan kehendak keadilan.
3. Menjadikan satu rupa bangsa yang dinamakan "Melayu" dan satu sahaja kerakyatan bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu.
4. Mendirikan Islam menjadi agama rasmi bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu manakala membebaskan agama lain dianuti di Persekutuan Tanah Melayu.
5. Menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan yang tunggal di Persekutuan Tanah Melayu.
6. Memajukan rakyat di segi siasah, sosial, dan ekonomi dan lebih khas lagi mereka yang mencari nafkah secara halal dengan tangan dan ikhtiarnya sendiri.

Sungguhpun tidak ada tersebut sebarang bab atau fasal mengenai Raja-raja Melayu dalam Undang-undang Tubuh Parti Negara, tetapi dalam manifesto pilihan rayanya pernah dicatatkan bahawa Parti Negara berkehendak memelihara taraf dan kedudukan Raja-raja Melayu yang sembilan dan mengekalkan kedaulatan mereka di negeri masing-masing. Sungguhpun begitu, Dato' Onn, bagi pihak dirinya sendiri, lebih suka kalau Tanah Melayu atau Malaysia mempunyai seorang raja yang tetap duduk di atas takhta hingga digantikan oleh bakal raja yang ditentukan menurut Perlembagaan Persekutuan. Beliau menganggap sistem yang

seperti ini lebih baik daripada sistem memilih Yang Dipertuan Agung setiap lima tahun sekali.

#### Socialist Front (Barisan Sosialis)

Sosialist Front atau S.F. ialah satu-satunya badan politik yang terdiri daripada dua buah parti (Parti Buruh dan Parti Rakyat) yang memperjuangkan ideologinya sendiri bagi kepentingan kaum buruh dan kaum tani. S.F. tidak mengharapkan sokongan daripada satu-satu kaum yang tertentu tetapi daripada semua kaum yang bekerja sebagai buruh atau petani. Oleh kerana Parti Rakyat terdiri hampir semuanya daripada orang Melayu dan kebanyakan anggota Parti Buruh ialah orang Cina, maka sukarlah hendak dielakkan sengketa dalam pertubuhan itu. Setiap kaum bertegang urat mengenai kepentingan masyarakat atau kaum masing-masing.

Socialist Front beroleh kejayaan yang besar apabila memenangi 14 daripada 15 kerusi dalam pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan di Pulau Pinang pada 1961. Perikatan berjaya mendapat hanya satu kerusi sahaja. Socialist Front berjaya mencapai kemajuan besar dalam pilihan raya kerajaan tempatan di Johor Bahru, Melaka, Sungai Petani dan Kuantan.

Socialist Front ialah sebuah parti pembangkang yang membantah cadangan yang terkandung dalam Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib dengan hebatnya. Parti itu menganggap dasar baru itu akan melenyapkan bahasa asing pada akhirnya. Socialist Front menyertai parti pembangkang lain seperti NCP (National Convention Party) yang dipimpin oleh Abdul Aziz Ishak, bebas Menteri Pelajaran dan kemudiannya Menteri Pertanian dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman), PAS, Parti Negara dan UDP bagi menentang Perjanjian Malaysia. Badan politik itu menyokong kuat dasar memberikan hak untuk menentukan sama ada hendak memasuki Malaysia atau berkerajaan sendiri.

Socialist Front menyokong langkah parti pembangkang lain yang menuntut supaya Parlimen dibubarkan dan diadakan pilihan raya baru untuk membincangkan soal penubuhan Malaysia.

#### MDU (Malayan Democratic Union)

MDU ialah sebuah parti politik yang bukan perkauman dan ditubuhkan pada Disember 1945. Dari mula lagi, MDU muncul sebagai sebuah badan politik untuk menentang kebangkitan

semangat kebangsaan Melayu yang dipelopori oleh UMNO. Pada bulan Disember 1946, MDU menyeru agar semua pertubuhan politik yang ada dalam negeri bersatu padu untuk menentang UMNO. Dorongan dan pimpinan bagi gabungan parti-parti itu diberikan oleh MDU. Antara parti yang berada dalam gabungan anjurannya ialah MNP (Malay Nationalist Party – yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin), Pan-Malayan Federation of Trade Unions (Gabungan Trade Union se-Malaya), Malayan Union Congress, Malayan Peoples' Anti-Japanese Army Old Comrades Association, Malayan New Democratic Youth, Angkatan Wanita Sedar dan Angkatan Pemuda Insaf. Gabungan itu memakai gelaran AMCJA (All-Malaya Council of Joint Action). Presidennya yang pertama ialah Tan Cheng Lock yang telah melancarkan hartal di seluruh negeri pada 20 Oktober 1947 kerana membantah persetujuan yang tercapai antara British, Raja-raja Melayu dan UMNO dengan menghapuskan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu.

MNP (Malay Nationalist Party – Parti Kebangsaan Melayu)

Sungguhpun MNP sebuah badan politik Melayu yang terkenal pada zamannya, tetapi tidaklah badan itu bersifat perkauman setebal UMNO. Tetapi MNP melebihi UMNO dari segi kecenderungannya untuk berjuang menurut luno-luno ideologi. MNP telah ditubuhkan pada November 1945 di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin. Punca pertikaian antara dua parti Melayu yang terbesar itu ialah keinginan yang satu pihak untuk melenyapkan pihak lain dalam persaingan merebut pemimpin masyarakat Melayu.

Antara perkara yang diperjuangkan oleh MNP adalah mendirikan sebuah masyarakat yang adil, mengurangkan cukai, membantu petani, membaiki keadaan buruh dan hak menentukan nasib sendiri.

Oleh kerana pada masa itu, taat setia orang Melayu lebih tertumpu kepada kebangsaan, adat resam, agama, raja, dan tanah air daripada sesuatu ideologi politik, MNP ditewaskan oleh UMNO dengan mudahnya dalam persaingan merebut sokongan Melayu dalam arena politik. Orang Melayu sangsi terhadap anasir atau pertubuhan yang menggabungkan diri dengan pertubuhan bukan Melayu.

Presiden MNP yang pertama ialah Dr. Burhanuddin yang kemudiannya menjadi Penasihat Am kepada pertubuhan itu dan tempatnya digantikan oleh Ishak Haji Muhammad. MNP dibubar sebelum sempat diharamkan oleh pihak yang berkuasa selepas Darurat diisytiharkan di seluruh Malaya pada 1948.

MNP dilahirkan untuk meneruskan perjuangan KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) yang berusaha untuk mencapai kemerdekaan bagi Malaya melalui gabungan dengan Indonesia. Tujuan ini gagal dicapai disebabkan kelemahan pucuk pimpinan yang tidak dapat menyatupadukan umat Melayu semasa Jepun menyerah kalah.

MNP dan API berjaya menubuhkan Majlis Melayu yang kemudiannya pada Februari 1947 bergabung dengan AMCJA dengan memakai nama PUTERA-AMCJA. PUTERA menuntut supaya Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara, hal ehwal luar dan pertahanan negeri hendaklah menjadi tanggungjawab bersama antara Kerajaan British dan Kerajaan Malaya, dan "Melayu" dijadikan nama rupa bangsa rakyat Malaya. Oleh kerana tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada pihak berkuasa, PUTERA-AMCJA menuntut supaya dibubarkan Majlis Undangan yang ada dan digantikan dengan sebuah Majlis Undangan yang terdiri daripada wakil yang dipilih oleh rakyat untuk membincangkan cadangan perlembagaan yang baharu bagi Malaya.

AMCJA (All-Malaya Council of Joint Action)

AMCJA terdiri daripada parti politik perkauman dan bukan perkauman seperti MNP dan MDU. Badan itu ditubuhkan pada 1946 dengan Tan Cheng Lock sebagai presiden dan John Eber, seorang peguam Nasrani dari Singapura, sebagai Setiausaha.

MNP turut bergabung dengan AMCJA setelah tuntutan diterima untuk menjadi sebahagian daripada dasar perjuangan pertubuhan itu. Syarat yang dikemukakan olehnya sebelum bergabung ialah:

1. Raja-raja Melayu hendaklah mempunyai taraf berdaulat sepenuhnya sebagai raja berperlembagaan, dan menerima nasihat bukannya daripada Penasihat British tetapi daripada rakyat melalui majlis mesyuarat yang bercorak demokrasi.

2. Segala perkara mengenai agama Islam dan adat resam orang Melayu hendaklah dikuasai oleh orang Melayu sepenuhnya.
3. Perhatian istimewa hendaklah diberikan kepada usaha untuk kemajuan dan pembangunan orang Melayu.

Anggota AMCJA yang lain ialah MIC (Malayan Indian Congress yang menjadi anggota Perikatan UMNO-MCA-MIC pada masa ini), Malayan People's Anti-Japanese Ex-Service Comrades' Association dan Pan-Malayan Federation of Trade Unions.

Dasar perjuangan AMCJA yang tiga lagi, selain yang tersebut di atas adalah:

1. Menubuhkan sebuah negara Malaya bersatu, termasuk Singapura.
2. Menubuhkan kerajaan sendiri yang bertanggungjawab menerusi sebuah dewan undangan pusat yang terdiri daripada semua anggota yang dipilih oleh rakyat dari seluruh Malaya.
3. Memberikan hak kerakyatan yang sama bagi semua orang yang menjadikan Malaya tempat tinggalnya yang tetap dan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepadanya.

#### PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat)

Oleh kerana merasa diri mereka tertindas dalam gabungan parti Melayu dan bukan-Melayu, dengan dasar dan fahaman, malah ideologi, yang berlainan, maka MNP dan API menarik diri daripada AMCJA dan kemudiannya berusaha mendirikan sebuah barisan Melayu yang dinamakan Majlis Tindakan Bersama Melayu (Malay Council of Joint Action-AMCJA). Daripada usaha inilah tertubuhnya PUTERA yang terdiri daripada MNP, API, Angkatan Wanita Sedar dan beberapa buah lagi pertubuhan Melayu yang kecil.

Dengan tertubuhnya PUTERA, pendirian orang Melayu yang di luar UMNO bertambah kuat. Untuk menentang UMNO secara berkesan, tenaga Melayu seperti yang terdapat pada PUTERA sangat perlu bagi sebuah badan politik seperti AMCJA. Tetapi PUTERA yang juga anti-UMNO tidak akan memasuki semula AMCJA melainkan AMCJA dapat menerima beberapa tuntutan. Syarat baru yang dikemukakan oleh PUTERA untuk ditimbang oleh AMCJA sebelum menerimanya menjadi anggota adalah seperti berikut.

1. Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa rasmi Malaya.
2. Bendera kebangsaan Malaya hendaklah mengandungi warna kebangsaan, iaitu merah dan putih.
3. Perkataan "Melayu" hendaklah dijadikan nama rupa bangsa Malaya.

#### PUTERA-AMCJA

AMCJA telah menerima tuntutan tambahan PUTERA dan sekarang kedua-dua badan itu bergabung lalu bertindak atas nama PUTERA-AMCJA. Parti ini mengemukakan cadangan baru kepada Kerajaan British untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaya. Cadangan itu dibuat setelah anasir Cina dan Melayu dalam parti itu bertolak ansur untuk kebaikan Tanah Melayu pada masa hadapan. Dalam soal kerakyatan, parti itu mencadangkan janganlah hendaknya ada perbezaan antara Melayu dengan bukan Melayu, semua rakyat hendaklah mendapat hak asasi dan peluang yang sama dalam lapangan politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan tanpa mengira bangsa keturunan, agama, warna kulit, lelaki atau perempuan.

Perkara lain yang terkandung dalam "Perlembagaan Rakyat Malaya," ialah sekurang-kurangnya hendaklah ada 55 peratus wakil Melayu dalam Dewan Undangan yang dipilih, selama sembilan tahun dari tarikh pilihan raya diadakan. Jika jumlah calon Melayu yang berjaya itu tidak mencapai 55 peratus, maka calon Melayu yang kalah, tetapi mendapat undi yang terbanyak boleh diterima menjadi ahli Dewan untuk mencukupkan angka minimum 55 peratus. Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa rasmi dan "Melayu" ialah nama rupa bangsa Malaya.

Bagaimanapun, orang Melayu tidak tertarik dengan tawaran perlembagaan yang dibuat oleh PUTERA-AMCJA itu dan mereka masih mahukan perjuangan itu ditumpukan kepada kepentingan Melayu sahaja. Mungkin sekali orang Melayu yang memberi sokongan besar kepada UMNO mengesyaki bahawa anasir komunis ada campur tangan dalam PUTERA-AMCJA.

Parti pembangkang yang wujud atas hasrat hendak membangkang semata-mata, atau yang bergiat untuk mencari kesalahan pihak berkuasa sahaja, tidak akan dapat memenangi kepercayaan rakyat dan akan berakhir hayatnya sebaik sahaja rakyat bosan

dengan tindak tanduknya yang membangkang hanya untuk tujuan membangkang tanpa memikirkan faedahnya kepada rakyat.

## Malayan Syarat Merdeka

Orang Melayu menolak IMP bukan kerana Dato' Onn tetapi kerana dasarnya. IMP memperjuangkan kepentingan semua orang yang menjadi rakyat Malaya dan bertujuan menukarkan segala kehidupan politik daripada bercorak Melayu kepada Malayan. Orang Melayu tidak mahu di-Malayankan. Pada masa itu, mereka melihat dengan mata kepala sendiri bagaimana orang bukan Melayu hanya berpeluk tubuh saja memerhatikan orang Melayu bermati-matian mengganyang Malayan Union, dengan tidak memberikan sebarang pertolongan kepada mereka. Sebaliknya, orang bukan Melayu berusaha pula dengan gigihnya untuk mempertahankan Malayan Union dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada penjajah. Oleh itu, tidak mungkin Dato' Onn berjaya menarik orang Melayu menyokong IMP.

British berjanji akan memberi kemerdekaan kepada Malaya apabila sudah ada parti politik yang benar-benar bersifat kebangsaan. Pada pandangannya, UMNO bukanlah sebuah pertubuhan kebangsaan tetapi sebuah parti politik Melayu. Parti kebangsaan yang dimaksudkan ialah parti yang anggotanya terdiri daripada semua bangsa atau parti yang didokong oleh semua bangsa yang menjadi penduduk atau rakyat Malaya. Dato' Onn mengharapkan bahawa dengan tertubuhnya IMP yang dianggotai oleh orang Melayu, Cina dan India beliau sudah dapat memenuhi syarat British itu. Beliau juga tidak mengharapkan sokongan sepenuhnya daripada orang Melayu tetapi dengan adanya sokongan sepenuhnya daripada orang Cina dan India beliau yakin akan berjaya mengatasi parti lawan, terutamanya UMNO. Lebih-lebih lagi, beliau yakin British akan memberikan apa juga bantuan yang diperlukan untuk mencapai tujuan politiknya menerusi IMP. Tetapi tidak pula terfikir olehnya bahawa dengan adanya sokongan yang kuat daripada British, akan bertambah lemah pengaruhnya di kalangan rakyat jika rakyat dapat dipengaruhi untuk mempercayai bahawa beliau ialah boneka penjajah. Tambahan pula, semasa mengetuai IMP, beliau sedang memegang jawatan menteri dalam kabinet penjajah.



Tidaklah dapat dinafikan bahawa dasar IMP, amat sesuai diamalkan dalam sebuah negeri yang mempunyai penduduk berbilang bangsa seperti Malaya. Dasar "Malayannya" ditolak oleh orang Melayu pada masa itu kerana pada ketika itulah 84 peratus tenaga politik dalam negeri terletak di tangan orang Melayu, sungguhpun bilangan penduduk Melayu berjumlah kurang 50 peratus daripada jumlah penduduk Malaya seluruhnya.

Setelah nyata bahawa IMP tidak berjaya menarik orang Melayu untuk menyokongnya dengan sepenuhnya seperti yang diharap-harapkan, dan orang bukan Melayu dari MCA, MIC dan orang perseorangan lain telah mengubah haluan atas sebab yang diketahui dan juga yang tidak diketahui, maka IMP tidaklah dapat bergerak lagi segiat yang dirancangkan. IMP bukan sahaja tidak dapat menjelma sebagai lawan UMNO yang seimbang, tetapi juga tidak berjaya menjadi induk perjuangan politik bagi kaum bukan Melayu walaupun konsep perjuangannya ialah "Malaya untuk Malayan." Konsep ini ditentang hebat oleh Tunku Abdul Rahman Putera. Orang Melayu menyokongnya dengan sepenuhnya dan mengutuk konsep perjuangan IMP. Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, selaku Yang Dipertua Agung UMNO pernah berkata, "... Tetapi kita mestilah ingat! Sekiranya kita hendak timbang menimbang di atas perasaan hawa nafsu bangsa-bangsa asing, apakah yang akan jadi kepada bangsa Melayu kita, dan apakah maknanya yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu? Ini negeri hak Melayu dan berilah kelebihan kepada Melayu . . ." Beliau terus menyelar konsep itu dengan berkata, "Berkenaan dengan adanya cadangan orang-orang kita, iaitu patut kemerdekaan diserahkan kepada "Malayan," maka siapakah 'Malayan' itu? Negeri ini diterima daripada Melayu, maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu. Yang dikatakan "Malayan" itu belum ada lagi ditentukan siapa mereka itu. Oleh itu biarlah Melayu sendiri menentukan siapa 'Malayan' itu."

Pada 27 Julai 1953, Dato Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak, telah menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Persidangan Kebangsaan Malaya (Malayan National Conference) yang mendapat sokongan daripada semua Menteri Besar, dengan tujuan hendak meneruskan perjuangan IMP dengan bentuk dan gaya baru, tetapi dasarnya, dasar lama juga. MNC (Malayan

National Conference) gagal juga mendapat sokongan Melayu dan oleh kerana itu parti itu dilenyapkan begitu sahaja. Tetapi dari kuburnya menjelma Parti Negara dengan nada perjuangan baru dan berlainan bunyinya daripada suara IMP.

Sungguhpun tujuan dan dasar Parti Negara tidak bercorak perkauman tetapi cara parti itu memberi penerangan dan berkempen jelas menunjukkan Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn itu berazam kembali untuk mempertahankan atau memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Tetapi malangnya perubahan sikap dan corak perjuangan baru yang diperlihatkan oleh Dato' Onn menerusi Parti Negaranya itu tidak mempunyai daya penarik lagi seperti semasa beliau memimpin UMNO dahulu. Kalau dahulu, Dato' Onn menubuhkan IMP untuk mencari sokongan orang bukan Melayu untuk mencapai kemerdekaan menurut syarat British. Sekarang beliau menubuhkan pula Parti Negara untuk mencari sokongan orang Melayu, bukan lagi untuk mencapai kemerdekaan dan hak kebangsaan Melayu supaya keselamatannya terjamin dan nasib bangsa Melayu pada masa hadapan tidak akan mengikuti padah seperti kaum asli di Amerika, Australia dan New Zealand.

Dato' Onn dipuji dan diberi sanjungan setinggi-tingginya oleh Raja-raja dan umat Melayu seluruhnya sebagai pemimpin teragung UMNO yang telah berjaya menumpaskan Malayan Union. UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO, katanya. Malaya untuk Melayu. Kalau dia meninggal, kapankan dia dengan Bendera UMNO, demikian Dato' Onn pernah berpesan. Kerana peranannya dalam menubuhkan dan memimpin UMNO, orang bukan Melayu bimbang, curiga dan takut kepada Dato' Onn dan kepada orang Melayu seluruhnya.

Tetapi politik bukanlah tempat membuat janji dan bukannya tempat berpesan. Manusia ialah haiwan politik, kata Aristotle. Tidak ada judi sehebat politik, kata Benjamin Disraeli. Semua parti politik mati pada akhirnya kerana menelan bohongnya sendiri, kata John Arbuthnot. Politik juga tidak ada kesudahan, Disraeli berpendapat, dan manusia tidak dapat menjadikan politik kerjaya jika bersifat jujur terus-menerus, Louis Howe.

Setelah beliau menyedari sikap orang bukan Melayu terhadapnya sebagai pemimpin UMNO dan setelah beliau yakin bahawa UMNO tidak akan dapat memberikan tenaga politik yang diperlukan untuk mencapai kemerdekaan, beliau mengambil keputusan

menarik diri daripada UMNO dan menubuhkan IMP untuk mendapatkan tenaga politik yang diperlukannya daripada orang bukan Melayu di Malaya. Tetapi malangnya, atas sebab yang di luar dugaannya sendiri sokongan yang diharapkan itu tidak menjelang datang. Orang Cina dan India yang "dikejanya" itu tidak diperolehnya. Orang Melayu yang dikendongnya telah berciciran. Sementara beliau dipuji dan disanjung oleh hanya segelintir orang Cina dan India dalam IMP, seluruh bangsa Melayu menyelarnya kerana mencipta konsep "Malaya untuk Malayan."

Tetapi Dato' Onn masih tidak putus asa sebagai ahli politik. Politik tidak ada tepi atau perenggan penyudah. Politik berkembang dan berjalan terus mengikut putaran masa dan menentukan warna dan ragam pergolakan atau perkembangan yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat, bangsa atau negara.

Pengalaman yang pahit seperti yang dirasakan oleh Dato' Onn dalam pertarungan politik, sudah tentu akan melemahkan semangat manusia biasa, tetapi Dato' Onn bukan manusia biasa dari segi politik. Segala apa yang diperlukan untuk berpolitik memang ada padanya, bahkan lebih lengkap dan cekap daripada yang ada pada kebanyakan orang. Kegagalan demi kegagalan yang datang menimpanya sepanjang masa beliau berkecimpung dalam arena politik adalah kerana salah masa atau beliau bertindak tidak sesuai pada masanya. Beliau meninggalkan UMNO bukan pada masanya; beliau menubuhkan IMP terlalu awal dari ketikanya; dan beliau meneruskan perjuangan dalam Parti Negara sudah terlewat masanya.

### Curiga Pemark Semangat

Setelah Malayan Union dirombak, dan Raja-raja serta pembesar Melayu pulih kembali dengan "ke-Rajaan," kedaulatan dan kebesaran masing-masing, didih dan gelegak semangat perjuangan Melayu mula beransur dingin. UMNO sendiri beransur lemah, kerana orang Melayu mula berpecah belah, setengah-setengahnya memasuki pertubuhan politik yang lain dan setengah-setengahnya bosan dengan politik dan menarik diri daripada UMNO. Mereka menyangka tidak ada lagi yang perlu diperjuangkan setelah mereka berjaya menghapuskan Malayan Union. Mereka merasa cukup

puas hati dengan kejayaan itu sedangkan perjuangan yang lebih besar – perjuangan merebut kemerdekaan – telah diabaikan.

Dengan munculnya MCA sebagai parti politik yang paling berpengaruh di kalangan orang Cina, orang Melayu merasa tidak berapa senang hati kerana MCA mungkin dapat digunakan oleh pejuang politik Cina dengan bantuan penjajah untuk menuntut hak politik bagi orang Cina di Malaya. Perasaan bimbang dan curiga terhadap apa yang mungkin diperjuangkan oleh orang bukan Melayu memuncak setinggi-tingginya apabila IMP ditubuhkan oleh Dato' Onn dengan tujuan hendak memberikan layanan sama rata kepada semua penduduk Tanah Melayu, sama ada mereka itu Melayu atau bukan Melayu. Rasa bimbang dan takut terhadap pergerakan baru Dato' Onn itu membangunkan ahli UMNO daripada terlena dan sekarang mereka mula menyingsing lengan semula untuk mempertahankan hak ketuanan mereka di tanah air sendiri. Sekarang mereka sedar dan terasa rupa-rupanya ada lagi malapetaka terpendam dan tersembunyi yang baru muncul dengan taring dan kuku yang tersembunyi dalam bentuk MCA dan IMP. Ancaman daripada bahaya ini lebih besar dan lebih parah daripada Malayan Union jika tidak ditentang dan dihapuskan dari awal-awal lagi.

Perasaan bimbang dan takut itu melahirkan suasana kecemasan di kalangan orang Melayu, khasnya orang Melayu yang di dalam UMNO. Setelah terhempas pulas menumbangkan Malayan Union, tidaklah patut hasil keringat mereka itu dibiarkan menjadi habuan orang lain. Mereka sedar bahawa menyerahkan masa hadapannya bulat-bulat ke tangan petualang adalah suatu kesilapan besar; mereka sendirilah yang patut menentukan nasib bangsa dan nusa masa akan datang. Sekarang mereka mestilah berjuang sendiri untuk mempertahankan hak mutlak bangsa.

Orang Melayu yang sebentar tadi berbalah-balahan sesama sendiri, berpecah belah dan berpuak-puak dalam kegiatan mencari faedah diri dalam lapangan masing-masing, sekarang mula pulang ke induk dan bergiat kembali dengan gigih "mengremajakan" UMNO, supaya pulih bertenaga sebagai alat pembela dan pejuang bangsa untuk menghadapi pergolakan politik yang mendesak di tanah air.

Semangat kebangsaan adalah satu-satunya faktor yang paling besar pengaruhnya dalam usaha menyatupadukan orang Melayu. Kebimbangan orang bukan Melayu terhadap perkembangan itu

telah dinyatakan oleh Ratnam dalam bukunya, *Communalism and The Political Process In Malaya*. Katanya, "Mungkin perkembangan yang paling membimbangkan selepas Merdeka ialah kebangkitan semangat kebangsaan Melayu." Perasaan atau sangkaan seperti itu memang benar kerana dunia sendiri telah menyaksikan pada 1946 bagaimana kebangkitan semangat kebangsaan Melayu di kalangan rakyat Malaya telah mengakibatkan tumbanganya Malayan Union – projek penjajah untuk meneruskan penjajahan dengan cara yang baru. British mengambil masa 40 purnama menaja dan menjiwai Malayan Union, tetapi bangsa Melayu telah berjaya menghapuskannya dalam masa empat hari sahaja.

Kebangkitan semula UMNO telah mengkagumkan golongan bukan Melayu dalam negeri, terutamanya masyarakat Cina. Kebangkitan ini sebaliknya menjadi pendorong bagi menarik orang Melayu ke arah perpaduan. Kalau dahulunya UMNO yang didokong sepenuhnya oleh orang Melayu dapat menundukkan gergasi kolonial yang cuba merampas Tanah Melayu dan menjadikannya sebuah jajahan takluk, kini tidak ada lagi rintangan politik yang tidak dapat diatasi jika orang Melayu balik bersatu padu di bawah UMNO seperti dahulu.

Pemulihan tenaga UMNO melemahkan semangat anasir Melayu yang menjadi anggota pertubuhan politik lain, terutamanya mereka yang dalam parti berfahaman kiri. Sebilangan besar mereka seolah-olah merasa sesal kerana meninggalkan UMNO atau enggan turut serta menyokong pertubuhan itu.

Dato' Onn mungkin menjadi orang yang pertama merasa girang gembira melihat kebangkitan UMNO yang telah kelihatan bergerak dengan pesatnya ke arah memperkuat kedudukan orang Melayu dalam pergolakan politik di tanah airnya sendiri. Beliau mungkin mengucapkan kesyukuran dalam hatinya sendiri dan berpuas hati kerana dia dan rancangan IMP-nya maka orang Melayu berpatah balik memberikan sokongan yang kuat semula kepada UMNO. Kuat UMNO bererti kuat orang Melayu dan bangsa Melayu yang kuat dan pasti akan dihormati dan disegani. Itulah sebenarnya cita-cita dan hasrat Dato' Onn dari mulanya.

Bagaimana besar harapan dan cinta Dato' Onn terhadap perpaduan orang Melayu dapat diukur daripada apa yang telah ditegaskannya dalam Kongres Melayu se-Tanah Melayu yang dilangsungkan pada Mac 1946:

Nasib bangsa Melayu kita hanyalah akan dapat diperkekalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga . . . Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita dan marilah kita bekerjasama dan menyamakan perusahaan kita bagi melayakkan diri kita menjadi satu bangsa yang besar . . . Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dulu dan berusahalah sebagaimana belum pernah kita berusaha. Dengan bersatu itu sahaja akan dapat kita menghadap masa yang akan datang dengan harapan akan jaya cita-cita kita itu . . .

Tindakan Dato' Onn meninggalkan UMNO dan kemudiannya menubuhkan IMP dianggap oleh setengah-setengah sahabat karibnya sebagai langkah yang memang disengajai olehnya supaya wujud suasana yang orang Melayu merasa bimbang dan cemas terhadap hak asasi mereka. Kebimbangan dan kecemasan yang seperti itu sahajalah dapat menjadi orang Melayu lupakan akan sengketa peribadi sesama sendiri dan mula berperasaan perkauman dengan keinginan hendak bersatu padu supaya terjamin kedudukan mereka seperti yang berlaku sesudah Malayan Union diisytiharkan dahulu.

Jika dakwaan ini benar dan teori ini dapat diterima oleh masyarakat Melayu sekarang, maka tindakan politik seperti yang diambil oleh Dato' Onn ketika dan sesudah beliau meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Agong UMNO adalah satu taktik yang paling bijak untuk kepentingan bangsa Melayu. Yang demikian, ini adalah satu sumbangan, malah satu jasa dan bakti yang besar telah beliau berikan dengan secara tidak langsung kepada bangsa Melayu, dengan mengorbankan kepentingan diri dan politiknya sendiri. Itulah juga sumbangan besar Dato' Onn kepada UMNO setelah keluar daripada UMNO yang tidak kurang besar dan pentingnya daripada apa yang diusahakannya sebagai pemimpin teragung UMNO semasa meruntuhkan Malayan Union.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa British memainkan peranan yang cergas dan berkesan dalam usaha menghindar orang Melayu daripada menurut Dato' Onn meninggalkan UMNO dan menubuhkan IMP. Tidak dinafikan juga bahawa British juga mempengaruhi pemimpin Cina dan India daripada MCA dan MIC supaya menarik diri daripada IMP setelah masing-masing berikrar di hadapan khalayak ramai untuk menyokong Dato' Onn mencapai cita-cita yang diperjuangkan oleh IMP, iaitu mencapai kemerdekaan. British menggalakkan Dato' Onn menubuhkan IMP, British juga tidak suka

melihat semua kaum dan bangsa di Malaya memberikan sokongan terhadap perjuangan IMP. Taktik itu memang biasa digunakan oleh penjajah di mana-mana pun untuk "memandulkan" mana-mana pemimpin politik tanah jajahan yang berkeupayaan menyatupadukan rakyat untuk merebut kemerdekaan.

## Balik ke Pangkal

Setelah menyedari bagaimana beliau "diakalkan" oleh British dan diperdayakan oleh pemimpin bukan Melayu semasa menubuhkan IMP, maka Dato' Onn tidak ada jalan lain yang terbuka kepadanya untuk terus berkecimpung dalam politik kecuali mendekati orang Melayu semula dengan tujuan membangkitkan kesedaran di kalangan mereka tentang apa yang telah berlaku, apa yang sedang berlaku dan apa yang mungkin berlaku kepada bangsa Melayu pada masa hadapan menurut pandangannya sendiri. Beliau menggunakan Parti Negara sebagai alat di tanah air mereka sendiri.

Parti Negara, pada dasarnya bukan bercorak perkauman seperti UMNO, PMS atau PAS, tetapi pada amalannya parti itu memperlihatkan dirinya sebagai jaguh kebangsaan Melayu yang paling aktif. Malangnya, orang Melayu merasa keberatan hendak memindahkan sokongan mereka daripada UMNO kepada Parti Negara kerana Dato' Onn dan Parti Negaranya sudah terlambat. Nasi sudah jadi bubur. Orang bukan Melayu dapat menerima tujuan Parti Negara seperti yang terkandung dalam Undang-undang Tubuh atau manifestonya, tetapi oleh kerana sikap pucuk pimpinannya terlalu perkauman, mereka berpendapat bahawa Parti Negara, seperti PAS juga, bukanlah satu-satunya pertubuhan politik yang patut disokong oleh orang bukan Melayu.

Sebagai pemimpin Parti Negara dan sebagai anggota Parlimen daripada pihak pembangkang, Dato' Onn telah dapat membuktikan dirinya hingga ke akhir hayatnya sebagai seorang tokoh politik yang tahan lasak, cekap dan pintar dan seorang yang ahli betul-betul dalam hal berbahas dalam Parlimen. Beliau membangkang bukan kerana maksud membangkang semata-mata. Beliau membangkang terhadap perkara yang dianggapnya patut dibangkang kerana tidak dapat memberi faedah kepada umum. Beliau menyokong apabila didapatinya sesuatu langkah kerajaan itu boleh mendatangkan faedah kepada rakyat.

Parti Negara mempunyai dasar yang sama dengan UMNO dan PAS, iaitu menjadikan Islam agama negara dan Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan. Ketika UMNO masih belum dapat menentukan apakah nama rupa bangsa Malaysia, Parti Negara, seperti PAS juga, telah mencadangkan "Melayu" sebagai nama rupa bangsa itu. Setengah-setengah pemimpin UMNO yang ada sekarang, yang dahulunya pernah menjadi anggota MNP, masih bersetuju dengan "Melayu" dijadikan nama rupa bangsa Malaysia. Sayugia diingat bahawa terdahulu dari itu lagi, parti Melayu seperti MNP, Angkatan Pemuda Insaf, Angkatan Wanita Sedar bahkan PUTERA-AMCJA sendiri, yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock, telah bersetuju dengan "Melayu" dijadikan nama rupa bangsa Tanah Melayu.

Pada pendapat Dato' Onn, orang Melayu sangat-sangat perlu dibela dalam segala lapangan selepas Merdeka memandangkan corak Perlembagaan yang akan dikuatkuasakan selepas 1957. Oleh kerana itu beliau melancarkan semula politik perkaumannya tanpa menghiraukan kritikan dan kata daripada orang bukan Melayu yang pernah menjadi rakan seperjuangannya dalam IMP dahulu.

Pada 1955, Dato' Onn bertanding menentang Suleiman Abdul Rahman dalam pilihan raya kebangsaan di Johor Bahru, tetapi beliau tewas. Kekalahannya bukanlah kerana orang kurang kenal dengan beliau tetapi ialah kerana mereka lebih cintakan kemerdekaan, sedangkan dalam soal ini beliau tidak begitu tegas. Di setengah-setengah tempat beliau berkempen, Dato' Onn menerangkan bahawa Malaya sudah merdeka dan tidak perlu lagi bagi sesiapa berjuang untuk mencapai kemerdekaan. 'Kita semua sudah merdeka dan kalau berkehendakkan merdeka, tuntutlah daripada Raja-raja Melayu sendiri,' kata Dato' Onn. Tetapi pada waktu lain pula, beliau menghuraikan satu persatu titik perjuangan Parti Negara ke arah kemerdekaan. Pendiannya tidak tegas, malah berdolak dalik, dan ini telah menimbulkan kesangsian di kalangan pengundi kerana mereka tidak dapat menentukan apakah yang sedang diperjuangkan oleh Dato' Onn pada masa itu. Adakah beliau mempunyai hasrat untuk berjuang mencapai kemerdekaan?

Dato' Onn pernah menerangkan bahawa menurut perjanjian yang telah dimeteraikan antara Great Britain dengan Negeri-negeri Melayu, Kerajaan British mengakui dan mengiktiraf Negeri-negeri Melayu itu sebagai negeri-negeri yang merdeka dan berdaulat



sementara hubungan antara Kerajaan British dengan Negeri Melayu ialah hubungan antara sahabat. Great Britain hanyalah kuasa penaung, bukan kuasa penjajah. Sebagai kuasa penaung, Great Britain tidak berkuasa menahan Negeri-negeri Melayu daripada menuntut supaya perjanjian antaranya dengan Negeri-negeri Melayu dipinda untuk membolehkan Malaya mengadakan hubungan luar secara langsung dan tidak lagi melalui London.

Kalau demikian itu halnya menurut perjanjian tersebut, mengapakah Dato' Onn menjelaskan bahawa Parti Negara, seperti Perikatan juga, berjuang untuk kemerdekaan? Mungkin sekali, kempen seperti itu terpaksa dijalankannya memandangkan bergelornya semangat kemerdekaan yang telah dicetuskan dan dipupuk oleh UMNO dan Perikatan. Penerangannya bahawa Negeri-negeri Melayu sudah sedia merdeka sebelum 1957 lagi mungkin dimaksudkan untuk mempengaruhi fikiran rakyat yang mungkin terpengaruh, supaya lahir kelak golongan yang antimerdeka yang dapat menghalang kemerdekaan yang bercorak merugikan kaum Melayu nanti.

Menurut punca peribadi yang rapat dengan Dato' Onn, beliau pernah berkata bahawa memandangkan kedudukan orang Melayu yang tertinggal jauh di belakang bangsa bukan Melayu, belumlah lagi masanya bagi mereka diberi kemerdekaan. Beliau lebih suka kalau British dapat tinggal lebih lama di Malaya dan menolong memajukan ekonomi dan pelajaran orang Melayu sehingga seimbang dengan ekonomi dan pelajaran kaum bukan Melayu di negeri ini. Ini tidak bererti Dato' Onn menentang kemerdekaan seperti yang disangkakan oleh sesetengah-setengah orang.

Tun Dr. Ismail mengakui Dato' Onn sebagai seorang tokoh politik yang sukar ditandingi tetapi beliau pernah mengatakan bahawa Dato' Onn berani berjuang untuk segala-galanya melainkan satu sahaja, iaitu menuntut merdeka. Dato Suleiman Abdul Rahman dan Dato Haji Hassan Yunus pula berpendapat bahawa Dato' Onn tidak begitu tegas dalam menepati janji. Sikap kedua-dua tokoh UMNO yang ulung dari Johor itu terhadap Dato' Onn mungkin terbit daripada pengalaman mereka sendiri pada masa mereka serta Dato' Onn terlibat dalam rancangan hendak menggulingkan Sultan Ibrahim kerana menandatangani Perjanjian MacMichael tanpa terlebih dahulu berunding dengan Jemaah

Menterinya, dan menggantikan Baginda dengan salah seorang daripada tiga orang puteranya. Dato' Onn diberitakan telah memberikan akuannya bagi menyokong rancangan itu dan pernah mencadangkan nama Tunku Abu Bakar sebagai pilihannya untuk mengambil tempat Sultan Ibrahim. Pada akhirnya, Dato' Onn menentang rancangan itu dan mengubah sikap menentang Sultan Ibrahim kepada menjadi pembelanya.

## Siapa Rakyat Siapa Bukan

Kekalahan Dato' Onn di tangan Dato Sulaiman dalam pilihan raya kebangsaan pada 1955 tidak melunturkan semangatnya kerana dalam pilihan raya kebangsaan tahun 1959, beliau muncul lagi sebagai salah seorang calon dari Parti Negara, tetapi pada kali ini beliau tidak bertanding di Negeri Johor. Di Terengganu ada empat buah kawasan pilihan raya negeri yang selonggok yang telah dimenangi oleh calon Parti Negara. Keempat-empat kawasan ini terletak dalam dua kawasan Parlimen. Dato' Onn bertanding di salah sebuah kawasan itu dan dengan kerja sama daripada PAS, beliau berjaya mengalahkan Ungku Mohsein, calon Perikatan.

Pada masa itu, Dato' Onn berumur 64 tahun, tetapi masih segar, tegap dan cergas. Beliau memainkan peranan yang paling cergas dalam kempen pilihan raya yang disertai oleh calon Parti Negara. Selain menjadi ketua pertubuhan itu, beliau bertugas sebagai juru kempen dan pegawai penerangan Parti Negara yang paling cergas. Beliau pergi ke seluruh tanah air dengan berkereta, berbasikal, berperahu dan berjalan kaki dengan tidak menghiraukan makan minum atau tidur baring. Dengan umurnya hampir 15 tahun melampaui setengah abad, Dato' Onn masih boleh berpidato berjam-jam lamanya, siang atau malam, di tengah panas atau dalam hujan. Beliau sentiasa kelihatan girang dan gembira.

Dalam rapat parti, dalam kempen pilihan raya kebangsaan dan dalam Parlimen, atau forum perbincangan lain, Dato' Onn tidak melepaskan peluang untuk membicarakan soal kerakyatan, ekonomi, pelajaran, hak-hak istimewa orang Melayu, Tanah Simpanan Melayu dan mengulas serta mengkritik dasar dan langkah yang diambil oleh parti politik lain dalam negeri. Beliau tidak pula melepaskan setiap peluang yang diperolehnya untuk mengkritik

tindak tanduk badan politik bukan Melayu yang menjejaskan kedudukan dan kepentingan orang Melayu.

Berkenaan soal kerakyatan, Dato' Onn menyifatkan apa yang terkandung dalam Penyata Suruhanjaya Perlembagaan sebagai suatu undang-undang yang terlampau longgar. Hal itu hendaklah diketatkan jika orang Melayu tidak ingin bangsanya tenggelam dalam lautan kebangsaan asing di tanah airnya sendiri. Beliau mencadangkan tiga jenis kerakyatan bagi penduduk bukan Melayu pada masa hadapan, seperti berikut:

1. Mereka yang telah sedia menjadi rakyat Raja – mana-mana Raja Melayu.
2. Mereka yang telah menjadi warga negara Persekutuan sepenuhnya.
3. Mereka yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka dengan syarat mereka itu sejelas-jelasnya melucutkan segala taat setianya kepada Raja Inggeris.

Satu perkara pokok yang menjadi unsur pertelagahan hebat antara Dato' Onn dengan Perikatan UMNO-MCA-MIC ialah dasar *Jus Soli*. Dasar ini memberikan hak kepada seseorang yang lahir di bumi Tanah Melayu dengan secara automatik menjadi warga negara. Beliau bimbang jika dasar ini diterima, beratus-ratus ribu orang bukan Melayu boleh menjadi rakyat atau warga negara dan mendapat hak mengundi sebelum Tanah Melayu merdeka. Beliau pernah menyifatkan perbuatan itu sebagai menyediakan keranda untuk mengkuburkan umat Melayu ke dalam bumi negaranya sendiri. Katanya, "Saya menuduh kepada UMNO hendak mengkuburkan umat Melayu manakala berikhtiar dengan seberapa daya upayanya hendak menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada tangan orang lain. Jika sekiranya perbuatan UMNO itu tidak ditahan dan dibantutkan maka dari sehari ke sehari Perikatan itu akan memukul paku menutup keranda umat Melayu itu." Beliau memberi amaran seterusnya:

"Apabila umat Melayu sedar dan mengetahui apa akan terjadi kepada kaum bangsa dan negaranya kiranya cadangan-cadangan Perikatan itu diterima dan diluluskan, saya percaya, iaitu bukan sahaja umat Melayu yang hidup pada hari ini akan bercucuran air matanya, akan tetapi air mata itu tidak akan berhenti bercucuran keluar hingga kepada beberapa keturunan anak cucunya." Pada

pendapatnya, jika undang-undang kerakyatan itu longgar hingga menjadikan mudah bagi siapa sahaja menjadi warga negara, nescaya akan bertambahlah bilangan pengundi bukan Melayu, dan akhirnya bilangan itu akan melebihi bilangan pengundi Melayu. Dengan demikian, secara automatik orang Melayu akan kehilangan tenaga dan kuasa politik di tanah air sendiri.

Pada 1953 Perhimpunan Kebangsaan Perikatan UMNO-MCA-MIC telah mengemukakan satu tuntutan yang mendesak Kerajaan dan Raja-raja Melayu supaya menerima dan meluluskan dasar *Jus Soli* berhubung kerakyatan. Sebenarnya yang mengusulkan tuntutan itu dalam persidangan Perikatan ialah MCA. Dato' Onn menuduh bahawa Dewan Perniagaan Cina se-Malaya dan berpuluh-puluh buah lagi pertubuhan Cina yang mula-mula sekali menggesa MCA supaya mengemukakan tuntutan itu. Pemimpin UMNO yang menanda-tangani tuntutan Jus Soli daripada Perikatan itu ialah Tunku Abdul Rahman Putera, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan Haji Mohamed Khir Johari.

Dato' Onn yang pada masa itu memegang jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menentang kuat tuntutan Perikatan itu, daripada diterima dan dilaksanakan di Malaya kerana sebab di atas, sedangkan taat setia setengah-setengah orang bukan Melayu kepada Malaya masih belum dibuktikan. Dengan perkataan lain, taat setia mereka masih disangsikan. Jika orang bukan Melayu seperti itu diterima menjadi warga negara menurut dasar Jus Soli, jika anasir yang taat setianya masih diragui dibolehkan menjadi pengundi atau calon, maka dikhuatiri bahawa mereka akan cuba mempengaruhi dasar kerajaan bukan untuk kepentingan rakyat setempat, tetapi untuk kepentingan orang atau negara lain. Mungkin sekali mereka seperti itu mudah terpengaruh untuk menjadi alat asing atau luar yang akan merosakkan keuntuhan negara. Jika hal seperti ini terjadi, mustahil sama sekali bagi pihak berkuasa dapat menghindarkan daripada berlakunya ketegangan, jika tidak pergaduhan, antara Melayu dengan bukan Melayu.

Dato' Onn mengasaskan kebimbangannya pada reaksi setengah-setengah orang bukan Melayu terhadap Undang-undang Kerahan Tenaga yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Persekutuan pada 1952. Sayugia diingat bahawa pengganas komunis telah melancarkan pemberontakan bersenjata pada 1948, setelah orang bukan Melayu tidak berjaya mempertahankan Malayan Union

yang dikutuk oleh umat Melayu seluruhnya. Menurut Undang-undang ini, semua orang yang tertakluk di bawahnya dikehendaki mendaftarkan diri supaya pihak berkuasa boleh menentukan bagi seorang itu sesuatu perkhidmatan yang tertentu demi untuk kawalan dan keselamatan Malaya.

Sebaik sahaja undang-undang ini dikuatkuasakan, beribu-ribu orang bukan Melayu, kebanyakannya orang Cina, mencari helah untuk mengelakkan diri daripada kerahan tenaga itu, dan banyak pula yang telah meninggalkan Malaya kerana hendak melarikan diri daripada kerahan tenaga itu. Setengah-setengah hartawan tempatan yang bukan Melayu, menghantar anak-anak muda mereka keluar negeri – pemuda yang tertakluk di bawah Undang-undang Kerahan Tenaga – dengan alasan hendak melanjutkan pelajaran di seberang laut, kononnya.

Tetapi sebaliknya, pemuda Melayu tampil ke hadapan dengan suka rela mendaftarkan diri di bawah undang-undang tersebut. Dengan suka rela mereka menyerahkan tenaga, malah nyawa mereka untuk mempertahankan ibu pertiwi daripada terancam dan musnah di tangan segelintir manusia bersenjata yang di bawah arahan Parti Komunis Malaya. Pada ketika itu dan sebelumnya, Dato' Onn melihat bagaimana semangat kebangsaan dan kesetiaan terhadap fahaman dan kuasa asing dipelihara dan dipupuk dengan berbagai-bagai cara di Malaya. Beliau menyaksikan sendiri bagaimana pada 10 Oktober setiap tahun, upacara diadakan untuk membaharui taat setia kepada Kerajaan Kebangsaan China – Kerajaan Kuomintang. Beliau pernah menuduh Kerajaan Kebangsaan China di Taipeh mempunyai cita-cita hendak menjadikan Malaya jajahan China yang ke-20 dengan menggunakan MCA sebagai alat untuk mencapai tujuan itu.

Ketika berucap dalam satu rapat partinya di Kuala Lumpur pada 1953, Dato' Onn berkata: "MCA dan Dewan Perniagaan Cina sedang melaksanakan satu rancangan untuk menjadikan negeri ini jajahan China yang ke-20 – bertaat setia kepada Formosa yang menjadi jajahan yang ke-19 . . . MCA telah memainkan peranan yang dahulunya diambil oleh Wakil-wakil Konsul China dan Dewan Perniagaan dengan menjadi Parti Kuomintang bawah tanah dan mengeluarkan arahan-arahan politik kepada MCA."

Ucapan Dato' Onn itu menimbulkan bantahan yang hebat dalam Majlis Undangan Persekutuan. Tan Siew Sin, yang disokong

oleh Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, menuduh bahawa ucapan itu memang dibuat dengan sengaja untuk membangkitkan sengketa dan rasa permusuhan antara kaum. Tetapi Dato' Onn telah menangkis tuduhan itu dengan bukti bahawa segala tindakan dan kegiatan politiknya pada masa lampau tidak pernah berupa perkauman. Dalam memperjuangkan kepentingan Bumiputera beliau tidak pernah menjejaskan atau mengganggu kepentingan orang atau masyarakat bukan Melayu. Mungkin tiba masanya beliau membuat sesuatu rancangan atau mengambil sesuatu langkah yang dianggap perkauman oleh orang bukan Melayu. Tetapi Dato' Onn sendiri pernah mengaku, "Saya tidak anti-Cina akan tetapi dengan tidak bersegar lagi saya mengaku, iaitu saya ini ialah pro-Melayu dan saya tidak boleh bersahabat dengan siapa-siapa pun yang hendak menjadikan umat Melayu itu ketewasan sama ada dalam lapangan politik atau ekonomi atau sosial di Semenanjung yang telah diaku oleh dunia ialah Semanjung Tanah Melayu."

## Tentang Hubungan Darah

Tidak dapat dinafikan bahawa pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua, seseorang boleh melihat bagaimana penduduk Cina di Malaya memberi pujian dan sanjungan terhadap pemimpin kebangsaan China, dan gambar mereka tergantung di dinding atau di tembok kedai Cina, di rumah atau kelab kesatuan mereka dan di sekolah Cina di seluruh Malaya. Tidaklah juga dapat dinafikan bahawa bendera kerajaan kebangsaan China pernah dikibarkan di tempat tertentu di Tanah Melayu.

Jika Dato' Onn merasa sangsi tentang taat setia penduduk Cina di Malaya, itulah juga perasaan orang Melayu di Malaya terhadap orang bukan Melayu. Apa yang kelihatan diamalkan oleh setengah-setengah penduduk Cina, seperti menggantung gambar pemimpin besar mereka dan mengibarkan bendera negeri Cina pada hari kebesaran bangsanya, begitulah juga yang dilakukan oleh setengah-setengah penduduk Malaya daripada keturunan India.

Menurut Tan Cheng Lock, yang menjadi Ketua Persatuan Cina Seberang Laut, AMCJA dan MCA, orang Cina di Malaya tidak dapat menumpukan taat setia yang sepenuhnya kepada negeri ini

kerana mereka tidak mempunyai hak kerakyatan yang sama seperti orang Melayu dan lagi pula mereka sentiasa dianggap sebagai orang asing atau orang luar. Ketika mengkritik Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (1948), beliau berkata:

Jalan tunggal untuk menyembuhkan orang Cina "Tongsan" (lahiran negeri China) daripada digodai oleh politik kebangsaan negeri China adalah membuat satu tawaran murah hati (seperti yang dilakukan di bawah rancangan Malayan Union) kepada mereka untuk menjadi rakyat Malaya. Inilah sahaja yang dapat menggantikan rugi mereka kerana berhenti daripada menaruh minat terhadap politik negeri China dan daripada menyertainya. Sebaik-baik cara untuk memutuskan kasih sayang mereka - penduduk yang mendatang - terhadap negeri asalnya ialah dengan memberikan mereka kemudahan yang lengkap untuk memindahkan kasih sayang seperti itu kepada negeri 'angkatnya'. Selagi penduduk mendatang dilayani sebagai orang asing, maka selama itulah mereka berhaluan ke negeri tumpah darahnya dan dengan yang demikian mereka menjadi suatu bahaya kepada negeri tempat mereka menetap selama-lamanya.

Tan Cheng Lock yakin bahawa apa yang terkandung dalam kenyataannya seperti di atas adalah benar. Tetapi Dato' Onn tidak dapat mengakui pendapat yang seperti itu benar kerana setiap orang Cina sedikit sebanyak terpengaruh oleh dasar *Jus Soli* dan *Jus Sanguinis* yang sudah menjadi tradisi hidup turun-temurun bangsa China, sama ada mereka dilahirkan di tanah besar China atau di seberang laut. Tujuan hidup mereka di seberang laut ialah mencari kesenangan atau kekayaan sebelum berhijrah kembali ke tanah tempat tumpah darahnya untuk berkubur di sana. Sanak saudara mereka masih ramai yang masih tinggal di negeri China. Setiap bulan atau dari masa ke masa mereka mengirim wang atau bahan keperluan hidup lain, misalnya, dari Malaya ke negeri China. Menurut kehendak sendiri mereka memang tidak ingin campur tangan dalam hal ehwal politik di Malaya jika sudah ada jaminan bahawa segala peluang dan kemudahan hidup atau mencari kesenangan tidak tertutup atau terganggu. Jaminan ini didapati daripada British selagi British menjadi pihak yang berkuasa di Malaya.

Kebimbangan orang bukan Melayu, khasnya orang Cina, terhadap jaminan itu mula dirasakan apabila umat Melayu bangkit mengganyang Malayan Union dan bersiap sedia untuk melancarkan perjuangan seterusnya bagi mencapai kemerdekaan. Orang

Cina digesa supaya melibatkan diri dalam politik tempatan untuk turut serta dengan secara aktif dalam urusan mentadbirkan negara apabila Malaya merdeka kelak. Tidak ada jalan lain bagi membolehkan mereka mengambil bahagian cergas dalam politik tempatan melainkan dengan terlebih dahulunya menjadi warga negara Malaya. Yang demikian dapatlah dipastikan bahawa keinginan menjadi warga negara di kalangan mereka lebih didorongi oleh keinginan untuk memelihara peluang dan kemudahan untuk mencari kehidupan yang lumayan daripada benar-benar ingin menjadi rakyat untuk kepentingan negara.

Masih banyak lagi terdapat hingga kini rakyat Malaysia yang mempunyai dua kewarganegaraan, iaitu kewarganegaraan British dan kewarganegaraan Malaysia. Kebanyakan mereka ialah orang yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka, sebelum tahun 1957 lagi dasar Jus Soli telah berjalan di tempat tersebut. Penduduk Malaysia yang dilahirkan di kedua-dua buah bekas tanah jajahan British sebelum 31 Ogos 1957 diberi kesempatan untuk menjadi warga negara Malaya tanpa mengganggu kerakyatan Britishnya. Tetapi selagi mereka menetap di Malaya atau Malaysia mereka tidak boleh berlaku sebagai rakyat British atau menuntut sesuatu atas nama warga negara British.

Sejak merdeka pada 31 Ogos 1957 hingga sekarang, mereka masih mempunyai dua kerakyatan (Malaysia dan British) dan belum pernah kedengaran adanya antara mereka yang dengan suka rela melucutkan kerakyatan British mereka supaya mereka menjadi warga negara Malaysia sahaja dan dengan itu dapat menumpukan sepenuh taat setia kepada Malaysia. Orang yang mempunyai dua kerakyatan, hati mereka sama dengan hati seorang hamba yang mempunyai dan berkhidmat kepada dua tuan.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa pada suatu ketika dahulu seseorang boleh melihat bagaimana penduduk Cina di Malaya memberikan pujaan dan sanjungan kepada pemimpin kebangsaan China, dan gambar-gambar mereka bergantung di dinding rumah, tembok kedai, kelab dan rumah pertubuhan Cina dan di sekolah Cina di seluruh Malaya. Dato' Onn sebagaimana orang lain menyaksikan bendera kebangsaan Cina berkibar di tempat-tempat tertentu pada hari tertentu di Tanah Melayu.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa sejak 1917, bahasa kebangsaan China - Mandarin (Kuoyu) - dijadikan bahasa pengantar di



sekolah-sekolah umum Cina di Malaya sejurus sesudah pergerakan bahasa Kuoyu bermula di negeri China dengan mata pelajaran ditentukan oleh pihak yang berkenaan di luar negeri. Hal ini bertentangan sama sekali dengan kepentingan Tanah Melayu.

Tidaklah bijak bagi pihak berkuasa tempatan membiarkan sekolah Cina itu berjalan tanpa dikawal untuk mengeluarkan pelajar yang bermegah diri sebagai warga negara asing, dan enggan memikul sebarang tanggungjawab terhadap Malaya, iaitu sebuah negeri yang mereka anggap hanya sebagai sebahagian daripada negeri China.

Buku teks yang digunakan di sekolah China kesemuanya dicetak di negeri China dan banyak bahan yang antikerajaan Malaya telah disusupkan dalam buku itu apabila dikirimkan ke Malaya. Naskhah yang diseludupkan itu mengandungi tujuan untuk membangkitkan perasaan benci kepada pemerintah tempatan. Kerajaan Kebangsaan China mengirinkan wakilnya untuk memeriksa sekolah Cina di Tanah Melayu, memerintahkan sekolah itu menghantarkan laporan ke Nanking yang pernah juga memberikan bantuan istimewa kepada sekolah-sekolah tersebut.

Buku teks yang digunakan di sekolah Cina di Malaya pada masa itu tidak mengandungi pelajaran yang bercorak atau berunsur Malaya. Tidak ada tersebut di dalamnya perkara mengenai sejarah, geografi, perdagangan, perniagaan, perusahaan, penduduk atau kepentingan Tanah Melayu yang lainnya. Menurut Dr. Victor Purcell, semasa beliau melawat Chungking semasa Perang Dunia Kedua, beliau melihat sebuah peta yang dibuat dan dikeluarkan oleh Maktab Tentera di Chengtu yang memperlihatkan Tanah Melayu sebagai satu kawasan yang terletak di dalam empayar China yang telah jatuh ke tangan British dan perlu sekali direbut kembali. Tidaklah terbabas jauh daripada perengganannya kalau Dato' Onn berkata bahawa ada setengah-setengah orang Cina di dalam dan di luar Malaya yang berusaha hendak menjadikan Tanah Melayu Daerah China yang ke-20.

Tetapi kerajaan Negeri-negeri Melayu telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya dan berjaya menghapuskan perbuatan anasir asing di dalam negeri yang cuba mempersendakan kemerdekaan dan kedaulatan Tanah Melayu dengan apa jua cara sekalipun.

## Bibit-bibit Prasangka

Tuntutan Jus Soli oleh Perikatan sebelum merdeka ditolak dengan suara terbanyak oleh Jawatankuasa Pilihan raya dan Raja-raja Melayu, tetapi MCA terus mendesak dari masa ke masa supaya perkara itu ditimbangkan. Setelah pihak berkuasa keberatan menerima Jus Soli, Perikatan merayu pula, dalam tahun sebelum merdeka, supaya memberikan hak mengundi sahaja – bukan untuk menjadi calon pilihan raya – kepada semua penduduk bukan Melayu yang telah dilahirkan di Malaya dalam pilihan raya kebangsaan pada 1955.

Setelah tuntutan itu juga tidak berjaya, Tunku Abdul Rahman, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Perikatan, menyifatkan perkara itu telah padam dan tidak akan berbangkit atau diungkitkan lagi. Tetapi Dato' Onn tidak percaya bahawa orang bukan Melayu tidak akan menimbulkan atau membuat desakan lagi mengenai tuntutan Jus Soli itu apabila terdapat keadaan dan masa yang sesuai untuk berbuat demikian.

Satu lagi sebab yang memberatkan kebimbangan Dato' Onn jika dasar Jus Soli itu dilaksanakan di Malaya sebelum merdeka ialah penduduk negeri ini daripada keturunan Cina tidak berapa galak menumpukan taat setia mereka sepenuhnya kepada Tanah Melayu kerana telah pun ada, zaman berzaman, undang-undang *Jus Sanguinis* yang masih dipakai di Tanah Besar China dan diakui oleh orang Cina seberang laut yang berjumlah hampir sama banyaknya dengan bilangan penduduk Taiwan.

Menurut Undang-undang Jus Sanguinis, semua orang keturunan Cina adalah rakyat atau warga negara Cina, sama ada mereka dilahirkan atau menetap di tanah besar China atau di mana-mana sahaja di bawah langit ini. Dari segi pemerintahan China, semua orang Cina di seluruh dunia, sekalipun mereka telah menjadi warga negara negeri tempat mereka dilahirkan atau dengan cara lain telah menjadi warga negara negeri itu adalah rakyat atau warga negara mutlak China juga.

Kesangsian Dato' Onn terhadap kesetiaan kaum bukan Melayu memuncak apabila orang Tamil di Malaya bertindak menuntut supaya dasar Jus Soli diterima dan dikuatkuasakan di Malaya. Dalam bulan Ogos 1956, pertubuhan Tamil di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mengadakan satu persidangan

perwakilan daripada kira-kira seratus buah badan perkauman India. Mereka berazam akan meneruskan tuntutan mereka terhadap pelaksanaan dasar Jus Soli hingga ke Mahkamah Dunia di The Hague, jika pihak berkuasa di Tanah Melayu enggan melayani dan memenuhi tuntutan mereka.

Kerajaan Persekutuan yang dianggotai oleh Dato' Onn sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak sanggup dan tidak mahu melayani tuntutan seperti itu. Tetapi penolakan itu berlaku hanya buat sementara waktu sahaja. Sesudah pilihan raya diadakan pada 1955 dan Perikatan menjadi parti yang memerintah, tuntutan Jus Soli itu ditimbulkan semula. Dato' Onn pernah berkata bahawa jika Perikatan berkuasa memegang tampuk kerajaan pusat, tuntutan Jus Soli itu kelak dipenuhi dan undang-undang Jus Soli akan dikuatkuasakan dalam masa yang wajar. Keyakinannya itu didasarkan kepada tindakan yang telah diambil oleh pemimpin tertinggi UMNO sendiri seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan lain-lain yang pernah menyuarakan tuntutan itu bagi pihak MCA dan MIC. Mustahil, katanya, "perkara Jus Soli itu tidak ditimbulkan lagi kalau orang-orang itu semua yang berkuasa nanti."

Prasangka Dato' Onn terhadap anasir bukan Melayu di Tanah Melayu bertunjang juga di atas ingatannya bahawa setelah Jepun menyerah kalah dan British kembali ke Malaya dengan melucutkan kedaulatan Raja-raja Melayu dan menjadikan Tanah Melayu seluruhnya tanah jajahan Inggeris, orang bukan Melayu hanya berpeluk tubuh tidak berbuat apa-apa semasa umat Melayu bangkit berjuang mengganyang Malayan Union. Sebaliknya, apabila kedengaran kepada mereka bahawa British bersedia memansuhkan Perjanjian Malayan Union dan menggantikannya dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, yang dengannya Pulau Pinang dan Melaka menjadi sebahagian daripada Tanah Melayu, maka orang bukan Melayu telah melancarkan "hartal" dan penduduk bukan Melayu di kedua-dua tanah jajahan takluk British menuntut supaya Pulau Pinang dan Melaka dikeluarkan daripada Persekutuan Tanah Melayu untuk tinggal terus sebagai tanah jajahan takluk British.

Dato' Onn merasa sesal kerana sebaik-baik sahaja Malayan Union terhapus dan Tanah Melayu ditebus kembali daripada tergadai kepada penjajah, maka kaum bukan Melayu mendesak

supaya mereka diberikan hak kerakyatan yang setaraf dengan Bumiputera. Dato' Onn hairan mengapakah selama beberapa abad mereka berada di bumi Malaya bersama-sama orang Melayu, mereka tidak pernah membuka mulut menyuarakan keluhan atau rungutan terhadap hak istimewa orang Melayu. Tetapi sebaik sahaja terbayang tanda Tanah Melayu berada di ambang merdeka, maka berebut-rebutlah mereka bertindak menuntut hak yang sama.

Perbuatan seperti ini disifatkan oleh Dato' Onn sebagai bukti bahawa orang bukan Melayu masih sangsikan kejujuran orang Melayu dan menganggap hak istimewa orang Melayu itu sebagai bibit yang patut dipertikaikan lagi. Beliau selalu mengingatkan orang bukan Melayu supaya mengkaji sehalus-halusnya bahawa kedudukan istimewa orang Melayu tidak pernah menjejaskan keselesaan dan kemewahan hidup orang bukan Melayu, sedangkan mereka itu tidak menyedari atau tidak menghiraukan bahawa kedudukan mereka yang kuat dalam lapangan ekonomi adalah dengan tidak secara langsung menjadi rintangan besar terhadap perkembangan atau kemajuan orang Melayu dalam bidang tersebut.

Dato' Onn telah mengkaji akan hal ekonomi orang Melayu itu dari sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Beliau cukup sedar akan kelemahan bangsanya dalam lapangan ini berbanding kedudukan orang bukan Melayu yang ramai sekali mendapat kemudahan dan galakan semasa penjajahan dahulu.

## Perkauman Bukan Perkauman

Oleh kerana menyedari akan kelemahan orang Melayu dalam bidang ekonomi, Dato' Onn pergi ke London meminta bantuan daripada British untuk menolong meninggikan taraf hidup atau ekonomi bangsanya. Hasil rundingan antara Dato' Onn dengan Kerajaan British ialah penubuhan RIDA pada 1950. Dato' Onn dilantik sebagai Pengerusi RIDA yang pertama dan badan itu mendapat bantuan sebanyak £10,000,000 dari Kerajaan British. Beliau bercadang menggunakan bantuan untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu, terutamanya penduduk luar bandar; membantu orang Melayu dari segala segi dalam bidang perusahaan dan perniagaan; dan memberikan segala bantuan untuk mencapai kemajuan dalam lapangan pertanian di seluruh tanahair.

Malangnya, Dato' Onn tidak dapat berbuat banyak untuk menolong orang Melayu menerusi RIDA. Ini kerana kongkongan birokrasi (sistem perjabatan) yang menjadikan langkahnya pendek dalam soal mendapatkan wang daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projeknya. Perhitungan politik juga telah menjadi salah satu lagi sebab mengapa Dato' Onn tidak diberikan sepenuh kebebasan untuk mendapatkan kewangan bagi membiayai rancangan kemajuan RIDA semasa beliau menjadi pengerusinya. Kerajaan Persekutuan yang masih diketuai oleh pegawai British daripada Pejabat Tanah Jajahan di London sedikit sebanyak telah terpengaruh oleh kedudukan dan kekuatan UMNO yang baharu sahaja ditinggalkan oleh Dato' Onn, dan satu-satunya langkah yang sewajarnya diambil oleh pertubuhan itu adalah memerhatikan supaya Dato' Onn, sebagai seorang pemimpin sebuah parti politik yang bertentangan dengan UMNO, tidak menggunakan RIDA untuk menyebarkan pengaruh peribadi dan parti politiknya.

Oleh kerana RIDA ditubuhkan untuk membantu orang Melayu supaya dapat peluang turut serta bergiat dalam bidang ekonomi tanah air, maka lawan politiknya telah menuduh Dato' Onn bersikap perkauman. Tetapi beliau menafikan tuduhan itu kerana beliau menganggap bahawa soal kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi ialah soal negara atau soal kebangsaan. Oleh itu langkah yang diambil untuk membaiki taraf hidup orang Melayu adalah perlu dari segi kebangsaan dan tidaklah boleh usaha yang dijalankan ke arah matlamat itu disifatkan perkauman.

Tuduhan perkauman yang dilemparkan kepada Dato' Onn bertambah sejak tahun 1953, sesudah MCA bergabung dengan UMNO dalam Perikatan. UMNO merasa serba salah kerana dasar pokoknya ialah dasar yang ditaja oleh Dato' Onn sendiri. Jika UMNO turut menyokong MCA melemparkan tuduhan perkauman kepada Dato' Onn, bererti UMNO menentang dasarnya sendiri. Dato' Onn sangat tidak puas hati dengan keanehan umum bahawa apabila orang bukan Melayu menuntut sesuatu, tidak pula perbuatan itu dianggap perkauman.

Bagaimanapun, UMNO, jika ingin mengekalkan pengaruhnya di kalangan orang Melayu, hendaklah memperlihatkan dirinya lebih pro-Melayu daripada mana-mana parti politik perkauman yang lain, tetapi UMNO hendaklah berhati-hati supaya tindakan pro-Melayunya itu tidak mencederakan hubungannya dengan parti

seperjuangan dalam Perikatan. Tetapi oleh kerana MCA dan MIC dapat memahami perbezaan antara gejala perkauman Melayu yang bercorak perkauman, dan gejala perkauman Melayu yang bercorak kebangsaan, UMNO, yang menjadi teras atau tulang belakang Perikatan berjaya mendapatkan persefahaman dan sokongan dari golongan bukan Melayu mengenai dasar atau langkah untuk menolong memajukan kebudayaan dan ekonomi Melayu menerusi badan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, MARA, Bank Bumiputera, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan lain-lain lagi. Tidaklah dapat dipertikaikan bahawa setiap usaha ke arah kemajuan ekonomi orang Melayu ialah usaha kebangsaan, bukan perkauman. Oleh kerana itu memang sudah kena pada tempatnya, baik dahulu mahupun sekarang, apabila Tunku Abdul Rahman Putera selaku Yang Dipertua Agung UMNO dan Perikatan UMNO-MCA-MIC, antara lain, berkata:

"Berkenaan dengan soal tanah, saya suka menarik perhatian kepada masalah Tanah Kawasan Melayu. Pada pandangan saya, Kerajaan (semasa penjajahan) tidak ada mengambil cukup berat atas perkara ini. Oleh kerana kelonggaran dasar *Malay Reservations* itulah menyebabkan kita nampak hari ini orang-orang Melayu yang dahulunya bertempat di pekan-pekan telah lari jauh ke ulu-ulu dan ke tepi hutan. Dan jika berkekalan seperti keadaan sekarang ini, nescaya orang-orang Melayu akan terusir jauh lagi ke dalam hutan dan ke gunung-gunung yang boleh membawa kesakitan kepada tubuh badannya dan azab sengsara pada kehidupannya. Pada pendapat saya, ini haruslah menjadi satu daripada perkara yang besar yang UMNO patut dan harus bertindak. Dan pada pendapat saya, UMNO mestilah menuntut supaya diuntukkan tanah di dalam pekan kepada Melayu dan tanah di luar pekan mestilah dikawal dengan kuat untuk Melayu . . . Yang saya maksudkan dengan "Tanah Reserve" untuk Melayu itu bukanlah seperti *Settlement* malahan yang saya kehendaki ialah mana-mana tanah kosong di dalam bandar yang masih menjadi hak kerajaan hendaklah disimpankan untuk Melayu. Saya berucap atas perkara ini ialah untuk menjaga taraf Melayu dan semangat Melayu supaya boleh dikatakan yang Melayu berhak di dalam negeri ini . . ." (26 Ogos, 1951)

## Dasar Penjajah

### Koloni Bukan Koloni



Semasa Dato' Onn dilahirkan pada 1895, Sultan Abu Bakar menempa satu sejarah baru bagi negeri Johor. Baginda menyerahkan kuasanya kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Johor seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri itu. Ini bererti Johorlah satu-satunya negeri Melayu yang pertama meletakkan batu asas pemerintahan secara demokrasi oleh rakyat, untuk rakyat dan kerana rakyat. Perlembagaan seperti ini bukan sahaja menjadikan negeri itu serta rajanya terkenal di negeri-negeri yang di sebelah Timur seperti China dan Jepun, dan di negeri-negeri Barat seperti England dan Jerman, tetapi usaha baginda dapat menyemaikan semangat demokrasi dari segala aspek dalam kehidupan rakyat negeri itu.

Satu perjanjian dimeteraikan antara Great Britain dengan Johor pada 1904, semasa pemerintahan Sultan Ibrahim. Menurut perjanjian itu, Kerajaan Inggeris hendaklah menjamin kemerdekaan Negeri Johor dan kedaulatan rajanya; dan Kerajaan Johor pula hendaklah menerima seorang pegawai British yang bertugas sebagai Konsul dan menetap di Negeri Johor.

Pada 1912, atas nasihat British, Sultan Ibrahim berkenan mengadakan Majlis Mesyuarat Kerajaan selain Jemaah Menteri yang pada mulanya bertugas sebagai Kabinet di-Raja. Undang-undang Tubuh Negeri Johor dipinda lagi pada 1914. Pindaan yang pertama membolehkan orang bukan Melayu dan bukan pula rakyat Johor menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan; dan yang kedua, Johor bersetuju menerima seorang penasihat British, tetapi "nasihatnya itu mestilah dipinta dan dilaksanakan dalam semua perkara melainkan dalam hal-hal yang berkenaan dengan agama rasmi - Islam - dan adat resam orang Melayu dalam negeri Johor."

Johor bersama-sama empat buah negeri Melayu lain, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu, mempunyai sistem pentadbiran yang sama tetapi masing-masing menjalankan pemerintahan secara bersendirian, sementara Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor dimasukkan ke dalam satu gabungan yang dinamakan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang tertakluk di bawah satu sistem pentadbiran yang berpusat di Kuala Lumpur dengan diketuai oleh seorang pegawai daripada Jabatan Tanah Jajahan British yang bergelar Pesuruhjaya Tinggi, dan seorang lagi yang disebut Ketua Setiausaha. Lima buah negeri Melayu lain disebut Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Selain negeri-negeri Melayu tersebut, ada tiga buah Tanah Jajahan British, iaitu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka, yang diperintah oleh British melalui gabenornya yang beribu pejabat di Singapura. Gabenor itulah juga yang menyandang jawatan Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Sungguhpun pada lahirnya terdapat tiga unit pentadbiran yang berasingan di Malaya sebelum 1941, tetapi dari segi dasar dan politik, Jabatan Tanah Jajahan British menganggap semuanya sebagai satu unit, walaupun cara layanan yang diberikan berbeza-beza. British dapat menguasai semua negeri Melayu itu sama dengan tanah jajahan takluknya - Negeri Selat - menerusi sistem perjabatan atau *bureaucracy*.

Semua pegawai British yang berkhidmat di Malaya datangnya daripada Jabatan Tanah Jajahan British di London. Gabenor bagi Singapura, Pulau Pinang dan Melaka juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi atau penasihat agung kepada Raja-raja Melayu. Penasihat British dan residen di setiap negeri Melayu menganggap Gabenor sebagai ketua penasihat, mereka semasa mereka berkhidmat di setiap negeri Melayu. Bila mereka ditukar untuk berkhidmat di Singapura, Pulau Pinang atau Melaka, Gabenor itu tidak boleh lagi dianggap sebagai penasihat, tetapi sebagai ketua kerajaan yang mempunyai kuasa eksekutif terhadap mereka. Turun naik pangkat atau gaji pegawai kolonial British terletak di tangan Gabenor. Oleh yang demikian, mereka mestilah patuh dan taat kepada Gabenor/Pesuruhjaya Tinggi itu untuk kepentingan mereka pada masa hadapan sama ada mereka berkhidmat di Negeri-negeri Selat, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau Tidak Bersekutu.



Johor ialah negeri Melayu yang tunggal yang secara suka rela menjemput Kerajaan British memberikan bantuan dalam urusan pemerintahan dalam negeri. Keadaan dalam Negeri Johor sangat berbeza dari negeri Melayu yang lain, kerana di negeri tersebut, pihak berkuasa British terpaksa campur tangan atas sebab keamanan dan keselamatan. Di Perak, misalnya, British terpaksa campur tangan untuk mengamankan keadaan dalam negeri yang telah menjadi huru-hara akibat pergaduhan antara orang China dengan Melayu, sementara negeri Melayu lain pernah mengalami sengketa sesama sendiri yang memaksa Raja-raja yang terlibat meminta pertolongan British.

Dato' Onn dilahirkan di Negeri Johor dalam iklim politik yang aman tenteram dan dalam suasana hubungan yang harmonis antara Mahkota Johor dengan Mahkota Ingeris. Oleh kerana hubungan keluarga dan dirinya begitu rapat dengan raja dan kerajaan Negeri Johor, maka tidaklah mungkin berlaku sesuatu perkara dalam bidang politik atau pentadbiran tanpa diketahui atau mendapat perhatian daripada Dato' Onn. Tambahan lagi, beliau dilahirkan semasa bapanya sedang menyandang jawatan Menteri Besar, Johor.

Setelah bapanya meninggal, Sultan Johor melantik tiga orang adik beradik Dato' Onn seorang demi seorang menjadi Menteri Besar sebelum beliau sendiri menggantikan yang terakhir selepas tamatnya pendudukan Jepun. Pendek kata, Dato' Onn dilahirkan dalam politik, besar dalam politik, hidup dalam politik dan telah menghembuskan nafas terakhirnya dalam politik.

Dasar penjajahan, sama ada di Barat atau di Timur, adalah sama tentang maksud dan nafsunya, tetapi berlainan hanya tentang cara atau corak amalan. Tidak ada penjajahan dilakukan semata-mata kerana didorong oleh perasaan perikemanusiaan seperti hendak menolong sesebuah negeri yang mundur supaya bertambah maju, rakyatnya berpelajaran dan wilayah itu menjadi makmur. Sejarah membuktikan bahawa penjajahan pernah dilakukan kerana sesebuah kuasa besar ingin meluaskan kawasan pengaruhnya untuk memperkuat kedudukannya dalam persaingan antara sesama kuasa besar baik dalam bidang ketenteraan atau perdagangan. Penjajahan pernah juga dilakukan kerana hendak mendapatkan bahan mentah yang diperlukan untuk kepentingan perusahaan dalam negeri penjajah; dan pernah juga dilakukan

kerana hendak mencari kawasan yang lebih luas bagi menempatkan penduduk yang berlebihan di dalam sebuah wilayah yang kecil.

British mula bertapak di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-18, semasa terlibat dalam persaingan hebat dengan kuasa Barat lain seperti Sepanyol, Portugis dan Belanda bagi merebutkan perdagangan rempah ratus dan lain-lain di Timur Jauh. Tujuan asal untuk berniaga itu lama kelamaan bertukar menurut keadaan masa dan dunia seluruhnya. British tidak dapat berhelah dengan mengatakan bahawa mereka datang ke Timur Jauh semata-mata kerana tujuan keagamaan atau perikemanusiaan seperti yang dibuktikan oleh tokoh British, antaranya Rhode dan Livingstone di benua Afrika.

Sesungguhnya seseorang ahli sejarah memang dapat mempertahankan dirinya jika dia mengatakan bahawa British melaksanakan dasar penjajahannya di Asia Tenggara, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu, kerana kepentingan perdagangan, perusahaan dalam negerinya sendiri dan kerana muslihat ketenteraan dalam tindak tanduk menghadapi kuasa besar dari Barat mahupun dari Timur.

Sudah menjadi kebiasaan bagi sesebuah kuasa yang menjajah melaksanakan dasar yang dalam tempoh yang panjang boleh menjadikan tanah jajahan lebih bergantung kepadanya untuk kehidupan dan keselamatan. Untuk mencapai tujuan itu, dasar penjajahan perlulah disesuaikan supaya dapat melemahkan rakyat yang dijajah dengan berbagai-bagai cara menurut masa dan keadaan di sesebuah wilayah yang dijajah itu. Belanda, Jerman, Sepanyol, Portugis, Belgium dan Perancis, masing-masing memilih dan menjalankan cara pemerintahan yang berlainan di Indonesia, Afrika, Indo-China dan Filipina. Sementara British pula menggunakan cara penjajahan yang tersendiri di India dan Asia Tenggara.

Langkah permulaan yang biasa diambil oleh kuasa penjajah di wilayah yang dijajahi itu ialah mengubah sistem pemerintahan lama kepada cara baharu yang sesuai dengan kepentingan penjajah; melaksanakan dasar pelajaran yang dapat melahirkan generasi sanggup terus-menerus menjadi abdi penjajah; menjalankan tindakan sabotaj secara tidak langsung terhadap kebudayaan dan kepercayaan penduduk Bumiputera; menimbulkan di kalangan mereka, sifat-sifat hasad dengki curiga-mencurigai dan sentiasa bergeseran antara satu sama dengan lain, puak dengan puak, dan

kaum dengan kaum dalam masyarakat yang berperingkat atau berkelas; menanamkan perasaan tidak menaruh keyakinan kepada diri sendiri dan perlu bergantung kepada penjajah dalam segala hal kehidupan negeri dan penduduknya. Ada banyak lagi cara dan ikhtiar yang dijalankan oleh penjajah untuk muslihat dan keuntungan diri mereka sendiri. Pendek kata, penjajah sanggup melakukan apa sahaja bagi memperkukuhkan kongkongan dan mengekalkan penjajahan.

British tidak terkecuali daripada terlibat dalam melaksanakan dasar dan mengambil tindakan seperti yang tersebut di atas dalam zaman penjajahannya di Semenanjung Tanah Melayu selama lebih satu abad. Bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa adanya kemajuan yang tercapai oleh rakyat Bumiputera dalam masa penjajahan British, tetapi tidak sebanyak yang sewajarnya.

## Kena Main

Dato' Onn ialah salah seorang daripada beberapa kerat cerdik pandai Melayu yang mendapat peluang yang istimewa untuk melihat sendiri dari dekat dan memahami sedalam-dalamnya serta mengalami sebanyak-banyaknya akan masam manis dan pahit maung dasar penjajahan yang telah dijalankan oleh British di Tanah Melayu semasa hayatnya. Beliau dilahirkan di kalangan atasan dalam masyarakat Melayu yang mempunyai pertalian yang rapat dengan golongan pemerintah dan raja yang memerintah. Oleh itu beliau dapat mengetahui dengan jelas dan mengkaji dengan teliti hubungan antara pihak berkuasa atau penasihat British dengan pihak berkuasa tempatan atau negeri.

Daripada tulisan, karangan dan ucapannya sebagai ahli politik ulung Tanah Melayu, dapatlah diambil kesimpulan bahawa Dato' Onn mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas terhadap hubungan politik antara British dengan negeri-negeri Melayu, khususnya Negeri Johor. Beliau dapat mengikuti perubahan yang berlaku pada masa pemerintahan Sultan Ibrahim dan menyaksikan dengan mata kepalanya segala apa yang berlaku sepanjang masa Baginda memerintah.

Bagi seseorang ahli politik yang berpengetahuan dan bersemangat kewatanan seperti Dato' Onn, langkah yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh British ialah satu percaturan

politik yang tidak dapat dibanggakan. Dengan adanya pegawai dan rakyat British dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan bererti Sultan Ibrahim tidak lagi bebas memerintah negerinya seperti pada zaman ayahandanya, Sultan Abu Bakar.

Dato' Onn menganggap adanya Penasihat British dan warga negara asing sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Majlis Mesyuarat Negeri itu sebagai satu ikhtiar halus British untuk campur tangan dalam pentadbiran atau pemerintahan sesebuah negeri yang merdeka dan berdaulat.

Amatlah dikesali kerana tidak ada sesuatu bantahan pun dibuat ketika Majlis Mesyuarat Kerajaan itu ditubuhkan. Penubuhan Majlis ini secara langsung dan tidak disedari, telah memindahkan kuasa Jemaah Menteri kepada Majlis dan terhentilah fungsi Jemaah itu sebagai kabinet raja.

"Betul-betul kita kena main dek British," mungkin inilah yang menjadi rungutan orang yang celik pada masa itu, seperti Dato' Onn. Bagaimanapun, Dato' Onn tidak dapat melupakan hal ini kerana 34 tahun kemudian, ketika beliau menyandang jawatan Menteri Besar, beliau meletakkan Penasihat British pada tempatnya yang sebenar iaitu bertugas sebagai penasihat dalam erti kata yang sebenar-benarnya, tidak lebih dan tidak kurang daripada itu.

Sungguhpun sebelum pecah Perang Dunia Kedua, negeri-negeri Melayu diakui sebagai negeri-negeri yang merdeka dan berdaulat dan British hanya menjadi kuasa penaung sahaja, tetapi dari segi pentadbiran, Tanah Melayu tidak banyak berbezanya daripada koloni. Bolehlah dikatakan bahawa hubungan antara negeri-negeri Melayu dengan British bercorak kolonial. Dato' Onn tidak sanggup menerima hakikat seperti itu. Setiausaha Tanah Jajahan British, Oliver Lyttleton yang telah berkunjung ke Malaya pada 1951, sudah patutlah diingatkan bahawa hubungan Tanah Melayu dengan British ialah perhubungan persahabatan seperti yang tercatat dalam perjanjian antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan Inggeris, bukan hubungan seperti yang terdapat antara pemerintah yang menjajah dengan tanah jajahan yang ditakluki. Perbuatan "lain yang dijanji, lain yang dikerjakan" seperti lama kelamaan menjadikan keyakinan Bumiputera Tanah Melayu terhadap British bertambah merosot, dan ini jika dibiarkan berlanjutan, akan hilang terus.

Bila kemerosotan keyakinan itu dapat dikesan atau disedari oleh pihak berkuasa kolonial, maka lazimnya mereka akan berikhtiar memperkuatkan kedudukan dengan mengambil salah satu atau kedua-dua jalan yang berikut:

1. Memulihkan keyakinan rakyat Bumiputera dengan memperlihatkan sikap simpati dan bertimbang rasa.
2. Melemahkan tenaga politik dan ekonomi rakyat Bumiputera setimpal dengan usaha memberikan hak politik dan membuka sebesar-besarnya peluang ekonomi kepada penduduk mendaatang yang dibawa masuk ke wilayah itu dengan bilangan yang banyak.

Pihak berkuasa kolonial British baik di Whitehall mahupun di Kuala Lumpur, pernah menjalankan kedua-dua langkah ini dan pada hari ini rakyat Bumiputera sangat jauh ketinggalan di belakang penduduk bukan Bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perusahaan sedangkan bilangan penduduk bukan Bumiputera lebih ramai daripada Bumiputera di seluruh Malaysia.

Dato' Onn adalah antara cerdik pandai Melayu yang memerhatikan dan mengkaji akan akibatnya. Dari awal lagi, beliau berpendapat bahawa sekiranya kepincangan itu tidak diubah, maka rakyat Bumiputera tidak akan dapat membendung "air pasang" ekonomi dan politik bukan Melayu daripada menenggelami bangsa Melayu di tanah airnya sendiri.

Dato' Onn sendiri telah mengambil daya utama ke arah mencegah kemungkinan ini dengan mendesak, dan berjaya mendapatkan British memberikan bantuan berjuta-juta ringgit yang disalurkan menerusi badan yang kini terkenal dengan nama MARA (Majlis Amanah Rakyat) untuk pembangunan ekonomi Bumiputera. Dalam lapangan politik pula, beliau tidak berhenti-henti memperjuangkan supaya hak istimewa Melayu diabadikan dan undang-undang kerakyatan diperketatkan untuk menjamin masa hadapan politik orang Melayu. Beliau pernah mencadangkan supaya lebih banyak orang Indonesia yang sebahasa, seagama dan seketurunan dengan orang Melayu dibawa masuk ke Tanah Melayu, kerana beliau yakin bahawa hanya dengan jalan ini sahaja bilangan rakyat bukan Melayu dapat dihindar daripada mengatasi jumlah orang Melayu.

Sungguhpun dasar seperti ini baik bagi masyarakat Melayu, tetapi tidak sesuai dengan keadaan dalam negeri sekarang dan dari segi antarabangsa. Jika orang Indonesia dibolehkan masuk dan menetap di Malaysia untuk kepentingan politik orang Melayu, tentulah ada kelompok yang merasa tidak adil kalau orang Cina dari negeri asalnya dan orang India dari negeri asalnya tidak dibenarkan masuk dan menetap di Malaysia yang telah pun menerima masyarakat berbilang bangsa sebagai dasar pokok kehidupan, keharmonian dan kebahagiaan negara.

Dato' Onn mendapat galakan yang kuat pada masa itu apabila Indonesia melahirkan kesediaannya mengirim beberapa ratus ribu orang rakyatnya untuk berhijrah ke Tanah Melayu dan membuka hutan yang masih meliputi tiga suku kawasan Semenanjung ini. Bekas Presiden Sukarno sendiri pernah memberitahu Tunku Abdul Rahman Putera, bekas Perdana Menteri Malaysia, ketika beliau melakukan kunjungan muhibah ke Indonesia bahawa beliau sedia membenarkan orang Indonesia berhijrah ke Tanah Melayu.

Apa yang diperjuangkan oleh Dato' Onn sebagai membela nasib orang Melayu pada masa itu tentu sekali dipandang serong oleh penjajah kerana dasar itu bercanggah dengan dasar kolonial British di Asia Tenggara, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi bukan semua atau seluruh umat Melayu yang sanggup menyokong perjuangannya itu kerana atas pengaruh dan tekanan penjajah terdapat usaha menentang yang dijalankan dengan berbagai-bagai cara.

Dato' Onn harus merasa sesal kerana adanya setengah-setengah orang di Tanah Melayu yang sanggup menjadi perkakas kolonial atau penjajah untuk kepentingan penjajah, kepentingan anasir yang anti-Melayu dan untuk pencuri peluang itu sendiri. Tetapi beliau merasa lebih-lebih sesal lagi kerana antara yang turut serta dalam komplot itu ialah orang Melayu sendiri. Tetapi yang aneh lagi ialah alat penjajah itu sebaliknya, berkempen mengecap Dato' Onn sendiri sebagai orang sewaan penjajah. Masa dan sejarah telah membuktikan bahawa Dato' Onn tidak pernah menjadi alat penjajah kerana beliau tidak pernah sanggup dibiayai untuk menyeleweng daripada tujuan asas dan untuk mengkhianati bangsa Melayu dengan secara langsung atau tidak.

Sesungguhnya, Dato' Onn bukan perkakas penjajah tetapi beliau pernah bekerja sama dengan pihak berkuasa kolonial British

untuk memudahkan tanah airnya mencapai kemerdekaan secara perlembagaan, bukan dengan jalan pemberontakan. Tidak ada siapa pun daripada kalangan orang Melayu yang dapat menafikan bahawa Dato' Onn terkorban dalam perjuangan politiknya kerana beliau menjadi mangsa dasar penjajahan. Beliau tidak pernah menerima upahan daripada mana-mana pihak, baik dari dalam atau pun dari luar negeri, untuk menghalang kemajuan atau mengkhianati bangsanya sendiri kerana faedah atau kepentingan dirinya atau orang lain. Beliau memberikan kerja samanya kepada pemerintahan kolonial kerana kepentingan bangsa dan tanah airnya. Beliau yakin bahawa sebaik-baik cara bagi bangsa-bangsa terjajah yang tidak berupaya menentang penjajahan ialah berusaha "dari dalam," iaitu bekerja sama dengan pihak berkuasa penjajah, hingga kemerdekaan tercapai dengan tidak menumpahkan darah barang setitik pun.

### Tidak Anti-British

Dato' Onn bukan daripada golongan politik yang anti-British seperti yang pernah berlaku di kalangan pejuang kemerdekaan atau kebangsaan di kebanyakan tanah jajahan. Beliau tidak anti-Inggeris tetapi beliau kuat sekali berjuang menentang dasar kolonial British. Beliau menjelaskan pendirian orang Melayu terhadap British dan keadaan orang Melayu sendiri sepanjang masa mereka berada di bawah pemerintahan penjajah. Penjelasan itu diberikan dengan tepat olehnya semasa beliau ditemuduga oleh James Michener, pengarang *The Voice of Asia* pada 1951:

"Saya telah memberi ingat bahawa tanpa perpaduan, bangsa Melayu tidak akan dapat mencapai kemerdekaan dan tidak pula akan dihormati oleh dunia ... Kami tidak pernah bersikap anti-British. Tidak ada orang Melayu yang waras anti-British ... Kami mahu British tinggal di sini dan memimpin kami sehingga kami cukup maju untuk memerintah negeri ini ... Kami membantah kerana dua perkara yang dilakukan oleh British. Mereka tidak mencuba pun, secara jujur, melatih orang Melayu untuk memegang jawatan dalam kerajaan bagi masa hadapan; mereka mengirim ke sini orang muda-muda yang tidak cekap sama sekali dan apabila mereka tiba di Tanah Melayu mereka itu memegang jawatan-

jawatan tinggi, mengatasi pegawai-pegawai Melayu yang lebih berpengalaman."

Dato' Onn tidak sanggup menjadi penonton sandiwara politik kolonial, yang mempertontonkan Raja-raja Melayu dibebankan dengan apa sahaja peranan yang ditentukan oleh penjajah. Beliau memperlihatkan ketabahan dan kesungguhannya membela dan mempertahankan raja, rakyat dan negerinya daripada dipelbagai-kan oleh penjajah dengan sewenang-wenangnya, tetapi malangnya dalam perjuangannya seperti itu kerap terjadi pergeseran, pertikaian, malah konfrontasi antaranya dengan rajanya sendiri yang tidak begitu suka melihat berlakunya sesuatu dalam negerinya yang menyinggung atau mengganggu perasaan anasir kolonial.

Sungguhpun Dato' Onn telah lama menyedari dasar dan tindak tanduk penjajah terhadap kaum bangsanya, tetapi beliau tidak "boleh buka mulut" selagi hanya menjadi salah seorang pegawai awam dalam kerajaan. Orang yang makan gaji untuk mengisi perut memang sentiasa mulutnya tersumbat: ada mata tengok, ada telinga dengar. Tetapi sejak 1936, Dato' Onn dapat peluang "buka mulut" sedikit setelah beliau dilantik oleh Sultan menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor dan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Sejak rakyat British dan pegawainya diterima menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, mereka lebih banyak memperjuangkan kepentingan kaum kapitalis yang mempunyai hubungan luas dengan ladang getah, kelapa sawit dan lombong milik pemodal asing, dan kepentingan politik kolonial British daripada mendatangkan faedah dan melahirkan harapan kepada usaha memajukan Negeri Johor. Sebenarnya Sultan sendiri telah mula terasa salah sendiri kerana terlampau luas membuka pintu Kerajaannya kepada anasir British. Hendak pun berpatah balik, sudah terlangsung dan takut pula nanti dikatakan bertindak mundur.

Dengan adanya Dato' Onn dalam kedua-dua Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat Negeri, dapatlah Baginda seorang pembela yang berani, cekap dan pintar, kerana pada masa itu, sukar didapati, dan mungkin tidak ada peluang mendapatkan seorang putera Melayu yang sanggup berbincang dan bertelagah dengan pegawai kolonial British yang memang telah terlatih



secukupnya di England sebelum dihantar ke wilayah jajahan atau naungan British di seberang laut.

Apa yang dilakukan oleh Dato' Onn dalam menghadapi British hanyalah satu penentangan yang secara tidak langsung sahaja. Misalnya, pada 1938, satu tindakan telah dirancang oleh pihak berkuasa British untuk memulangkan balik kuasa yang diambil daripada Raja-raja Melayu di bawah perjanjian yang telah dibuat dengan Raja-raja Melayu, kepada masing-masing Raja dengan tujuan hendak menyatukan kesemua sembilan buah negeri Melayu itu ke dalam satu pentadbiran pusat, seperti yang telah dilakukan dalam Perjanjian Malayan Union.

Dato' Onn mendedahkan motif British itu siang-siang lagi dengan memberi ingat kepada Sultan Johor supaya jangan termasuk ke dalam perangkap kolonial itu sejak tahun 1938 lagi. Johor menolak sebarang rancangan daripada Whitehall yang akan mengikat negeri itu dalam suatu sistem persekutuan yang kelak akan merugikan Johor sendiri. Tetapi rancangan yang serupa itu dicuba lagi oleh British 17 tahun kemudian apabila mereka menganjurkan Malayan Union.

Konfrontasi politik secara langsung dan terbuka yang pertama antara Dato' Onn dengan British tercetus pada 1 April 1946. Sebenarnya, konfrontasi ini bukanlah pergeseran peribadi antara Dato' Onn dengan kuasa kolonial, tetapi ialah konfrontasi antara rakyat Tanah Melayu dengan pihak berkuasa British atau antara manusia yang terjajah dengan pihak berkuasa penjajah. Pada hari itulah British mengambil kuasa pemerintahan daripada setiap orang Raja Melayu dan meninggalkan kepada Baginda hanya tauliah untuk mentadbirkan hal-hal nikah cerai, zakat fitrah, pembahagian harta pusaka orang Islam dan melihat anak bulan setiap tahun bagi menentukan hari orang Islam mula berpuasa dan hari untuk berhari raya.

Apa yang selama ini dibimbangi oleh Dato' Onn, sekarang menjadi kenyataan. Bangsa Melayu telah "kena main". Bangsa Melayu telah menjadi korban dasar penjajahan. Raja-raja Melayu yang selamanya telah dihormati dan disanjung tinggi oleh British, sekarang telah menyesal kerana Baginda telah meletakkan amanah pada tempat yang salah. Dengan sekelip mata sahaja dan beberapa titik tinta sahaja Raja-raja Melayu telah bertukar taraf hilang martabat hilang maruah.

Dato' Onn tidak tertahan hati melihat maruah Raja, bangsa dan tanah airnya tergoda, dan dibiarkan terus menerus menjadi habuan dasar penjajah. Beliau tidak sampai hati berdiam diri dan membiarkan majal dan malang berlarutan melanda tanah airnya sendiri, tanah pusaka nenek moyangnya, orang Melayu. Lapar, sakit, luka, dan azab sengsara yang telah dialami dan ditanggunginya selama 50 purnama Jepun menduduki Tanah Melayu belum pun pupus, datang pula penjajah kembali melanda dan menodai kedaulatan raja dan kehormatan bangsa dan nusa.

Dato' Onn tampil ke muka, menyeru umat Melayu supaya bangun daripada tidur dan bangkit untuk bersatu padu membina barisan menentang penjajahan. Lebih tiga juta orang Melayu menyahut seruan itu. Inilah pertama kalinya mereka berbimbing tangan dan berganding bahu dengan satu tujuan, iaitu menebus kemerdekaan dan memulih kedaulatan negara. Kebangkitan semangat kebangsaan Melayu yang begitu padat dan hebat memeranjatkan British kerana apa yang berlaku adalah di luar sangkaan Whitehall sama sekali. Jabatan Tanah Jajahan British di London sekarang tersua dengan kecemasan, malah darurat, akibat tindakannya merampas kuasa tidak secara langsung daripada Raja-raja Melayu. Umat Melayu sanggup dan sedia menghadapi apa jua kemungkinan sekalipun akan mengalirkan darah jika ini perlu untuk mengembalikan kehormatan dan kedaulatan bangsa dan tanah air.

## Merdeka Jangan Terburu-buru

Dalam kempen menentang Malayan Union, semangat orang Melayu telah marak dan meluap dan mungkin tidak dapat dikawal jika tidak kerana kesabaran dan kebijaksanaan Dato' Onn. Ramai pejuang kebangsaan Melayu yang telah sampai ke akhir perenggan kesabaran, hingga ada di antara mereka yang telah menemui Dato' Onn dengan tawaran suka rela hendak membunuh MacMichael. Pejuang yang bersikap pelampau ini tidak dapat memandang lebih jauh daripada hujung hidung atau hujung kerisnya.

Tawaran membunuh MacMichael itu ditolak oleh Dato' Onn dengan serta merta kerana, katanya, perjuangan kebangsaan yang sedang dipimpinnya itu adalah secara perlembagaan dan bukan menggunakan keganasan atau kekerasan yang mungkin membawa

kepada pertumpahan darah. Dato' Onn berazam akan meneruskan perjuangan kebangsaan itu tanpa menumpah darah barang setitik pun. Beliau yakin perjuangan secara perlembagaan akan mencapai kemenangan juga pada akhirnya, jika umat Melayu tidak berpecah belah atau bersengketa sesama sendiri.

Dari 1946 ke 1948, rundingan diadakan antara British, wakil Raja-raja dan rakyat Melayu daripada UMNO dengan tujuan hendak merombak Malayan Union dan merundingkan rangka perjanjian baru dengan British yang dapat diterima dengan puas hati oleh semua pihak.

Rundingan yang telah membawa kepada pembatalan Malayan Union tetapi membuahkan Persekutuan Tanah Melayu tidaklah berjalan semata-mata dengan licin. Pada waktu tertentu, pernah terjadi perselisihan yang hampir-hampir membantutkan rundingan itu. Telah diberitakan bahawa dalam salah satu pertelagahan mulut yang panas antaranya dengan Alexander Newbould, Ketua Setiausaha Malayan Union/Persekutuan Tanah Melayu (1946-50), Dato' Onn menumbuk-nyumbuk meja sambil membangkit-bangkit bagaimana rakyat dan Raja-raja Melayu telah menunjukkan bukan sahaja persahabatan tetapi juga taat setia kepada Mahkota Inggeris, tetapi apabila sampai masanya British tidak berfikir dua kali merampas kuasa dan menjadikan Tanah Melayu jajahan takluknya. Newbould kelihatan mengalirkan air mata sambil merayu dan memujuk Dato' Onn jangan meneruskan tuntutan kemerdekaan sehingga pada suatu ketika yang sesuai nanti. Beliau diberitakan telah berkata bahawa jika British dipaksa memberikan kemerdekaan pada masa dan ketika itu juga (1946), nescaya jatuhlah air muka British di mata dunia.

Tetapi orang yang bersungguh-sungguh sekali "mempermainkan" Dato' Onn supaya menangguh-nangguhkan tuntutan kemerdekaan itu ialah Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, iaitu Malcolm MacDonald.

Dato' Onn telah menuntut supaya Pulau Pinang dan Melaka dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu menurut kehendak orang Melayu di daerah-daerah itu sendiri. Dari segi sejarah, Pulau Pinang ialah milik Kedah. Kedah telah membuat satu kesilapan yang besar apabila pulau yang penting itu diserahkan kepada British untuk kepentingan peribadi di-Raja dan bukannya untuk kepentingan rakyat Kedah sendiri. British

sanggup memenuhi tuntutan tersebut, tetapi mereka membuat tuntutan balas, iaitu Mahkota Inggeris patut turut sekali bersama-sama Raja-raja Melayu mempunyai hak milik ke atas kedua-dua Tanah Jajahnya – Pulau Pinang dan Melaka – dan kerana sumbangannya kepada Persekutuan Tanah Melayu yang berupa Pulau Pinang dan Melaka, Mahkota Inggeris juga hendak bersuara dalam hal ehwal pemerintahan Tanah Melayu pada keseluruhannya.

Rundingan mengenai Malayan Union yang telah dimulakan pada 1946 telah tamat dua tahun kemudian dengan jayanya atas kesediaan pihak-pihak yang terlibat bertolak ansur, terutamanya dalam soal penting seperti perkara membahagi-bahagikan kuasa antara pemerintahan pusat dengan kerajaan negeri, soal kerakyatan dan lain-lain.

Perjanjian Malayan Union yang menyayat dan mencarik hati orang Melayu dapat dibatalkan dan perjanjian baharu ditandatangani antara pihak berkuasa British dengan Raja-raja Melayu. Perjanjian inilah yang melahirkan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union. Dengan ini muncullah Dato' Onn sebagai jaguh politik tanah air yang ulung dan pemimpin besar Tanah Melayu dalam perjuangan ke arah mencapai taraf berkerajaan sendiri dan merdeka penuh akhirnya.

Dasar perjuangan Dato' Onn tidak dapat tidak menimbulkan rasa curiga dan bimbang di kalangan penduduk bukan Melayu yang agak banyak juga bilangannya di Tanah Melayu. Kebanyakan mereka ialah keturunan Cina dan India dan ramai daripada mereka itu bukan warga negara Tanah Melayu. Mereka masih mempunyai hubungan yang rapat dengan negeri-negeri asal mereka.

British membawa masuk orang asing ke Tanah Melayu dengan banyaknya, dan menggalakkan lebih banyak lagi berhijrah ke sini. Mereka dibawa atau digalakkan masuk ke Tanah Melayu untuk bekerja di lombong dan ladang getah yang kebanyakannya dimiliki oleh orang Eropah atau syarikat asing. Kini, bilangan mereka lebih ramai daripada rakyat Bumiputera sendiri. Maka amatlah perlu bagi orang Melayu menambahkan bilangan mereka lebih banyak lagi melalui proses semula jadi, jika mereka tidak ingin melihat kaumnya tenggelam di lautan kaum bukan Melayu. Menurut perangkaan semasa, daripada setiap lima bayi Melayu yang

dilahirkan, empat mati semasa kecil lagi. Tetapi setiap lima bayi bukan Melayu yang dilahirkan hanya seorang sahaja yang mati.

Dipercayai bahawa British mengemukakan beberapa sebab mengapa orang Melayu tidak harus terburu-buru menuntut kemerdekaan sebelum mempunyai syarat yang diperlukan untuk mencapai taraf dan kedudukan itu. Setengah-setengah anasir kolonial menakut-nakutkan orang Melayu tentang kemungkinan tenggelamnya mereka di tengah-tengah bangsa mendatang, seperti Cina dan India. Orang Melayu diingatkan lagi supaya mendapat latihan yang cukup dan pengalaman yang luas sebelum mengambil alih kekuasaan daripada British untuk menjalankan pentadbiran sesebuah negara yang merdeka. Taraf pelajaran orang Melayu perlu ditingkatkan dan kedudukan ekonomi mereka dijamin supaya mereka tidak ketinggalan jauh daripada orang bukan Melayu setelah negara merdeka nanti.

Tetapi sebab sebenar mengapa orang Melayu tidak menuntut kemerdekaan serta merta setelah Malayan Union diruntuhkan ialah kejayaan pakar kolonial British menjadikan umat Melayu berpecah belah sesama sendiri dan menanam perasaan di kalangan Raja-raja Melayu dan rakyat Melayu bahawa Tanah Melayu terletak di bawah kekuasaan British dan pihak berkuasa British sahajalah yang berhak menentukan bila Tanah Melayu patut atau layak merdeka.

Sebenarnya, Tanah Melayu tidak perlu menanti atau menunggu British menentukan layak atau tidak dan bila negeri ini boleh merdeka, kerana, tidak seperti India, Burma atau Sri Lanka, Tanah Melayu ialah sebuah wilayah naungan, bukan jajahan takluk British. Bila sesebuah negeri yang dinaungi itu tidak lagi ingin dinaungi atau tidak lagi memerlukan naungan daripada British, maka negeri itulah yang berhak menentukan bilakah kuasa penguang itu dikehendaki menamatkan usaha naungannya itu, kerana soal naungan pada kebiasaannya dilakukan dengan suka hati wilayah yang berkenaan.

British sangat memerlukan Tanah Melayu bukan kerana kasih atau belas kasihan kepada orang Melayu, tetapi kerana bumi ini adalah satu-satunya wilayah yang banyak mempunyai hasil bumi dan yang paling banyak "menanjul" Dollar Amerika antara negara Komanwel. Untuk menolak tuduhan bahawa British tidak ingin memberi kemerdekaan tetapi mahu terus menaungi

(menjajah) Tanah Melayu kerana kepentingan ekonominya sematamata, beberapa orang pakar kolonial di Whitehall seperti Shiels, Ellis dan Gent (gabenor Malayan Union yang pertama dan terakhir) mengemukakan alasan seperti ini: Pada tahun 1920-30, bilangan orang Cina dengan cepatnya telah mengatasi bilangan orang Melayu. British tidak dapat memenuhi tuntutan mewujudkan suatu pemerintahan yang dikendali oleh wakil-wakil yang dipilih menurut sistem demokrasi berparlimen kerana yang demikian itu bererti menyerahkan kekuasaan ke tangan sebuah masyarakat yang tidak berhak, tidak mempunyai minat terhadap kepentingan Tanah Melayu dan tidak pula boleh dipercayai; dan masa hadapan Tanah Melayu akan terletak di tangan kaum Cina dan India.

Bagaimanapun, sama ada kerana terpengaruh oleh pendapat seperti itu atau tidak, Dato' Onn dapat dihalangi daripada seterusnya mendesak British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu dengan serta merta. Ini ialah satu perenggan penting dalam kejayaan permulaan British mematahkan tulang belakang perjuangan kebangsaan Melayu.

Dato' Onn diyakinkan lagi bahawa dasar pokok British adalah tidak akan teragak-agak menyerahkan kuasa dan kemerdekaan kepada rakyat Tanah Melayu setelah UMNO benar-benar menjadi pertubuhan politik yang sebenar-benarnya bercorak kebangsaan. British menyifatkan UMNO pada masa itu dan sekarang sebagai sebuah pertubuhan perkauman dan mereka tidak sanggup dirinya dibidas atau ditempelak oleh dunia nanti kerana menyerahkan nasib sebilangan besar penduduk yang bukan Melayu ke tangan satu kaum yang telah pun menjadi minoriti di tanah air mereka sendiri.

## Melayu Bukan Bangsa Kebangsaan

Dakwaan bahawa UMNO bukan sebuah badan atau pertubuhan kebangsaan tetapi hanyalah pertubuhan perkauman sepatutnya disangkal dan ditolak mentah-mentah kerana Raja-raja Melayu telah diakui oleh British sendiri sebagai Raja-raja yang bertaraf kebangsaan, berdaulat dan berkuasa memerintah negeri-negeri Melayu dan penduduknya. Tetapi anehnya British enggan mengakui bangsa Melayu sebagai bangsa kebangsaan dan kerana itu UMNO yang dianggotai, didokong dan disokong oleh bangsa Melayu

seluruhnya, termasuk Raja-raja Melayu, tidak diterima oleh British sebagai pertubuhan kebangsaan. Bangsa Melayu, apabila dipisahkan daripada Raja-rajanya, diakui oleh British hanya sebagai salah satu daripada kaum yang mendiami Tanah Melayu.

Sudah menjadi amalan penjajah menggunakan faktor perkauman untuk kepentingan kolonialisme. Di Tanah Melayu, misalnya, jika penduduk bukan Melayu mengemukakan sesuatu tuntutan yang mungkin akan menjejaskan kepentingan penjajah, British segera bertindak menolak tuntutan itu dengan alasan bahawa tuntutan itu berlawanan dengan kepentingan orang Melayu dan bangsa kebangsaan, yang British bertanggungjawab mengawal atau melindunginya. Sebaliknya, apabila orang Melayu mengemukakan sesuatu tuntutan untuk kepentingan atau faedah kaum atau bangsanya tetapi akibat tuntutan itu kelak menguatkan kedudukan atau ekonomi orang Melayu atau bertentangan dengan kepentingan penjajah dari segi politik, ekonomi atau lain-lain, maka pihak berkuasa British cepat sekali memberi sebab mengapa tuntutan itu tidak bijak dipenuhi, kerana jika tuntutan orang Melayu dipenuhi, maka pihak berkuasa British mestilah juga melayani tuntutan kaum bukan Melayu. Penjajah, sama ada di Barat atau di Timur, memang gemar membuat janji yang mereka sendiri mengetahui benar tidak akan dapat dipenuhi dan memang mereka tidak ingin memenuhinya. Tetapi mereka tahu dengan membuat janji seperti itu, mereka dapat "memukau" manusia yang dijajah selama diperlukan untuk membolehkan pihak penjajah "menyedut" dan "menghisap" segala "madu" dan "manisan" yang terdapat di tanah jajahan.

Selain menyalahgunakan kuasa yang didapati oleh pihak berkuasa British daripada perjanjian yang mereka buat dengan Raja-raja Melayu, pihak berkuasa kolonial jarang-jarang mengambil tindakan keras ke atas pegawai kolonial yang melakukan kesalahan pentadbiran atau mengamalkan perbuatan rasuah. Pegawai seperti itu hanya ditukarkan sahaja ke daerah lain atau ke tanah jajahan British di luar Tanah Melayu.

Sesungguhnya, Whitehall memang ada mewujudkan "kawasan bebas" untuk menempatkan pegawai kolonial yang menyalahgunakan kuasa masing-masing, umpamanya bertindak di luar batas perjanjian seperti dimeteraikan antara British dengan Raja-raja Melayu. Whitehall lebih gemar mengambil sikap toleransi terhadap

pegawai kolonial seperti itu daripada mengadakan hukuman atau mengambil tindakan disiplin terhadap mereka.

Sikap pihak berkuasa kolonial British seperti itu adalah satu galakan besar bagi sesetengah pegawai kolonial untuk bertindak di luar batasan perjanjian antara British dengan Raja-raja Melayu. Pencabulan perjanjian seperti itu pernah berlaku, misalnya pihak berkuasa tempatan British telah campur tangan dalam perkara memilih ganti raja atau Sultan seperti yang terjadi di Selangor semasa Theodore Adams menjadi British Residen pada 1932. Soal ganti atau memilih raja adalah sebahagian daripada adat resam orang Melayu dan dalam perjanjian yang dibuat antara British dengan Raja-raja Melayu, perkara agama dan adat resam orang Melayu tidak boleh diganggu gugat oleh pihak berkuasa British pada bila-bila masa pun di semua negeri Melayu.

Apabila pihak berkuasa British tidak bersedia mengakui UMNO sebagai sebuah pertubuhan kebangsaan dalam erti kata yang sebenarnya, tidak terdapat seorang Melayu pun pada masa itu sanggup menyoal British tentang tidak logiknya mengambil sikap seperti itu sedangkan mereka sedia dan sanggup menganggap dan mengakui Raja-raja Melayu sebagai raja kebangsaan, berdaulat dan merdeka, seperti yang tercatat dalam setiap naskhah perjanjian yang dibuat antara mereka dan Raja-raja Melayu. Apabila British mendakwa bahawa UMNO sebuah parti politik perkauman dan umat Melayu ialah satu daripada kaum – bukan bangsa atau kaum kebangsaan – yang menjadi penghuni Tanah Melayu, orang Melayu telah menerimanya dengan tenang dan senang hati.

Dalam pusingan pertama, orang Melayu mencapai satu kemenangan besar terhadap British apabila mereka berjaya meruntuhkan Malayan Union, tetapi dalam pusingan kedua, British dapat menebus ketewasan mereka dalam pusingan pertama itu dengan mencapai kejayaan yang penting, iaitu pertamanya: mereka dapat mencegah orang Melayu menuntut kemerdekaan serta merta sebaik-baik Malayan Union tumpas; keduanya, mereka dapat mengelirukan orang Melayu terhadap pengertian 'naungan' dan 'koloni'; dan ketiganya, mereka berjaya mempengaruhi umat Melayu menerima taraf 'kaum' bagi seluruh bangsa atau kebangsaan Melayu dan menerima serta meyakini bahawa mereka tidak berhak mendapat kemerdekaan sehingga terdapat jaminan bahawa mestilah ada kerja sama dan harmoni antara semua kaum di Tanah



Melayu, terutamanya antara kaum Cina dengan kaum Melayu sebelum kemerdekaan diserahkan kepada rakyat.

Setelah Malayan Union dibatal dan Persekutuan Tanah Melayu diisytihar sebagai gantinya pada 1948, maka Raja-raja Melayu berkuasalah semula dengan penuh kedaulatan seperti sebelum Perang Dunia Kedua dahulu. Raja-raja Melayu dan sebilangan besar orang Melayu berpuas hati dan mungkin mengucapkan terima kasih kepada British kerana apa yang mereka perjuangkan setakat itu telah berhasil, iaitu mengembalikannya kepada Raja-raja Melayu taraf dan kuasa yang telah lenyap dalam Perjanjian Malayan Union.

Sekarang terdapatlah pula satu keadaan yang agak aneh dan ganjil kerana Raja-raja dan rakyat Melayu yang sebentar tadi telah bersungguh-sungguh, malah bermati-matian menentang British, mula berselisihan dan berpecah antara satu sama lain. Dalam keadaan yang demikian, British mencelah, mungkin sekali dengan janji atau jaminan yang menarik, sama ada kepada golongan kebangsaan di satu pihak atau Raja-raja Melayu di situ pihak yang lain. Akibat pencilahan ini ialah kurangnya kerja sama antara Raja-raja dan rakyat dan bertambahnya persefahaman antara Raja-raja Melayu dengan British. Dari hari ke hari, jurang kerenggangan antara kedua-dua pihak meluas, diperhebatkan dan diperluaskan lagi oleh anasir penjajah.

British meyakinkan penduduk Tanah Melayu dengan ikrar bahawa mereka sedia menyerahkan kemerdekaan kepada mana-mana pertubuhan yang dianggotai oleh rakyat Tanah Melayu yang diakui sebagai benar-benar bercorak kebangsaan, bukan bersifat perkauman seperti UMNO. Mereka merasa perlu bahawa Malaya mestilah mempunyai sebuah pertubuhan politik yang bersifat Malayan untuk mengambil alih pemerintahan negara daripada British apabila kemerdekaan diisytiharkan nanti. Selagi belum terdapat sebuah badan politik seperti itu, selama itulah British akan menangguhkan keputusannya untuk memerdekakan Tanah Melayu.

## Sokong Supaya Rebah

Sebagai menyahut cabaran British itu, Dato' Onn muncul dengan satu cadangan supaya UMNO mengubah corak daripada perkauman

kepada kebangsaan seperti yang dimaksudkan oleh British. Cadangan itu melibatkan pembukaan pintu keahlian atau keanggotaan UMNO kepada orang bukan Melayu. Langkah ini mengejutkan umat Melayu, terutamanya ahli-ahli UMNO sendiri. Mereka tidak berupaya atau tidak dapat memandang secepat dan sejauh yang terdaya oleh Dato' Onn, bahawa langkah itu ialah suatu taktik politik atau strategi dalam perjuangan ke arah kemerdekaan. Sebaliknya Raja-raja Melayu dan sebahagian besar orang Melayu sendiri telah terpengaruh dengan fikiran bahawa Dato' Onn hendak "Me-Malayankan Tanah Melayu" dan dengan itu menghapuskan hak istimewa dan ketuanan bangsa Melayu. Raja-raja Melayu sendiri tidak merasa senang hati selepas Dato' Onn menubuhkan IMP, parti yang benar-benar bercorak Malayan atau "kebangsaan", setelah berlaku sengketa antara mereka dengan Dato' Onn mengenai jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Mereka mula menganggap Dato' Onn sebagai petualang politik yang mempunyai cita-cita besar untuk mencari kedudukan yang lebih tinggi daripada Raja-raja Melayu sendiri. Tidak hairan kalau ada antara mereka yang telah bermain-main dengan anggapan bahawa Dato' Onn hendak menjadi Presiden pertama bagi sebuah negara merdeka, Republik Malaya.

Dato' Onn masih berfikir bahawa British tidak akan menyeleweng daripada kejujuran. Beliau lupa bahawa satu-satunya sikap yang sentiasa ada pada mana-mana penjajah ialah kesediaan dan kesanggupan menyeleweng daripada apa sahaja dasar, prinsip atau falsafah - sosial, ekonomi, politik atau kebudayaan - asalkan amalan itu mendatangkan faedah kepada mereka. Dato' Onn masih menyangka bahawa British akan menyerahkan kuasa dan kemerdekaan kepadanya, jika beliau sudah dapat mewujudkan sebuah badan politik yang mereka (penjajah) anggap benar-benar bercorak 'kebangsaan'. Dengan secara jujur, beliau menggesa ahli-ahli UMNO supaya mengubah corak pertubuhan itu menjadi sebuah parti 'Malayan', tidak 'Melayu' lagi, tetapi cadangannya itu ditentang hebat, dan akhirnya ditolak oleh UMNO dan bangsa Melayu. Dato' Onn dicap sebagai pengkhianat dan penjual hak orang Melayu. Penjajah memperoleh kejayaan besar.

Tetapi beliau masih kuat berpegang kepada janji atau ikrar British bahawa Whitehall tidak bersedia menyerahkan kemerdekaan Malaya melainkan ke tangan sesebuah parti yang betul-betul

bercorak, beramalan dan berjiwa 'Malayan'. Apa yang menggalakkan Dato' Onn meneruskan usaha membentuk sebuah badan politik yang tidak perkauman ialah hakikat ramainya anasir berpengaruh daripada kalangan bukan Melayu yang menemuinya dan membincangkan soal penubuhan sebuah parti yang kemudiannya dinamakan IMP. Tetapi Dato' Onn tidak dapat menyuluh bahawa anasir itu sebenarnya "orang suruhan" penjajah. Dengan adanya sokongan hangat daripada golongan bukan Melayu untuk membina "Malayan Malaya," perasaan anti-Onn di kalangan orang Melayu kian bertambah. Perasaan itulah - anti-pemimpin kebangsaan - yang dipupuk dan diperhebatkan oleh penjajah dalam proses menghapuskan pemimpin kebangsaan yang tulen dan mematahkan perjuangan kebangsaan.

Pemimpin bukan Melayu diberikan galakan terus menerus untuk menyokong Dato' Onn supaya berjaya dalam rancangan politiknya yang baru itu, iaitu penubuhan Parti Negara. Saudagar dan peladang British tampil ke muka secara terang-terangan memberikan sokongan moral dan material kepada Dato' Onn. Pegawai tertinggi British di Negeri-negeri Melayu pernah turut serta dalam upacara menubuhkan cawangan Parti Negara di daerah masing-masing.

Tak cukup dengan ini, British menganugerahkan gelaran Sir kepada Dato' Onn. Beliau dilantik sebagai pengerusi RIDA dan dibekalkan dengan puluhan juta ringgit untuk mempengaruhi orang Melayu. Kemudian, beliau dilantik pula sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam pilihan raya kebangsaan tahun 1955, mungkin dengan tujuan hendak menahan undi Melayu daripada pergi kepada Parti Negara dan Dato' Onn (yang bertanding di kawasan Johor Bahru), salah seorang anggota Parti Negara daripada keturunan British telah mengaku berterus terang bahawa kalangan saudagar dan peladang British di Tanah Melayu memberi sumbangan kewangan kepada Parti Negara. Pengurus estet getah kepunyaan British memberikan segala kemudahan dan kebebasan kepada Parti Negara untuk berkempen di kawasan masing-masing, tetapi tidak seorang pun daripada Parti Perikatan dibenarkan masuk ke kawasan tersebut untuk tujuan pilihan raya. Orang British sendiri kelihatan menyediakan kenderaan untuk mengangkut pengundi bagi pihak Parti Negara. Semuanya dilaksanakan atau dilakukan dengan perhitungan yang halus, iaitu membuktikan

kepada umum bahawa Dato' Onn dan Parti Negara ialah anak emas penjajah dan dengan itu rakyat yang dahagakan kemerdekaan tidak akan memberikan undi kepada Dato' Onn dan Parti Negara.

Inilah perenggan terakhir padahnya pertarungan politik Dato' Onn kerana sementara setengah-setengah anasir British bergiat mempengaruhi orang bukan Melayu menyokong Dato' Onn, setengah-setengah yang lain, baik daripada golongan rasmi mahupun kalangan awam, telah menyekat orang Melayu daripada memberikan sokongan mereka kepada Dato' Onn dan partinya.

"Orang Melayu tak patut sokong Dato' Onn. Dia nak bagikan negeri ini kepada tiga - Cina, Melayu dan India. Ini negeri Melayu, orang Melayu yang punya," demikian bunyi setengah-setengah dakyah yang disebarkan oleh anasir penjajah di kalangan orang Melayu dalam pilihan raya yang berlangsung pada masa itu. Kepada orang Melayu, dibisik-bisikkan supaya mereka memberikan sokongan penuh kepada Tunku Abdul Rahman, kepada UMNO, dasarnya ialah Malaya untuk Melayu.

Dakyah seperti itu, tambahan pula datangnya daripada punca yang berpengaruh, meninggalkan kesan yang besar kepada perasaan dan fikiran orang Melayu. Mereka dalam tindakan balasnya, telah melancarkan konfrontasi secara terbuka terhadap Dato' Onn.

Tanpa sokongan daripada orang Melayu pada masa itu, tidak akan ada sebarang parti politik boleh berjaya. Orang Cina dan India tidak ingin membuang masa, tenaga dan wang ringgit untuk menyokong mana-mana pertubuhan politik yang tidak mendapat sokongan, apatah lagi yang ditentang oleh orang Melayu. Kerana itulah, dan mungkin kerana "dikendalikan" oleh perancang penjajah, maka orang Cina dan India yang berpengaruh, seperti Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin, Lee Hau Shek, Thuraisingam dan lain-lain lagi, telah menarik diri daripada terus menyokong Dato' Onn dalam IMP. Sebaliknya, mereka memberi sokongan penuh kepada UMNO yang di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putera, sungguhpun pada masa itu, UMNO sedang memperjuangkan konsep "Malaya untuk Melayu."

Penubuhan parti politik bukan Melayu di Tanah Melayu selepas tamat Perang Dunia Kedua digalakkan oleh British kerana bimbang akan kebangkitan semangat kebangsaan Melayu yang bersemadi dalam UMNO sejak tahun 1946. Sebenarnya, Malcolm

MacDonald, menerusi Jawatankuasa Perhubungan Kaum telah menggalakkan orang Cina menubuhkan MCA pada 1949 "dengan tujuan untuk menolong Kerajaan menghadapi Darurat yang dicetuskan oleh MCP (Parti Komunis Malaya) pada 1948. British berharap supaya MCA dapat menjadi tenaga yang boleh digunakan untuk menentang pengaruh komunis di kalangan orang Cina di Malaya. Tetapi, dari segi politik dan kaca mata setengah-setengah ahli politik kebangsaan, langkah itu diambil kerana pihak British menaruh harapan semoga pertubuhan itu juga dapat digunakan untuk menentang mana-mana pertubuhan politik Bumiputera yang mungkin melancarkan perjuangan yang bercorak pelampau, ataupun untuk menyekat mereka daripada menuntut kemerdekaan.

Dato' Onn tidak mengambil masa yang panjang untuk menyedari bagaimana orang Melayu dan bukan Melayu, yang dahulunya bergerak berbimbing tangan dan berganding bahu sebagai kawan, sekarang sudah menjadi lawan. Sebab yang mengakibatkan perubahan semangat dan sikap, baik di kalangan orang Melayu mahupun antara orang bukan Melayu terhadap diri dan partinya dapat dikesannya hingga ke pangkal: permainan politik penjajah. Beliau benar-benar sedar bahawa dengan secara halus beliau telah masuk perangkap penjajah dalam kegiatan politiknya dan kerana itu beliau menjadi mangsa tipu helah politik kolonial.

Setelah menyedari akan hakikat ini, Dato' Onn merasa betapa perlunya beliau balik ke pangkal jalan setelah sesat di hujungnyanya. Sejak itulah, beliau mengubah balik corak perjuangan politiknya kepada dasar yang difikirkannya masih boleh dilaksanakan untuk mengembalikan kedudukan ketuanan mutlak Melayu. Daripada kesedaran dan perasaan inilah beliau menyertai Kongres Kebangsaan Melayu Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur pada Mei 1957. Tetapi malangnya beliau telah terlambat.

## Melayu Raya



Dalam Kongres Melayu Se-Tanah Melayu yang pertama di Kuala Lumpur pada 1946, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, atas ilham Dato' Onn mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang mempunyai undang-undang tubuh sendiri yang lengkap, kemas dan teratur. Para perwakilan menerima cadangan itu dengan sebulat suara. Nama yang mula-mula dicadangkan bagi pertubuhan itu ialah U.M.O., tetapi setelah berbincang panjang lebar, maka dipersetujui pertubuhan itu dinamakan UMNO (United Malays National Organization) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Ketika membincangkan perkara penting dalam persidangan itu, satu syor mengenai hubungan antara Malaya dengan Indonesia menarik perhatian Dato' Onn sebagai pengerusi majlis ini. Cadangan itu diutarakan oleh Parti Kebangsaan Melayu Perak yang menegaskan Parti itu tetap dengan dasar perjuangannya yang mahu menubuhkan Indonesia Raya yang merangkumi semua wilayah yang penduduknya terdiri daripada rumpunan Melayu.

Parti Kebangsaan Melayu Perak mahukan supaya Bumiputera Tanah Melayu - orang Melayu mengadakan hubungan yang rapat dengan Bumiputera Indonesia kerana, menurut jurubicarannya, orang Melayu dan orang Indonesia satu keturunan, satu bangsa. Dengan berterus terang, wakil parti telah melahirkan hasrat pertubuhan yang diwakilinya untuk mencapai kemerdekaan di bawah bendera Sang Saka Merah Putih - bendera dan lambang Negara Indonesia.

Memang benar bahawa penduduk Indonesia dan Tanah Melayu berasal daripada satu rumpunan bangsa, yang juga sama darahnya dengan penduduk Bumiputera Filipina. Akan tetapi ketiga-tiga wilayah tersebut masing-masing diperintah oleh Belanda, Inggeris

dan Amerika. Oleh itu, kehidupan sosial dan politik setiap negeri sangat berbeza antara satu sama lain kerana setiap kuasa yang memerintah itu mempunyai cara-cara tersendiri untuk mentadbir tanah jajahan takluk masing-masing, sesuai dengan kepentingan mereka. Pemerintahan asing yang berjalan begitu lama di wilayah tersebut telah melahirkan pandangan dan fahaman yang berbeza di kalangan penduduk yang serumpun itu dan mendiami tiga kawasan yang berbeza: Indonesia, Malaya dan Filipina.

Dalam bulan terakhir pendudukan Jepun, beberapa orang ahli politik Indonesia, khasnya dari Sumatera, datang ke Malaysia untuk meninjau fikiran orang Melayu tentang kemungkinan menubuhkan sebuah republik Melayu atau Melayu Raya, yang terdiri daripada Sumatera, Jawa, Malaya dan wilayah lain yang terletak di dalam seluruh gugusan Kepulauan Melayu. Peninjau tersebut menemui pemimpin Melayu di Tanah Melayu, seperti Dato' Onn, berhubung rancangan tersebut. Mereka cuba mempengaruhi pemimpin Melayu yang berpengaruh supaya menerima gagasan itu, apabila sampai masa mengisytiharkan bersama kemerdekaan yang ditunggu-tunggu itu. Mereka ingin melihat gagasan Melayu Raya terbentuk dan diisytiharkan wujud sebaik sahaja tamatnya Perang Dunia Kedua di Asia Tenggara dan di Timur Jauh.

Kepada peninjau dari seberang Selat Melaka itu, Dato' Onn menjelaskan bahawa tidak mungkin Semenanjung Tanah Melayu turut serta dalam sesuatu rancangan seperti itu memandangkan keadaan sosial, politik dan ekonomi yang berlainan di Indonesia dan Malaya. Penubuhan sesebuah gagasan seperti itu memerlukan masa yang panjang untuk kedua-dua belah pihak membuat kajian dengan sedalam-dalamnya supaya pelaksanaannya tidak terbantut di tengah jalan.

Tetapi sebab yang paling besar mendorong Dato' Onn menguzurkan diri daripada terlibat secara langsung di dalamnya ialah kebimbangannya tentang kemungkinan tenggelamnya Tanah Melayu di dalam sebuah republik sebesar Melayu Raya yang dicadangkan itu, dan kemungkinan Indonesia, sebagai unit yang paling besar dalam gagasan itu, mengatasi atau menguasai bahagian lain yang kecil seperti Malaya. Perhitungan yang teliti perlu diambil sebelum sesuatu keputusan menyertai rancangan itu dibuat kerana jika sudah terlibat, bukanlah mudah hendak menarik

diri keluar kerana pada ketika itu, tempat berpijak sudah tiada lagi dan tempat berpaut sudah terlepas.

Ketika mengulas cadangan para perwakilan Parti Kebangsaan Melayu Perak itu, Dato' Onn tidak menafikan tentang wujudnya persamaan antara Bumiputera Tanah Melayu dan rakyat Indonesia dari segi bangsa keturunan, bahasa, agama dan kebudayaan. Tetapi beliau merasa keberatan memberikan sokongannya kepada langkah itu kerana beberapa faktor yang penting, di antaranya ialah:

1. Indonesia lebih besar dan penduduknya lebih ramai daripada Malaya.
2. Pergabungan yang dicadangkan itu akan menenggelamkan keperibadian Malaya yang dianggap oleh penduduknya ada mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbiran yang lebih teratur daripada Indonesia; dan
3. Corak hubungan luar negeri Indonesia tidak serupa dengan dasar hubungan luar Malaya yang memberikan keutamaan kepada kuasa demokrasi Barat daripada kuasa dunia lain yang tidak mengamalkan pemerintahan demokrasi.

Dato' Onn cukup menyedari hasrat dan perasaan orang Melayu mengenai perhubungan atau pergabungan Malaya-Indonesia. Pada masa itu, soal ini sangat sensitif di kalangan orang Melayu. Jangan mudah membantah atau membangkang secara melulu, nescaya padah akibatnya. Tetapi beliau juga cukup insaf akan harapan untuk mencapai cita-cita seperti itu.

Penduduk Tanah Melayu yang hampir lebih separuh terdiri daripada bukan Melayu, tentulah tidak dapat menerima bulat-bulat rancangan hendak menyatukan kedua-dua buah negeri yang berasal daripada bangsa yang serumpun. Mustahil bahawa mereka akan berdiam diri, berpeluk tubuh sahaja, jika rancangan Melayu Raya itu dipaksakan ke atas mereka, sama seperti Malayan Union yang dipaksakan ke atas orang Melayu. Tambahan lagi, musuh kebebasan atau kemerdekaan, British dan Belanda, tidak akan senang hati atas kehilangan tanah jajahan yang kaya raya seperti Malaya dan Indonesia tanpa bertindak, sekurang-kurangnya menggalakkan sesuatu gerakan ke arah menggagalkan rancangan Melayu Raya itu.



Orang bukan Melayu di Malaya, khususnya orang Cina, lebih-lebih lagi akan menolak sebarang rancangan seperti itu apabila mereka mengkaji akan dasar Indonesia terhadap penduduk bukan Bumiputera, khususnya orang Cina, di negeri itu.

Bagaimanapun, dari segi sentimen, Dato' Onn berpendapat tidaklah bijak baginya menolak mentah-mentah akan cadangan yang dikemukakan oleh Parti Kebangsaan Melayu dalam persidangan yang sedang dipengerusikannya itu. Mungkin beliau lebih suka melihat adanya kerja sama dalam usaha menolak sesuatu daripada adanya kerja sama dalam usaha menerima sesuatu.

Dalam ulasan selanjutnya, Dato' Onn berkata, "Pekerjaan menyatukan bangsa ke seberang laut itu ialah suatu perkara yang amat mustahak tetapi hendaklah disatukan perpecahan antara sesama sendiri terlebih dahulu, kemudian baharulah kelak dapat dicantumkan dengan yang lebih besar . . . Di seberang Selat, ada 70 juta umat yang sebangsa dengan kita. Hal ini saya junjung tinggi dan saya terima. Tetapi di benua Amerika, tak ada saya dengar mereka hendak bersatu atau bercantum dengan British. Umat Melayu mesti menjaga hak dan faedah dirinya sendiri terlebih dahulu."

Tidak dinafikan bahawa ada setengah-setengah orang Melayu, sama ada pemimpin masyarakat atau tokoh politik, dalam hati kecilnya, mempunyai perasaan ingin melihat bercantumnya negara yang sebilangan besar penduduknya berasal daripada bangsa serumpun seperti di Indonesia dan Filipina. Pernah juga pada masa lampau, penganjur atau tokoh politik Melayu Semenanjung mengutarakan supaya Indonesia dan Tanah Melayu disatukan dalam sebuah gagasan seperti Melayu Raya. Pernah juga timbul cadangan supaya diwujudkan sebuah gabungan atau "Confederation" negara Malaya, Filipina dan Indonesia. Cadangan ini pernah mendapat sokongan atau dorongan daripada pemimpin di setiap negara berkenaan hingga rancangan itu menjadi begitu popular dan dinamakan Maphilindo. Tun Abdul Razak pernah disebut-sebut sebagai perancang Maphilindo.

Projek Maphilindo berlainan sama sekali daripada gagasan Melayu Raya seperti yang pada mula-mulanya disokong kuat oleh tokoh politik Tanah Melayu seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Tan Sri Sardon dan Samad Ismail. Dalam bukunya yang berjudul *The Voice of Asia*, diterbitkan pada 1951, James

Michener melaporkan Samad Ismail sebagai berkata, antara lain, "bahawa sangatlah logik bagi Tanah Melayu menyertai Republik Indonesia kerana kita mempunyai hubungan darah, keturunan, kebudayaan, ekonomi, agama dan sejarah dengan Indonesia. Pada suatu hari nanti, kami akan bercantum semula dengan mereka sebagai sebahagian daripada sebuah Republik yang kuat."

Projek Maphilindo sudah semestinya mendapat sambutan daripada anasir yang menyokong gagasan Melayu Raya, tetapi setelah dikaji dengan teliti, pemimpin kebangsaan Malaysia, seperti Tun Abdul Razak, mendapati bahawa projek itu tidak sesuai memandangkan keadaan semasa yang wujud di Malaysia kerana adanya bibit perkauman. Sekiranya dilaksanakan, projek Maphilindo itu dipercayai akan merugikan Malaysia.

Pada waktu terakhir pendudukan Jepun, ramai tokoh politik Tanah Melayu berulang-alik ke Indonesia dan mengadakan rundingan dengan pemimpin Indonesia seperti Sukarno, Hatta dan Muhammad Yamin untuk mencantumkan Tanah Melayu dengan Indonesia apabila sampai masa mengisytiharkan kemerdekaan sebaik sahaja tamatnya Perang Dunia Kedua di Asia Tenggara dan Timur Jauh. Satu perjanjian mengisytiharkan kemerdekaan bersama telah dipersetujui oleh rombongan Indonesia yang melawat Tanah Melayu dan KMM (Kesatuan Melayu Muda) yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob. Perjanjian ini diiktiraf oleh Sukarno dan Hatta ketika mereka singgah di Taiping pada Ogos 1945 dalam perjalanan pulang ke Jakarta setelah menemui pembesar tentera Jepun di markas mereka di Dalat, Vietnam Selatan berhubung dengan perkara kemerdekaan Indonesia. Tan Sri Sardon turut serta dalam upacara pengiktirafan itu. Oleh kerana KMM tidak mendapat sokongan daripada bangsa Melayu seluruhnya dan tidak terkenal dan tidak bertunjang kejap seperti UMNO pada 1946, maka perjuangan kemerdekaannya kandas di tengah jalan.

Dato' Onn tidak dapat menyokong langkah hendak mencantumkan Indonesia dan Tanah Melayu sebelum Indonesia Raya diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka. Beliau lebih suka melihat kedua-dua negara itu mencapai kemerdekaan dengan secara bersendirian dan setelah itu baharulah diadakan rundingan antara kedua-duanya mengenai percantuman itu. Tetapi sebelum perkara ini tercapai, beliau menegaskan betapa perlunya dijalan-

kan usaha untuk menyatupadukan umat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, dan tidak terburu-buru menempuh jalan yang lebih sukar, yang akhirnya membawa kepada gagalannya segala usaha membina dan memajukan bangsa dan negara.

Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan kalau sejak itu lagi, lawan politik Dato' Onn menuduhnya bersikap anti-Indonesia. Dato' Onn tidak pernah berucap atau bertindak anti-Indonesia tetapi sebaliknya beliau pernah mencadangkan supaya orang Indonesia dibawa masuk ke Tanah Melayu untuk menambahkan bilangan orang Melayu supaya tidak tenggelam dalam lautan kaum bukan Melayu yang kadar pertambahan bilangannya mengatasi kadar tambahan bilangan penduduk bumiputera.

Dato' Onn mempunyai dasarnya sendiri mengenai perhubungan antara Indonesia dengan Malaysia, dan dasarnya mempunyai cara yang berlainan daripada cara orang lain untuk mencapai tujuannya. Beliau menentang pemberontakan dalam apa juga bentuknya tetapi beliau sentiasa menyokong usaha pembaharuan yang mendatangkan sebesar-besar faedah kepada bangsa dan negara.

Dato' Onn juga ingin melihat wujudnya sebuah gagasan yang sesuai dengan nama Melayu Raya jika itu meliputi Malaysia, Filipina dan Indonesia dalam bentuk Maphilindo. Hasratnya ini dilahirkannya dalam satu temu ramah dengan James Michener. Dato' Onn berkata:

Apa yang saya suka melihat ialah terubuhnya sebuah Melayu Raya yang mengandungi Malaya, Indonesia Borneo dan mungkin juga Filipina. Dalam Negara Kesatuan yang itu kita dapat membina suatu bangsa yang besar . . .

## Penghormatan Negara



Dato' Onn meninggal dunia pada hari Jumaat 19 Januari 1952 ketika beliau berusia 67 tahun. Beliau menghembuskan nafas terakhir dalam pangkuan isteri yang dikasihinya, Datin Halimah, dan dihadapi oleh sanak saudara dan kaum keluarganya dari jauh dan dekat. Beliau dilahirkan di ibu kota Negeri Johor, dan di sanalah juga beliau berpindah ke alam yang kekal dalam suasana yang tenang. Beliau menghidap penyakit lemah jantung buat beberapa ketika sebelum meninggal.

Berita kematian putera Tanah Melayu dan jaguh politik kebangsaan yang ulung itu diterima dengan rasa sedih dan masyghul yang amat sangat oleh rakyat jelata di seluruh negara. Antara berjuta-juta penduduk Malaya yang terharu dengan kehilangan anggota Parlimen yang berkaliber besar dan negarawan yang paling bijak itu ialah Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Pada saat keharuannya itu, beliau, dengan serta-merta, mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberikan penghormatan terakhir kepada Dato' Onn dengan mengadakan istiadat pengkebumian negara kerana mengenangkan jasanya yang tidak ternilai kepada bangsa dan nusa.

Jenazah Dato' Onn, setelah disembahyangkan di Masjid Abu Bakar, dibawa ke Istana Besar dan di sanalah selama dua jam rakyat daripada semua bangsa dan agama dari seluruh negara datang menziarahinya sebelum beliau dibawa ke Perkuburan di-Raja Mahmudiah. Tembakan meriam hormat 17 kali dilepaskan sebaik sahaja jenazah itu dibawa keluar dari Istana Besar di atas sebuah kereta meriam yang ditarik oleh anggota Angkatan Laut di-Raja Malaya dengan diiringi oleh hampir 300 orang anggota dan pegawai perwakilan daripada Angkatan Bersenjata Tanah Melayu dan Timbalan Setia Negeri Johor.

Turut serta mengiringi jenazah itu ialah Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, sebagai wakil Yang di-Pertuan Agong; Menteri-menteri Kabinetnya seperti Tun Dr. Ismail, Tun Sambanthan dan Tun Leong Yew Koh; Speaker Dewan Rakyat, Dato Haji Muhammad Noah; Yang Dipertua Dewan Negara, Dato Haji Abdul Rahman; Tunku Mahkota Johor sebagai wakil Sultan; Tengku Daud Tengku Besar Burhanuddin sebagai wakil Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan; Ketua Menteri Melaka, Encik Ghafar Baba, Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato Dr. Muhammad Said; Tuan Haji Ya'acob Muhammad sebagai wakil Kerajaan Singapura; Cancellor Universiti Singapura, Dato Lee Kong Chian; anggota-anggota di-Raja Johor; Menteri Besar Johor dan pembesar-pembesar negeri dari semua daerah dalam Negeri Johor.

Beribu-ribu orang ramai, di dalam hujan yang turun mencurah-curah selama hampir setengah jam memagari kiri kanan jalan raya yang dilalui oleh angkatan jenazah itu sejauh hampir dua batu dari Istana Besar ke Perkuburan di-Raja Mahmudiah. Bendera Tanah Melayu dikibarkan separuh tiang di seluruh negara dan bendera Negeri Johor dinaikkan separuh tiang di seluruh negeri itu sebagai tanda rakyat berkabung kerana kematian negarawan yang teragung.

Dato' Onn dipusarakan bersebelahan makam ayahnya, Dato Jaafar bin Haji Muhammad, dan abangnya, Dato Mustafa. Mereka juga pernah menjadi Menteri Besar Johor sebelum Dato' Onn menurut jejak langkah mereka.

Keluarga Dato' Onn menerima ucapan takziah sepanjang hari itu daripada pembesar negeri, wakil pemerintah asing, pemimpin masyarakat, sosial, buruh dan politik dari jauh dan dekat, tidak putus-putus.

Dalam ucapan takziahnya, Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang, Encik Narayanan, menyifatkan Dato' Onn sebagai "Bapa Nasionalisme Malaya" dan beliau mencadangkan supaya dibina sebuah tugu untuk memperingati Allahyarham.

Dato Bandar Pulau Pinang, Ooi Thiam Siew berkata: "Saya sentiasa menghormati Dato' Onn sebagai seorang putera Malaya yang ikhlas dan jujur dan telah mengorbankan sebanyak-banyak masa hidupnya untuk berkhidmat kepada negara dan bangsa."

Dato Bendahara Perak, Dato C.M. Yusuf turut berucap: "Dato' Onn ialah seorang yang mempunyai keyakinan yang kuat dan mempunyai keberanian melahirkannya. Dengan meninggalnya Dato' Onn, negara kehilangan satu-satunya ahli Parlimen yang paling bergeliga."

Setiausaha Agung UMNO (1962), Dato Hussein Nordin pula menegaskan: "Nama Dato' Onn akan tercatat dalam sejarah Malaya dengan tinta emas."

Selang beberapa hari selepas perkebumiannya di Perkuburan di-Raja Mahmudiah, Johor Bahru, Dewan Rakyat bersidang untuk memberikan penghormatan terakhirnya kepada Dato' Onn dan mengucapkan takziah kepada balunya, Datin Halimah, dan keluarga Dato' Onn seluruhnya. Anggota Dewan bertafakur selama dua minit dan pada ketika itu kelihatan air mata masing-masing bergengang sambil Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, membentang usul takziahnya kepada sidang Parlimen.

Dalam ucapannya yang dilafazkan dengan suara yang penuh dengan kesedaran, Tunku mengingatkan wakil rakyat dan seterusnya sekalian rakyat Malaya bahawa Dato' Onnlah yang merekakan bendera Persekutuan sambil mengumumkan bahawa sebatang jalan akan diberi nama Jalan Dato' Onn. Usul Tunku itu berbunyi: "Bahawa Dewan Rakyat mengambil ingatan dengan sedihnya atas kematian Dato' Onn bin Jaafar dan mengucapkan takziah kepada balu dan keluarganya." Seterusnya Tunku berkata, "Dengan kehilangan itu, orang Melayu dan kaum lain di negara ini kehilangan seorang pemimpin yang baik yang telah bekerja kuat dan berkhidmat kepada negara . . . Ia telah menyelamatkan keadaan semasa berlaku pergaduhan kaum di Batu Pahat selepas perang . . . Sungguhpun dasar Dato' Onn bertentangan dengan dasar parti saya, kami merasa sangat megah dapat menentang lawan sepertinya. Dato' Onn ialah seorang manusia yang luar biasa sama ada sebagai kawan ataupun lawan."

Ucapan daripada anggota Parlimen lain pada ketika itu adalah seperti berikut: Dr. Burhanuddin: "Sesungguhnya Dato' Onn ialah satu-satu pemimpin Melayu yang terkenal di seluruh Asia Tenggara." Tun Tan Siew Sin: "Dato' Onn bolehlah dianggap sebagai Baba UMNO. Dialah orang yang pertama menaruh keyakinan bahawa Malaya boleh mencapai kemerdekaan dalam masa

ke sepuluh tahun . . . Dato' Onn ialah seorang ahli Parlimen yang berjiwa besar. Ia tidak pernah membiarkan faham politik yang berbeza mengganggu perhubungan peribadi. Sebesar-besar sanjungan yang dapat diberikan oleh Dewan ini kepadanya, ialah mencuba menyaingi garis-garis (darjah) tinggi yang telah diciptanya." D.R. Seenivasagam: "Sungguhpun pendapat politik kami berlainan, Dato' Onn ialah seorang 'gentleman' yang tinggi intelek dan luas pemahamannya."

Dato' Onn dilahirkan dalam zaman tanah tempat tumpah darahnya masih berada di bawah pemerintahan asing, iaitu penjajahan British. Tetapi beliau meninggal dunia semasa bangsa dan nusa yang dicintainya mencapai kemerdekaan dan wujud dengan penuh kedaulatan, hasil daripada perjuangan keringat dan semangat serta pengorbanan rakyat jelata di seluruh negara.

Dato' Onn, dalam masa hidupnya, menempuh dua zaman – zaman penjajahan dan zaman kemerdekaan, zaman kehambaan dan zaman ketuanan – dengan dirinya sendiri terlibat secara langsung dengan aktifnya. Beliau mengalami gaya dan rentak ragam kedua-dua zaman itu dengan memperlihatkan sikap keperwiraan dan kebijaksanaan yang sukar dicari taranya di kalangan tokoh politik atau pemimpin kebangsaan yang segenerasi atau semasa dengannya.

Dato' Onn, dalam arena politik, membumbung tinggi mengatasi, dan jauh ke hadapan mendahului, rakan-rakan seperjuangan dan lawan-lawannya. Tetapi lebih penting daripada itu ialah Dato' Onn mengambil bahagian yang besar, dan meninggalkan banyak kesan dalam lapangan pentadbiran, sosial dan kebudayaan; dan dalam arena politik dalam masa penjajahan dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Jasa Dato' Onn yang paling besar kepada bangsa dan nusa, yang tidak akan dilupai zaman, ialah kejayaannya menyatupadukan seluruh umat Melayu ketika Tanah Melayu dilanda oleh malapetaka politik – Malayan Union – malapetaka politik yang paling besar pernah menimpa bangsa Melayu. Beliau membina landasan untuk mereka meneruskan perjuangan ke arah kemerdekaan pada akhirnya. Beliau berhasil mengubah semangat dan konsep perjuangan kebangsaan daripada "Hidup Melayu" kepada "Merdeka."

Dato' Onn menaja RIDA (Sekarang MARA) untuk membuka peluang perdagangan dan perusahaan kepada orang Melayu yang tertutup sepanjang masa Tanah Melayu dikuasai oleh penjajah. Beliau menyedari kelemahan orang Melayu dalam lapangan ekonomi, tetapi beliau yakin sepenuhnya bahawa kedudukan politik tidak boleh kekal dengan kuat jika keadaan ekonomi lemah atau pincang dalam sebuah negara merdeka yang moden. Nasib ekonomi orang Melayu pada masa hadapan bergantung kepada jaya atau tidaknya MARA melaksanakan rancangannya meninggikan taraf hidup bangsa Melayu.

Dato' Onn berjaya mendapatkan sokongan rakyat dan peme-rintah untuk mewujudkan suatu dasar negara yang menjadikan bahasa Melayu bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan. Ini adalah satu sumbangan yang paling besar daripada Dato' Onn kepada negara dalam kempen Kerajaan Tun Abdul Razak menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum, kepercayaan serta kebudayaan.



# Lampiran 1

Ucapan Dato' Onn di Kongres Melayu se-Tanah Melayu yang pertama pada 1946:

Sebelum saya berucap atas tujuan berkenaan fasal yang pertama dalam agenda mesyuarat ini, saya ucapkan terima kasih dengan setulus-tulus hati kerana kehormatan tinggi yang telah tuan-tuan kurniakan kepada saya dengan melantik saya sebagai pengerusi persidangan yang sangat besar dan dalam maknanya ini.

Kepercayaan tuan-tuan atas saya ialah suatu benda yang tidak dapat saya lafazkan dengan lidah. Perbuatan tuan-tuan atas saya ialah suatu lafaz kepercayaan tuan-tuan atas mustahaknya persidangan sebagaimana adanya perkumpulan di sini hari ini, dan atas kemahuan dan keazaman tuan-tuan, daripada rundingan-rundingan dan keputusan-keputusan hari ini hendak menciptakan tapak-tapak bangunan yang akan menghasilkan dan membuktikan cita-cita bangsa kita yang telah lama diidam-idamkan, iaitu persatuan di antara kita sendiri.

Apakah maksud dan tujuan yang telah menyebabkan kita berhimpun beramai-ramai di sini pada hari ini?

Ada pun maksud dan tujuan kita itu ialah keyakinan diri kita bahawa nasib bangsa kita hanyalah akan dapat diperkekalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah akan dapat dipelihara dengan berpegang teguh kepada suatu kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa sekali pun.

Sungguhpun ada di antara kita yang berlain-lainan fikiran dan faham serta berlain-lainan taraf dan kedudukan, tetapi hakikat tujuan dan maksud kita hanya satu jua: iaitu kita hendak meninggalkan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita, kita berkehendak supaya tanah air dan bangsa kita terselamat dan kuat, dan hanyalah boleh kuat jika kita bersatu padu. Dan lagi kita berkehendak kepada mengambil bahagian dan pikulan kita pada menolakan keaipan yang disebabkan oleh kebinasaan dan kehapusan bangsa kita. Kita berkehendak melihat supaya berhasil persatuan di antara bangsa kita, disokong dan dibantu dengan sepenuh-penuh serta secukup-cukup kekuatan menurut kehendak zaman yang ada ini.

Pada waktu dan zaman kehidupan kita setelah ditimpa oleh suatu peperangan yang tiada bandingannya di dalam tawarikh dunia ini maka sekalian manusia di dalam segala negeri adalah berharap akan dapat

merasai suatu keadaan hidup yang lebih baik dan lebih selamat daripada yang sudah.

Adakah kita hendak memandang sahaja akan hal-hal itu atau adakah kita berkehendak jua menyaingi mereka itu? Belumlah pernah ada kepada kita suatu peluang bagaimana yang ada ini untuk memilih yang mana yang kita kehendaki itu: Adakah kebahagiaannya atau kecelakaannya? Untuk memilihnya adalah terbuka kepada tuan-tuan sekalian. Timbangan neraca nasib bangsa kita itu adalah di dalam genggamannya tuan-tuan pada hari ini.

Keputusan dan pilihan tuan-tuan itulah yang akan menentukan sama ada sekiranya kita akan mengambil bahagian yang terpuji pada membebankan timbangan neraca itu kepada mendatangkan kepercayaan daripada kebimbangan dan kebahagiaan daripada kesengsaraan.

Kemudian daripada kemalangan yang terbit daripada peperangan dunia yang baru lepas ini, maka bangsa-bangsa dunia telah bersatu padu mengadakan suatu ikhtiar bagaimana hendak terselamat daripada dibinasakan oleh bangsa lain serta supaya mengadakan satu ikhtiar bagi membetulkan perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan kepadanya dengan tidak payah lagi bermusuhan-musuhan. Daripada ikhtiar itu lahirlah UNO (United Nations Organization).

Orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini telah mendirikan persekutuan, persatuan, kesatuan parti dan pergerakan - kesemuanya dengan tujuan hendak menyatukan dan memperbaiki keadaan kehidupan bangsanya.

Sebagaimana juga bangsa-bangsa dunia telah berkumpul mengadakan suatu ikhtiar bagi keselamatannya dan supaya mempertahankan serangan ke atasnya dan supaya perkara-perkara yang mendatangkan kesusahan kepadanya dan kepada orang-orangnya boleh dapat diperbaiki, maka demikian itu jugalah persatuan-persatuan Melayu dan lain-lain itu berkumpul di sini pada hari ini dengan tujuan supaya kesusahan-kesusahan orang-orangnya dapat diperbaiki dan diselamatkan.

Adapun ikhtiar yang terbuka kepada umat Melayu ialah mengadakan persatuan di antara kesatuan-kesatuan mereka dengan berdiri dan berpegang teguh kepada persatuan mereka itu.

Dari segala ceruk rantau Semenanjung Tanah Melayu ini telah kedengaran kepada kita seruan supaya bersatu padu, dan pada hari ini kesungguhan seruan itu akan teruji dan tatkala diadakan ujian itu maka tuan-tuan yang mewakili mereka itu hendaklah bersatu suara supaya seruan itu akan dapat sahutannya.

Di luar negeri kita yang dahulu senang dan makmur maka sekarang adalah gelap gelita. Di dalam negeri kita sendiri, gambaran sebuah negeri yang makmur dan senang itu mengandungi penduduk-penduduk yang

tersenyum dan bersenang hati, telah dicemarkan oleh pergaduhan di antara bangsa-bangsa serta perbuatan-perbuatan yang menyalahi. Di atas kita adalah terbayang suatu bayangan yang gelap, iaitu tidak kita ketahui apakah dia dan suatu kebimbangan keadaan yang ada ini bukanlah sebagai yang patutnya.

Akan tetapi janganlah hal-hal ini mendatangkan kecil hati kepada tuan-tuan pada hari ini lebih daripada lain masa di dalam tawarikh dan kehidupan umat Melayu adalah menghendaki kita bersabar dan bertenang fikiran supaya dapat kita menimbangkan secara mana yang benar untuk menemui olak-olakan yang terbit daripada dunia itu.

Pada hari ini, lebih daripada lain-lain masa di dalam tawarikh bangsa kita adalah dikehendaki kita berkuat hati supaya dapat kita hadapi apa jua yang akan datang dengan kepercayaan di atas diri kita sendiri. Marilah kita tunjukkan kepada dunia, iaitu roh dan semangat datuk nenek kita itu masih ada lagi dengan kita. Marilah kita tunjukkan, iaitu kita masih boleh mengangkat kepala kita dan menatap dunia bagaimana orang yang benar dan kuat hatinya membuat. Marilah kita tunjukkan, iaitu seberat-berat paluan boleh kita pertahankan dengan tersenyum dan berhidup dengan lebih segar dari dahulu. Marilah kita tunjukkan, iaitu dengan persatuan di antara kita maka kita berkehendakkan mengazirkan satu bangsa yang lebih tegap dan subur, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tetap dan bersatu. Marilah kita mengaku akan diri kita tidak kurang sedikit pun dari lain-lain bangsa. Marilah kita bersatu dan berusaha bagi faedah bangsa kita dan marilah kita bekerjasama dan menyamakan perusahaan kita itu bagi melayakkan diri kita menjadi satu bangsa yang besar.

Bersatulah sebagaimana belum pernah kita bersatu dahulu dan berusahalah sebagaimana belum pernah kita berusaha.

Tunjukkanlah bahawa kita ini sebenar-benarnya keturunan datuk nenek kita yang menghadap merbahaya dengan bersatu hati.

Dengan bersatu itu sahaja akan dapat kita menghadap masa yang akan datang dengan harapan akan jaya cita-cita kita itu.

Hadapilah apa-apa yang akan datang itu dengan hati yang kukuh dan perasaan yang sabar serta dengan sepenuh-penuh kepercayaan di atas keikhlasan niat-niat dan tujuan kita itu. Insya Allah pada suatu hari kita akan hidup di dalam cahaya sinaran kemerdekaan sama taraf dengan orang-orang yang merdeka dan menjadi kemegahan kepada diri kita sendiri. Saya telah mendengar, iaitu persatuan di antara orang-orang Melayu akan menjadi merbahaya kepada lain-lain bangsa di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini. Akan tetapi saya tidak mengerti apa sebabnya. Sebaliknya pula persatuan umat Melayu itu akan menjadi lebih-lebih membawa kepada ketetapan dan keadilan di dalam negeri kita yang

di dalamnya kita sentiasa telah memberi akan tetapi tiada mendapat balasan yang berpadanan. Berlawan-lawan di dalam segala perkara kehidupan sememang telah ada dan masih akan ada lagi akan tetapi perlawanan yang benar tidak patut dibimbangkan bahkan patut disambut.

Sungguhpun pada masa setahun atau lebih yang baru lepas ini telah berlaku beberapa kejadian di antara bangsa-bangsa yang mencatatkan kehidupan beribu-ribu orang yang telah hidup dengan baik dari semenjak sebelum Semenanjung ini diperintahi oleh satu bangsa akan tetapi tiada patut dibimbang bahawa kesatuan di antara orang-orang Melayu itu akan membawa kepada pergaduhan dan perkelahian lagi.

Sebelum saya tutupkan percakapan saya ini maka saya hendak bercakap sedikit bagi maruah dan nama bangsa kita. Adapun tuan-tuan yang berhimpun di sini pada hari ini ialah wakil-wakil yang terpilih dan tiap-tiap sepatah perkataan serta tiap-tiap satu gerak-geri dan perbuatan tuan-tuan itu akan ditimbangan dan diperhatikan. Yang demikian itu jemputlah menjalankan rundingan kita dengan keadaan berbaik-baik dan berikhlasan hati dan jika sekiranya ada yang hendak mendatangkan teguran maka biarlah teguran-teguran itu barang yang bernas dan memberi faedah.

Tuan-tuan adalah dikehendaki memberi satu keputusan sahaja, iaitu adakah atau tidak hendak dijadikan U.M.O. (United Malays Organization). Butir-butir perdirian dan perjalanan U.M.O. itu ialah perkara yang tuan-tuan juga mesti menetapkan. Senya saya hanyalah meminta supaya fikiran dan syor yang berfaedah tatkala dibukakan peluang bagi merundingkan perkara-perkara itu. Demikianlah percakapan saya dengan mengulangi sekali lagi sepenuh-penuh terima kasih daripada hati saya yang ikhlas, adanya. (Kongres telah bersetuju kemudiannya dengan nama UMNO (United Malays National Organization dengan terjemahan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)

## L a m p i r a n 2

Ucapan terakhir Dato' Onn dalam persidangan Perhimpunan Agung UMNO pada 1951:

Tuan Pengerusi, Yang Amat Mulia Tengku dan wakil-wakil sekalian,  
Pada hari ini telah sampai masanya, saya menyerahkan teraju pimpinan serta ketuaan UMNO ini kepada tangan pengganti saya, Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman yang baru saja dilantik sebentar tadi. Dengan menyerahkan teraju itu, maka saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah bagi pihak ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan khasnya bagi diri saya sendiri yang disertakan dengan ucap selamat bekerja dan menjayakan UMNO ini selagi ia memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu, dan juga dengan jawatan itu menjadi penganjur Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini. Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Abdul Razak Bin Hussein yang telah dilantik dengan tidak ada musuhnya menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO ini, dan juga kepada Yang Berhormat Encik C.M. Muhammad Yusof yang telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua UMNO dan begitu juga kepada Encik Sardon bin Haji Jubir yang telah dilantik menjadi Ketua Perikatan Pemuda yang disertakan dengan menjadi Naib Yang Dipertua UMNO dan juga kepada Hajah Zain yang telah dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu bagi kali yang kedua yang disertakan dengan menjadi Naib Yang Dipertua UMNO.

Kepada Tuan Pengerusi sendiri saya mengucapkan tahniah oleh kerana dengan sebulat suara telah dilantik menjadi Pengerusi bagi tahun yang akan datang ini bagi Majlis Mesyuarat ini sungguhpun Tuan Pengerusi sendiri telah berbuat berbagai-bagai helah hendak menakutkan wakil-wakil yang ada. Susah hati saya tidak dapat hendak memberi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang baru, kepada tiap-tiap seorang. Memadailah diucapkan selamat sekaliannya barang siapa juga yang akan terpilih.

Yang Amat Mulia Tunku Yang Dipertua,

Dengan suka hati, ahli-ahli Jawatankuasa Kerja menyerahkan panduan dan pimpinan UMNO ini kepada Yang Amat Mulia Tunku, iaitu UMNO yang masih subur dan kuat pendiriannya dan UMNO yang diharapkan akan menjadi lebih subur dan lebih kuat dalam masa dipandu dan diterajukan oleh Yang Mulia Tunku Yang Dipertua.

Inilah kali yang akhir saya bangun bercakap di hadapan wakil-wakil Majlis ini sebagai Yang Dipertua UMNO, iaitu suatu jawatan yang saya telah pegang dari mulanya dijadikan UMNO ini, dikecualikan sedikit bulan pada tahun yang lepas.

Wakil-wakil sekalian tentulah ingat, iaitu UMNO ini telah diangan-angankan di dalam persidangan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur ini pada 2, 3 dan 4 Mac 1946, yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada berbagai-bagai pertubuhan di seluruh Tanah Melayu ini.

Persidangan itu telah dihimpunkan supaya mencari ikhtiar pada membantah akan Malayan Union yang didatangkan oleh pihak Kerajaan British pada bulan Oktober 1945. Maka terbit daripada persidangan itu, telah lahir Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang diperanakkan di Istana Besar, Johor Bahru pada 11 Mac 1946, iaitu lahirnya di sebuah istana raja. Maka dengan sebab itu telah berpadanan pula Yang Dipertuanya yang baru itu keturunan daripada darah raja.

Saya telah dilantik menjadi yang Dipertua yang pertama bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu dan bagaimana saya telah berkata, saya telah memegang jawatan itu hinggalah sebentar ini tadi, dikecualikan sedikit masa pada tahun yang lepas. Di dalam masa lima tahun yang lepas itu, telah dapat dibangunkan sebuah pertubuhan yang pada hari ini teraku menjadi pertubuhan yang pertama yang dipunyai oleh orang-orang Melayu.

Pada awalnya, pertubuhan kebangsaan ini ialah mengandungi beberapa persekutuan-persekutuan yang bergabung kepadanya akan tetapi pada tahun 1949 maka UMNO telah menyusun semula perdiriannya dan telah mengadakan ahli-ahli yang berdaftar terus sama ada yang biasa ataupun yang bersekutu, beserta dengan ahli-ahli yang bergabung yang hanyalah tinggal pada hari ini tiga buah sahaja daripada yang asal, iaitu Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Sabak Bernam dan Saberkas, Kedah.

Patutnya di sini, di dalam ucapan saya yang akhir ini, saya menyebut darihal Persatuan Melayu Sabak Bernam, ialah sebabnya persatuan itulah yang telah menyokong UMNO daripada asal diangan-angankan hinggalah kepada hari ini. Persatuan yang tidak pernah mungkir membayar yuran persatuannya itu dan persatuan yang tidak pernah tidak dapat menghantarkan wakil-wakilnya ke dalam persidangan ini. Ini ialah suatu teladan yang patut dicontohi oleh lain-lain persekutuan yang bergabung dan terutama sekali oleh tiap-tiap bahagian yang ada di dalam golongan UMNO ini.

Semenjak daripada tahun 1949 itu maka UMNO telah mendirikan beberapa buah bahagian di dalam tiap-tiap sebuah negeri di Semenanjung

Tanah Melayu ini, dan tiap-tiap bahagian itu telah mendirikan cawangan-cawangannya, dan pada hari ini dengan adanya perdirian bahagian-bahagian dan cawangannya itu maka jumlah ahli-ahli UMNO yang berdaftar terus itu telah sampai kepada angka lebih daripada 110,000 orang.

Satu daripada perubahan yang diadakan pada tahun 1948, ialah bagi pihak UMNO ini melapangkan pintunya kepada orang-orang yang bukannya daripada bangsa Melayu, atau orang-orang yang tidak boleh melayakkan dirinya menjadi ahli biasa di dalam UMNO ini supaya masuk pula menjadi ahli yang bersekutu.

Kepada diri saya sendiri, telah menjadi suatu dukacita, iaitu Majlis Mesyuarat ini tatkala dibawa syor ke hadapannya bagi dibukakan pintu UMNO ini kepada barang siapa yang berkehendak menjadi ahlinya, dengan syaratnya menerima tujuan-tujuan UMNO itu serta menerima Undang-undang Tubuhnya, maka telah jadi dukacita kepada diri saya sendiri, iaitu cadangan itu telah tidak diterima oleh Majlis ini, melainkan telah dibukakan sekerat sahaja pintu UMNO itu kepada ahli-ahli yang bersekutu yang tidak mempunyai sesuatu hak pun di dalam pertubuhan itu. Saya telah berasa dan saya masih lagi berasa, iaitu sekatan itu ialah suatu langkah yang kelak pada belakang hari akan mencacatkan perdirian UMNO sendiri dan saya sukacita pula, iaitu pada sebelah pagi tadi Majlis Mesyuarat ini telah menolak suatu cadangan supaya dihapuskan sekali ahli-ahli yang bersekutu itu.

Sungguhpun UMNO ini telah menerima bebanan, berbagai-bagai teguran dan cercaan daripada orang-orang yang hanyalah pandai menegur dan mencerca sahaja, akan tetapi yang dirinya sendiri tidak sedia atau berkehendak mencampurkan dirinya mengambil bahagian pada membina-kan UMNO ini. Sungguhpun adanya pandangan orang-orang daripada bangsa Melayu sendiri yang suka bertenggek di atas pagar dan melihat lain-lain orang memikul pekerjaan yang berat-berat itu, dan sungguhpun ada beberapa halangan daripada beberapa pihak di Negeri-negeri Melayu, akan tetapi pekerjaan UMNO itu telah berjalan. Perdirian UMNO itu telah semakin tegap dan susunannya itu telah dapat dikemaskan.

Saya suka pula mengambil peluang ini menyebut atas jasa-jasa dan pekerjaan pegawai-pegawai UMNO dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO Bahagian Perak dan juga pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan di Perak itu, yang telah dapat menambahkan bilangan ahli-ahlinya sekali ganda lagi di dalam masa setahun yang lepas. Kejayaan itu telah didapati dengan sebab ada panduan yang sempurna dan juga ada pakatan di antara pegawai-pegawai, dan ahli-ahlinya.

Saya akan menyebut juga akan nama Bahagian Kedah yang telah dapat menambahkan bilangan ahlinya sekali ganda lagi banyaknya di

dalam masa setahun yang lepas ini sungguhpun menerima berbagai-bagai halangan dan kendala di negerinya itu. Perbuatan itu telah dapat diatasi dengan sebab kuat semangat serta hati pegawai-pegawai dan ahli-ahli di Bahagian Kedah itu.

Sekiranya wakil-wakil menyelak Penyata Tahunan UMNO ini, pada lembaran yang pertama, akan didapati, iaitu lebih daripada 60 peratus bilangan ahli-ahli UMNO adalah duduknya di dalam tiga buah negeri sahaja, iaitu Perak, Johor dan Kedah. Sekiranya pula dibandingkan bilangan penduduk-penduduk Melayu, maka barang mustahil sekiranya dikerjakan dengan sebenarnya, lain-lain yang kececeran itu tidak boleh dapat ahlinya sebanyak ataupun sekurang-kurangnya dekat sebanyak yang didapati oleh Perak atau Johor atau Kedah itu.

Di dalam sebuah negeri dalam mana jalan-jalan sangatlah kurang bagaimana kita sendiri telah mendengar rayuan daripada wakil-wakil UMNO dari negeri itu, di mana keadaan orang-orang penduduk di pekan-pekan dan di kampung-kampung adalah dan bolehlah dikatakan kebelakangan daripada lain-lain penduduk di lain-lain negeri, di mana orang-orang negeri itu boleh juga dikatakan ada kurang sekali mengambil bahagian atau campuran di dalam pemerintahan kampungnya sendiri apatah lagi negerinya. Maka di dalam negeri yang seumpama itu, iaitu negeri Pahang, UMNO telah dapat menjalankan pekerjaannya serta mengadakan Bahagian dan Cawangannya, sungguhpun tidak mendapat sokongan yang penuh atau yang sepatut didapatinya daripada pihak-pihak yang patut menolong di dalam negeri itu, dan kepada pegawai-pegawai, ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli UMNO di negeri Pahang, bagi pihak Jawatankuasa yang akan menyerahkan kerja-kerjanya pada hari ini, maka saya ucapkan tahniah dan selamat.

Dari satu ke satu masa, maka ada juga orang-orang Melayu kita sendiri tidak terkecuali surat khabar Melayu, tidak memperhargakan jasa atau perbuatan UMNO itu di dalam lapangan siasah, di dalam lapangan pergaulan, di dalam lapangan iktisad dan lain-lain. Melainkan golongan itu termasuklah juga - lagi sekali - saya katakan surat khabar Melayu kerapkali suka menidak-nidak ataupun mengecil-ngecilkan perbuatan UMNO itu.

Diri saya sendiri pula tidak begitu mengambil berat di atas teguran atau cercaan yang datang daripada pihak yang seumpama itu, pihak yang sememangnya suka membesarkan perkara yang kecil dan mengecilkan perkara yang besar, pihak yang hanyalah tahu memuji perbuatannya sendiri tetapi tidak dapat mencari suatu keelokan daripada perbuatan lain-lain orang, bagaimana pepatah Melayu: Kuman di seberang nampak kepada matanya, gajah di tepi matanya sendiri tidak kelihatan.



Bagi menunjukkan bagaimana luasnya pandangan pihak ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO, maka beberapa orang daripada penegur-penegurnya yang kuat sekali telah disokong supaya diletakkan pula di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga beberapa buah Mesyuarat Kerajaan Negeri-negeri Melayu.

Saya berharap teguran yang didatangkan ke atas UMNO, teguran menuduhkan kelalaian UMNO, teguran yang menunjukkan kekurangan UMNO, maka orang-orang yang seumpama itu akan dapat pula membuktikan usahanya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan itu supaya tidaklah pula Yang Amat Mulia Tunku Yang Dipertua baru ini pun terpaksa menempelak bagaimana diri saya pada hari ini.

Sebelum saya mengarahkan percakapan ini kepada perkara yang lain-lain, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO atas sokongannya dalam masa saya memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu sama ada dalam tahun yang lepas ataupun dari semenjak terdirinya UMNO ini, dan dengan mengucapkan terima kasih itu saya suka juga mengambil peluang menyebut khas kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli anggota Ibu Pejabat UMNO yang telah bekerja dengan ikhlas hati dengan bersungguh-sungguh mengelolakan berbagai-bagai pekerjaan yang ditanggungkan oleh Pejabat Setiausaha Agung itu dengan dapat pula mengemaskan segala pekerjaannya hingga teratur kerja-kerja di dalam Pejabat itu.

Kepada Yang Berhormat Haji Abdul Wahab Dato Panglima Bukit Gantang, saya mengucapkan terima kasih atas pekerjaannya semasa menjadi Setiausaha Agung UMNO yang pertama, begitu juga kepada Yang Berhormat Dato Zainal Abidin bin Haji Abbas yang menjadi Setiausaha Agung yang kedua dan kepada Yang Berhormat Kapten Hussein yang menjadi Setiausaha Agung yang ketiga dan khasnya kepada Encik Shamlan bin Muhammad Yusof yang telah bekerja di dalam Pejabat UMNO daripada asal didirikan.

Ibu Pejabat UMNO itu telah menanggung beberapa banyak pekerjaan bukan sahaja berkenaan dengan pejabatnya sendiri, akan tetapi berkenaan dengan urusannya dengan Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan UMNO.

Tuan Pengerusi dan wakil-wakil

Demikianlah saya menyatakan dihal UMNO itu dengan sangat ringkasnya dalam masa saya memegang jawatan Yang Dipertua Agung UMNO, tetapi saya tidak akan meninggalkan daripada menyebut dihal Perikatan Pemuda UMNO yang telah berdiri dengan kuatnya di belakang saya sendiri dan khasnya di belakang UMNO itu, yang telah menjaga di atas keselamatan diri saya sendiri dalam masa-masa perlawatan yang jarang-jarang dapat saya adakan kepada Bahagian-bahagian UMNO, dan juga

daripada menyebut darihal kaum Ibu UMNO yang saya rasa telah menyokong UMNO dan diri saya sendiri lebih kuat dan lebih teguh daripada segala golongan yang ada di dalam UMNO.

Tuan Pengerusi,

Oleh kerana majlis ini ada banyak pekerjaan lagi, saya sekarang akan berkata-kata sedikit darihal diri saya berkaitan dengan UMNO dan juga berkaitan dengan pertubuhan baharu yang saya mencadangkan berikhtiar hendak membangunkan tiada berapa lama lagi supaya bekerja dengan barang siapa yang berkehendak bagi faedah negeri ini dan faedah penduduk-penduduknya dengan tujuan utama, iaitu berkehendak mendirikan kemerdekaan Tanah Melayu ini.

Saya telah ditegurkan oleh kerana setelah menyatakan, iaitu saya berkehendak dan akan berikhtiar hendak menubuhkan sebuah parti yang baharu itu, maka saya masih juga tidak melepaskan jawatan Yang Dipertua UMNO ini. Sebabnya saya tidak melepaskan jawatan itu ialah, pertamanya, oleh memandang kepada dekatnya masa hendak diadakan Majlis Mesyuarat ini dan oleh kerana saya berfikir mustahak dan wajib bagi diri saya berdiri di hadapan tuan-tuan menerima apa juga teguran atau tikaman yang berkehendakkan didatangkan kepada diri saya sendiri.

Peluang itu telah saya bukakan dari semalam ke hari ini. Saya juga telah dituduhkan di dalam Majlis ini hendak lari daripada UMNO. Sekiranya saya sebenar-benarnya meletakkan jawatan Yang Dipertua UMNO, tiga bulan dahulu maka sepatutnya juga boleh dituduhkan saya hendak melarikan diri daripada UMNO. Akan tetapi saya masih menunggu juga sehingga memberi peluang kepada wakil-wakil UMNO menegur atas apa juga perbuatan saya yang difikirkan tidak disukai olehnya. Sebagai seorang yang ada mempunyai di dalam badan saya sendiri darah daripada baka Melayu dan Turki dan yang tidak tahu lari, barang mustahil saya hendak melarikan diri, bimbang hendak menentang kepada saya ataupun hendak bersahabat dengan saya.

Saya telah dituduhkan juga menderhaka kepada bangsa Melayu dan kepada negeri ini. Tuduhan yang seumpama itu saya pandang dengan sekeji-kejinya.

Selama di dalam kehidupan saya ini, saya telah bekerja kerana bangsa saya sendiri dan kerana penduduk-penduduk di negeri tempat kediaman saya, sepanjang-panjang umur saya, saya telah menentang beberapa perbuatan yang pada fikiran saya tidak sesuai dengan cara pemerintahan sesebuah negeri.

Saya juga telah dituduh berkehendak menjadi seorang diktator di dalam UMNO ini, akan tetapi sekiranya wakil-wakil sekalian memerhatikan cara bawaan dan pekerjaan di dalam majlis ini, sekiranya wakil-wakil membaca dengan halusnya syarat-syarat yang terkandung di dalam

Undang-undang Tubuh UMNO itu dan sekiranya wakil-wakil memandang kepada susunan UMNO itu sendiri, barang mustahil boleh didatangkan satu tuduhan seumpamanya itu ke atas diri saya.

Saya juga telah dituduh dengan sebab mengambil satu langkah kepada satu langkah berkehendak mengambil atau mencari faedah bagi diri saya sendiri ataupun kesenangan saya sendiri. Maka tuduhan ini pun saya sifatkan dengan sekeji-kejinya, oleh kerana perbuatan saya dalam masa yang lepas dan di dalam masa yang ada ini adalah berlawanan sama sekali dengan tuduhan yang seumpama itu.

Saya menentang kepada raja saya sendiri oleh kerana perbuatannya kepada anak negeri, maka saya telah diberhentikan daripada jawatan kerajaan dan dibuang dari negeri Johor itu. Oleh kerana kemudian daripada itu saya membantah lagi kepada raja saya sendiri di atas kezalimannya membuat rakyatnya, maka lagi sekali saya telah dihalaukan daripada jawatan kerajaan itu. Oleh kerana saya sendiri tidak dapat hendak menerima syarat-syarat yang didatangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ke atas saya, menyekat pekerjaan dan perjalanan saya semasa menjadi yang Dipertua UMNO ini, maka saya telah meletakkan jawatan Menteri Besar itu. Adakah langkah-langkah yang semacam itu, langkah seorang yang semata-mata mengejar kepada kesenangannya atau semata-mata berkehendak mencari kebesaran dirinya?

Saya telah dituduhkan lagi menjalankan pekerjaan dan gerak langkah yang mencacatkan kepada faedah-faedah UMNO dan dari itu dengan sindiran itu mencacatkan juga faedah penduduk Melayu di negeri ini. Tetapi cuba kita semak baik-baik apa yang ada tersebut di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu, iaitu tujuannya, ialah hendak mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Malaya ini. Itulah juga tujuan yang dicadangkan oleh Parti Kemerdekaan Malaya itu. Cubalah lihat kepada tujuan yang ketiga di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu, iaitu memajukan faedah-faedah orang Melayu dan khasnya ahli-ahli UMNO dalam hal yang berkenaan dengan perkara-perkara siasah dan kebajikan hidupnya serta kebudayaannya dan iktisadnya.

Maka tujuan parti Kemerdekaan Malaya itu ialah berkehendak mendirikan sebuah negara yang merdeka yang akan memberi timbangan yang sekata kepada penduduk-penduduknya bagaimana yang dikehendaki oleh agama kita sendiri. Segala tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu adalah seakan-akan dengan tujuan yang ada pada UMNO, dan sekiranya saya menubuhkan atau berikhtiar hendak menubuhkan sebuah pertubuhan yang seumpama itu, yang barangkali boleh lebih sempurna dan lebih derasnya menghasilkan tujuan-tujuan UMNO itu, adakah perbuatan saya itu, perbuatan seorang yang menderhaka?

UMNO ini ialah sebuah pertubuhan kebangsaan Melayu, iaitu sebuah pertubuhan orang-orang Melayu. Bolehkah dengan sebenar-benarnya kita katakan UMNO ini pertubuhan kebangsaan orang-orang di Malaya? Saya tahu, saya mengerti, iaitu apakala saya sebutkan demikian itu wakil-wakil sekalian tidak menerima fikiran saya itu tetapi biarlah kita memandang kepada keadaan yang ada di Tanah Melayu ini dengan menggunakan cermin yang boleh nampakkan barang-barang yang benar ada, dan bukannya cermin yang nampakkan impian-impian barang-barang yang lazat-lazat di masa-masa yang telah sudah.

Biarlah kita sedar, iaitu hal dan keadaan di Tanah Melayu ini telah berubah. Fikiran orang Melayu sendiri telah berubah. Biarlah kita sedar, iaitu di Tanah Melayu ini ada orang-orang yang bukannya keturunan orang-orang Melayu, tetapi yang kasih dan sayang kepada Tanah Melayu – barangkali lebih – daripada setengah-setengah orang Melayu sendiri. Biarlah kita sedar, iaitu orang-orang Melayu sendiri telah menuntut supaya dijalankan kemerdekaan dengan secara demokrasi dan berkehendak suatu cara pemerintahan yang berdasarkan di atas demokrasi; dan biarlah kita sedar, iaitu sesuatu pemerintahan atau sesebuah negeri yang berdasarkan di atas demokrasi itu tidak boleh hendak memelihara hak-hak negeri itu bagi kepunyaan satu pihak sahaja rakyatnya.

Barang siapa yang telah mengambil berat menyiasat akan hal-hal dan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam negeri ini, barang siapa ada menyiasat hak-hak itu, janganlah seseorang itu berkehendak memperdayakan dirinya dengan berfikir, iaitu tujuan UMNO yang kedua itu akan tercapai dengan sebab kuatkuasa satu kaum sahaja ataupun satu pecahan daripada kaum itu melainkan kemerdekaan itu akan tercapai setelah didapatkan persatuan di antara penduduk-penduduk yang ada di Tanah Melayu ini yang sanggup menumpahkan segala taat setianya kepada negeri ini.

Semalam saya telah berkata, iaitu peta yang dipandang oleh kita sekalian ialah peta Tanah Melayu, sekadarkan perbezaan di antara peta yang dinampak oleh kebanyakan orang-orang di Tanah Melayu ini, barangkali ada berlainan sedikit atau seanyaknya daripada peta yang terbentang di hadapan mata saya sendiri oleh kerana saya mempunyai beberapa peluang dapat melihat sesuatu gerak langkah, sesuatu perbuatan atau cadangan yang hendak dijalankan di Tanah Melayu ini: langkah-langkah dan perbuatan yang mendatangkan kebimbangan kepada diri saya sendiri.

Peluang itu bukannya saya dapati dengan sebab ada kelebihan ilmu saya, ataupun dengan sebab saya ada kelulusan daripada universiti di mana-mana pun. Saya ini sekadar murid daripada sekolah atap sahaja. Saya bukan ada mempunyai kepandaian yang terbit daripada ilmu yang

seumpama itu melainkan saya dapat peluang itu oleh kerana dapat melihat di tempat-tempat yang tidak dapat dimasuki oleh kebanyakan orang melihat gerak langkah dan cadangan-cadangan yang hendak didatangkan ke atas Tanah Melayu ini.

Malangnya mulut saya tertutup – malang, saya berkata – mulut saya ini tertutup tidak dapat menzahirkan kepada umat Melayu di Semenanjung ini apa yang diketahui oleh saya dalam masa menyempurnakan pekerjaan-pekerjaan dan tanggungan-tanggungan saya itu. Oleh kerana sekiranya dapat saya menzahirkan, saya percaya tiap-tiap seorang akan bersama-sama dengan saya berdiri menuntut kemerdekaan Malaya itu.

Inilah sebabnya maka saya telah terfikir dengan sehabis-habisnya, iaitu sekiranya Tanah Melayu ini berkehendakkan menyaingi negeri-negeri yang berjiran dengannya seumpama Indonesia di sebelah selatan, Burma di sebelah utara, Filipina di sebelah timur, Ceylon (Sri Lanka), India dan lain-lain di sebelah barat, sekiranya tanah Melayu ini berkehendakkan menyaingi negeri-negeri yang telah bebas itu, maka hanyalah satu jalan sahaja yang terbuka kepada pandangan saya, iaitu menuntut kemerdekaan itu dengan beramai-ramai, satu kaum dengan satu kaum menyokong dan bekerja sama. Lain jalan tidak ada.

Saya juga telah berkata semalam, sokong yang diharap, sokong itu membawa rebah, pagar yang diharap, pagar itu memakan padi. Perkataan itu saya tidak akan mengubahnya.

UMNO sebagai suatu pertubuhan Melayu, semoleknya berjalan selagi ada pertubuhan-pertubuhan yang berkaum-kaum di Tanah Melayu ini, menjaga di atas faedah-faedah yang menepati kepada kaumnya itu, akan tetapi saya berharap atas perkara yang bersangkutan paut dengan kebangsaan negeri – bukan makna kebangsaan itu diambil daripada baka – iaitu kepada negeri.

Sekiranya UMNO ini sebenarnya bertujuan dan berkehendakkan mendirikan negara merdeka di dalam Malaya ini, maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangannya itu kepada pandangan yang sempit semata-mata, iaitu hidup hanyalah di bawah tempurungnya sendiri dengan tidak menghiraukan iaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelahnya.

Dengan ucapan ini maka saya tamatkan pekerjaan saya, dan saya menyerahkan tanggungan saya yang saya sertakan dengan ucap selamat kepada tiap-tiap seorang wakil, kepada Bahagian-bahagian dan Caawangan-cawangannya.

Oleh kerana dengan sebab keyakinan hati saya sendiri dengan sebab saya kuat berpegang kepada tujuan yang dikehendakkan oleh UMNO itu

maka saya percaya dengan gerak langkah yang saya tujukan ini, UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya itu akan bertemu setelah kita mencapai kemerdekaan Malaya itu.

# I n d e k s

- Abid 61, 109, 112  
Abidin 61, 109, 112  
Adnan bin Haji Othman 152  
Ahmad Sulaiman 144  
Alexander Newbould 146  
AMCJA 202  
Anwar bin Haji Abdul Malik 92, 139  
Askar Timbalan Setia Negeri 75  
Association of British Malaya 163
- Barisan Sosialis 200  
Bintang Tiga 119, 121, 125-26
- C.M. Yusuf 259  
Che Long 173  
Chiang Kai Shek 115
- Datin Halimah 60-68, 104-106  
Dato Abdul Rahman Muhammad  
    Yasin 91, 101, 139, 144  
Dato Abdul Rahman Musa 130  
Dato' Abu Bakar Buang 77  
Dato Haji Hassan Yunus 144  
Dato Haji Mohamed Noah 139  
Dato Ja'afar bin Haji Muhammad  
    34, 173  
Dato Kamaruddin Haji Idris 147  
Dato' Onn  
    adik-beradik 34  
    akhlak 56-60  
    anak emas penjajah 44  
    ayahnya 34  
    berkahwin 60-68  
    dan British 236-39  
    dengan Sultan Kedah 36  
    dibuang kerja 38  
    di Hutan Kempas 98-114  
    di San Francisco 40, 83, 85  
    di *Warta Malaya* 56  
    gelaran Sir 58, 248  
    ibu 18  
    jawatan pertama 37  
    keluarga 34  
    Ketua Kawalan Negeri Johor 41  
    Ketua Pejabat Kawalan  
        Makanan 41  
    lahir 34, 173  
    Majlis Mesyuarat Kerajaan  
        Johor 40  
    meninggal dunia 34, 257  
    menjadi penulis 39  
    Menteri Besar 35, 41  
    Menteri Hal Ehwal Dalam  
        Negeri 42, 94, 248  
    menubuhkan Parti Negara 248  
    Pegawai Daerah 120-25  
    Pengerusi RIDA 42, 226, 248, 261  
    Presiden Republik Malaya 247  
    Seorang nasionalis 50-53  
    Setiausaha Sulit Tunku  
        Mahkota 40  
    watak 45-48  
    Yang diPertua UMNO 42
- Dato Panglima Bukit Gantang 94,  
    150, 206  
Dato Penghulu Paiman 97  
Dato Shamsuddin Naim 94  
Dato Suleiman Abdul Rahman 43-44  
Dato Syed Abdul Kadir 93, 139  
Dato Syed Esa Alwi 96-97  
Dr. Awang bin Hassan 91, 104, 114,  
    144  
Dr. Burhanuddin Al-Helmi 146, 254-  
    55, 259
- Edward Gent 31, 146  
Embong Yahya 129

- Gharieb Onn 61
- Hawa 61  
H.S. Lee 184  
Haji Abdul Wahab 94  
Haji Abdullah Haji Talib 139  
Haji Hassan Yunus 144  
Hamid Fadzil 129  
Hatta 255  
Hussein Nordin, Dato 259  
Hussein Onn 61, 66, 68
- Ibrahim Haji Yaakob 255  
IMP 97, 248  
Indonesia Raya 251  
Ismail bin Dato Abdullah 116, 123
- Ja'afar Onn 61  
James Michener 236, 255-56  
Jeneral H.R. Hone 163  
Johor Military Forces 175  
Jus Sanguinis 220-24  
Jus Soli 217, 220-24
- Kempas 98-114  
Kesatuan Melayu Johor 145  
Kesatuan Melayu Selangor 145  
Kesatuan Penuntut Melayu 144  
Ketua Persatuan Cina Seberang Laut 192  
Kiai Salleh 117, 121, 127-33  
KMM (Kesatuan Melayu Muda) 228  
Kongres Kebangsaan 143  
Kongres Kebangsaan Melayu 141, 166  
Kongres Melayu se-Tanah Melayu 251  
Kosai Haji Muhammad Salleh 144
- Lee Hau Shek 249  
*Lembaga* 39, 62  
*Lembaga Malaya* 39-40, 56-57, 68  
Leong Yew Koh 184
- MacIntyre 96  
MacMichael 239
- Malayan Union 32-33, 155, 162, 166, 240, 246  
Malcolm MacDonald 50, 146, 240, 250  
Maphilindo 254-56  
MARA 234  
MCA 193-94, 250  
Melayu Raya 250, 252  
MIC 194-95  
MNP 201  
Muhamad Yunus Hamidi 144  
Mustafa Albakri 94
- Narayanan 258  
Negeri-negeri Melayu Bersekutu 229  
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu 229  
Nel Onn 61  
Nurziah Onn 61
- Oliver Lyttleton 233  
Onn Ja'afar  
*lihat* Dato' Onn  
Ooi Thiam Siew 258
- Pak Buang 106  
Parti Kebangsaan Melayu 146  
Parti Kebangsaan Melayu Perak 251, 253  
Parti Komunis Malaya 250  
Parti Negara 43-44, 96, 199, 207, 248  
PAS (Parti Islam se-Tanah Melayu) 195-96  
Penghulu Salleh 122  
Perikatan 44, 96  
Peristiwa Bagan 125  
Perjanjian MacMicheal 95, 138, 143  
Perjanjian Malayan Union 166  
Persatuan Kebangsaan Melayu se-Malaya 146  
Persatuan Melayu Selangor 144  
Persekutuan Tanah Melayu 246  
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu 251



- Pilihan raya 1955 43, 248  
 PPP 198  
 PUTERA 203  
 PUTRA-AMCJA 204
- Richard Sydney 76, 78  
 RIDA 261, 226  
 Rokiah 61
- Safiah Sulaiman 144  
 Salehah 61  
 Samad Ismail 255-56  
 Seenivasagam 260  
 Sir Charles Lucas 170  
 Sir Charles Mitchell 170  
 Sir Edward Gent 31-33, 166  
 Sir Harold MacMicheal 38, 136, 140  
 Sir Samuel Wilson 31  
 Socialist Front 200  
 Suffian Haji Ali 94  
 Sukarno 255  
 Sulaiman Abdul Rahman 117, 144,  
 186  
 Sultan Abu Bakar 34, 228  
 Sultan Badlishah 36, 89, 92  
 Sultan Hishamuddin Alam Shah 149  
 Sultan Ibrahim 228  
*Sunday Mirror* 76, 78-79  
 Suruhanjaya Reed 94-95  
 Syed Ali 34  
 Syed Alwee Al-Hadi 139  
 Syed Hussain Ali Alsagof 39  
 Syed Hussein Alatas 34  
 Syed Muhammad Idrus 139  
 Syed Naquib Alatas 34
- Tahir Onn 61  
 Tan Cheng Lock 146, 163, 184, 219,  
 249  
 Tan Siew Sin, Tun 249, 259  
 Tan Sri Sardon 254-55  
 Tangkal Monyet 102-104  
 Tengku Alam Shah 134  
 Theodore Adams 245  
 Thuraisingam 249  
 Treaty MacMicheal 91  
 Tun Abdul Razak 224  
 Tun Dr. Ismail 43, 224  
 Tun Lee How Sek 43  
 Tunku Abdul Rahman Putera Al-  
 Haj 36, 43, 90, 219, 249, 257-58  
 Tunku Abu Bakar 144  
 Tunku Ahmad 144  
 Tunku Aris Bendahara 85  
 Tunku Ibrahim 34  
 Tunku Ismail 144  
 Tunku Temenggong Ahmad 77
- UMNO 190-193  
 U.M.O. 25  
 Ungku Abdul Aziz 34, 87  
 Ungku Abdullah Omar 139  
 Ungku Aziz 101, 106  
 Ungku Mohsein 215  
*Utusan Melayu* 140
- Warta Malaya* 39, 56-57  
 Wong She Fun, Dato' 84
- Yong Shook Lin 184
- Zainal Abidin bin Ahmad 146, 149  
 Za'aba 146